

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

<b>Bil. 48</b>	<b>Isnin</b>	<b>2 Disember 2013</b>
----------------	--------------	------------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2014

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

B.45	(Halaman 27)
B.46	(Halaman 52)
B.47	(Halaman 99)
B.48	(Halaman 151)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 25)

Usul Anggaran Pembangunan 2014

**Jawatankuasa:-**

P.45	(Halaman 27)
P.46	(Halaman 52)
P.47	(Halaman 99)
P.48	(Halaman 151)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 2 Disember 2013**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** minta Perdana Menteri menyatakan dapatkah kementerian mempertimbangkan untuk melaksanakan pembinaan projek-projek perumahan seperti Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di bandar-bandar kecil seperti Limbang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi dan Datuk Setiausaha Parlimen. Setakat ini fokus perumahan PR1MA lebih tertumpu untuk membantu golongan yang berpendapatan sederhana di kawasan-kawasan bandar dan pinggir bandar yang mengalami kesempitan untuk memiliki rumah. Harga rumah di bandar-bandar besar adalah melebihi kemampuan mereka untuk membayar ansuran bulanan. Untuk memohon rumah kos rendah pula mereka tidak layak. Sebagai permulaan kerajaan mengambil langkah dengan memfokuskan pembangunan PR1MA di kawasan bandar dan pinggir bandar-bandar besar dahulu.

Di negeri Sarawak, PR1MA menyasarkan pembangunan dilaksanakan di Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri. PR1MA telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan kerajaan negeri melalui kementerian yang berkaitan ke arah mencapai kata sepakat dalam membangunkan perumahan PR1MA di negeri Sarawak. Selain daripada itu, PR1MA juga turut bekerjasama dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) untuk mengenal pasti projek-projek yang boleh dilaksanakan secara kerjasama dengan PR1MA. Namun PR1MA tiada halangan untuk membina rumah-rumah PR1MA di Limbang sekiranya terdapat permintaan yang tinggi di kawasan-kawasan tersebut.

Saya juga ingin memaklumkan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa PR1MA boleh dipohon oleh orang muda yang belum berkahwin dan kita boleh membina pangsapuri satu bilik, pangsapuri 1+1, pangsapuri 2+1, pangsapuri 3+1 ataupun rumah kediaman tanah empat bilik. Jadi

kehadiran PR1MA akan memberi keringanan kepada orang-orang di bandar ataupun di kawasan-kawasan bandar kecil yang ada permintaan yang tinggi. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi bukan apa, sekarang ini tentang apa nama, memang rakyat maklum tentang tujuan kerajaan di bandar-bandar raya atau bandar-bandar besar. Namun sekarang ini ialah dengan semangat 1Malaysia dan sebagainya ini, permintaan itu juga dipohon oleh rakyat kita yang berkemampuan, sederhana di pekan-pekan kecil. Akan tetapi dengan memahami bahawa memanglah mengikut kepadatan penduduk, memanglah tidak banyak yang memerlukan itu, mungkin tidaklah sampai ribu ataupun ratus. Mungkin berpuluh buah. Jadi sekurang-kurangnya pengagihan itu nampak sama seluruh negara. Baik di bandar raya mahu pun di pekan-pekan sederhana atau pekan kecil.

Jadi berapakah jumlah minima yang boleh dibuat sekiranya khusus untuk pekan-pekan kecil dengan konsep yang berbeza daripada yang konsep untuk di bandar-bandar besar ini? Berapa jumlah minima untuk sekiranya dapat dibuat di pekan-pekan kecil dengan konsep yang berbeza memandangkan jumlah penduduk dan juga kepadatan dan juga harga ini. Kita sedar macam di Limbang kalau harga RM100 ribu, mungkin di Limbang dalam 130 buah memandangkan masalah logistik. Itu saja. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Rumah kita ini boleh didasarkan kepada RM150 ribu, RM200 ribu, RM300 ribu dan juga RM400 ribu. Akan tetapi tujuan besar kerajaan memperkenalkan PR1MA ini ialah untuk juga memperkenalkan komuniti di mana di situ ada segala kemudahan kedai dan juga kemudahan-kemudahan seperti yang telah dipamerkan oleh pemaju-pemaju sekiranya kita hendak beli sesuatu rumah ataupun unit di mana-mana *apartment*.

Akan tetapi yang paling penting di sini ialah pendekatan kerajaan memperkenalkan komuniti. Jadi oleh kerana memperkenalkan komuniti, bermakna satu masyarakat yang duduk di situ, duduk dalam satu kawasan perumahan PR1MA, dalam pendekatan yang saya sebutkan tadi, maka jumlah yang dipohon yang minima itu tidak dapat kita tentukan sekarang. Akan tetapi biarlah dalam angka yang mampu untuk kita tampung pemikiran komuniti tadi iaitu di mana rakyat bukan saja diberi rumah tapi mereka diberi masyarakat untuk bersama. Pendekatan begini telah banyak kali dicuba tetapi inilah pendekatan mungkin ada yang berjaya dan tidak berjaya. Akan tetapi kita akan cuba terus supaya komuniti yang dibentuk melalui PR1MA ini kita akan dapat masyarakat 1Malaysia yang menjadi idaman bersama sebab kadang-kadang masyarakat ini boleh berpecah kerana politik, kerana bendera berbeza dan sebagainya.

Biarlah kehadiran mereka dalam PR1MA ini, suatu tempat yang boleh menjamin masa depan yang baik. Sebab rumah PR1MA ini kita bagi dan kita ada moratorium 10 tahun. Dia tidak boleh jual beli.

#### ■1010

Akan tetapi bila dia hendak jual nanti, dia sudah boleh menjual rumah di dalam keuntungan 10 tahun ke hadapan. Lanya merupakan pelaburan, ia merupakan kehadiran mereka dalam satu masyarakat yang lega, yang selesa sama seperti masyarakat yang lain. Kita tak mahu kalau

macam sekarang ini rumah murah pun, kalau kita perkenalkan rumah murah, kita sebut perkataan rumah murah dengan tanah kosong dengan tidak ada kemudahan.

Jadi rumah yang murah makin bertambah murah. Itu bukan cara pendekatan yang baik. Pendekatan yang baik ialah bagaimana rumah murah itu diiringi dengan satu pendekatan komuniti yang bererti dia ada segala kemudahan walaupun rumah yang diperkenalkan adalah rumah murah. Sebab rumah murah pun sekarang sudah tak jadi murah, sudah jadi mahal.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya, di kawasan Lanang atau di Sibu, berapa unit projek PR1MA ini telah dicadangkan dan akan terbina? Setakat ini bagaimana dengan permohonannya dan berapa unit yang telah dicadangkan? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk berapa unit, saya boleh bagi jawapan bertulis. Seperti yang saya sebutkan tadi, saya akan bagi jawapan bertulis jumlah unit yang kita akan bina. Akan tetapi kita kena ingat, sekarang ini proses perundingan itu berjalan terus. Walaupun rakyat dimaklumkan bahawa kerajaan akan membuat PR1MA, tetapi kita kena ingat PR1MA ini adalah baru. Baru bulan April tahun ini *take-off* dan ada satu projek yang sudah pun berjalan dan mula pembangunan dibuat iaitu di Wilayah Persekutuan di Alam Damai, Cheras.

Hak yang lain, perundingan, perancangan dan tentang tempat Yang Berhormat sebutkan tadi memang ada dalam perancangan. Akan tetapi kalau sekiranya ada di kalangan kita tanah ataupun ada pemaju yang ingin bekerjasama dengan PR1MA, kita alu-alukan. Saya tidak dapat bagi tahu berapa sebab berapa ini mungkin akan meningkat sebab permintaan rumah di sini, di tempat Yang Berhormat sebutkan tadi adalah permintaannya tinggi dan dengan itu saya tak boleh cakap dengan sepenuhnya berapa tetapi saya akan bagi jawapan bertulis.

Akhir sekali saya hendak sebut tentang PR1MA ini adalah satu bentuk perumahan yang mampu dimiliki oleh orang-orang yang berpendapatan di antara RM2,500 sehinggalah RM7,500. Kita berdoa, sebab PR1MA ini baru. Semoga ia mencapai kejayaan dan semua pihak bagi sokongan sebab bila kita masuk untuk kita bagi rumah nanti, kita dasarkan kepada permohonan terbuka.

Sekarang ini permohonan *online* sudah mencapai 30,000. Kita *target* tahun ini ialah 80,000, kita kena selesaikan perancangan dan mula kerja itu mesti dibuat sekurang-kurangnya awal tahun depan sebab tahun depan kita sudah diberi peruntukan untuk membina lagi 80,000 unit. Jadi kita betul-betul mengejar masa dan kita perlukan sokongan semua pihak. Jangan ada mana-mana pihak yang cuba mempertikaikannya. Sebaliknya, berilah cadangan-cadangan membina, kita cukup terbuka. Terima kasih.

2. **Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian mempunyai cadangan untuk membangunkan industri akuakultur untuk ternakan ikan perhiasan memandangkan daerah Raub mempunyai sumber untuk menyokong industri ini. Raub ada bekalan air sungai yang berkualiti dan permukaan bumi yang baik dan terdapat juga ikan perhiasan seperti arowana dan kelah:-

- (a) adakah terdapat usaha membantu penanam durian mutu tinggi memasarkan hasil mereka ke negara China; dan
- (b) adakah pihak kementerian sedar mengenai rungutan usahawan industri asas tani mengenai penyampaian bantuan khidmat dan kemudahan yang disekat-sekat dan adakah beliau sedar terdapat pegawai pertanian yang menggunakan kedudukan menyekat penyampaian bantuan Kerajaan yang banyak itu.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 2, saya mahu tahu peraturan apa yang boleh bertanya empat - 90 lebih perkataan dalam satu soalan. Yang kita tahu 40, kalau dibenarkan lain kali, kalau orang buat 100, 200 perkataan, apa macam?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak payah Yang Berhormat, kita akan diambil perhatian untuk masa depan ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Raub yang telah bertanyakan sama ada kerajaan atau kementerian bercadang untuk membangunkan industri akuakultur untuk ternakan ikan hiasan dan juga berkenaan dengan pengeksporan durian ke negeri China seterusnya bahagian terakhir soalan beliau, adanya diskriminasi dari segi ataupun tuduhan adanya diskriminasi berhubung dengan bantuan kepada usahawan industri asas tani.

Bagi menjawab bahagian pertama, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan sentiasa menggalakkan penyertaan baru pengusaha ikan hiasan di Raub dan juga perusahaan akuakultur di Raub dan kita membantu dalam bentuk untuk memberikan kursus-kursus penternakan. Kalau untuk ternakan ikan hiasan, ada kursus-kursus yang dikendalikan untuk memberikan pengetahuan dan juga kemahiran kepada pengusaha-pengusaha.

Selain daripada itu, ada khidmat nasihat yang diberikan untuk memandu ataupun membimbing usahawan bagi memilih tanah-tanah ataupun tapak yang sesuai untuk diusahakan perusahaan ikan hiasan dan juga ternakan ikan air tawar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengeksporan durian ke negara China, kementerian membantu penanaman durian di seluruh negara bagi memasarkan durian sama ada bukan sahaja untuk negara China tetapi juga kepada negeri-negeri yang lain. Usaha bagi tujuan tersebut telah membantu penanaman durian yang bermutu kerana permintaan eksport ini ia

berkehendakkan kepada durian yang berkualiti tinggi. Jadi, dengan sebab itu kita menggalakkan penanaman durian dari klon D24 dan juga D197 yang terkenal sebagai Mousang King, bukan musang ya? Jangan silap. Musang itu lain. Jadi, durian yang berkualiti jenis ini mempunyai pasaran yang sangat baik di negara China, di Singapura dan juga di beberapa buah negara yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pengeksportan durian ke negara China khususnya, usaha telah dijalankan bagi mendapatkan laluan pasaran daripada Administration of Quality Supervision Inspection and Quarantine China ataupun ringkasnya (AQSIQ). Hal ehwal pasaran telah pun diperolehi pada Mei 2011 yang lalu. Maknanya kita hendak eksport kena mendapat kelulusan daripada AQSIQ.

Sehingga kini terdapat enam buah *facility* memproses durian sejuk beku yang telah diluluskan oleh pihak AQSIQ. Hanya produk sejuk beku dari *facility* ini sahaja dibenarkan untuk dieksport ke negara China. Walau bagaimanapun, *facility* baru boleh memohon dengan Jabatan Pertanian untuk diakreditasi oleh AQSIQ jika mengeksport durian beku ke negara China. Tak boleh main eksport begitu sahaja kalau tidak mendapat kelulusan daripada *facility* yang telah pun mendapat *accreditation*, dengan izin daripada negara China.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian terakhir adalah berkenaan dengan tuduhan Yang Berhormat bahawa adanya pegawai kerajaan yang menyekat bantuan kepada usahawan tani.

▪ **1020**

Jadi ini saya dimaklumkan, kita tidak ada mendapat apa-apa aduan ataupun *complaint* berhubung dengan perkara ini. Kalau Yang Berhormat ada kes-kes tertentu, sila kemukakan dan kita boleh mengkaji dan melihat perkara itu. Akan tetapi suka saya menegaskan di sini, dari segi dasar kerajaan, kita tidak ada pilih kasih. Kita beri bantuan kepada semua pengusaha yang memerlukan bantuan tetapi yang menjadi perkara kita merasa kesal iaitu adanya pihak pembangkang yang menghasut orang ramai supaya ambil apa juga yang boleh diberikan kepada rakyat oleh kerajaan tetapi tidak perlu bersyukur. Ini ajaran yang tidak perlu berterima kasih dan tidak perlu bersyukur. Ini ajaran yang tidak baik, dari segi agama kita pun tidak mengajar begitu. Juga kita sebagai orang timur dan orang Melayu khususnya, orang lain pun begitu, tidak mengajar begitu. Itu ajaran yang tidak baik.

Bagi pihak kerajaan, kita hendak membantu semua rakyat. Mudah-mudahan rakyat menyedari apa yang kerajaan buat yang baik dan dengan rela hati rakyat dapat membalas balik dengan menyokong kerajaan, alhamdulillah. Akan tetapi kalau tidak menyokong, itu pilihan mereka. Namun perlu saya tegaskan di sini bahawa adalah menjadi perkara yang sepatutnya berlaku iaitu kita mengucapkan terima kasih dan bersyukur atas nikmat yang kita peroleh. Ini perlu kita ajar kepada orang ramai. Jangan ajar perkara yang tidak elok begitu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Bahagian (b) itu, saya tidak menyebut diskriminasi. Usahawan dan pengusaha serta penanam di Raub ini semua berterima kasih kepada kerajaan dan memperakui bahawa banyak perkhidmatan dan bantuan yang dihulurkan oleh

kerajaan kepada mereka. Akan tetapi yang saya sebut dalam bahagian (b) itu ialah apabila penyampaian dibuat pada pertengahan jalan. Maka ada pegawai-pegawai yang menyekat dan mendesak dan menuntut imbuhan-imbuhan daripada usahawan-usahawan tersebut.

Tidak ada persoalan diskriminasi. Semua berterima kasih tetapi yang saya sebut ini bukan tuduhan. Saya hanya menyampaikan rungutan daripada pengusaha-pengusaha. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itu tidak ada soalan nampaknya. Hendak jawab juga? Tidak payahlah itu bukan soalan tetapi untuk makluman. Kita ambil maklum tetapi sebagai *respond* sedikitlah tetapi bukan jawapan. Saya rasa kalau ada begitu, itu betul, seolah-olah Yang Berhormat menuduh ada unsur rasuah. Minta sesuatu daripada pengusaha. Kalau ada kes yang macam itu, bawa dan buat laporan kepada pihak yang berwajib. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bahagian pertanian ini, rakyat kita di luar bandar memang sangat-sangat memerlukan bantuan kerajaan. Apa yang saya hendak sarankan di sini dan bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah bolehkah M3P itu di bawah FAMA diberikan peruntukan yang begitu luas untuk kita membantu apa juga petani-petani kecil ini di luar bandar untuk kita mendapatkan semua hasil itu di bawa kepada FAMA dan FAMA memberi bantuan supaya dapat hasil-hasil ini dipasarkan ke bandar-bandar besar kerana kita di luar bandar hanya boleh menjual hasil-hasil kita di tepi-tepi jalan sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi peruntukan yang lebih kepada FAMA? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, soalan asal di Raub, Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Soalan asal di Raub tetapi sebagai tidak menghampakan Yang Berhormat Sibuti, saya jawab sedikit dengan ringkas sahaja. Memang FAMA mempunyai banyak program untuk memberikan akses kepada hasil pertanian luar bandar kepada pasaran melalui pasar tani, pasar komuniti, pasar nelayan dan berbagai-bagai. Peruntukan telah ditambah untuk FAMA khususnya Yang Berhormat telah mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan bajet di mana beliau telah memberikan satu peruntukan yang bertambah lagi dan *special mention* dengan izin berkenaan dengan FAMA dengan tujuan untuk FAMA memainkan peranan yang lebih besar lagi untuk membantu petani-petani di dalam pemasaran hasil produk pertanian mereka. Sekian, terima kasih.

**3. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan status Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional yang sedang dikemaskinikan dan dimaklumkan akan dibentangkan kepada Kabinet pada akhir suku ketiga tahun 2013 seperti jawapan yang dikemukakan di sesi Parlimen pada bulan Jun 2013.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima

kasih kepada Yang Berhormat Masjid Tanah di atas soalan berkaitan dengan pelan tindakan nasional mengenai kecekapan tenaga. Sukalah saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa draf laporan akhir Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional atau *National Energy Efficiency Action Plan* (NEEAP) sebenarnya masih lagi sedang dikemas kini di peringkat kementerian. Ada banyak lagi input yang hendak dibawa masuk dalam NEEAP ini. Jadi draf ini akan dimuktamadkan dalam sedikit masa lagi dan apabila dimuktamadkan, ia akan dimuat turun di laman sesawang KeTTHA bagi mendapat ulasan dan pandangan daripada *stakeholders* selama 30 hari.

Selepas tempoh itu, draf NEEAP bersama ulasan dan pandangan *stakeholders* akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) sebelum dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri. Dalam jawapan yang diberi pada sesi yang lalu, menyatakan bahawa di akhir tahun 2013 ini akan dibentangkan di Kabinet. Jadi oleh kerana ada banyak lagi perkara yang belum dikemas kini di peringkat kementerian, maka perkara ini belum dibawa ke Kabinet. Terima kasih.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Bolehkah berkongsi dengan kami semua bagaimanakah pelaksanaan NEEAP ini akan dapat membantu rakyat dan sektor-sektor perniagaan seperti perkilangan dan juga bangunan komersial untuk menangani kesan-kesan kenaikan kos tenaga yang disebabkan oleh pengurangan subsidi secara berperingkat oleh kerajaan dalam sektor tenaga dan apakah agensi yang terlibat untuk memantau, melaksanakan dan juga melaporkan status NEEAP ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memantau ataupun mengendalikan NEEAP ini adalah SEDA. SEDA adalah sebuah agensi yang diletakkan di KeTTHA. Bercakap mengenai Pelan Tindakan Nasional Kecekapan Tenaga ataupun NEEAP ini adalah merupakan satu pelan tindakan peringkat nasional yang kita sebut bagaimana dapat memberi kecekapan kepada tenaga dan boleh mengurangkan jumlah tenaga yang kita gunakan.

Dalam komponen yang kita atur bagi NEEAP ini adalah tiga program.

#### ■1030

Pertamanya adalah di bawah industri. Keduanya di bawah bangunan ataupun *building* dan yang ketiganya adalah equipment atau peralatan dan penggunaan. Contohnya dalam industri, kita ada dipanggil *energy audit*. *Energy audit* ini kita boleh beri peluang kepada syarikat ataupun dalam bidang industri untuk menentukannya nanti syarikat yang boleh memberi audit kepada penggunaan bekalan elektrik.

Keduanya dalam industri juga disebut sebagai dengan izin, *best practice guideline* dan juga yang ketiganya adalah yang berkaitan dengan *awareness* dan *promotion*. Bagi bangunan, bangunan ada *building code* yang dikenali sebagai MS1525 dan juga satu lagi adalah *energy performance contract* ataupun EPC.

Ketiganya *equipment* atau peralatan. Salah satu yang diletakkan dalam peralatan ini adalah *labeling* yang dipanggil *star rating* dan juga *minimum energy performance standard* atau MEPS.



Inilah tiga bidang yang kalau disediakan nanti akan memberi kesan yang baik kepada bekalan elektrik ataupun kecekapan penggunaan bekalan elektrik dalam negara secara keseluruhannya. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Minggu lepas Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mengumumkan bahawa mungkin ada kenaikan tarif di antara 10% sehingga 20%. Pagi tadi apabila saya mendengar berita, berita pun kata mungkin akan diumumkan hari ini atau masa yang terdekat.

Saya hendak minta jawapan dari Yang Berhormat Menteri. Adakah itu benar bahawa tenaga elektrik akan dinaikkan? Bagaimana keadaannya jika elektrik dinaikkan semua rakyat akan terjejas sebab kalau harga elektrik naik, semua harga barang juga akan naik. Ini sebab di kedai kopi pun pakai elektrik dan di mana-mana juga dia menggunakan elektrik. Jadi saya hendak tanya, apakah cara kerajaan untuk membantu rakyat yang termiskin untuk menangani masalah kenaikan tarif elektrik ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru sudah sebut tadi ada melihat kepada berita dan hari ini juga disebut mengenai dengan pengumuman. Jadi saya kira bahawa untuk kerajaan menaikkan bekalan elektrik atau apa juga keputusan kerajaan buat, ia telah mengambil semua perkiraan sama ada golongan yang miskin, golongan yang berpendapatan rendah, golongan pertengahan dan sebagainya. Jadi saya kira bahawa...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, adakah tarif elektrik akan naik hari ini atau masa yang terdekat? Bila?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Jadi soalnya kalau Yang Berhormat Bayan Baru saya boleh jawabkan bahawa kita tungguah pengumuman yang akan dibuat oleh kerajaan. Terima kasih.

**4. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan Malaysia mengikut Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perceptions Index*)

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *Corruption Perceptions Index (CPI)* merupakan indeks yang dikeluarkan oleh *Transparency International* berkaitan persepsi rasuah di sesebuah negara. *Transparency International* merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang berpangkalan di Berlin, Jerman dan telah beroperasi sejak tahun 1995. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, indeks ini merujuk kepada persepsi tahap rasuah di mana kedudukan sesebuah negara akan disenaraikan mengikut skor yang diperolehi dan bukan mengenai realiti sebenar tahap rasuah di negara terbabit.

CPI dikeluarkan berdasarkan pengumpulan kajian-kajian oleh pelbagai badan bukan kerajaan termasuk perkara-perkara berkaitan integriti, transparensi, pematuhan undang-undang, kebebasan media, tahap daya saing, risiko pelaburan, tabir urus kerajaan serta mengambil kira Laporan Bank Dunia dan Laporan Forum Ekonomi Dunia, dengan izin, *World Economic Forum*. Terbaru, soal selidik juga mengambil kira perkara berkaitan aktiviti ahli-ahli perniagaan negara berkaitan ketika menjalankan pelaburan di luar negara mereka dengan memberi penekanan kepada elemen rasuah ini. Ia dijalankan oleh *Transparency International* di bawah dengan izin, *Bribe Payers Index*. Berdasarkan Indeks Persepsi Rasuah yang dikeluarkan oleh *Transparency International* pada tahun 2012, Malaysia berada di tangga ke-54 daripada 176 buah negara dengan skor pada tahap 4.9% berbanding pada kedudukan ke-60 dari 183 negara pada tahun 2011 dengan skor 4.3%.

Berbalik kepada soalan Ahli Yang Berhormat tadi, kedudukan *Corruption Perceptions Index* bagi tahun 2013 hanya akan dikeluarkan pada jam 12.30 tengah hari esok, 3 Disember 2013. Kita mengharapka ia bakal menunjukkan jumlah skor yang lebih baik, *insya-Allah*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang amat baik itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa gejala rasuah ini sebenarnya satu fenomena yang melibatkan semua lapisan masyarakat atau ia ada kaitan dengan hampir semua jenayah. Kalau kita sebut dadah, senjata api dan akhir-akhir ini pemerdagangan manusia juga dikaitkan dengan rasuah. Nampaknya rasuah ini boleh kita anggap sebagai dengan izin, *mother of all kind*.

Jadi persoalan saya adakah kerajaan ingin mencanangkan bahawa rasuah ini adalah musuh nombor satu negara bukan lagi dadah. Seterusnya, kita tahu bahawa sekarang ini pelaku-pelaku rasuah ini semakin canggih. Mereka boleh mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang. Bila mereka melakukan sesuatu kesalahan rasuah, mereka dianggap *morally wrong but legally right*. Jadi persoalan saya adakah kerajaan bercadang untuk meminda bagi memperketatkan lagi Akta SPRM 2009 khususnya seksyen 23 yang berkaitan dengan salah guna kuasa oleh penjawat awam dan juga orang politik untuk mendapatkan tender, projek dan sebagainya. Juga seksyen 36 Akta SPRM 2009 yang melibatkan seseorang yang didapati mempunyai kekayaan yang melampau tetapi sukar untuk dibuktikan beliau melakukan kesalahan rasuah.

Ketiganya, adakah kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan Negara bagi menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah untuk menjadikan SPRM kita ini benar-benar bebas seperti mana SPR dan mereka boleh bertindak *without fear or favor*. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya seronok kaedah pertanyaan itu memang sangat dapat membantu kita meningkatkan usaha membanteras rasuah dan juga usaha untuk mengurangkan persepsi rasuah dalam negara. Kalau semua Ahli Yang Berhormat pembangkang seperti ini saya rasa banyak kerja kita boleh selesai awal. *[Tepuk]*

Seksyen 23 tentang kedudukan atau apa yang dipanggil selalunya *conflict of interest*. Sebenarnya seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kedah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun telah bersama-sama dengan inisiatif-inisiatif ini untuk memberitahu bahawa tidak membenarkan ahli keluarga ataupun kenalan yang rapat untuk berniaga di situ. Ini satu perkara yang disebut praktis di mana-mana pun seksyen 23 ini untuk dia mengumumkan ada kepentingan dalam satu-satu pemberian tender. Kerajaan sentiasa cuba untuk memperbaiki perkara ini dan kita mengharapkan maklum balas yang lebih banyak bagaimana kaedah-kaedah lain dapat kita laksanakan.

Berbanding dengan seksyen 36 dari segi mengumpul kekayaan luar biasa.

#### ■1040

Saya rasa Yang Berhormat juga akan mendapat maklumat-maklumat ini di dalam mesyuarat jawatankuasa nanti. Di mana kita lebih banyak menggunakan seksyen ini berbanding negara Hong Kong yang mempunyai suatu akta yang sebenarnya lebih baik daripada kita. Kalau tidak silap saya di Hong Kong dia ada seksyen 10 dimana boleh melakukan siasatan tersebut. Namun begitu, negara kita telah pun menggunakan seksyen ini jauh lebih banyak dan negara Hong Kong tidak pun menggunakan seksyen tersebut. Jadi pada saya maksudnya begini, ada seksyen tetapi tidak diguna pakai lebih baik yang kita ada 36 ini dan telah pun digunakan dalam membuat siasatan dan pendakwaan.

Ketiga mengenai suruhanjaya perkhidmatan rasuah, sebenarnya telah pun menjadi kemahuan kerajaan untuk membawa perkara ini, sedang dalam kajian dan ia memerlukan pindaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi dan kita mengharapkan kerjasama daripada semua untuk memberi sokongan 2/3 sebelum kita dapat menubuhkan sebuah suruhanjaya yang akan kelihatan lebih *transparent* kerana saya percaya yang ada sekarang ini pun sudah mampu untuk menjayakannya. Akan tetapi sebab masih ada lagi keraguan seolah-olah ada campur tangan kerajaan dalam pelantikan tersebut, maka satu hari nanti akan dibawa ke Dewan ini untuk kita pinda seksyen berkaitan bagi memberi keyakinan kita serius mengenai rasuah ini.

Jadi Yang Berhormat ada banyak lagi perkara tentang *morally right legally wrong* dan juga mengenai perkara-perkara berkaitan rasuah nombor satu ancaman kepada negara, untuk menggantikan rasuah dan sebagainya. Saya rasa ini adalah perkara yang boleh kita laksanakan berperingkat-peringkat. Cuma saya percaya promosi untuk usaha memerangi rasuah ini berada pada skala yang sangat tinggi, malahan kita turun ke bawah untuk memberi pendidikan dan dijadikan juga salah satu *syllabus* di sekolah dan universiti untuk kita mengajak generasi kita membenci pelakuan rasuah ini, terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. CPI ini adalah penarafan yang dibuat oleh badan antarabangsa dengan *compile* dan juga *survey* bagi mengukur persepsi rasuah di kalangan sektor swasta. Kalau pada tahun 2011, kita berada pada tangga 60 daripada 176. Tahun 2012, kita baik pada nombor 54 daripada 176. Bagaimanapun soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri,

apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan bagi memerangi rasuah selaras dengan NKRA kerana kita dapat lihat pada tahun 2008 kedudukan kita pada tahap 47 cukup baik betul supaya kita dapat mengangkat kedudukan kita ke tempat yang terbaik lagi supaya kita dapat memberikan keyakinan bukan sahaja kepada penduduk Malaysia, bahkan kepada pelabur-pelabur asing dan juga negara luar.

Seterusnya kalau kita hanya mengukur persepsi rasuah hanya ditumpukan kepada sektor awam, bagaimana sektor swasta? Sektor swasta ini pengukurannya adalah berdasarkan daripada *Bribe Payers Index (BPI)* kerana kita hendak tengok apakah sebenarnya tahap dan kedudukan daripada sektor swasta dan kita hendak lihat juga daripada siapakah pemberi dan penerima rasuah dan mengikut kaum? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Kota Bharu hebat rupanya, Yang Berhormat Jasin lagi hebat. Sama hebat tetapi ini lagi hebat. Banyak ulasan yang dibuat. Saya hendak bagi tahu perkara yang dinyatakan ini semua adalah boleh menyumbang kepada persepsi ini. Contoh, saya ambil ada negara yang tidak mahu berkongsi tentang perkara-perkara sebegini sebab ia juga boleh menyumbangkan kepada ranking tersebut. Ada juga ini saya sebut kerana CPI ini dia melihat kepada perkara-perkara yang kita laksanakan. Contoh, kenapa pada tahun 2008 umpamanya kita berada di kedudukan yang baik kerana maklumat tentang usaha itu tidak diperolehi oleh rakyat, tidak menjadi bahan perbualan. Akan tetapi selepas 2009 apabila kita wujudkan NKRA sehingga mengujudkan 14 buah mahkamah khusus tentang rasuah pun, perkara itu menyumbang kepada seolah-olah persepsinya rasuah itu boleh jadi banyak.

Pada hal itu adalah usaha kerajaan. Akan tetapi pada saya, rasuah ini tidak boleh kita ambil sebagai statistik di bawah EPU umpamanya. Apabila kita kata kadar pengangguran sekian jumlah, dia tetap. Rasuah dia ada perlakuan rasuah dan dia ada persepsi rasuah. Namun begitu saya percaya di bawah NKRA beberapa *pledge* yang kita wujudkan contoh *no gifts policy* yang dibuat oleh pelbagai agensi GLC kita di syarikat khususnya Petronas dan lain-lain GLC.

Ini menunjukkan bahawa keseriusan pihak peniaga dan pelabur menonjolkan *values* dari segi perniagaan dalam usaha untuk kita menolak sebarang usaha berkaitan rasuah ini juga boleh menyumbang dan kerajaan ada di bawah NKRA, cuma saya tidak boleh jawab berapakah jumlah yang disabitkan disiasat itu. Akan tetapi kalau hendak tahu sebenarnya di dalam laman web SPRM semua yang disabitkan bersalah di bawah SPRM ada dinyatakan di situ termasuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Namun begitu untuk Yang Berhormat Jasin, nanti saya jumpa saya akan cuba beri jumlah mengikut kaum seperti yang diminta tadi, terima kasih Yang Berhormat.

**5. Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kementerian berhasrat memberi lebih banyak keistimewaan kepada guru-guru yang bersedia berkhidmat di kawasan pedalaman.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah atas soalan yang berkaitan dengan guru-guru yang berkhidmat di pedalaman. Tuan Yang di-Pertua, pegawai perkhidmatan pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia atau KPM yang berkhidmat di kawasan pedalaman menikmati beberapa keistimewaan seperti berikut:

- (i) elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan (EKMLTK) atau bayaran insentif pedalaman (BIP). Insentif ini adalah bertujuan untuk menampung hidup susah di pedalaman;
- (ii) bayaran insentif tetap perumahan (ITP) sepenuhnya sekiranya menduduki rumah yang tidak memenuhi kriteria rumah kerajaan. Keistimewaan ini adalah bagi menampung kekurangan kemudahan perumahan yang diberi;
- (iii) elaun balik kampung setiap sekali;
- (iv) elaun atau insentif yang diterima oleh guru-guru di luar kawasan pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia atau PPPM yang bermula pada tahun ini hingga tahun 2025, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menjalankan beberapa kajian berkaitan impak pelaksanaan dan cadangan menambahbaikkan bagi elaun-elaun sedia ada seperti berikut; kajian penyemakan semula insentif bagi jawatan yang sukar diisi di sekolah berprestasi rendah dan pedalaman dan kajian impak pelaksanaan elaun khas lokasi mengikut tahap kesusahan (EKMLTK). Sekian terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih atas jawapan yang berikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, kadang-kadang kita dapati seorang guru itu dia bertugas terlampau lama di satu kawasan pedalaman. Kalau guru tersebut memang berasal daripada negeri tersebut ia tidak menjadi satu masalah. Akan tetapi ia sudah pasti suatu yang membosankan kepada guru yang datang daripada luar sehingga saya percaya ia boleh menjejaskan prestasi guru tersebut. Oleh itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kementerian bercadang untuk menetapkan tempoh perkhidmatan seseorang guru di dalam pedalaman contohnya seorang guru itu tidak perlu mengajar ataupun berkhidmat di kawasan pedalaman ataupun suatu kawasan lebih daripada tiga tahun. Adakah kementerian berhasrat dan bercadang melancarkan satu program untuk mencari bakat guru di kalangan penduduk tempatan di sebuah kawasan pedalaman? Maknanya penempatan guru di dalam pedalaman, kita tidak perlu lagi bergantung kepada orang luar yang mungkin sebahagian besarnya tidak begitu selesa untuk bekerja di kawasan-kawasan terpencil.

#### ■1050

Kita ambil contohlah. Tadi saya tanya sahabat saya Ahli Parlimen Gerik. Di kawasan dia, guru-guru yang kena mengajar di Rancangan Pemulihan Orang Asli di Kemar, Gerik, memerlukan perjalanan hendak mengajar sahaja satu jam setengah daripada Banding. Kalau yang mengajar di

Ulu Tembeling, Pahang, naik bot sahaja tiga jam dari Pekan. Itu tidak termasuk lagi guru-guru yang terpaksa mengajar di Sabah dan Sarawak.

Jadi, kalaulah kita dapat guru-guru ini datang dari kalangan mereka iaitu penduduk tempatan, saya percaya mereka tidak menjadi masalah. Malah, mungkin seronok kerana seolah-olah balik mengajar di kampung halaman sendiri. Saya ucapkan *alhamdulillah* lah, syukur, terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberikan insentif, elaun, berbagai-bagai keistimewaan dan pembelaan kepada guru-guru yang sanggup mengajar di kawasan pedalaman. Ini kerana kita tidak mahu guru-guru yang mengajar di kawasan jauh ini dianggap seperti kucing kurap yang digelar oleh Ahli Parlimen Jelutong kepada staf MPPP. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan relevan yang menunjukkan prihatin Yang Berhormat terhadap kebajikan guru pedalaman. Syabas.

Pertama, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menetapkan tempoh perkhidmatan di kawasan pedalaman kerana ini merupakan tanggungjawab, hak dan inisiatif untuk guru yang berkhidmat di pedalaman untuk memohon tukar ke kampung halaman atau ke tempat yang lain.

Kedua, ada berkaitan dengan adakah program dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencari bakat guru. Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia memang mengendalikan sesi dengan izin, *Continuing Professional Development of the Teachers* atau Pembangunan Profesionalisme Guru-guru Secara Berterusan dalam bentuk forum, seminar, kajian tindakan dan persidangan. Di sini, guru-guru yang berkhidmat di pedalaman juga dilantik sebagai kakitangan sumber, guru cemerlang, pengetua atau guru besar cemerlang juga. Jadi, peluang memang diberikan kepada mereka.

Bagi saya, memang kita juga ada kesan bahawa majoriti guru yang berkhidmat di pedalaman terdiri daripada guru yang tinggal di sekolah pedalaman masing-masing. Saya boleh memberi contoh seperti SK Ulu Lebai, SK Ba'kelalan di Sarawak dan SK Sarang Taka di mana saya sudah melawat beberapa kali di mana kita kesan bahawa majoriti guru yang mengajar di sekolah-sekolah yang tertentu itu terdiri daripada kaum masing-masing macam Iban di SK Ulu Lebai *and then* Lun Bawang di SK Bakalalan dan untuk Sarang Taka itu kaum Murut dan SK Bum Bum di Semporna terdiri daripada majoriti kaum Bajau.

Akan tetapi, pada masa yang sama itu Kementerian Pendidikan Malaysia tegaskan tentang *ratio integration* dengan izin dan itulah kenapakah kita juga ada bangsa-bangsa yang lain berkhidmat di sekolah pedalaman.

Yang berkaitan dengan infrastruktur itu, memang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di bawah Gelombang 1 yang bermula pada tahun ini hingga tahun 2015, memang ini merupakan salah satu inisiatif oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sekolah di pedalaman. Sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada hari Sabtu yang lepas, Yang Berhormat Puchong

dan saya dan juga ADUN dekat Puchong ini bersama dengan guru dan ibu bapa di Puchong, kita ada satu perhimpunan kecil dan juga sidang akhbar kerana janji Barisan Nasional di Puchong itu SJK(C) Kheng Chee telah pun siap dibina sebelum pilihan raya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, soalan asal...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tetapi sampai sekarang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalan asal berhubung dengan guru luar bandar Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya akan sampai ke soalan saya.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Sudah lah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kenapa masih tidak dibuka? [*Dewan riuh*] Kami hantar *tweeter*, mesej kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Menteri Pendidikan tetapi tidak ada jawapan. Jadi kami terpaksa kerana kami janji hendak bawa kes ini ke Dewan. Adakah ini kerana tidak cukup guru? Dengar ya. Tidak cukup guru atau pun kerana sebab Kementerian Pendidikan tidak ada wang untuk bayar kontraktor itu sebab sekolah tidak dibuka? [*Dewan riuh*]

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, soalan ini adalah tidak relevan dan... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak berkaitan Yang Berhormat ya.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tahniah. Guru besar, tahniah.

**6. Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta Menteri Kewangan menyatakan nilai dan kadar pemilikan saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur untuk bumiputera Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Serdang, terima kasih kerana soalan yang diberikan ini. Nilai pegangan saham syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah sentiasa berubah mengikut keadaan pasaran semasa melalui aktiviti penjualan dan pembelian saham. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi Bursa Malaysia untuk mengkategorikan pemilikan saham pegangan bumiputera dari Sabah dan Sarawak.

Sebagaimana dimaklumi semua, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat menjelang tahun 2020. Pemilikan ekuiti bumiputera telah meningkat daripada hanya 2.4% pada tahun 1970 kepada 23.45% pada tahun 2011. Ianya masih belum mencapai sasaran 30% dan kita ada enam tahun sahaja lagi sebelum tahun 2020.

Sehubungan itu, pelbagai langkah dan program bagi meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam ekonomi telah dan akan dilaksanakan secara berterusan. Antaranya ialah:

- (i) Memperkukuhkan agensi amanah dan institusi bumiputera seperti Majlis Amanah Rakyat, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), dan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera bagi meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat termasuk aspek hartanah, bangunan komersial, dan harta intelek;
- (ii) memberi penekanan kepada instrumen seperti pemilikan institusi bagi ekuiti korporat dan diperluaskan merangkumi hartanah yang membolehkan pengumpulan dan penggemblerangan dana serta pengagihan keuntungan kepada kumpulan sasar yang lebih besar;  
Sebagai contoh, Penubuhan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) yang akan membantu menambahkan ekuiti bumiputera dan memainkan peranan sebagai syarikat dengan izin *Government-Linked Private Equity Fund Management* yang bukan sahaja mengurus dana daripada sumber kerajaan, malah menjana dana daripada sumber luar.
- (iii) memperkenalkan program memiliki unit Amanah Saham di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) di bawah Pelaburan Hartanah Berhad (PHB);
- (iv) menyediakan bentuk peluang perniagaan, pembiayaan, keusahawanan dan pembangunan modal insan untuk memartabatkan ekonomi bumiputera dan pegangan ekuiti melalui inisiatif dan program di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU); dan
- (v) memperuntukkan saham khas 12.5% ketika IPO kepada pelabur-pelabur bumiputera termasuklah dari Sabah dan Sarawak.

Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Sebenarnya, jawapan tadi menunjukkan kepada saya bahawa kementerian memang tidak ada program yang khusus untuk meningkatkan kadar pemilikan saham untuk bumiputera Sabah dan Sarawak kerana pada pandangan saya, di kalangan penduduk bumiputera Sabah dan Sarawak mereka ada masalah yang tertentu. Untuk mengatasi masalah pemilikan saham ini, mesti juga ada program yang khusus. Semua cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan dia dalam Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada 14 September.

■1100

Jadi, soalan saya ialah ada apa program yang khusus untuk meningkatkan pemilikan saham oleh bumiputera Sabah dan Sarawak bukan sahaja untuk keseluruhan? Kenapa saya bertanya seperti berikut kerana jikalau mungkin sasaran itu 30% untuk bumiputera, untuk seluruh negara. Apa yang akan menjadi masalah ialah *let say if 99%* daripada 30% ini adalah dimiliki oleh



bumiputera di Semenanjung. Jadi bumiputera di Sabah dan Sarawak akan dipinggirkan. Saya juga harap bahawa kawan-kawan Yang Berhormat saya daripada Sabah dan Sarawak di sebelah sana pun menyokong jikalau kerajaan ada program yang khusus untuk bumiputera Sabah dan Sarawak. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Serdang. Angka yang ada pada saya sebagai contoh daripada Januari 2013 sehingga Oktober 2013. Jumlah peruntukan unit saham yang diberikan oleh MITI, saham khas yang diambil di Sabah sejumlah RM6,460,700 nilainya RM12.138 di Sarawak. Sebanyak RM7,531,400 unit saham, ini antara Januari hingga Oktober 2013, nilainya RM12,091,540. Bukan bermakna kita tidak ada melakukan untuk Sabah dan Sarawak tetapi kita juga mengadakan apa yang kita panggil sebagai *outreach* program ke Sabah dan Sarawak yang dilakukan oleh MITI. Bukan hanya oleh MITI tetapi juga oleh *Securities Commission* atau Suruhanjaya Sekuriti di bawah Kementerian Kewangan. Kita mengadakan pendidikan pelaburan, kita membawa bank, pusat terbitan ataupun *issuing house* dan juga GLC yang tertentu mengadakan pendidikan pelaburan termasuklah di Sabah dan Sarawak.

Angka-angka tadi, yang saya berikan itu adalah beberapa bulan sehingga Oktober 2013. Lain-lain perkataan bukan tidak ada Yang Berhormat tetapi apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu semacam tidak ada langsung. Ada buktinya saya telah nyatakan.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin mengatakan soalan ini '*ada udang di sebalik mi kolok Sarawak*'. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Menteri. Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah lain selain dari saham ini yang telah dijalankan oleh kerajaan dalam meningkatkan lagi pendapatan dan ekonomi rakyat-rakyat kita di luar bandar di Sabah dan Sarawak?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu adalah soalan umum, panjang syarahannya tetapi yakinilah bahawa antara perkara-perkara khusus yang kita telah nyatakan dalam Bajet 2014 untuk meningkatkan ekuiti bumiputera termasuk Sabah dan Sarawak ini. Kerajaan telah mengumumkan satu dana yang dipanggil sebagai Dana Ekuiti Bumiputera (EquiBumi) yang diuruskan oleh SME Bank dan jumlahnya ialah RM300 juta. Kemudahan pinjaman ini kita berikan kepada syarikat bumiputera yang berwibawa termasuklah daripada Sabah dan Sarawak untuk mengambil alih syarikat tersenarai atau syarikat yang berpotensi di Bursa Malaysia. Di Bursa Malaysia itu ada 914 syarikat Papan Utama 806 yang kita panggil sebagai ACE Market 108.

Kita mengharapkan agar Dana Ekuiti Bumiputera yang bermula pada tahun 2014 ini akan direbut dengan sebaiknya oleh syarikat bumiputera termasuk Sabah dan Sarawak. Dari segi peningkatan pendapatan dan sebagainya, memanglah banyak perkara yang dibuat tetapi pada saya yang penting khusus tentang ekuiti bumiputera yang ingin kita jawab pada hari ini. Terima kasih.

**7. Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakh [Sabak Bernam]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan kerajaan khasnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke atas ahli kongsi gelap dan bekas tahanan Ordinan Darurat (EO) yang melarikan diri ke luar negara berikutan pelaksanaan Ops Cantas semenjak 17 Ogos 2013 lalu dan nyatakan langkah kerjasama dengan Interpol.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Polis Diraja Malaysia sentiasa menjalin hubungan yang rapat dengan pihak Interpol dan ASEANAPOL untuk mengesan penjenayah yang dikehendaki oleh negara ini yang melarikan diri ke luar negara. Dalam pelaksanaan Ops Cantas khususnya pihak PDRM telah memohon kerjasama daripada Kerajaan Thailand dan Singapura untuk menghalang mana-mana orang yang dikehendaki atau *wanted person* daripada memasuki negara tersebut. Selain dari itu pihak PDRM juga mengambil langkah untuk menghalang orang dikehendaki dari meninggalkan negara ini semasa Ops Cantas dijalankan adalah seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua panjang sedikit, minta maaf.

- (i) senarai nama yang dikehendaki diserahkan kepada Interpol dan ASEANAPOL dan juga kepada pihak berkuasa negara Thailand, Indonesia, Singapura yang dihubungkan dengan jalan darat dengan Malaysia untuk dibuat saringan di pintu-pintu masuk negara-negara tersebut;
- (ii) kawalan di pintu masuk negara diperketatkan lagi termasuk membuat pemantauan yang rapi di lorong-lorong tikus, operasi bersama dengan agensi penguat kuasa seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) diadakan dengan lebih kerap lagi;
- (iii) Pasukan Gerakan Am (PGA) dahulunya *Police Field Force* ataupun Pasukan Polis Hutan yang menjaga sempadan telah diberikan taklimat supaya menggandakan rondaan termasuk di lorong tikus yang dipercayai digunakan oleh penjenayah untuk melarikan diri. Pihak polis juga mengadakan kerjasama dengan penguasa kereta sewa dan teksi serta 'roktu' di Thailand untuk menyalurkan maklumat jika ada orang yang mencurigakan dan sanggup membayar harga yang tinggi untuk menyeberangi sempadan negara;
- (iv) kerjasama dengan pihak Imigresen untuk mengawal di semua lapangan terbang negeri yang berkemungkinan ada di kalangan mereka yang dikehendaki menggunakan jalan udara untuk ke luar negara. Pihak polis telah menghantar senarai untuk dikenakan perintah sekatan kepada pihak imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan, khususnya Polis Diraja Malaysia yang telah berjaya menahan lebih kurang 5,000 ahli kongsi gelap dan bekas tahanan Ordinan Darurat bagi membendung kegiatan jenayah di negara ini. Soalan

tambahan saya, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kejayaan kes pendakwaan terhadap suspek yang terdiri dari ahli kongsi gelap dan bekas tahanan Ordinan Darurat ini?

Sejauh manakah kejayaan dan keberkesanan PDRM mengadakan latihan bersama dengan Polis *Scotland*, Amerika dan Korea Selatan bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran anggota PDRM dalam bidang masing-masing. Sejauh manakah kebenaran bahawa polis hanya menunjukkan sasaran kepada kaum tertentu dalam membanteras kegiatan jenayah kongsi gelap dan bekas tahanan Ordinan Darurat? Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat tidak berceramah dalam Dewanlah. Ini macam soalan yang baik. Banyak kawan-kawan berceramah sahaja. Untuk membetulkan Yang Berhormat, *[Disampuk]* Diam Yang Berhormat ya, saya bercakap ini. *[Disampuk]* Memang saya layak memberi ceramah. Untuk membetulkan Yang Berhormat, tangkapan kita adalah 36,316 orang, itu jumlah tangkapan. Untuk mengkhususkan kepada jawapan sasaran kepada satu-satu kelompok atau bangsa ataupun etnik. Jawapannya adalah tidak benar, Yang Berhormat.

Sebenarnya kita melihat daripada sudut penglibatan siapa yang kita jangka telah terlibat dengan masalah gengsterisme dan kongsi gelap. Untuk memperincikan jawapan ini saya sebutkan di sini secara khusus Yang Berhormat.

■1110

Pecahan mengikut bangsa yang kita periksakan, orang Melayu 465,016 orang. Cina 190,803 orang, India 171,420 orang. Lain-lain 277,217 orang. Lain-lain ini Yang Berhormat termasuklah orang daripada *native* Sarawak, Sabah dan sebagainya. Ini yang banyak *ethnic group* kita di sana. Sarawak 43, di Sabah 40 lebih lain. Jadi itu tidak diklasifikasikan cara *ethnic group*. Tangkapan pula Yang Berhormat ialah orang Melayu saya sudah sebut tadi, Cina dan India. Jadi jelas fakta ini menunjukkan tidak ada pilih kasih dan tidak ada perbezaan di antara etnik. Kita menangkap siapa yang kita jangka telah terlibat dan ada bukti-bukti yang menunjukkan penglibatan mereka.

Jadi satu lagi soalan, pendekatan pihak Polis Diraja Malaysia untuk memperbaiki siasatan dan pendakwaan di mahkamah. Ini kita mempunyai satu perkara Yang Berhormat, satu *standard operating procedure* (SOP) yang menyeluruh. Tiap-tiap kesalahan yang ada dilakukan di negara ini, termasuk undang-undang yang baru pun dilulus oleh Parlimen. Kita telah merangka pada masa sekarang SOPnya. SOP ini Yang Berhormat saya beri penjelasan secara panjang sikit Tuan Yang di-Pertua, minta maafah ya.

SOP ini untuk satu undang-undang itu sendiri. Satu seksyen undang-undang itu ia ada *ingredient* yang tertentu, dan *ingredient* ini dibutirkan satu, dua, tiga, empat *ingredient* ia. *Ingredient* ini perlu dibuktikan atau pun *diproof* dalam mahkamah. Kita tunjuk macam mana hendak *collect* ia punya *proof* ini. Garis panduan ini dibutirkan begitu halus sekali untuk diikuti oleh pihak penyelidik, polis dan sebagainya semasa menjalankan penyelidikan. Latihan-latihan yang kita buat, kita

menjemput pihak-pihak pakar daripada seluruh negara, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi dan kita menjalinkan perhubungan.

Baru-baru ini, kita menandatangani di antara Kerajaan Malaysia dengan Kanada dan kita juga ada perhubungan dengan pihak United Kingdom dan juga negara Korea sebagaimana Yang Berhormat sebut. Secara hariannya kita menerima, menjemput pegawai daripada Pejabat Peguam Negara untuk datang ke pusat-pusat latihan untuk memberi ceramah dan latihan kepada pegawai-pegawai polis kita untuk memberitahu macam mana menjalankan siasatan dan bagaimana mengumpulkan bukti dan bagaimana menyimpan *exhibit* dan semuanya sekali kita sebut supaya pembuktian dan pertuduhan dalam mahkamah nanti tidak ada yang berkurangan.

Akan tetapi dalam kita melaksanakan, dalam *contentious* sistem yang kita ada Yang Berhormat di mana peguam menuduhnya dan peguam mempertahankannya, ini perkara yang mungkin berlaku ada kadang-kadang kita kalah, ada kadang-kadang kita menang Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya ingin kemukakan satu persoalan, kalau kita lihat pada Januari sehingga Jun tahun ini. Kita dilaporkan ada 67 kes jenayah kekerasan yang telah dilakukan oleh bekas tahanan Ordinan Darurat ini. Ia didakwa adalah merupakan kesan daripada pembebasan 2,473 bekas tahanan EO tahun lepas. Jadi jika benar dakwaan ini, dan mereka ini memberi ancaman kepada keselamatan negara setelah mereka dibebaskan.

Persoalannya ialah, yang pertama setelah mereka dibebaskan, apakah mereka dibebaskan sebeb-bebasnya tanpa pemantauan dekat daripada pihak berkuasa, sehingga mereka berpotensi untuk melakukan lagi jenayah-jenayah berikutnya? Kedua, kenapa sepanjang tempoh mereka ditahan dan dipenjara, tiba-tiba mereka masih lagi berpotensi untuk mengulangi, malah lebih keras jenayah mereka? Apakah sistem pemenjaraan dalam negara kita langsung tidak memberi kesan untuk pemulihan dan kesedaran kepada tahanan-tahanan itu? Ataupun bagaimana sebenarnya orientasi pemenjaraan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Baik juga soalan itu. Pertama, soalan pemerhatian atau pun *surveillance* diberi kepada mereka yang telah dilepas daripada EO dahulu, undang-undang darurat dahulu kepada masyarakat umum. Sebenarnya mengikut undang-undang, dan mengikut garis panduan yang ada pada kita Yang Berhormat, mengikut dasar-dasar dunia nilai sejagat apa dikatakan *don't intrude in the people privacy*. Jadi banyak nilai ini diserapkan ke dalam masyarakat Malaysia. Yang Berhormat sedia maklum kerana parti-parti Yang Berhormat itulah yang mempelopori idea *democracy, freedom, privacy* ini Yang Berhormat.

Jadi kita di pihak kerajaan, kita juga melihat perkara ini sebagai satu perkara yang perlu kita ambil kira. Akan tetapi dalam masa yang sama, polis kita memang mengambil tindakan dan juga mengambil *surveillance* Yang Berhormat. Akan tetapi masalahnya satu Yang Berhormat ya? Apabila mereka masuk ke dalam masyarakat selepas dilepaskan daripada tahanan dahulu,

berlakulah pergaduhan di antara mereka sendiri untuk mengambil alih tapak yang dikosongkan dahulu yang sekarang telah diisi selepas mereka masuk ke dalam tahanan dan lepas yang mengisikan tempat itu tidak mahu mengalah oleh kerana mereka memikirkan merekalah tuan punya kawasan-kawasan yang tersebut.

Jadi pergaduhan di antara mereka sendiri ini telah berlaku. Dalam keadaan sedemikian, apabila berlaku di antara pihak-pihak ini di antara sendiri, kadang-kadang masyarakat umum merasa gerun, merasa takut dan terlibat secara tidak langsung, terkena secara tidak langsung oleh tindakan-tindakan keganasan dan kebuasan mereka. Itu masalah yang melibatkan apa yang berlaku kepada pihak tahanan yang lepas kepada masyarakat ini Yang Berhormat.

Soalan yang kedua soalan penjara Yang Berhormat. Soalan penjara ini juga cantik Yang Berhormat. Sebenarnya penjara Malaysia dianggap salah satu penjara yang terbaik di dunia Yang Berhormat. Kita mematuhi syarat-syarat yang diberi oleh pihak Bangsa-Bangsa Bersatu, di bawah Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu yang mempunyai satu penjagaan yang baik. Satu *rehabilitation program* yang terbaik. Baru-baru ini Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa dalam penjara kita membuat program secara tidak pernah dilihat oleh negara lain.

Banyak negara ingin mempelajari macam mana kita mendidik anak-anak bangsa kita yang terlibat dalam penjara ini sampai seratus lebih membuat *masters, degree*, ada yang mempunyai *basic degree* dan membuat PhD. Jadi ini pendekatan yang dibuat selari dengan kehendak dan nilai sejagat. Akan tetapi dalam masa yang sama, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi maknanya penekanan kepada apa yang dibuat pada tahun 50-an, 60-an dan kebelakangan dahulu, iaitu *penal substitute* yang begitu gerun dan menakutkan tidak lagi dilaksanakan di penjara kita Yang Berhormat sebenarnya. Latihan kita banyak menjurus kepada pembangunan nilai, pembangunan pemikiran agama dan semua agama digalakkan masuk ke dalam penjara untuk melatih penghuni-penghuni penjara itu mengikut nilai-nilai keagamaan dan nilai-nilai sejagat yang dilaksanakan dalam penjara kita. Ini mungkin Yang Berhormat persoal kepada saya tadi dan saya jawab. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, saya ucap terima kasih pihak rakyat daripada penduduk-penduduk daripada Sibul. Cakap ribuan terima kasih kita sudah ambil tindakan, sudah pindah tuan OCPD dan timbalan. Tuan OCPD sudah kena pindah, rakyat minta saya sampaikan cakap terima kasih kepada— ya boleh terima kasih. Dia orang lama sudah tunggu dan dia sudah pindah. [*Dewan riuh*] Ya, nanti saya pindah pergi Seputeh sana. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, saya di sini mempersoalkan mengenai isu kongsi gelap. Memanglah kita kerajaan atau pun anggota polis sudah ambil tindakan mana boleh atas ahli kongsi gelap.

■1120

Akan tetapi untuk rakyat, mereka nampak, pening kepala. Kita memang kerja keras tetapi kongsi gelap tidak dapat dihapuskan. Kemungkinan macam Yang Berhormat Pokok Sena, dia

kadang-kadang dia sokong kongsi gelap. Inilah masalah kita, *Crime Prevention Acts* dia tidak sokong. Rakyat salah faham. Dia fikir dia tidak sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bila saya sokong kongsi gelap, bila?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya tadi kata *Crime Prevention Acts* kita tidak sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu bukan bermakna kita sokong kongsi gelap. Ini dia sudah keliru, sudah keliru.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu dia sudah kalah, *Vice President*.

Tuan Yang di-Pertua, masalah rakyat kata, dia orang banyak *confused*, dengan izin. Perkara ini kita jalankan mana-mana tindakan yang boleh tetapi nampak ahli-ahli kongsi gelap masih lagi berkembang. Saya mahu tanya soalan, kenapa perkara ini boleh berlaku? Adakah kementerian ada perancangan jangka panjang ataupun jangka pendek untuk rancang betul-betul, macam mana cara kita boleh kasi hapuskan ahli kongsi gelap di seluruh negara, terutama sekali di Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama Yang Berhormat berhubung dengan penukaran pegawai, tidak ada sebab-sebab tertentu. Sebenarnya kita mempunyai dasar Yang Berhormat- kita akan menukarkan pegawai-pegawai yang berkhidmat selama lima tahun dalam satu tempat, kalau tidak ada masalah-masalah peribadi, dan sebagainya. Untuk pegawai ini nampaknya, kita mencari pegawai yang setahap kekananannya atau kekiriannya untuk mengambil tempat yang dipindahkan daripada satu tempat ke satu tempat yang lain.

Oleh kerana pada masa sekarang saya juga berterima kasih dengan kerajaan kerana memberi beberapa lagi ruang untuk banyak pegawai polis naik pangkat. Jadi dalam percaturan ini Yang Berhormat kita dapati ada sedikit masalah untuk mengisi tempat-tempat yang kita anggap kanan umpamanya di Sib, seorang OCPD kanan, dan Bintulu pun kita rancang untuk *diupgradakan* kepada satu tahap yang lebih tinggi oleh kerana pembangunan sama laju di Bintulu. *Insyallah* kita akan tepati kehendak rakyat untuk mengisi tempat-tempat yang tertentu supaya memuaskannya hati rakyat. Tujuan kerajaan memang kepuasan rakyat itu diutamakan.

Kedua berhubung dengan mengatasi masalah gengsterisme. Sekarang kita menggunakan undang-undang biasa di Sarawak Yang Berhormat, kita menjalankan Ops Cantas kerana PCA ataupun Undang-undang Pencegah Jenayah yang ada sekarang ini belum lagi sampai ke Sarawak dan Sabah. Kita hanya menggunakan undang-undang biasa. Undang-undang Pencegah Jenayah walaupun telah diluluskan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara, saya sebenarnya minggu lepas berbincang bertanya, sudah kah tidak undang-undang ini ditandatangani oleh Duli Yang di-Pertuan Agong, dan bilakah hendak diwartakan?

Sebelum diwartakan Yang Berhormat, maka kita tidak boleh laksanakan dahulu walaupun Dewan telah meluluskan- *tripartite system* Parlimen kita, iaitu “Yang di-Pertuan Agong”, “Dewan Rakyat”, dan “Dewan Negara” untuk meluluskan satu rang undang-undang-undang. Jadi oleh keadaan sedemikian, sama-samalah kita menunggu Yang Berhormat, tidak berapa lama lagi *insya-Allah* dan saya cukup yakin kita akan atasi masalah gengsterisme di Sarawak termasuk yang kontrol balak, yang kontrol getah, yang kontrol lada, yang kontrol banyak lagi makanan di dalam dan luar bandar yang melibatkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini, dan saya beritahu Yang Berhormat, polis bagi amaran, jangan sampai PCA itu dilaksanakan di Sarawak, baru nak ‘menangis’ nanti. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Fuh, dahsyat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya melihat Speaker Johor, mantan Ahli Parlimen Sri Gading ada di Dewan. Selamat datang Yang Berhormat [*Tepuk*]

**8. Raja Dato’ Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu dan melindungi peniaga-peniaga kedai runcit tempatan dari persaingan pasar raya besar dan antarabangsa.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato’ Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Kuala Terengganu. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian sentiasa prihatin dan mengutamakan rakyat dalam kita melaksanakan pelbagai program pembangunan dan kementerian juga bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan dan perkembangan perniagaan peruncitan tempatan dan dalam pada masa yang sama kementerian menggalakkan perkembangan industri peruncitan dan mengawal selia pengusaha-pengusaha asing dalam sektor berkenaan melalui Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Penedaran iaitu Pindaan 2010.

Dimaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa *hypermarket* dan juga peniaga runcit kecil-kecilan mempunyai *target market*, dengan izin, atau kumpulan sasaran pembeli yang tersendiri. Contohnya pengguna yang ingin mendapatkan jumlah barangan dalam kuantiti yang sedikit, masih memilih kedai runcit, berbanding *hypermarket*, dan berdasarkan analisis kementerian, kewujudan pasar raya besar dan antarabangsa, menyediakan kemudahan borong dengan harga yang kompetitif kepada peniaga-peniaga kedai runcit kecil tempatan untuk dijual di kedai mereka.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan juga sentiasa memahami keadaan yang berlaku dan telah, dan sedang mengambil langkah-langkah dan juga strategi khusus bagi kita

menangani masalah yang berlaku. Tentunya untuk membantu peruncit-peruncit kecil-kecilan seperti Yang Berhormat persoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga di bawah projek *National Key Economics Area* atau pun NKEA kita melaksanakan Program Transformasi Kedai Runcit iaitu TUKAR yang selalu disebut-sebut sekarang ini, dengan kerjasama *hyper market* tempatan dan juga asing untuk kita memodenkan kedai runcit sedia ada supaya lebih berdaya saing dan akhirnya ia akan meningkatkan nilai jualan dan juga pendapatan runcit.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga November 2013, sebanyak 1570 kedai runcit telah dimodenkan. Itu kedai runcit.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia iaitu KR1M untuk mengatasi masalah persaingan penawaran harga. Melalui program ini peniaga tempatan yang menjual produk KR1M boleh mendapat pendapatan yang lebih dengan menawarkan produk berkualiti dengan harga yang rendah dan peluang perniagaan KR1M adalah terbuka kepada peniaga-peniaga tempatan untuk menyertainya. Terima kasih.

**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Walaupun Selangor dengan 5 juta rakyat mempunyai penduduk yang begitu ramai dengan kuasa beli yang tinggi bagaimana pun, kedai-kedai runcit dan juga pasar raya tempatan seperti *KK* dan sebagainya menghadapi masalah *survival*, dengan izin, dengan asakan kemasukan pasar raya-pasar raya besar.

Beberapa tahun kebelakangan ini, kawasan Padang Hiliran di Kuala Terengganu menghadapi kemasukan terlalu banyak pasar raya-pasar raya besar iaitu dua pasar raya besar *Giant* dan *Mydin* berhampiran satu pasar raya tempatan anak jati iaitu *Sabasun* yang *employed 100%* rakyat Malaysia, yang pertama beroperasi sejak 12 tahun yang lepas. Pada Januari 2013, lesen perniagaannya tidak disambung lagi.

#### ■1130

Sementara itu, garis panduan kementerian adalah pasar raya, satu pasar raya untuk 350 ribu penduduk, sementara di seluruh Kuala Terengganu mempunyai hanya 220 orang penduduk. Tidak berapa kilometer dari kawasan ini, selepas Jambatan Sultan Mahmud pula di Kuala Nerus, pasar raya yang kedua dan juga yang pertama beroperasi di sini berhadapan dengan satu *Giant* baru yang mula beroperasi dan *Mydin* dan juga *Jaya Jusco* yang sedang dibina. Penduduk di Kuala Nerus hanya 110 ribu. Garis panduan, 350 ribu untuk satu pasar raya.

Di sinilah letaknya di mana 110 ribu penduduk berhadapan dengan empat pasar raya. Kalau dicampur empat dengan tiga di Kuala Terengganu ini, tujuh pasar raya dalam kawasan penduduk tidak sampai pun 350 ribu. Inilah yang anehnya, satu lagi adalah tanah milik 10 ekar *Sabasun 2* ini akan diambil oleh kerajaan untuk diberi kepada pasar raya-pasar raya gergasi baru ini. Soalnya, mengapa *Sabasun* yang pertama dan *pioneer 100%* milik anak tempatan di dua-dua kawasan ini terpaksa ditutup semata-mata untuk memberi tempat untuk lima pasar raya gergasi luar ini.



Ini adalah keadaan yang tidak munasabah dan apakah peranan kementerian untuk memastikan kepentingan kedai-kedai runcit dan juga pasar raya tempatan anak jati yang mengambil 100% anak tempatan tidak terjejas dan hapus sama sekali. Ini adalah yang paling menyedihkan dan saya rasa sesuatu perkara macam ini tidak patut berlaku dan satu usaha yang khusus mesti diambil. Bukan hanya untuk melindungi kedai runcit kecil tetapi juga pasar raya yang sudah terbukti mampu bersaing. Terima kasih.

**Senator Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita sentiasa membuat pemantauan apabila satu-satu super market ataupun *hypermarket* ini wujud. Kita juga melihat kesan-kesan dan juga perubahan apabila wujudnya sesuatu super market di sesuatu tempat. Seperti Yang Berhormat sebut tadi, kita memang meletakkan kepentingan kedai-kedai runcit tempatan dan juga kedai-kedai yang sedia ada untuk kita melihat masalah yang mereka hadapi setelah super market ataupun *hypermarket* ini wujud di seluruh negara.

Jadi untuk itu Yang Berhormat, kita kementerian telah pun bersetuju mengadakan satu kajian bersama-sama dengan pihak UPM untuk kita membuat kajian impak kesan daripada *hypermarket* asing terhadap peniaga tempatan. Kajian ini akan bermula pada 1 Januari ini dan kita jangka dalam tempoh enam bulan, kajian ini akan kita dapat. Bukan sahaja mengenai dengan kesan terhadap pengusaha-pengusaha tempatan, tetapi kajian ini kita hendak melihat kesan kepada pengguna itu sendiri dan juga kesan kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan kesan kepada *hypermarket* yang wujud di situ. Ini termasuklah apabila wujudnya *hypermarket* ini, peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di satu-satu tempat dan juga mengenai dengan tanah ataupun lonjakan harga tanah di sesuatu tempat apabila *hypermarket* ini diwujudkan.

Jadi semua kajian ini dalam tempoh enam bulan akan kita dapat dan akan teliti secara terperinci untuk menentukan supaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi akan dapat kita lihat hasil daripada kajian ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itu sesi soal jawab untuk pagi ini. Peraturan Mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.34 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjawab di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 3 Disember 2013”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya ada Peraturan Mesyuarat 36(12) iaitu pada hari Rabu yang lepas, kita semua ini dihina oleh seorang Timbalan Menteri sebab dia boleh mengeluarkan satu kenyataan yang mengelirukan. Saya pun telah membawa usul ini pada Khamis yang lepas dan Tuan Yang di-Pertua janji akan memberi satu keputusan hari ini. Jadi saya minta keputusan diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat seperti yang diputuskan, saya dimaklumkan oleh Setiausaha Dewan bahawa Tuan Yang di-Pertua telah pun membuat keputusan untuk menyemak perkara ini dan kita bagi masa Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak ada keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tunggulah. Kita tunggu Yang Berhormat?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Boleh bagi satu tarikh? *We don't have all day.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *It will be decided by The Speaker.*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *Thank you very much.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bila Tuan Yang di-Pertua datang balik kerja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bolehlah tanya macam itu Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, kita mesti tahu bila dia balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau dia ambil cuti selepas itu, jadi kita hanya tahu tahun depankah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Minta duduk Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak ada jawapan. Kita hendak rujuk dia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak rujuk siapa? Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya minta dia rujuk sekarang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Keputusan sudah ada tadi. Kita tunggu keputusan Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Timbalan Menteri pun tidak ada, Menteri pun tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tidak apa Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, tengok Tuan Yang di-Pertua lari, Menteri lari, Timbalan Menteri lari. Tidak bolehlah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Bekas Timbalan Menteri ada, bekas Timbalan Menteri ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta satu penjelasan ini juga. Yang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, penjelasan tidak boleh begini kecuali Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Ya, ini satu yang sebab saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kecuali Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Ya, Peraturan Mesyuarat juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat mana Yang Berhormat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya sebab hari ini saya terima satu surat yang jawapan dari Tuan Yang di-Pertua tentang saya sudah memfailkan satu usul yang *emergency* tentang mahu berbincang satu perkara yang serius iaitu SPM, kebocoran kertas soalan. Akan tetapi saya terima surat ini bilang hari ini sudah ada usul yang dibentangkan. Hari ini kawasan Batu Gajah tetapi ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I don't have to explained this every time* Yang Berhormat. Kalau dua usul Peraturan 18(5), satu usul saja yang boleh diterima.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Ya saya faham Tuan Yang di-Pertua. Saya faham. Akan tetapi macam hari ini tidak ada usul ini dibentang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Usul yang diterima itu ditolak dalam kamar. Itu usul diterima, tolak dalam kamar. Yang Berhormat tidak ada masalah kemukakan semula. Hari ini boleh kemukakan.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Okey, terima kasih.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014**

##### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kesepuluh ]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.45 [Jadual] –**

**Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.  
**11.39 pagi**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih rakan saya Yang Berhormat Menteri yang sudi hadir untuk mendengar daripada hari Khamis

dan mudah-mudahan hari ini *insya-Allah* akan membuat penggulungan. Saya ingin menyentuh 020200 berkaitan dengan isu Pembangunan Sukan. Cuma saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat tentang bagaimana kedudukan dan peranan graduan Sains Sukan ini membantu Institut Sukan Negara dan juga Majlis Sukan Negara (MSN) untuk membantu.

■ 1140

Sebab kalau kita lihat graduan sains sukan ini kebanyakannya ialah menjadi guru di sekolah itu di peringkat latihan jasmani dan sebagainya. Saya tak nampak macam mana mereka ini yang mempunyai ijazah dalam sains sukan boleh membantu meningkatkan mutu sukan negara. Sebab bagi saya bahawa bila kita sudah ada lulusan ijazah sains sukan ini, sudah tentulah bahawa mereka itu boleh dimanfaatkan secara yang lebih meluas untuk menyemarakkan sukan negara.

Jadi saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimana Kementerian Belia dan Sukan khususnya hendak memanfaatkan graduan-graduan sains sukan ini dalam hendak membantu meningkatkan mutu sukan negara melalui penglibatan mereka secara yang lebih meluas dalam Institut Sukan Negara (ISN) dan juga Majlis Sukan Negara (MSN).

Kemudian, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu sejauh manakah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ini dan juga Kementerian Pendidikan dalam pelan interim KPM, Kementerian Pendidikan tahun 2011-2020 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu sebagai contohnya saya katakan bahawa satu murid satu sukan.

Jadi, bagaimana Kementerian Belia dan Sukan ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya matlamat hendak melahirkan bidang-bidang sukan yang hebat di negara kita ini dapat tercapai, sebab saya tak mahu nanti bahawa kalau sekadar Kementerian Pendidikan sahaja, baik iaitu untuk melahirkan satu murid satu sukan tetapi tanpa satu matlamat yang jelas yang digariskan oleh Kementerian Belia dan Sukan, saya percaya bahawa akhirnya ia tidak mencapai kepada sukan apa yang kita hendak.

Sebab saya melihat bahawa dalam tempoh 10 tahun – 15 tahun daripada sekarang ini, kita tidak boleh hendakkan semua jenis sukan tetapi kita kena pilih sukan-sukan mana yang boleh mengangkat martabat negara dan kita mempunyai kemampuan dan keupayaan dari segi latihan dan sebagainya untuk membentuk anak-anak daripada peringkat persekolahan khususnya daripada peringkat sekolah rendah lagi untuk kita mengenal pasti bakat-bakat yang ada pada diri mereka.

Jadi sebab itu saya minta sebab Kementerian Belia dan Sukan, kementerian yang bertanggungjawab dalam konteks pembangunan sukan secara keseluruhannya, menentukan matlamat sukan negara.

**Dr. Ooi Kian Ming [Serdang]:** Boleh mencelah sikit? Sikit sahaja, sikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar bahawa Kementerian Pendidikan ada menubuhkan satu ijazah yang dipanggil *International Diploma in Physical Education* yang digelar sebagai diploma tetapi pada hakikatnya hanya adalah bertaraf *certificate level 3 sahaja* dan apabila ini diberikan kepada guru-guru yang telah layak dengan diploma ini, mereka kompelin

bahawa pada hakikatnya apa yang mereka dapat adalah satu *certificate* 3 tetapi apabila mereka masuk dalam program itu, mereka ingat boleh dapatkan satu diploma. Adakah ini sesuatu yang perlu dijelaskan oleh Kementerian Pendidikan dan mungkin juga Kementerian Belia dan Sukan dari segi sukan ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Serdang bahawa ini juga harus dilihat oleh Kementerian Belia dan Sukan walaupun mungkin ini merupakan berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Akan tetapi oleh sebab ia berkaitan dengan persijilan, berkaitan dengan sukan dan sebagainya, maka sudah tentu Kementerian Belia dan Sukan harus mengambil...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kalabakan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tanggungjawab ini untuk memastikan supaya kita dapat memanfaatkan sepenuhnya tenaga manusia dalam bidang sukan ini. Ya, Yang Berhormat Kalabakan, ada apa? *[Ketawa]*

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Ini..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu mesyuarat semula sudah buat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah. Hendak bagi jalan Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat kena duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Kita sudah mesyuarat..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak tanya dia dahulu, sebelum itu..

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Kita sudah mesyuarat semula, tetapi saya mahu tanya..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat kena jelaskan sekarang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Kalabakan macam mana sekarang? Okey ya?

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Saya okey. Yang tak okey Yang Berhormat Pokok Sena sebab dia kalah. *[Ketawa]* Yang Berhormat Pokok Sena saya mahu tanya sebab soalan kepada Yang Berhormat Menteri itu terlalu *general*. Akan tetapi saya ada berminat satu sukan sahaja iaitu sukan bola sepak. Dalam negara kita sudah begitu lama sukan bola sepak ini, kita nombor 160 dalam dunia. Ini memalukan. Jadi kita mahu mungkin Yang Berhormat Pokok Sena boleh bertanya apa rancangan kementerian untuk meningkatkan taraf bola sepak supaya kita dapat nama di dunia.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hebat. Terima kasih rakan saya daripada Kalabakan. Ya, saya bersetuju. Oleh sebab itu saya katakan tadi bahawa apa peranan

Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pendidikan ini sebab di Kementerian Pendidikan ada meletakkan sasaran bahawa satu murid satu sukan. Ini matlamat jangka panjang.

Jadi seharusnya diselaraskan. Oleh sebab itu saya katakan bahawa kita tidak boleh melihat kepada semua jenis sukan sampai sukan yang tidak ada satu yang boleh menarik minat orang pun kita hendak berikan tumpuan juga, tetapi akhirnya kita tidak boleh mengangkat martabat negara. Jadi sebab itu kena pilih sukan-sukan sebab sukan bola adalah merupakan sukan yang menjadi tarikan semua orang dan ia satu sukan yang boleh mengangkat martabat negara dan imej negara. Maka sudah tentu tumpuan harus diberikan.

Jadi sebab itu saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kementerian ada menyediakan satu KPI untuk persatuan-persatuan sukan ini? Sebab saya lihat bahawa seperti mana FAM, BAM dan sebagainya juga olahraga punya, jadi maknanya sebab bagi saya bahawa mungkin mereka ada KPI mereka sendiri. Akan tetapi kita sebagai kerajaan dan juga kita sebagai rakyat dalam negara kita ini juga seharusnya kita juga hendak lihat apa KPI yang sebenarnya yang perlu dicapai oleh persatuan-persatuan sukan dalam negara kita ini. Sebab kalau tidak nanti, bahawa kita lihatlah macam mana apa yang berlaku pada hari ini tidak memperlihatkan satu pencapaian yang boleh membanggakan kita.

Jadi sebab itu saya minta supaya pihak kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan kepada saya.

Yang kedua ialah 020300 iaitu Pembangunan Belia. Saya melihat bahawa pembangunan belia ini suatu yang harus dilihat secara yang lebih menyeluruh seperti mana yang saya sebut sebelum ini dalam Kementerian Pelancongan iaitu kita harus membentuk budaya masyarakat kita khususnya budaya masyarakat belia ini iaitu masyarakat yang tidak boleh lagi hidup tanpa soal tetapi mereka ini adalah mereka yang sangat mempunyai daya pemikiran yang sangat tinggi dan kita harus memberi ruang kepada mereka dan memupuk tahap pemikiran mereka secara yang lebih meluas. Ini yang harus dilihat dalam konteks pembangunan belia.

Jadi sebab itu saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat sebab dalam negara kita ini ada Dasar Industri Kreatif Negara di IKN. Dahulunya di bawah Kementerian Penerangan dan Kebudayaan. Mungkin sekarang ini ia sudah masuk dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, sebab saya melihat bahawa Dasar Industri Kreatif Negara ini ada kaitan dengan anak muda sebab kalau kita hendak katakan bahawa orang yang mempunyai kreativiti yang tinggi sudah tentulah bahawa orang muda. Orang tua sudah maknanya pemikiran itu kadang-kadang sudah tepu. Sudah tepu yang mungkin tidak mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Berapa umur dia Yang Berhormat? Boleh tepu itu berapa umur?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang *stuck* itu berapa umur? Yang orang tua yang mula tepu fikiran itu *start* berapa umur?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang tepu itu kadang-kadang ialah bila orang tua ini dia pemikiran - kecuali ada, saya tidak menafikan bahawa ada orang tua yang masih ada kreativiti yang tinggi dan inovasi yang tinggi apabila dia banyak pembacaan, dia meremajakan pemikiran dia. Oleh sebab itu orang-orang tua juga harus meremajakan pemikiran dia. Tak cukup sekadar orang muda untuk menduduki dalam apa-apa persatuan tetapi kalau orang muda itu pemikiran dia seperti mana pemikiran orang tua. Macam siapa itu tadi? Sekijang, dia walau kadang-kadang tengok macam pemikiran orang tua tetapi orang belia. *[Ketawa]* Yang Berhormat Parit Sulong, dia meremajakan. Daripada Puteri dia masuk Wanita, dia meremajakan lagi, dia jadi puteri lagi.

■1150

Sebab itu dia nampak elok tidak macam Yang Berhormat Tenggara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, masa habis, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tenggara kadang-kadang tengok dia jadi macam Siti Tanjung Perak.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kadang-kadang dia garang itu nampak macam Siti Tanjung Perak. Kadang-kadang macam pelakon filem Melayu yang cukup hebat.

Sebab itu saya hendak katakan bahawa kita harus melihat soal dasar industri kreatif negara ini berkaitan dengan soal belia. Sebab itu saya hendak mendapatkan penjelasan bahawa bagaimana pihak Kementerian Belia dan Sukan memanfaatkan ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya baik. Ini kerana kalau kita melihat dunia dari segi perspektif ekonominya dan susur budaya Melayu, industri kreatif telah menyumbang sebanyak RM9.4 bilion kepada KDNK negara kita pada tahun 2008. Maknanya besar. Maknanya besar. Jadi, saya hendak tanya macam mana Kementerian Belia dan Sukan hendak memastikan supaya dapat membantu belia ini dapat mengambil manfaat daripada Dasar Kreatif Negara kita. Ini kerana saya difahamkan pada awal kewujudan penubuhannya ialah mereka hendak menyediakan Dana Industri Kreatif berjumlah RM200 juta. Jadi, sejauh mana penglibatan anak-anak muda golongan belia dalam negara kita ini.

Jadi, ini yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebab saya melihat bahawa Yang Berhormat Menteri sangat peka terhadap golongan belia dan saya juga peka pada belia sebab saya pun pernah muda macam Yang Berhormat Arau pun pernah muda. Sudah tentu kita hendak melihat generasi selepas kita ini, khususnya generasi Y ini ialah generasi yang mempunyai kreativiti yang boleh menghasilkan sesuatu yang terbaik untuk masyarakat dan juga negara kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat ya.



**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, yang akhir. Akhir sekali 040300 – Festival Belia Negara. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perbelanjaan sebenar yang dikeluarkan daripada tahun 2011 hingga tahun 2013 untuk Hari Belia Negara yang akhirnya pada tahun 2013 itu dinamakan kalau tidak silap saya Festival Belia Negara. Jadi, daripada tahun 2011 hingga tahun 2013 itu, berapa perbelanjaan yang telah pun dibuat.

Kedua, saya agak musykil bila melihat daripada Laporan Audit iaitu dalam pembayaran artis bagi tempoh 2011 hingga 2013. Dalam tahun 2012, untuk artis antarabangsa, untuk K-Pop ini, kalau ikut Audit ini ada dua item atau kolom. Pertama, sejumlah RM2,040,156 juta. Kemudian, yang keduanya dalam tahun 2012 juga, sebanyak RM1.6 juta. Maksudnya, memperuntukkan kepada artis K-Pop ini, artis luar negara kita ini sebanyak RM3.6 juta. Lebih kurang begitu. RM3.6 juta untuk tahun 2012 sahaja.

Jadi, saya fikir bahawa kenapa berlaku dua kali peruntukan ini? Apakah begitu besar yang terpaksa kita belanja kepada peruntukan bagi artis K-Pop. Saya hendak dapatkan penjelasan, apakah status Stadium First Sdn. Bhd. sekarang ini? Statusnya. Saya difahamkan sebelum ini sebab peruntukan ini diberikan kepada kontraktor penyelaras iaitu Stadium First Sdn. Bhd. Saya difahamkan sebelum ini bahawa Stadium First Sdn. Bhd. ini macam syarikat yang diwujudkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Saya hendak tahu sekarang ini apa status Stadium First Sdn. Bhd...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Yang perlu diperjelaskan. Akhir sekali, penggulungan, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Last.* Saya hendak minta tentang pewujudan penubuhan perhubungan strategik, cawangan perhubungan strategik dan aktiviti kendaliannya. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang berapa peruntukan yang telah pun dibelanjakan dan diberikan kepada cawangan strategik ini sejak ia diwujudkan. Adakah sebab kalau dilihat di sini macam ia tidak diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan. Jadi, saya hendak tanya daripada mana wang yang dibelanjakan oleh cawangan strategik seperti mana yang dilaporkan oleh Laporan Audit. Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, seperti yang diputuskan minggu lalu, saya cuma boleh panggil Yang Berhormat Bayan Baru dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mintalah Tuan Pengerusi. Ini penting juga. Masa pun kita ada lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**11.55 pg.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang sini untuk mendengar perbincangan kita. Saya ingin merujuk kepada Kepala B.030200 – Latihan Kemahiran Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan juga 020700 – Akademi Pembangunan Belia Malaysia. Perbelanjaan mengurus bagi kedua-dua badan tersebut telah dikurangkan. Perbelanjaan mengurus IKBN dikurangkan sebanyak lebih kurang 3.4% iaitu RM5.4 juta daripada RM158.4 juta pada tahun 2013 kepada RM153 juta sahaja pada tahun 2014. Perbelanjaan pembangunan IKBN juga dikurangkan sebanyak RM25.8 juta daripada RM56.2 juta pada tahun 2013 kepada RM30.4 juta pada tahun 2014. Perbelanjaan mengurus Akademi Pembangunan Belia Malaysia telah dikurangkan sebanyak RM500,000 atau 9.4% daripada RM5.3 juta pada tahun 2013 kepada RM4.8 juta pada tahun 2014.

Kita tahu bahawa IKBN ini cukup penting dan kita pun tahu bahawa peruntukan Festival Belia Negara ditambah sebanyak RM4 juta iaitu lebih kurang 67% daripada RM6 juta pada tahun 2013 kepada RM10 juta pada tahun 2014. Tiap-tiap tahun, Festival Belia Negara, setiap tahun bertambah. Akan tetapi IKBN yang pada pendapat saya cukup penting. Festivallah, pestalah, ini semua cuma tahu ingin memancing undi orang muda sahaja. Saya rasa itu tidak penting. Kita kena tumpukan kepada fundamental kita. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan apa rasionalnya di bawah Yang Berhormat Menteri yang baru untuk mengurangkan perbelanjaan bagi kedua-dua butiran IKBN untuk melatih belia tetapi peruntukan untuk Festival Belia Negara dan juga K-Pop dan sebagainya ditingkatkan.

Adakah Yang Berhormat Menteri *misplace of priority*? IKBN bertujuan untuk melatih belia yang berkemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional selaras dengan keperluan negara, manakala Akademi Pembangunan Belia berobjektif untuk melatih belia di peringkat akar umbi dalam bidang kepimpinan bagi menerap nilai-nilai kepimpinan yang murni dan luhur serta memberi kemahiran dalam bidang keusahawanan. Dalam keadaan *youth employment* dan *youth under employment* yang agak tinggi di kalangan anak muda, kita boleh dapati bahawa ramai kalangan anak muda, anak muda Cina terlibat di dalam kegiatan along, penjualan DVD haram. Anak muda India terlibat dalam gengsterisme, anak muda Melayu dalam kegiatan mat rempit dan sebagainya.

Anak muda Melayu, Cina, India, Iban, Dayak, Kadazan dan lain-lain terlibat dalam aktiviti yang kurang sihat dan tidak produktif kerana mereka tidak ada masa hadapan, tidak ada karier dan mereka rasa *marginalize*. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah statistik *youth unemployment* dan *youth under employment*. Adakah Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia dan Sukan mengutip data-data dan butiran tentang statistik dalam *youth employment, unemployment, under employment*. Ini cukup penting. Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh kutiplah statistik-statistik ini.

Sememangnya semua anak muda Melayu, Cina dan India ini patut kita serapkan dalam IKBN untuk diberi latihan kemahiran teknikal. Saya baru-baru ini sempat berbincang dengan seorang tokoh besar dalam sektor pembinaan. Beliau berkata dalam pengalaman beliau, jika

seseorang pekerja tempatan diberi *training* yang mencukupi. Katakan dalam pemasangan *scaffolding*kah, pemasangan riba dalam kerja-kerja *formwork*. Ia boleh menggantikan lebih kurang empat hingga lima orang pekerja asing.

#### ■1200

Sektor pembinaan sanggup membayar beribu-ribu ringgit untuk pekerja separuh mahir seperti mereka ini. Kita tahu dalam keadaan negara kita terlalu bergantung kepada pekerja asing tetapi apabila saya nampak negara Korea umpamanya, sektor pembinaan mereka tidak menggunakan pekerja asing. Sektor perkhidmatan mereka seperti *waiter*, *waitress*, *cook* dan sebagainya tidak membenarkan pekerja asing tetapi sektor-sektor di Korea masih berkembang pesat. Ini kerana tenaga kerja mereka diberi *training* yang mencukupi dan produktiviti mereka cukup tinggi.

Jadi saya ingin tahu setakat mana penglibatan anak muda pelbagai kaum dalam kemasukan ke dalam IKBN kerana kita mahu anak muda kita mempunyai produktiviti, diberi kemudahan *training* dan sebagainya. Saya amat terkejut apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pada pagi ini memberitahu Dewan bahawa lebih kurang satu juta warga Malaysia disiasat dalam kegiatan jenayah gengsterisme. Di antaranya Melayu lebih kurang 465,000, Cina – 160,000, India – 177,000 dan yang lain-lain 270,000. Saya agak terkejut anak Melayu, Cina, India, Iban, Dayak, Kadazan dan lain-lain terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan jenayah kerana mereka rasa tidak ada harapan untuk mereka dalam karier dan *training*.

Jika mereka ini diserapkan ke dalam IKBN, maka mereka akan mendapat sesuatu kemahiran dalam kehidupan seperti dapat mencari mata pencarian, ada *skill*, mungkin *graphic design*, *draughtsman* dan sebagainya. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, berapakah penglibatan pelbagai kaum di dalam IKBN? Apakah statistik peratusan kaum Melayu, India, Cina, Kadazan, Iban dan Dayak dalam IKBN? Apakah langkah-langkah untuk meningkatkan penglibatan kaum minoriti dalam IKBN? Contohnya kursus-kursus tertentu yang mungkin kalau boleh Yang Berhormat Menteri adakan dalam menggunakan bahasa Kadazan, Tamil atau sebagainya di IKBN ini.

Adakah Yang Berhormat Menteri juga adakan program *outreach* ke dalam komuniti seperti estet, perkampungan Iban, Kadazan dalam pedalaman untuk mendaftarkan orang muda yang tercicir dari sekolah. Mereka mungkin tidak melanjutkan pelajaran selepas *Form 2* atau *Form 3* kerana mereka kurang minat untuk belajar lagi. Bolehkah kita menerapkan mereka ini ke dalam IKBN? Apakah kursus-kursus tersebut relevan?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Satu lagi isu yang penting adalah kursus-kursus di IKBN ini adakah relevan dengan pasaran masa kini? Bilakah kurikulum tersebut dikaji semula yang terakhir ini kerana kita tidak mahu kursus

yang mungkin dirancang pada tahun 1999 tetapi sekarang selepas 14 tahun ia masih tidak ada *update* tentang kursus-kursus ini. Kita mahu kalau boleh dua atau tiga tahun sekali kerana kita tahu bahawa perkembangan teknologi dan sektor perkhidmatan ini rancak dan cepat serta *trending* itu agak penting.

Akan tetapi saya tahu Yang Berhormat Menteri cukup *trending* kerana dia muda, berwawasan, belajar di *overseas* dan dia memang pandai dalam isu ini. Saya rasa dia boleh jawab. Jadi kita harus menjamin bahawa belia-belia ini diberi *exposure* yang terkini dalam sektor-sektor profesion. Jika mereka menghabiskan masa satu hingga dua tahun kehidupan mereka di dalam IKBN maka kursus-kursus haruslah dikemas kini supaya mereka boleh mendapat pekerjaan dengan kadar yang cepat selepas mereka *graduate* dari IKBN ini. Dengan mendapat *certificate* atau diploma mereka boleh terus masuk ke pasaran pekerjaan. Itu sahaja yang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sebenarnya sepatutnya Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Menteri menjawab tetapi Yang Berhormat Kinabatangan berminat ya? Sepuluh minit ya. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**12.05 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang bijaksana sebetulnya menggunakan kebijaksanaan. Saya sekejap sahaja, cuma terpanggil untuk menyinggung Butiran 020300 – Pembangunan Sukan, Butiran 040000 – Program Kursus dan juga Butiran 030300 – Pembangunan Belia.

Menyentuh soal pembangunan sukan, saya Tuan Pengerusi melihat bahawa dalam negara kita ini tidak ada penyusunan awal sama ada daripada *Olympic Council* itu sendiri, daripada badan-badan sukan kita sendiri. Apa yang ada saya nampak kepimpinan sukan dalam negara ikut suka hati, ikut syok presidennya. Siapa presiden, maka itulah yang dia terap bukan memikirkan soal pembangunan sukan negara itu sendiri tetapi siapa presiden sukan maka dialah yang berkuasa. Kuasa bersama dia, sama ada memilih pemain, memilih atlet-atlet dan sebagainya. Kita lihat bagaimana *Olympic Council of Malaysia* mereka duit berjuta-juta tetapi tidak ada program yang boleh diselitkan sampai ke peringkat akar umbi.

Kalau kita lihat dokumentari bagaimana China, Rusia, Jepun atau negara-negara *South America* seperti Romania, Jamaica melahirkan Usain Bolt, China melahirkan pelari 4x100 meter, Rusia terkenal dengan Sergio Bustamante, Yelina dan macam-macam. Akan tetapi kita satu pun tidak ada! Apabila Yang Berhormat Menteri hendak merancang sesuatu untuk pembangunan sukan, maka presiden sukan itu pula *condemn* kementerian. Jadi kita bercanggah. Tidak jalan sama hala.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Kalabakan yang bola sepak kita nombor 160 dalam dunia. Baru-baru ini kita tegur tetapi pemain pun boleh marah apabila ditegur. Ini rasa saya sesuatu

yang sudah tidak kena dalam negara kita. Ahli Parlimen Ketereh, rakan saya merupakan orang yang betul-betul dedikasi dengan sukan bola sepak, memartabatkan sukan Kelantan dengan mendominasi bola sepak di negara kita. Akan tetapi akhirnya digantung. Orang yang baik-baik kita buang, yang kita mahu pakai yang tukang bodek sahaja. Ini masalah. Kalau ini berlaku bermakna matlamat kerajaan untuk mengangkat martabat sukan negara ini akan ranap, musnah dan sia-sia belaka.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta sedikit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tertarik dengan nama-nama yang disebut tadi, jaguh dunia Usain Bolt dan sebagainya. Kita dahulu juga Yang Berhormat Kinabatangan hampir-hampir masuk *semi-final* seperti Istiak Mubarak, kita ada M. Jagadeesan satu ketika dahulu, kita ada Rajamani, Rabuan Pit, Marina Chin. Bola sepak kita *qualified* pergi Olimpik di Jerman pada tahun 1972, Olimpik Moscow pada tahun 1980 walau pun kita tidak hantar pasukan pada ketika itu. Pada tahun 1974 pun kita dapat *bronze* di peringkat Asia.

Jadi, setujukah Yang Berhormat Kinabatangan ketika itu pada tahun 1960-an dan 1970-an adakah kerana atlet ketika itu tidak glamor, hanya betul-betul dedikasi untuk berkhidmat kepada negara tetapi hari ini ada atlet, pemain bola dan sebagainya ditegur pun sudah marah. Jadi apa komen Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang itulah yang berlaku. Pada ketika itu zaman 1980-an para atlet kita memikirkan komitmen yang tinggi ke arah memajukan sukan negara itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Akan tetapi pada hari ini terlalu berbeza di mana atlet besar telah kepala dan presiden-presiden persatuan sukan itu sendiri dia ada *macai* dia tukang bodek dia. Salah pun *yes boss, yes Sir!* Jadi itulah matlamatnya. Apabila ini berlaku kita tidak ada hala tuju yang sebenarnya. Bola sepak kita gagal, semua kita gagal.

#### ■1210

Siapa ada, presiden saya kata awal-awal tadi mesti ikut kata presiden. Kalau tidak orang yang baik pun akan disingkir. Macam program di China contohnya, dia akan memilih di daerah-daerah remaja-remaja empat tahun yang ada minat ke arah itu, dia akan didik, dia akan dilatih dengan apa cara sekalipun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, sama juga dengan pandangan Yang Berhormat Jerlun. Saya fikir sudah sampai waktu dan ketikanya kita berlapang dada melihat kepada kepentingan negara. Ketika ini dalam bidang sukan tentulah kita mahu supaya lonjakan kita buat untuk meletakkan bola sepak menjadi suatu sukan yang boleh kita banggakan.

Saya fikir hari ini Yang Berhormat Kinabatangan, apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju peraturan-peraturan yang menyekat, mengongkong dan membunuh kita ini mesti kita kena ubah. Kita jangan membunuh bakat yang ada, bakat pemain kita jangan bunuh, bakat pemimpin yang ada pun jangan kita bunuh. Saya bersetuju dengan pandangan kementerian, kita menegur bukan individu, kita menegur institusi kerana yang kita sayang ialah institusi itu. Kita hendak letakkan di tahap yang tinggi. Apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju bahawa hari ini mesti berlapang dada, letakkan kepentingan bola sepak, buang peraturan-peraturan yang mengekang dan mengongkong kita dan kita mesti berlapang dada. Beri kebebasan kepada individu yang boleh membantu dan melonjakkan masa depan kita. Minta penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Memang itulah yang sebetulnya sebab...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu sebelah. Saya juga sangat berbesar hati kalau Yang Berhormat Kinabatangan selepas ini gulung dan Menteri menjawab.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kita mahu menaiktarafkan sukan bola sepak, sukan badminton ataupun sukan *basket ball*. Tidak kisah mana-mana sukan pun, kita mahu membela nasib. Mustahak kita mesti bantu, bagi peruntukan. Kalau tidak, mana-mana persatuan pun tidak ada peruntukan menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan yang ada. Janganlah kita cuma *concentrate* satu sahaja, macam kita cuma *concentrate* sukan badminton sahaja.

Kalau mula-mula badminton tidak ada kerajaan bagi peruntukan, sampai hari ini saya rasa kita tidak ada nama dalam dunia termasuklah lain-lain, saya haraplah, Menteri yang baru daripada Ketua Pemuda, harap kita boleh membantu generasi muda yang mana kita boleh. Janganlah tidak beri sedikit pun peruntukan. Mereka hendak cari *coach* pun tidak dapat. Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong dan juga Yang Berhormat Bintulu. Yang Berhormat Bintulu ini untuk makluman ialah Presiden Bola Keranjang Malaysia kita. Jadi, dalam negara kita ini ada dua kumpulan iaitu satu persatuan itu kaya-raya dan beberapa kumpulan atau persatuan itu miskin dan mengharapkan presidennya sebab itu mungkin *basket ball* ini pilih Yang Berhormat Bintulu sebab dia mampu derma tetapi bukan itu yang kita mahu sebetulnya.

Kita saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong bahawa kita tidak ada personal *attack* dengan mana-mana presiden sukan tetapi entiti sukan itu sendiri kita sayang. Jadi, saya harap Yang Berhormat Kota Bharu pun, kalau kita sentuh soal FAM ini jangan terus bangkit *on defend* ya. Kalau boleh kita sama-sama menjurus ke arah kepentingan sukan sendiri iaitu melihat pembangunan sukan.

Saya tahu Majlis Olimpik Malaysia ini banyak duit tetapi ia tidak mahu belanja pada persatuan-persatuan sukan untuk benar-benar boleh mewujudkan komitmen sukan yang tinggi

dalam negara kita. Jadi akhirnya Tuan Pengerusi, kita berbicara soal sukan ini tidak putus-putus. Setiap kali ada persidangan kita akan bersuara sebab kemelut sukan itu berlaku di bawah. Tidak ada sesuatu penyelesaian yang boleh kita lihat.

Jadi, masalah ini masalah negara Tuan Pengerusi. Kalau ada peluang saya mahu berucap sampai jam 2 petang sebab rakyat di luar mengharapkan kita menyuarakan soal sukan, *mostly* bola sepak, badminton kita, kita ada Lee Chong Wei. Selepas Lee Chong Wei saya tidak tahu siapa. Mungkinlah kita ada tanya *why*, kenapa tidak ada? *[Disampuk]* Tidak tahu 10 tahun kita boleh adakah pemain badminton seperti Lee Chong Wei walaupun sebetulnya saya suka Lee Chong Wei ini tetapi kalau dia jumpa Lin Dan, dia habis. Dia punya badi sama Lin Dan sahaja. Dia boleh menjadi pemain nombor satu dunia tetapi dia jumpa *the best player in the world*, dia kalah. Lin Dan jarang main tetapi dia *aimed* dua, tiga seperti Olimpik, Piala Dunia, macam-macam. Dia akan *target* itu, dia mesti dapat. Kita mahu ada pemain yang seperti itu, walaupun bukan nombor satu dunia tetapi apabila negara memerlukan medal, dia dapat.

Bermakna ada suatu konsep perlu kita injek dalam diri pemain-pemain kita itu iaitu kekentalan itu mesti mahu ada sebab Lin Dan pun makan nasi, bukan makan besi. Kenapa dia tidak boleh dikalahkan? Kalau dari segi usia, tidak jauh beza, setahun hingga dua tahun sahaja tetapi dia boleh *demoralize* pemain kita seperti Lee Chong Wei. Jadi, kita mahu persatuan-persatuan sukan harus ada komitmen yang tinggi, bekerjasama dengan kementerian, dengan Menteri. Saya tahu, saya bukan bodek Menteri ini tetapi dia benar-benar ingin memajukan sukan itu sendiri, ingin memajukan belia.

Justeru itu, *last* sekali, untuk memajukan belia saya minta IKBN ini kalau boleh dinaiktarafkan kepada teknologi bukan lagi kepada institut. Teknologi yang boleh melahirkan belia-belia yang menguasai ilmu yang tinggi, yang boleh bersukan dan boleh juga menempatkan diri dalam bahagian-bahagian teknologi seperti yang kita lihat di negara Eropah, walaupun dia pemain tetapi dalam akademik dia mempunyai diploma, *degree* dan sebagainya. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**12.16 tgh.**

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin ucapkan syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat membangkitkan beberapa isu-isu penting mengenai Kementerian Belia dan Sukan terutamanya di peringkat yang lebih terperinci lagi dalam perbahasan Belanjawan 2014.

Tuan Pengerusi, saya akan cuba menjawab sepenuhnya sebelum kita tamat sesi pagi pada jam 1 petang nanti. Pertamanya Tuan Pengerusi, kementerian menghargai komen Yang Berhormat Pasir Mas mengenai aspek kerohanian dalam program pembangunan belia dan perlunya kepada usaha yang berterusan dan gigih untuk kita meningkatkan lagi program-program kerohanian terutamanya untuk membentuk belia yang maju dalam segala aspek.

Dalam perkara ini, kita telah melaksanakan program belia yang berbentuk kerohanian, antaranya Seminar dan juga Program Pementapan Akidah Generasi Muda, Penghayatan Maal Hijrah, Penghayatan Israk' Mikraj, Penghayatan Maulidur Rasul, Bengkel Belia Hadhari, Program Y-Cemerlang yang memperkasa pengetahuan fardu kifayah kepada belia muslim, Kem Solat Sempurna, Program Cahaya Harapan, Kem Kendiri Belia dan juga *Training of Trainers* bagi pembimbing inspirasi muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KBS sedang bekerjasama dengan pihak YADIM iaitu Yayasan Dakwah Islam Malaysia dalam Program Kepimpinan Muda Islam atau **KIAD**. Tujuan program ini untuk membangunkan belia masa depan berjiwa holistik dari segi jasmani dan intelektual dan program ini menyasarkan 10,000 peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 juga mahasiswa universiti dalam tempoh lima tahun daripada tahun 2014 dan 2018. Ini adalah pembaharuan yang kita telah buat untuk kita banyakkkan lagi aspek program kerohanian ini. Untuk makluman Yang Berhormat juga, program kerohanian telah kita banyakkkan untuk Program Festival Belia ataupun Himpunan Belia.

#### ■1220

Ini adalah maklum balas yang kita terima daripada tahun lepas. Tahun ini kita telah banyakkkan lagi segmen modal insan. Antaranya Forum Perdana, Tilawah, Pertandingan Lagu-lagu Agama dan Pertandingan Busana Muslimah yang mana kita akan pastikan bahawa oleh kerana dapat sambutan yang baik pada tahun ini akan kita teruskan pada sambutan-sambutan pada tahun-tahun akan datang.

Yang Berhormat Sekijang telah memberi saranan agar pihak kementerian menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi lain untuk Program Pembangunan Ekonomi Belia. Untuk makluman Yang Berhormat, oleh kerana kekangan peruntukan yang ada pada Kementerian Belia dan Sukan sendiri, kita memang bukan hanya terpaksa tetapi memang kita hendak bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain yang secara langsung ada tanggungjawab untuk membangunkan keusahawanan. Antaranya Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kemajuan Wilayah, TEKUN, MARA, SME Corp dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara program yang kita telah pun dan akan laksanakan adalah pasar belia atau pun *youth* bazar, kerjasama antara MITI, MARA, TEKUN, SME Corp dan SME Bank, Kursus Asas Keusahawanan, Kursus Teknikal Tani dan juga beberapa lagi kursus supaya kita dapat menggunakan kemudahan yang ada dan juga peruntukan yang sedia ada di bawah kementerian berkenaan untuk kita membangunkan lagi keusahawanan di kalangan belia.



Kementerian juga terlibat dalam pelaksanaan Program *National Blue Ocean Strategy 9* iaitu **1Malaysia Entrepreneurship** (1MeT) yang telah dilancarkan pada *Global Entrepreneurship Summit* baru-baru ini yang mana satu inisiatif oleh *Treasury*, Kementerian Kewangan Malaysia untuk menggalakkan dan memupuk usahawan generasi muda supaya mencapai kejayaan di dalam bidang yang mereka ceburi.

Yang Berhormat Lenggong telah membangunkan isu mengenai PLKN sama ada KBS boleh diambil alih PLKN daripada Kementerian Pertahanan. Itu adalah keputusan Jemaah Menteri yang mana telah dibuat bahawa terus kekal bersama dengan Kementerian Pertahanan buat masa ini. Akan tetapi dibangunkan isu Program Jatidiri Kesukarelawan Nasional atau pun (PJKN). Pada tahun 2006 hingga 2013 untuk makluman Yang Berhormat daripada Lenggong sebanyak 406 Program PJKN telah dianjurkan dengan penglibatan seramai 67,160 peserta. Jadi, satu jumlah yang begitu ramai sekali dan mendapat sambutan yang cukup baik.

Cadangan perwujudan alumni PJKN, kementerian memang bercadang untuk mewujudkan program susulan dan pemantauan kepada bekas peserta ini supaya ada kesinambungan daripada Program PJKN yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya dapat diperkasakan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Katil, kementerian dari...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, Lenggong sedikit.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya? Sekejap ya sebab banyak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sedikit sahaja. Cuma Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, beri Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya yang PJKN ini, oleh kerana kita lihat bahawa dari segi keupayaan dan kemampuan kerajaan untuk menambahkan bilangan peserta dalam PLKN begitu terhad sedangkan orang muda ramai, apakah boleh kementerian boleh menambahkan bilangan program yang ada di kementerian itu.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya, saya faham. Bukan semua belia atau pun bukan semua *cohort* yang layak untuk ke PLKN dapat masuk ke PLKN. Kalau tidak silap saya 1/5 sahaja. Jadi, kita akan cuba untuk perbanyakkan lagi program seperti PJKN untuk mereka yang tidak dapat ke PLKN. Saya faham kebimbangan Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Katil, kita ada Program Belia Tani dimana kementerian turut melibatkan usahawan belia berkaitan pertanian dan industri asas tani tetapi kita bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga kita bekerjasama dengan MOA dari semasa ke semasa demi meningkatkan lagi penglibatan belia dalam bidang pertanian.

Menyentuh mengenai isu penglibatan belia dalam jenayah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar. Untuk makluman pada tahun 2014 Bahagian Pembangunan Rakan Muda KBS akan melaksanakan satu *Program Social Inclusion, Inclusivity Social* bagi membantu

mengurangkan jenayah di kalangan belia yang berpotensi terdedah dengan jenayah dan gengsterisme. Kawasan-kawasan yang telah kita kenal pasti dengan kerjasama daripada pihak PDRM adalah kawasan *blackspot* yang mana kita telah bekerjasama dengan PDRM, KDN, PBT dan juga NGO.

Kita buat program di kawasan-kawasan yang berkenaan supaya kita mengamalkan bahawa pencegahan itu lebih baik daripada tindakan selepas jenayah itu berlaku. Jadi, program ini dapat sambutan yang baik daripada PDRM dimana mereka tertumpu kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang tetapi KBS mengambil tindakan dari segi *social inclusion* program di mana kita melihat kepada *root cause* atau pun punca sebenar belia ini terlibat dalam gengsterisme dan sebagainya. Kita akan melaksanakan di seluruh negara dengan pengisian pelbagai program termasuklah *mentoring system*, promosi kesedaran anti jenayah, latihan mempertahankan diri, tawaran kerjaya melalui IKN, pinjaman untuk keusahawanan supaya mereka ada laluan masa depan, laluan kerjaya yang berbeza daripada hanya mereka melihat kepada jenayah sebagai satu-satunya jalan keluar daripada kemiskinan yang dihadapi oleh mereka.

Perkara ini adalah salah satu program yang diilhamkan oleh Timbalan Menteri saya sendiri Dato' Saravanan yang mana beliau telah melihat bahawa program ini juga harus memberi impak kepada belia-belia tidak kira kaum tetapi seperti mana yang kita tahu *disproportionate amount of Indian youth* terlibat dalam jenayah atau pun berisiko tinggi, terlibat dalam jenayah dan kita akan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan berkenaan.

Menyentuh perancangan kementerian untuk membantu Gerakan Pertubuhan Belia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat kementerian sentiasa memandang serius usaha untuk kita perkasakan dan membantu persatuan belia. Antara bantuannya kita melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara menyalurkan bantuan pelaksanaan aktiviti kepada persatuan belia *on the case by the case basis*. Kita melihat kepada program, kalau program itu menepati sasaran, KPI tinggi, *track record* baik, maka kita tidak ada masalah untuk membantu dari segi pelaksanaan program.

Penganjuran Program Kompetensi Kepimpinan dan Program Kepimpinan Organisasi sentiasa dilaksanakan dan kita melibatkan persatuan-persatuan pertubuhan belia untuk terlibat dalam program pematapan organisasi dan kepimpinan yang dianjurkan oleh KBS. Kita mengutamakan penyertaan ahli persatuan dalam program-program yang kita anjurkan selain daripada bantuan tadbiran yang kita bagi kepada persatuan-persatuan belia.

Berkaitan dengan kriteria pertubuhan belia yang layak menerima bantuan yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Bukit Katil, ini adalah perkara yang biasa. Yang layak diberi pertimbangan adalah badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan, Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, Sektor Rakan Muda di IPTA, IPTS yang berdaftar dengan Jabatan Belia dan Sukan Negara dan NGO yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan bergabung di bawah Majlis Belia Malaysia. Bagi

mereka yang tidak tersenarai, mereka boleh dapat bantuan daripada iM4U atau pun pihak sekretariat iM4U.

Tuan Pengerusi, mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Bukit Katil dan Pasir Mas berkenaan insentif kepada Persatuan Belia. Jumlah peruntukan bantuan yang disalurkan kepada 180 NGO belia adalah sebanyak RM13.1 juta meliputi bantuan tadbiran peringkat kebangsaan, negeri, daerah badan beruniform dan bantuan pelaksanaan aktiviti dan program.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bukit Katil juga bangun membangkitkan tentang peruntukan bagi Parlimen Belia Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan untuk melaksanakan Parlimen Belia Malaysia adalah sebanyak RM1.37 juta yang meliputi perbelanjaan bagi melaksanakan promosi kursus prapersediaan dan persidangan Parlimen Belia termasuk tambang, penginapan dan sebagainya. Program Pemantapan Ahli Parlimen Belia dan program susulan Ahli Parlimen Belia bukan hanya mereka bersidang tetapi kita bawa kepada program-program yang lain yang ada di lapangan.

Peruntukan bagi Karnival Mesra Belia 1Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Untuk makluman peruntukan Karnival Mesra Belia 1Malaysia bagi tahun 2011, 2012, 2013 adalah daripada peruntukan tahunan yang sedia ada. Bagi tahun 2014, peruntukan di bawah 060400 sebanyak RM15 juta bagi pelaksanaan Program Karnival Fiesta Mesra Belia 1Malaysia bertujuan pelaksanaan sambutan Hari Belia Negara di peringkat daerah bagi membolehkan Hari Belia Negara dapat dirasai dan diraikan oleh belia di seluruh negara. Kalau dahulu-dahulu kita bagi tumpuan yang lebih kepada Putrajaya tetapi saya minta supaya kita dapat turunkan peruntukan itu kepada daerah agar mereka dapat menganjurkan lebih banyak lagi program dan aktiviti sempena dengan program atau pun hari belia yang akan diraikan di Putrajaya.

Cadangan daripada Yang Berhormat Lenggong keutamaan Hari Belia pada 15 Mei cadangan yang baik dan *insya-Allah* kita akan kekalkan 15 Mei sebagai Sambutan Hari Belia Negara. Untuk makluman mengenai isu-isu daripada Laporan Ketua Audit Negara berkenaan dengan pembaziran dan tuduhan pembaziran semasa penganjuran dan juga kad keahlian Rakan Muda yang dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, saya rujuk kepada keterangan yang telah diberi oleh mantan Menteri pada Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang telah dibuat dua minggu yang sudah berkenaan dengan isu-isu tersebut.

Saya rasa semuanya telah dijawab dalam keterangan tersebut dan tidak perlu saya mengulangi. Cuma ada permintaan daripada Yang Berhormat Pokok Sena tadi mengenai perbelanjaan keseluruhan. Yang Berhormat Pokok Sena tadi yang bangkitkan isu perbelanjaan keseluruhan? Perbelanjaan keseluruhan bagi Festival Belia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi adalah bagi tahun 2011 - RM14,181,647, bagi tahun 2012 – RM27,576,819 dan tahun 2013 – RM17,903,000. Jadi itu keseluruhan untuk perbelanjaan sambutan Festival Belia termasuklah program-program yang berlangsung sebelum Festival Belia itu berlangsung. Ini sebab kita bukan hanya di Putrajaya sahaja tetapi ada juga sambutan kecil-kecilan dibuat sebelum festival itu berlaku.

Berkenaan dengan penambahan peruntukan sebanyak RM4 juta kepada Festival Belia Putrajaya adalah kerana ia merangkumi perbelanjaan untuk penganjuran aktiviti di peringkat daerah, negeri dan seterusnya. Jadi saya hendak maklumkan bahawa perbelanjaan sebenar pada tahun lepas ataupun tahun ini adalah RM17.9 juta. Jadi sebenarnya kita kurangkan sedikit perbelanjaan untuk Festival Belia kita tahun depan. Seperti mana yang saya sebutkan tadi kita ada segmen dirancang iaitu Jom Ke Putrajaya yang meliputi program-program yang akan bermula daripada daerah, negeri dan sebagainya. Sebagai contoh dahulu kita hanya melibatkan futsal. Futsal pertandingan bermula daripada daerah, negeri pergi ke Putrajaya. Saya minta supaya kita pergi buat banyak lagi bukan hanya futsal tetapi pelbagai lagi sukan bermula daripada daerah - program pertandingan Tilawah Al-Quran. Contohnya kita buat daripada daerah, negeri sampai ke Putrajaya. Program pidato kita buat daripada pertandingan pidato kita buat daripada daerah, negeri, ke Putrajaya. Jadi penglibatan daripada belia daripada kawasan luar bandar di seluruh pelosok tanah air akan dirasai sebelum ke Putrajaya.

Tuan Pengerusi ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tetapi saya tidak sempat hendak tangkap berapa jumlah tetapi saya dok tengok dengan apa yang disebut oleh audit itu agak berbeza. Ini sebab kalau dilihat di sini tahun 2012 – RM28.91 juta, tahun 2013 – RM18.07 tadi Yang Berhormat kata kalau tidak silap saya RM17 juta. Jadi nampak macam ada perbezaan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya minta maaf Yang Berhormat ada lari sedikit yang saya pun perasan yang maklumat kita ada 27 maklumat yang tahun 2013 - RM17.9 jadi dia lari sedikitlah. Jadi saya akan kaji saya akan jawab bertulis - lari pun tidak banyak, bukannya lari banyak sangat dia lari sedikit sahaja. Lari sedikit sahaja tetapi kita akan jawab saya akan buat penjelasan nanti.

Mengulas cadangan bagi mewujudkan lebih banyak program latihan bagi bidang-bidang baru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Untuk makluman Yang Berhormat, kita amat prihatin kepada belia yang tidak dapat bersama dengan pendidikan arus perdana dalam IPT dan juga latihan kemahiran awam. Oleh sebab itu walaupun kita tidak bercadang untuk menambah bilangan IKBN di seluruh negara. Akan tetapi kita ada perancangan untuk memperluaskan lagi skop IKBN dan juga menambahkan lagi bilangan pelajar-pelajar IKBN melalui pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Kapar telah bangkitkan dan juga Yang Berhormat Bayan Baru telah bangkitkan tadi mengenai pengurangan dari segi peruntukan yang telah diberi kepada IKBN dan itu satu kerisauan.

Akan tetapi saya hendak jelaskan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa IKBN sebenarnya dapat penambahan RM15 juta yang tidak termasuk dalam *vot* ataupun dalam Kepala

Maksud dalam Kementerian Belia dan Sukan. Dia ada dalam Kepala Maksud B.11 – Kementerian Kewangan di bawah *double shift* ataupun di bawah pasukan Bajet MOF. Jadi perkara oleh kerana pengumuman istimewa ataupun pengumuman khas yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya penambahan bagi IKBN adalah RM15 juta. Jadi satu peningkatan yang agak tinggi seperti mana yang telah dipohon oleh Kementerian Belia dan Sukan. Perkara ini ada, saya ulangi di bawah Kepala Maksud B.11 – Kementerian Kewangan di bawah tajuk perkara Pasukan Bajet Kementerian Kewangan. Itu yang akan datang kepada IKBN nanti.

Berdasarkan kepada Kajian Kebolehpasaran Graduan IKBN, kita dapati bahawa untuk lepasan IKBN berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri sekejap ya.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri tadi saya ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya tertarik dengan peruntukan RM15 juta yang diperuntukkan di bawah Kementerian Kewangan. Saya hendak minta apa fungsi peningkatan RM15 juta tersebut. Ini sebab saya nampak di sini kita kurangkan di dalam IKBN kita turunkan RM25.8 juta pembangunan. Okey dan kita kurangkan RM5.4 juta untuk mengurus jadi total lebih kurang lebih daripada RM30 juta pengurangan. Dengan tambahnya RM15 juta itu pun kita rugi dalam KBS kita rugi RM15 juta. Saya hendak minta apa bezanya kalau *left pocket take out* RM30 million then *right pocket* masuk RM15 juta, masih rugi lagi. Minta menteri jawab, terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ahli Yang Berhormat, yang jumlah besar itu adalah daripada pembangunan sebenarnya sebab kita tidak perlukan dari segi pembangunan baru bagi IKBN. Sebenarnya dari segi pengurangan yang sebenar yang bagi *effect* kepada kita adalah dari segi Maksud Bekalan 45 iaitu Perbelanjaan Mengurus yang telah kurang daripada RM158 juta kepada RM153 juta iaitu pengurangan dalam RM5 juta sahaja. Dari segi pembangunan kita tidak perlukan pembangunan buat masa ini. Pengurangan dari segi perbelanjaan mengurus itu dapat kita tampung dengan kos *saving* dan juga dengan tambahan....

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi Menteri RM15 juta untuk tujuan apa?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya akan *explain*, ya saya akan *explain*. Untuk RM15 juta itu secara spesifik adalah untuk menampung pelaksanaan *double shift* melibatkan pertambahan pelatih IKBN seramai 5,000 orang. Kalau sekarang ini kita ada 10,000 orang dengan adanya RM15 juta ini kita tambah lagi 50% tanpa kita membina sebuah IKBN yang baru sebab itu pembangunan kita kurangkan. *We don't need to build any new IKBN* kita *just* dari segi penambahan melalui *double shift*. Secara spesifik untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RM15 juta ini kita akan menggunakan untuk pembelian peralatan asrama untuk 4,000 pelajar baru, pembayaran tenaga pengajar melibatkan seramai 266 orang dengan upah RM1,600 dan diambil secara kontrak. Yuran

persijilan, elaun pelajar, makan minum pelajar, tambahan yang kita akan ambil jadi itu yang kita gunakan untuk RM15 juta yang diberi oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya hendak jawab sedikit juga kepada Yang Berhormat Bayan Baru tadi dia ada sentuh sedikit tentang mengenai IKBN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru pecahan pelajar mengikut kaum di IKBN bagi tahun 2013 Melayu – 81%, Cina – 2.5%, India – 2.5% dan kaum-kaum lain termasuk Dayak, Iban dan kaum-kaum yang lain – 9.1%. Jumlah ini berdasarkan kepada minat pengambilan dan juga permohonan yang kita terima. Namun begitu ada kursus yang kita sediakan yang telah dapat sambutan daripada belia kaum Cina secara khusus yang tidak termasuk dalam kursus *fulltime*. Kursus ini kita panggil penilaian pencapaian terdahulu.

Kita dapati bahawa ada ramai belia Cina yang sudah ada pengalaman but *they don't have the* sijil. So kita jemput mereka untuk tunjuk kemahiran mereka supaya kita dapat bagi sijil so kita panggil penilaian pencapaian terdahulu. Seramai 2,000 orang sejak tahun 2014 dalam bidang automatif, motosikal dan juga kecantikan dan juga bidang rambut telah melalui kursus tersebut.

#### ■1240

Akan tetapi saya sambut baik saranan daripada Ahli Yang Berhormat, kita juga akan perbanyakkan lagi usaha untuk mempromosikan kursus-kursus IKBN di kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu sebab nampak 81% Melayu. Saya telah bincangkan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya, contohnya isu Program Social Inclusion yang saya sebutkan tadi yang dibentuk untuk mengurangkan jenayah, dapat kita tambah masuk peluang ke IKBN supaya ramai lagi belia dan juga remaja daripada pelbagai latar belakang kaum dan sebagainya dapat turut terlibat dalam IKBN kita.

Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, isu kekurangan kelayakan guru agama di IKBN satu perkara yang serius. Saya ucapkan terima kasih yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah mengambil langkah berkaitan perkara ini di mana para guru agama atau pun ustaz yang dilantik dari JAKIM di lima IKBN baru iaitu IKBN Kemasik, Pekan, Bandar Penawar, Kuala Langat dan di Naka mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya di peringkat diploma dalam bidang kepakaran mereka. Usaha-usaha ini akan saya perluaskan kepada IKBN-IKBN lain pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada isu sukan pula, isu sukan. Ini perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Kinabatangan dan juga rakan-rakan yang lain mengenai teguran yang telah dibuat oleh kementerian terhadap persatuan-persatuan sukan. Sebenarnya sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam memajukan pembangunan sukan, tanggungjawab kementerian untuk membuat teguran ini biasa dan kalau kita tidak dapat buat teguran kepada mana-mana persatuan sukan, tidak kiralah sukan apa pun, tidak kiralah persatuan apa pun dan persatuan sukan itu menganggap diri mereka sebagai kebal, maka tidak akan ada apa-apa peningkatan.

Saya memahami apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu, mungkin oleh kerana kedudukan beliau sebagai Ahli Parlimen dan juga terlibat dalam persatuan sukan yang berkenaan, terpaksa bangkitkan perkara tersebut. Saya tidak cari perang atau pun saya tidak cari masalah dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia tetapi seperti mana Yang Berhormat dengar sendiri dalam Dewan ini sahaja ada macam-macam perasaan mengenai prestasi pasukan atau pun prestasi sukan bola sepak kita. Jadi dalam perkara yang disentuh iaitu pelantikan Ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Ketereh, saya buat pelantikan itu kerana saya hendak semua terlibat dalam Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara. Saya tidak mahu *exclude* siapa-siapa. Kita hendak ambil pendekatan yang *inclusive*, supaya semua dapat memberi pandangan kepada jawatankuasa tersebut yang dipengerusikan sendiri oleh saya, yang dipertanggungjawabkan atas pembangunan bola sepak daripada umur 7 tahun sehingga 17 tahun.

Ini juga menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kinabatangan, Ahli Yang Berhormat daripada Kalabakan, apa yang kita sedang buat, kita sedang merangka satu Pelan Pembangunan Bola Sepak Nasional yang akan dibentang atau dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Januari. Jawatankuasa ini ditubuhkan atau pun pernah ditubuhkan dan diteruskan untuk memastikan bahawa input penting dapat dimasukkan ke dalam program dan juga Pelan Pembangunan Bola Sepak Nasional atau pun negara. Dalam hal ini, saya buat lantikan itu atas kapasiti saya sebagai pengerusi jawatankuasa, atas kerusi saya sebagai Menteri berkenaan, berpunca kepada kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Akta Pembangunan Sukan dan saya dapati bahawa tiada masalah.

Saya juga melihat kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan pergantungan ke atas Ahli Parlimen Ketereh. Ini perkara yang Persatuan Bola Sepak Malaysia juga kena memahami, bila saya sebagai Menteri melihat bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh telah digantung oleh FAM di bawah Perkara 88 pada awal tahun lepas kalau tidak silap saya, tetapi Persatuan Bola Sepak Malaysia masih lagi membenarkan Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh buat sidang akhbar, mengumumkan macam-macam mengenai pasukan negeri Kelantan, bukankah itu juga aktiviti bola sepak? Kalau sekiranya hendak kuatkuasakan pergantungan, *we firm about it*. Maksudnya, sidang akhbar yang mengumumkan pelan dan juga pasukan negeri Kelantan untuk tahun depan juga adalah aktiviti bola sepak.

Jadi saya tengok kalau kementerian atau pun kalau Persatuan Bola Sepak Malaysia bagi kelonggaran, mungkin kelonggaran itu dapat diaplikasikan kepada jawatankuasa. Oleh sebab jawatankuasa bukan *operational*, jawatankuasa tidak terlibat secara *operational*. Ia cuma bagi idea dan input kepada Menteri. Saya lantik beliau bukan sebagai Timbalan Presiden FAM, tetapi sebagai Ahli Parlimen seperti mana juga Ahli Parlimen daripada Jerlun. Akan tetapi malangnya saya diberitahu bahawa FAM telah merujuk perkara ini kepada AFC, soal sidang akhbar semua tidak hendak merujuk.

Oleh sebab itu FAM dia benarkan Ahli Parlimen daripada Ketereh teruskan aktiviti bola sepak sebab *unwritten*, tidak hendak kuat kuasa sepenuhnya. Akan tetapi dalam hal ini dirujuk

kepada AFC, yang ini dirujuk kepada FIFA, dirujuk kepada AFC. Malah AFC kata tidak boleh terlibat. Jadi saya akan bincang dengan Ahli Parlimen Ketereh, sebab saya hendak semua terlibat. Saya hendak FAM terlibat. Program ini tidak akan dapat dijayakan tanpa penglibatan FAM. Saya Menteri saya tahu. FAM mesti ada dalam Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak. Saya akan bincang dengan Yang Berhormat Ketereh.

Cuma saya maksudkan bila bangkitkan perkara ini, tidak boleh ada dwi-standard, tidak boleh *double standard* di mana, okey sidang akhbar diteruskan, apa program KAFA diteruskan. Kita *turn a blind eye to that*, tetapi bila datang daripada jawatankuasa ini pula, oleh kerana mungkin tidak tahulah kenapa *selective application of the suspension*. Saya minta supaya perkara ini dirujuk semula kepada jawatankuasa yang terlibat, yang berkenaan di FAM. Apa yang dibangkitkan oleh...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, minta pencelahan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Ruang ini saya ambil kerana melihat kesungguhan Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan masalah sukan yang memartabatkan sukan utama dalam negara ini sebagai pilihan rakyat Malaysia. Melihat daripada kesungguhan Yang Berhormat Menteri untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membangun dan membangkitkan dan mengangkat martabat sukan bola sepak, ini satu agenda yang baik dan juga kekangan yang dapat Yang daripada Berhormat Menteri tadi ialah atas sikap pengurusan pentadbiran tertinggi bola sepak negara ini.

Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya supaya bidang-bidang kuasa tertentu yang diberikan mutlak kepada FAM ini dikaji semula supaya pelebaran sukan ini tidak tersepit dengan undang-undang yang menyekat kebebasan bersuara, pandangan untuk mengangkat martabat sukan ini? Apakah Yang Berhormat Menteri berkesudian dengan pandangan Kuala Langat untuk memikir semula tentang undang-undang yang menyekat Yang Berhormat Ketereh daripada meneruskan agenda utama memperkasakan bola sepak di Kelantan contohnya dan terpaksa dihukum. Apakah ini perlu dibuat? Kalau perlu, segerakan. Tidak perlu kita menuding jari atau pun kita mengambil langkah negatif untuk berperang. Ini memudaratkan bola sepak. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih. *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Mersing bangun.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya, Yang Berhormat Mersing saya tidak banyak masa. Dalam 10 minit

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Sekali Yang Berhormat Menteri. Boleh Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Boleh. Boleh. Tidak payah duduk, saya berdiri sahaja. Ya, teruskan.



**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Sikit sahaja, hendak tambah sikit apa yang Yang Berhormat Kuala Langat beritahu. Saya ucap tahniah kerana Yang Berhormat Menteri adalah sebahagian daripada FAM dahulu, dia *lead* T-Team. Sekarang sudah jadi Menteri. Kalau kita tengok model EPL, FA England ia tidak berapa *prominent*. Ia *total out source* dan *total commercial*. Jepun dengan Korea, ia antara dua di mana persatuan ada main peranan, kerajaan juga ada main peranan di mana tidak silap saya, ia *out source* kepada syarikat. Syarikat dipunyai oleh FA Jepun, sebab itu ia dalam masa 10 tahun kita tengok J-League dapat tarik banyak *talent* yang baik. Jadi Yang Berhormat Menteri, ke mana Yang Berhormat Menteri hendak bawa bola sepak ini? Terima kasih. *[Menyampuk]*

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat. Secara ringkasannya, sebab kekangan waktu dan masa. Hari ini kita melibatkan hanya kurang daripada 3,000 pelatih-pelatih di antara umur 7 hingga 17 tahun di bawah Pembangunan Bola Sepak Negara. Dengan adanya pelan baru, dengan adanya pelancaran pelan baru yang akan diketuai oleh saudara Lim Teong Kim, bekas penolong jurulatih pasukan remaja *by unit*, kita akan tambah sebanyak 50,000 pelatih-pelatih kita di seluruh negara, dengan adanya pusat kecemerlangan bola sepak di setiap daerah di Malaysia menjelang tahun 2020. Bukan hanya tambahan daripada segi pelatih atau pun pemain, tetapi yang lebih penting lagi penambahan dan peningkatan dari segi kualiti jurulatih akan dimasukkan.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Sikit. Yang Berhormat Menteri, adakah pelan ini bersesuaian dengan di England di mana *the team is town based*. Maksudnya Liverpool dan Everton.

■1250

Jadi satu bandar ada dua *team* di mana *esprit de corps* orang kampung dekat situ dia suka tengok orang kampung main. Adakah benda itu ke arah itu?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Pusat-pusat yang kita tubuhkan dan juga pasukan-pasukan yang akan mewakili pusat kecemerlangan ini adalah berdasarkan kepada daerah. Jadi dia ada sentimen kedaerahan, saya memahaminya. Kalau tidak ada sentimen kedaerahan, sentimen kenegerian, tidak ada peminat. Oleh sebab itu, di sini *club structure* tidak berapa berjaya sebab agak sukar untuk menyokong Sime Darby FC contohnya sebab tidak ada tarikan emosi berbanding dengan menyokong JDT Yang Berhormat ya sebab hendak luaskan kuasa dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya sambut baik saranan Yang Berhormat daripada Kota Bharu dalam mengukuhkan kebudayaan sukan di Malaysia. Tahun depan kita akan melaksanakan Program Fit Malaysia iaitu program bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berbudaya sukan, negara bersukan yang sihat dan cergas. Program ini akan melibatkan pelbagai kaum dan melibatkan program seperti senamrobik, basikal, berjalan, larian, seni mempertahankan diri dan sebagainya. Kita akan melaksanakan program ini berbentuk satu *sports culture* untuk *fitness* dan ke arah *unity* untuk mewujudkan *sporting nation*.

Ahli Yang Berhormat daripada Sekijang bangkitkan tentang atlet pelapis. Untuk makluman Yang Berhormat kita mempunyai jawatankuasa khas untuk bola sepak yang saya sebutkan tadi.

Program hoki di bawah jawatankuasa perwakilan One Mas Hoki, RM9 juta untuk empat tahun dan Program Pembangunan Tenis Negara, RM3 juta yang merupakan program baru. Kita ada program pelapis di bawah Majlis Sukan Negara menumpukan sebanyak 19 jenis sukan teras dan statistik atlet kita ada seramai 5,635 atlet pelapis.

Kita juga pernah lahirkan juara-juara di peringkat Asia dan dunia. Untuk makluman seperti mana yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat daripada Kinabatangan tadi, kita ada Iskandar Zulkarnain, muncul naib juara remaja Asia, Zulfadli Zulkifli – juara remaja dunia, Soo Teck Zhi – juara remaja Asia. Jadi kita sentiasa memastikan bahawa kita ada *pipe line* untuk atlet-atlet kebangsaan kita.

Mengulas mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok, makanan. Kebiasaannya penganjur kejohanan akan menyediakan kemudahan makanan halal seperti yang dipohon. Sekiranya penganjur gagal, pihak ISN menyarankan pengambilan khidmat catering luar yang berstatus halal yang diatur oleh kedutaan kita tempat kejohanan. Sekiranya keperluan mendesak, pegawai pemakanan ISN dan MSN akan menghantar chef khas dari Malaysia mengikut keadaan tertentu seperti mana pasukan bola sepak kita pergi ke Slovakia, tidak ada makanan halal. Kita hantar chef daripada ISN dan MSN untuk bersama dengan pasukan kita supaya dapat memastikan bahawa makanan mereka dapat dijaga.

Keperluan atlet semasa bulan Ramadhan yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat Bachok. Untuk makluman, kementerian telah memanggil beberapa pakar agama dari universiti untuk berbincang dan mengeluarkan garis panduan ibadah kepada atlet Muslim. Ia termasuk bagaimana atlet boleh melaksanakan ibadah seperti solat dan puasa semasa pertandingan. Garis panduan ini juga telah dibawa untuk berbincang dengan pihak JAKIM. Garis panduan itu juga telah diedarkan kepada semua atlet. Semasa bulan puasa untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya tiada pertandingan, kebiasaannya atlet kita semua berpuasa. Kalau ada pertandingan seperti Sukan Olimpik di London, ada atlet yang pilih untuk terus berpuasa dan ada juga yang pilih untuk tidak berpuasa mengikut keputusan mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada isu yang lain iaitu jawatan kontrak MSN yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Bachok. Agensi pusat sentiasa memberi pertimbangan kepada penambahan yang diminta oleh MSN dan ISN. Untuk makluman, JPA telah meluluskan 61 perjawatan baru ISN pada bulan Oktober 2013. Institut Sukan Negara telah mengeluarkan iklan kekosongan perjawatan dan tarikh tutup permohonan adalah pada 30 November, beberapa hari yang lepas. Peluang untuk memohon jawatan selanjutnya dibuka pada bulan Mei tahun depan.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak sentuh mengenai Kompleks Sukan Negara. Ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan terutamanya berkaitan dengan kualiti kemudahan, kualiti rumput kita di Stadium Nasional Bukit Jalil. Untuk makluman, saya telah buat keputusan untuk menggantikan rumput padang yang ada di Stadium Nasional Bukit Jalil setelah saya melawat stadium tersebut selepas dilantik menjadi Menteri kerana keadaan rumput yang begitu usang sekali

dan kita telah buat tender secara terbuka yang telah dikeluarkan pada 18 September 2013 dan ditutup pada 11 Oktober 2013, secara terbuka ya.

Sukacita saya maklumkan bahawa kita telah melantik kontraktor yang akan melaksanakannya dalam tempoh tiga hingga enam bulan dengan kos harga kontrak RM3,446,454 termasuk kos penyelenggaraan padang. Tempoh kontrak penyelenggaraan adalah daripada tahun 2014 hingga 1 Jun 2017 dan ini saya percaya akan dapat selesaikan masalah padang kita. Kita tidak mencadangkan rumput tiruan di padang Stadium Bukit Jalil oleh kerana ada acara-acara trek seperti rejam lembing dan sebagainya yang kalau kita guna rumput tiruan itu dia akan rosak dan agak tidak sesuai untuk kita gunakan.

Tuan Pengerusi tadi dibangkitkan isu Stadium First daripada Ahli Yang Berhormat daripada Pokok Sena. Untuk makluman Stadium First telah ditubuhkan untuk *marketing* am bagi Perbadanan Stadium Malaysia. Akan tetapi saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat daripada Pokok Sena, pada tahun 2013 Stadium First telah dilupuskan dan kita telah diambil alih oleh syarikat swasta pada tahun ini. Jadi tidak ada apa-apa penglibatan lagi dengan perbadanan dan Stadium First kontrak mereka dengan Hari Belia dan sebagainya telah pun ditamatkan. Untuk tahun depan kita pergi kepada open tender untuk perkhidmatan bagi Hari Belia.

Tuan Pengerusi, cadangan yang lain saya akan jawab secara bertulis sebab ada beberapa perkara lagi yang tidak sempat saya sentuh secara *detail*. Cuma ada satu, dua lagi tadi Yang Berhormat Pokok Sena bangkitkan cawangan pertubuhan strategik ialah cawangan Bangunan Sosial di bawah Jabatan Belia dan Sukan dan negara dan perubahan nama cawangan ini dibuat secara pentadbiran sahaja. Tidak melibatkan pelantikan staf baru, kakitangan baru, tidak melibatkan apa-apa perubahan dari segi struktur yang ada pada Kementerian Belia dan Sukan.

Tadi juga.....

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Perbelanjaan dia itu berapa?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Perbelanjaan itu saya akan bagi secara bertulis ya. Ya Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak betulkan fakta yang saya beritahu tempoh hari Khamis mengenai belia yang terlibat dalam jenayah kekerasan berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Itu adalah soalan terakhir saya. Jumlah yang terlibat adalah 16,873 orang. Daripada itu hari itu saya memberikan peratus itu mengelirukan Dewan, saya hendak betulkan hari ini di mana Melayu yang terlibat adalah 46% diikuti India 26.9%, lain-lain 13.9% dan Cina 9.2%. Soalan saya tempoh hari adalah bagaimana dana, adakah peruntukan dana untuk belia-belia yang terlibat dalam jenayah keras sebab kita sudah kenal pasti ini bilangan dia. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ahli Yang Berhormat, tidak ada dalam Dewan tadi masa saya sentuh. Boleh rujuk kepada *Hansard*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Oh, okey terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya tengok Yang Berhormat tidak ada di kerusi tadi tetapi saya masih jawab mengenai program sosial ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sudah jawab. Okey, okey terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Program berkenaan graduan sains sukan dan juga KBS dan KPM. Memang graduan sains sukan ini kita serapkan dalam ISN dan MSN mengikut keperluan dan mengikut jawatan-jawatan yang ada. Akan tetapi kita masih menggunakan perkhidmatan mereka untuk kursus-kursus dan sebagainya. Kerjasama KBS dan KPM memang kita ada melalui program *talent identification program* di mana kita mengenal pasti...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri, kita perlu luluskan. Ada bacaan sebelum pukul satu.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Okey, kita memang kerjasama dengan KPM melalui program *talent identification program*. Jadi saya ucapkan terima kasih. Mana saya tidak sempat jawab, saya jawab secara bertulis. Saya mengikut **alawiyat** kepentingan dan juga *priority* yang mana saya melihat terpenting. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM579,849,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM579,849,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM174,082,600 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM174,082,600 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, kita tangguhkan Mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]*

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.46 [Jadual] –**

**Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kuala Langat.

**2.33 ptg.**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi ruang kepada Kuala Langat untuk bersama-sama membahaskan peringkat Jawatankuasa Bekalan 46. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 030100 dan 030200 yang menjurus kepada persoalan yang terlalu banyak bila ianya diperkatakan dalam pembentukan yang telah pun diberikan atas belanjawan pada tahun 2014 ini. Isunya ialah isu pengiktirafan. Ini melibatkan hal ehwal kesatuan sekerja. Saya dimaklumkan baru-baru ini pihak kerajaan telah pun membawa kes beberapa syarikat yang tidak menghormati, menjiwai, menyayangi pekerja dengan tidak memberikan kerjasama di bawah peruntukan yang telah pun diwartakan sebagai wajib iaitu borang B dan kerajaan telah mengambil tindakan di bawah seksyen 60, Akta Perusahaan 1967.

Persoalan kita ialah apabila sampai ke mahkamah, ada syarikat yang tarik diri. Syarikat-syarikat ini yang dimaklumkan kepada saya ialah syarikat Netricon Malaysia, Semicon dan juga MPS. Saya diberitahu Semicon hendak menarik diri. Akan tetapi saya merayu kepada kerajaan, gunakanlah sepenuhnya seksyen 60 ini supaya syarikat ini dihukum. Ini kerana mereka ini pengkhianat sebenar yang tidak membenarkan kesatuan itu ditubuhkan. Rayuan ini saya minta bagi pihak mereka yang terlibat secara langsung. Isu pengiktirafan ini menjadi isu agenda utama di semua kesatuan dalam negara. Saya mengambil pendekatan atas bukti yang ada, maklumat yang saya terima Tuan Pengerusi. Surat yang dihantar kepada MTUC setelah dibuat aduan kepada *International Labor Organization (ILO)* yang bertarikh 8 April 2011 dan 28 Februari 2012. Jawapan daripada kerajaan bertarikh 22 Jun, 5 Oktober 2011 yang tidak lain mengatakan bahawa isu ini atas penjelasan yang dibuat, *the government replied*, di bawah nombor 868 yang berbunyi, dengan izin, *'According to the government, decision of the DGTU to register MNU was challenged in the High Court and the High Court has decided that the registration is valid and between the power of DGTU'*, ini surat 2011.

Persoalan sekarang ialah apabila mahkamah menjatuhkan hukum atas sikapnya waktu itu ialah kerana atas teknikal di bawah seksyen 111. Ini adalah isu teknikal, bukan isu DGTU tidak buat keputusan. Akan tetapi pihak kerajaan, mengikut laporan ini telah pun membuatkan laporan yang mengatakan bahawa ini adalah *decision made by the court*. Yang dibuat pada 7 November 2013. Mahkamah mengambil sebulatnya daripada apa yang termaktub pada surat 2011 ini. Persoalan

saya ialah mengapa harus kalau ianya benar, mengapa harus berbohong Tuan Pengerusi. Kita kena harus telus, terang, jelas, komitmen, barulah kita ada kenampakan bahawa kita itulah kerajaan berhemat. Akan tetapi yang jelas ialah apabila laporan itu diberi kepada *International Labor Organization*, ini menunjukkan bahawa sikap berdolak-dalik dan berbohong itu tidak boleh diamalkan dalam negara yang berdaulat ini. Maka yang demikian, saya mohon penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, supaya apakah benar laporan ini dengan maklumat yang saya terima. Kalau benar, tolong perjelaskan.

Dalam masa yang saya Tuan Pengerusi, di bawah seksyen 9, dalam Akta Perusahaan 1967, memperjelaskan bahawa setiap pengiktirafan itu adalah merupakan wajib dilayan. Itu Konvensyen 87. Akan tetapi persoalan sekarang ialah apabila sesuatu kesatuan itu dah ada kesatuan Tuan Pengerusi, tetapi dibenarkan tubuh satu lagi kesatuan, dahsyat. Maksudnya, dua kesatuan dalam satu syarikat. Saya bagi contoh, di NUBE, pekerja bank-bank. Ada lagi satu kesatuan dipanggil MNU. Jadi, kenapa harus kerajaan melayan dalam masa enam hari sedangkan kesatuan yang lain Yang Berhormat Menteri, 6 7 tahun pun belum tentu dapat pengiktirafan lagi.

Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri, supaya mengkaji apakah perlu ada peruntukan untuk mengkaji semula pengiktirafan ini yang menjurus kepada perpecahan yang tidak relevan langsung dalam keadaan negara yang sudah pun ada undang-undang dan ada hak mereka. Begitu juga dengan MAS. MAS dah ada *union* Tuan Pengerusi, dibenarkan tubuh satu lagi. Ini amat mendukacitakan dan mendurjanakan pekerja. Saya tidak boleh berkompromi dengan perpecahan yang berlaku yang diizinkan oleh kementerian di waktu itu. Bukan Menteri ini, Menteri sebelum itu. Jadi, saya minta Menteri yang baru ini yang efisiennya saya lihat ada kesungguhan untuk mengangkat martabat pekerja yang membolehkan mereka hidup dalam keadaan selesa, dalam undang-undang yang telah pun ada di dalam negara ini.

Bukan itu sahaja, saya diberitahu baru-baru ini di KTM pun sudah hendak mula *in-house union*. Lagi satu *union* lagi! Ini apa yang dah berlaku dalam negara kita ini? Tolonglah, pengiktirafan telah dibuat dan amat malang pula apabila sebut tentang pengiktirafan, pekerja asing pun boleh dilonggokkan sebagai dikira mereka yang dalam *registration*. Maksudnya, pekerja asing pun boleh mengundi. Dikira sebagai pengundi. Orang yang mati Tuan Pengerusi, boleh dikira sebagai pengundi. Bayangkanlah kalau satu kesatuan itu kalau dimohon tiga empat tahun yang lalu dan waktu yang sama dah meninggal, dipanggil orang dalam kubur, mari pergi mengundi. Maka, banyaklah undi hantu ketika dalam proses untuk *recognition*. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji semula, apakah perlu pembaharuan dalam anjakan paradigma untuk memastikan pekerja itu diadili dengan semaksimum dan sebaik mungkin.

#### ■1440

Jadi ini suatu persoalan pokok yang sudah pun berada dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 itu pun sudah pun berlalu begitu lama. Saya mohon supaya kementerian merenung apakah perlu orang mati dipanggil semula, orang asing dibenarkan mengundi sedangkan mereka berkontrak dan

apabila habis kontrak, mereka akan pulang dan akhirnya *recognition* ataupun pengiktirafan itu tidak boleh terlaksana. Ini adalah satu daripada kesan buruk yang saya lihat tidak boleh dikompromikan.

Dalam proses kita hendak menjaga, menstabilkan jawatan perusahaan, mengikut Butiran 130200, saya ingin membawa Kementerian menjurus kepada soal kuasa Jabatan Perusahaan. Baru-baru ini, Jabatan Perusahaan telah pun mengadili satu kes iaitu dipanggil Hong Leong Bank berlawanan dengan NUBE. Sejumlah 50 orang ditukar dalam keadaan tidak selesa. Kelantan tukar ke Johor, Johor tukar di Kuala Lumpur, Kuala Lumpur tukar di Pulau Pinang. Sejumlah 50 orang pendapatan mereka dan kumpulannya rendah dan isunya hari ini Tuan Pengerusi, isunya pertukaran itu tidak relevan. Mereka bukan pegawai, gajinya murah. Di sana mereka menjaga ibu bapa, dan rumah pun sudah ada. Di sini mereka dalam hidup yang baru, dalam keadaan masalah sosial yang berbeza, dalam *cost of living* dengan izin, yang berbeza.

Saya mohon supaya apabila Jabatan Perusahaan menasihatkan Hong Leong supaya menenguhkan berbincang, mereka diberi amaran pada hari ini 2 Disember, jika mereka tidak pergi ke tempat yang diarahkan, mereka akan diambil tindakan disiplin. Tuan Pengerusi, inilah masalah pentadbiran negara peringkat pengurusan yang hanya mementingkan diri sendiri hingga terlupa bahawa mereka di bawah itu memerlukan sedikit renungan pembelaan untuk mereka hidup dalam keadaan yang selesa yang akan mereka nikmati. Akan tetapi yang jelas ialah Kementerian mengarahkan Tuan Pengerusi, pihak Hong Leong mengetepikan, buat bodoh sahaja. Ini dinamakan pengurusan yang biadab! Kerana apa?

Kerajaan mengarahkan mereka, mereka buat bodoh. Kerana apa? kerana kuasa di bawah seksyen 18 Akta Perusahaan 1967 itu yang dipanggil dengan izin, *trade dispute* hanya minimum *power to the director* yang saya lihat ini perlu dikaji semula. Kalau di *Philippines* diarahkan, teruskan, jangan buat. Saya teringat di zaman tahun 80-an, di kala itu saya baru menjadi Setiausaha Agung persatuan. Saya bertemu dengan Mendiang Mary Gouel, Allahyarham Abdul Rahman, Tuan Haji Ghani. Huh! Dahsyat. Mereka bila mengambil tindakan, segera, pantas, tegas. Akan tetapi hari ini, nampak longgar, longlai dan lemah. Sebab itu pengurusan biadab.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya memikir, kaji semula kuasa mutlak yang akan kita anugerahkan kepada pegawai ini supaya lebih bersikap agresif, bersikap adil dan mempunyai veto ataupun kuasa yang boleh menakutkan dan memberikan amaran kepada pihak syarikat supaya dengar. *[Tuan Pengerusi memberi isyarat tangan]* Saya tahulah juga. Ini saya minta lebih sikit, saya tak bercakap banyak hal-hal yang lain. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang tekun pun menulis dengan pegawai-pegawai di belakang supaya dia ambil apa yang saya cakap ini.

Pegawai-pegawai ini harus diberi kuasa yang lebih untuk menerajui hak dan juga diskriminasi terhadap pekerja yang melengkapkan di bawah seksyen 18 itu, hak mereka. Walaupun di bawah seksyen 5, 6 dan 7 Akta Perusahaan 1967 itu menjelaskan dengan sejelas-jelasnya, tidak boleh diskriminasi, tidak boleh dibuang kerja, tidak boleh diturun pangkat kalau mereka hendak menubuhkan kesatuan tetapi dengan sikap sombong, bongkak yang saya maklumkan apabila

berlaku permasalahan di **CB Const** sebagai contoh, bila majikan tidak mahu melayan pihak kerajaan, kerajaan terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menyelesaikan masalah. Berikan kuasa itu kepada mereka supaya mereka dapat mengangkat keadilan dalam negara ini. Ini adalah satu perkara yang diizinkan oleh rakyat Malaysia khususnya pekerja di seluruh negara.

Begitu juga di bawah mahkamah perusahaan di Butiran 030300. Saya melihat kes yang terlalu banyak di bawah seksyen 20. Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa di bawah seksyen 20.3. Apa yang saya lihat adalah bilamana pindaan dibuat di bawah seksyen 30 Akta Perusahaan 1967, yang mengehadikan 24 bulan Tuan Pengerusi, iaitu hak pampasan, banyak syarikat mengambil peluang dengan begitu rakus membuang pekerja terutama sekali pemimpin-pemimpin kesatuan ini supaya mereka hanya diberi 24 dan tidak ada kompromi. Kuasa mahkamah itu begitu saya lihat tidak mengizinkan 24 bulan kerana di bawah seksyen 20.3, Yang Berhormat Menteri terpaksa mengatakan sama ada aplikasi itu layak atau tidak dibawa ke mahkamah.

Maka oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri mengkaji sama ada keperluan untuk mengadakan Mahkamah Perusahaan Tinggi, Yang Berhormat Menteri. Mahkamah Perusahaan Tinggi, apabila kes Mahkamah Perusahaan itu gagal, ia akan pergi ke Mahkamah Tinggi dan perbelanjaan itu dapat dikurangkan, malah pekerja juga yang mengendalikan kes itu Tuan Pengerusi, orang yang betul-betul spesialis Yang Berhormat Menteri, yang spesialis.

Saya ikut perkembangan di mahkamah tinggi khas. Saya melihat hakim tidak begitu arif soal definisi untuk faktor *labour*. Begitu juga faktor pengiktirafan. Saya pergi di mahkamah rayuan dan Mahkamah Persekutuan, saya melihat daripada apa yang saya lihat daripada *body language* Yang Arif itu semua, seolah-olah mereka tercari-cari. Jadi saya beranggapan bahawa tercari-cari itu tidak ada poin ataupun maksud yang tertentu.

Maka yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya Mahkamah Perusahaan itu di tingkat naik tarafkan supaya ada satu *level* lagi macam Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah Tinggi dan kita pun mahu begitu untuk menjaga kepentingan pekerja dalam spesifikasi *description* kerja, nombor dua, profesionalisme atau kepakaran spesialis yang mereka ada supaya mereka ini memahami apa maksud yang telah pun dibuat keputusan oleh mahkamah perusahaan. Maka yang demikian, saya juga tidak keberatan untuk menyatakan dengan jelas bahawa Mahkamah Perusahaan ini perlu diperlebarkan, diperbanyakkan di negeri-negeri supaya hakim-hakim ini dapat diperbanyakkan, dipertingkatkan supaya kes tidak berlonggok lebih daripada 24 bulan.

Maka yang demikian, peluang yang terakhir saya ambil Tuan Pengerusi. Peluang terakhir, saya mengambil peluang ini Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji seksyen 30 Akta Perusahaan 1967 untuk membolehkan 24 bulan itu ditarik balik supaya bila kelewatan kes itu berlaku, maka ia akan mendapat pampasan melebihi 24 bulan seperti mana rujukan Malik Hakim melawan Tenaga Nasional di Sabah yang memberikan jatuh hukum oleh Yang Arif Eric yang memberikan hukuman lebih 56 bulan. Itu sebab pindaan itu dilaksanakan. Saya memohon, kalau



tidak silap saya, saya memohon supaya perkara seksyen 30 itu dipertimbang untuk ditarik balik supaya hak pekerja itu tidak terbatasi 24 bulan.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas ketekunan menulis dan menjawab sebentar lagi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Gudang.

**2.48 ptg.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin menyentuh Butiran 010000 – Pengurusan Kementerian di bawah Butiran 010600 – Dasar Perburuhan.

Yang Berhormat Menteri, kita sedia maklum bahawa gaji minima telah diimplementasikan di dalam negara kita dan selain daripada kesan positif, kita mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian dan kerajaan khususnya kerana telah menyedari hakikat bahawa pekerja mengalami kekurangan gaji yang sangat banyak maka diimplementasikan gaji minima. Terima kasih.

Akan tetapi, banyak kesedihan berlaku di kalangan pekerja-pekerja tempatan berhubung kait dengan gaji minima ini. Ini kerana perbezaan yang boleh kita katakan dari sudut pelajaran, dari sudut kemahiran, di antara pekerja tempatan dan pekerja luar iaitu *foreign workers*, dengan izin di mana kita lihat pekerja-pekerja daripada luar ini kalau kita hendak bandingkan mereka dengan pekerja-pekerja tempatan, ada di kalangan mereka ini tidak pergi ke sekolah pun.

■1450

Mungkin tidak payah cerita SPMLah, Darjah Enam pun tidak ada tetapi mereka mendapat bayaran gaji setimpal dengan pekerja-pekerja tempatan. Ini tentunya sangat tidak adil kepada rakyat Malaysia. Saya sedar dengan Konvensyen ILO yang tidak membenarkan perbezaan tetapi seperti yang sentiasa saya katakan, dengan izin *the ball is in our court*. Mekanismenya perlu kita perhalusi supaya RM900 yang dibayar kepada pekerja asing adalah merangkumi perumahan mereka dan pengangkutan mereka dibandingkan dengan pekerja tempatan yang sepatutnya RM900 merupakan gaji pokok mereka.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, di bawah tajuk 030000 – Keharmonian Perhubungan Perusahaan, tajuk kecil 030100 – Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Hal Ehwal Kesatuan Sekerja ini, dewasa ini memang tidak nampak penubuhan secara agresif tetapi suka saya mencadangkan di sini dan juga memberi pandangan supaya tidak wujud satu diskriminasi bagi pekerja-pekerja berkenaan. Ini kerana ada sesetengah majikan yang akan mengambil tindakan secara tidak nampak. Kata orang kampung, secara halus kepada pekerja-pekerja yang berusaha menubuhkan kesatuan pekerja ini. Ini agak rumit untuk dibuktikan tetapi jika diperhalusi, kadang-kadang bila sudah tahu mereka ini yang berusaha untuk membela nasib rakan-rakan, pekerja-pekerja ini akan diarahkan untuk bertukar ke tempat lain jika mereka mempunyai cawangan di

negeri-negeri lain ataupun dinaikkan pangkat bagi mengeluarkan mereka daripada golongan pekerja yang boleh menjadi ahli kepada kesatuan.

Di bawah tajuk 030200 – Perhubungan Perusahaan, saya juga memberi pandangan di sini bahawa apa yang perlu kementerian perhalusi ialah bagaimana peranan Mahkamah Perusahaan itu sendiri di bawah tajuk kecil 030300. Bila kes-kes dirujuk kepada mahkamah, *by the time* dengan izin, bila sampai masa kadang-kadang dua tahun, tiga tahun, empat tahun. Ada yang bertahun-tahun baru kes dirujuk semula. Saya bekas pekerja swasta. Pengurus Sumber Manusia. Saya sendiri yang dipanggil menjadi saksi pada 10 Disember kerana kes memberhentikan pekerja sudah tiga tahun. Masuk tiga tahun. Jadi terlalu lambat kes-kes diputuskan di mahkamah apatah lagi bila Mahkamah Perusahaan negeri tidak dapat membuat keputusan, dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri. Lagilah lambat kes-kes sebegini.

Jadi untuk kebaikan kedua-dua pihak sama ada majikan atau pekerja, eloklah ditambah. Kalau hakim itu kurang, kita tambahlah hakim supaya kes-kes ini dapat diputuskan. Jangan terlalu lewat. Di bawah seksyen 15(2) Akta Kerja tentang *domestic enquiry* dengan izin, kadang-kadang mahkamah ini, kita di syarikat swasta terutamanya, pihak pentadbiran sumber manusia bukanlah *lawyer* yang keluar daripada institusi guaman tetapi *the detail*, selalu kadang-kadang majikan kalah kerana teknikal. Ada sedikit perkara ketinggalan dan pekerja begitu juga. Mereka tewas di dalam *domestic enquiry* kerana perkara-perkara kecil. Jadi saya rasa kita jangan ambil berat soal *the integrity* tetapi asasnya.

Kalau pekerja itu sememangnya bersalah dan harus diambil tindakan, biarlah tindakan yang bersesuaian diambil. Kadang-kadang dia sudah memang *proven case*, dengan izin. Memang kaki ponteng tetapi hanya kerana sedikit sebab di dalam *domestic enquiry* itu yang tidak mengikut prosedur, tertinggal tanda tangan, soal balas dan sebagainya, maka berdasarkan kepada itu, kes-kes tersebut ditolak.

Seterusnya, tentang 040000 – Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan, tajuk kecil 040300 – Pemeriksaan Berkanun. Ini juga mendatangkan masalah kerana *medical...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Pasir Gudang, minta penjelasan sedikit.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pasir Gudang, tadi saya mendengar Yang Berhormat Pasir Gudang membangkitkan isu mengenai perjalanan Mahkamah Perusahaan dan bagi saya itu pun merupakan satu tajuk yang cukup penting. Saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat Pasir Gudang sebab sekarang undang-undang berkata, kalau seseorang pekerja ditamatkan perkhidmatannya, dia terpaksa buat aduan kepada Jabatan Perusahaan (*Industrialisation Department*) dengan izin. Dia buat aduan di sana, disemak di sana dan disiasat di sana. Selepas itu akhirnya dia hanya boleh pergi ke Mahkamah Perusahaan dengan kelulusan Menteri Sumber Manusia. Dia kena bagi izin. Ini jauh berbeza dengan kes-kes yang lain.

Contohnya, orang hendak cerai, dia terus pergi ke mahkamah. Dia tidak perlu tanya soalan pun. Kita dilanggar oleh kereta, saya saman di mahkamah. Saya tidak perlu tanya sesiapa pun untuk keizinan. Macam mana pendapat Yang Berhormat Pasir Gudang kalau kita beri pekerja hak yang sama iaitu kalau dipecat daripada khidmat mereka, mereka berhak pergi terus kepada Mahkamah Perusahaan, buat aduan di sana, buat apa-apa kes di sana dan terus dibicarakan. Itu akan jimatkan masa, tenaga dan akan licinkan satu proses yang sekarang adalah lambat dan merumitkan pekerja. Minta penjelasan.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Dia begini. Saya telah katakan tadi ini adalah kes-kes lewat yang tertanggung yang memerlukan keputusan Menteri di Mahkamah Perusahaan itu sendiri. Jadi saya tadi telah katakan juga bahawa kalau kita mengalami masalah kekurangan hakim, maka kita carilah penyelesaiannya. Akan tetapi kes-kes yang dirujuk kepada Menteri ini, *by the time* dengan izin, kes itu dirujuk, dia sendiri pun makan masa, dan *by the time* keputusan Menteri sendiri membolehkan kes itu dirujuk ke mahkamah pun memakan masa. Jadi seperti yang dikatakan tadi, kalau kita ambil kira masa yang diambil semuanya dan kemudian kita tetapkan pula 24 bulan sahaja, mereka ini boleh jika didapati tidak bersalah dan dibayar. Memanglah kita mengambil peluang ini supaya pihak kementerian melihat supaya kes-kes dapat diputuskan di Mahkamah Perusahaan kerana mereka yang lebih maklum tentang kes-kes ini dengan fakta-fakta yang telah dikirimkan, *disubmitkan* bersama oleh pihak kilang itu sendiri, pihak pekerja dan juga pihak majikan itu sendiri.

Seterusnya di bawah 04...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencilah sedikit. Sikit sahaja.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Saya ada banyak ini.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Satu sahaja. Sikit sahaja ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Saya hendak sentuh satu. Jadi minta maaf. Ini penting. Soal keselamatan pekerjaan – 040300 berhubung dengan *medical surveillance*, Yang Berhormat Menteri. *Medical surveillance* ini hanya boleh dilaksanakan di dalam sesebuah kilang. Mengikut laporan CHRA, memang betul. Akan tetapi persoalannya caj yang dikenakan. Bila melaksanakan *medical surveillance* ini, bagi setiap pekerja, kadang-kadang satu ujian itu harganya mahal. RM300, RM400 dan RM500. Jadi kalau industri itu melibatkan penggunaan cat dan sebagainya, kosnya menjadi terlampau tinggi menyebabkan beban kepada pihak industri dan kesannya kepada pekerja itu sendiri kerana bila majikan tidak hantar, pekerja yang akan rugi kerana mereka tidak dapat mengesan hasil daripada kesan pendedahan bahan kimia kepada pekerja tersebut.

#### ■1500

Akhirnya saya juga ingin menyebut soal Butiran 090000 *One-Off* bagi Naik Taraf Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di Johor dan beberapa tempat. Saya lihat kepada bajet yang ada

di sini. Kalau di Johor Butiran 05800, jumlahnya secara langsung sebanyak RM11,040,000. Jadi saya rasa bajet ini tidak mencukupi kerana permintaan pekerja yang keluar dan permintaan oleh pihak majikan sangat tidak mencukupi. Pekerja-pekerja ini kalau saya lihat dari sudut latihannya dia tidak ada *match*, *mismatch* dengan izin, iaitu apa yang dikeluarkan oleh pusat latihan ini tidak menepati kehendak majikan. Jadi eloklah dinaik taraf pusat-pusat latihan ini bagi kita menjamin dua perkara.

Pertama sekali mengurangkan dasar pengambilan pekerja asing ke negara kita. Jadi kita siapkan pekerja kita apatah lagi di RAPID Pengerang nanti dengan satu *investment* yang besar memerlukan pekerja di bahagian *oil and gas* yang ramai tetapi kalau kita tidak dapat menyediakan pekerja yang cukup nanti, jadinya pekerja separa mahir pun akan dimonopoli oleh pekerja-pekerja luar.

Itu sahaja Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi yang ingin saya sampaikan. Terima kasih. Pasir Gudang mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Temerloh.

### 3.02 ptg.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian untuk turut sama membahaskan dengan merujuk kepada yang pertama B.46 Butiran 050000, yang kedua ialah Butiran 090300 dan yang ketiga B.46 09400.

Pertamanya bagi Butiran 050000 di bawah tajuk Pentadbiran Undang-undang dan juga Standard Perburuhan. Seperti mana yang telah kita maklum bahawa pelaksanaan gaji minimum di seluruh negara kita bermula pada 1 Januari 2014 di mana sebanyak 4,200 buah syarikat telah pun memohon penangguhan dan hanya 632 sahaja yang telah dibenarkan. Dulu kita tahu jika terdapat mana-mana majikan yang gagal untuk mematuhi perintah gaji minimum ini maka mereka akan dikenakan denda maksimum RM10,000 bagi setiap pekerja bagi kesalahan yang pertama. Syarat kenaikan atau pun penetapan gaji minimum adalah bersandarkan kepada produktiviti pekerja dan juga kos sara hidup yang melatari kehidupan mereka.

Saya memetik statistik daripada kajian Guna Tenaga Kebangsaan pada tahun 2009. 33.8% iaitu 2.04 juta daripada 6 juta pekerja swasta ialah yang bergaji di bawah daripada RM700 sebulan. Jadi saya meminta pihak kementerian supaya dapat memberikan satu perincian pembahagian pekerja swasta yang bergaji di bawah RM700 sebulan mengikut sektor pekerjaan dan juga lokasi pekerjaan mereka. Adakah mereka ini pekerja asing atau pun pekerja tempatan? Saya berpendapat bahawa penetapan gaji sebanyak RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi Sabah, Sarawak dan juga Labuan dilihat satu penetapan yang sangat kurang efektif bagi mencapai maksud untuk membela golongan-golongan seperti ini terutama apabila ia disandarkan kepada purata produktiviti kerja sepanjang 10 tahun yang lalu ia jauh lebih tinggi berbanding purata kenaikan gaji tahunan yang diperolehi.

Manakala jika disandarkan kepada peningkatan kos sara hidup maka perkara asas yang harus dilihat oleh kerajaan juga adalah paras garis kemiskinan yang mana paras garis kemiskinan semasa dicatat ialah RM760 di Semenanjung Malaysia, RM910 di Sarawak dan RM1,050 di Sabah. Jadi, ramai pihak dalam angka ini telah menyeru untuk kerajaan menyemak semula paras garis kemiskinan ini supaya ianya dilihat lebih realistik dengan situasi ekonomi semasa dalam negara kita pada hari ini. Saya ucapkan tahniah jugalah pada negeri-negeri yang telah lebih awal untuk menetapkan satu angka seperti Kerajaan Negeri Selangor – RM1,500 sebagai satu paras yang baru dalam isu ini.

Seperkara lagi, bagaimana pula dengan purata kemiskinan yang telah didefinisikan oleh jabatan-jabatan dan juga majlis-majlis agama di peringkat negeri dalam mengagihkan dana zakat mereka kepada golongan ini? Jadi saya menyeru Tuan Pengerusi supaya penetapan gaji minimum disemak dan diteliti setelah mengambil kira penyelarasan gaji kemiskinan bandar, luar bandar daripada semua pihak sebelum program serta polisi ini dapat atau pun digubal dengan lengkap. Itu yang pertama.

Adapun rujukan saya bagi Maksud Bekalan 46 Butiran 090300 di bawah tajuk NKRA: Program Azam Kerja 1Malaysia yang mana saya lihat anggaran perbelanjaan Program Azam Kerja 1Malaysia ini diperuntukkan sehingga RM25 juta. Setakat ini karnival-karnival telah diadakan pada tahun ini sahaja contohnya di Pahang. Saya lihat di Wilayah Persekutuan dan juga di Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja negeri. Tuan Pengerusi, karnival ini bagus pada asasnya. Akan tetapi persoalannya ialah adakah ia selaras dengan objektif inisiatif Program Azam Kerja 1Malaysia ini yang mana kita tahu sebenarnya diwujudkan adalah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah golongan miskin dalam negara kita. Jadi saya lihat apabila karnival ini diadakan maka sasaran program ini akan terjejas kerana ia terbuka kepada semua orang. Ia terbuka kepada semua peringkat masyarakat termasuklah dari kalangan pelajar lepasan IKBN.

Jadi oleh yang demikian, saya minta supaya pihak kementerian dapat menjelaskan kepada kita berapakah sebenarnya sasaran tahunan yang telah dicapai pada tahun 2013 dan diunjurkan pada tahun 2014 bagi mengeluarkan golongan miskin ini daripada garis kemiskinan melalui program penempatan pekerjaan yang telah diwujudkan?

Tuan Pengerusi, mengikut anggaran peruntukan pada tahun 2014 ialah sebanyak RM25 juta sedangkan program-program yang dianjurkan sepanjang tahun 2013 adalah hanya program-program karnival. Kebanyakannya pula program karnival itu dianjurkan bersama dengan Jabatan Tenaga Kerja negeri yang sebahagiannya ditanggung menggunakan bajet Jabatan Tenaga Kerja negeri itu sendiri. Jadi, oleh itu satu permohonan untuk dijelaskan kepada umum terutama kepada Dewan ini berhubung dengan pengagihan sejumlah RM25 juta tersebut secara *detail* dan secara terperinci bagaimana ianya diagihkan supaya dapat diatasi segala rasa curiga dan juga salah faham ekoran daripada anjuran hanya terhad kepada penganjuran karnival dan pula bersama dengan bajet dari Jabatan Tenaga Kerja negeri.

Ketiganya dan yang terakhir ialah rujukan Maksud B.46 Butiran 09400 di bawah tajuk Pusat Latihan Pengajar dan Latihan Lanjutan (CIAST). Berdasarkan kepada data statistik yang dikeluarkan oleh pihak Pusat Latihan Pengajar dan Latihan Lanjutan ini sehingga 30 Oktober 2013 yang lalu didapati jumlah keluarannya semakin merosot sejak tahun 2011 sehinggalah tahun 2013.

■ 1510

Tahun 2011 catatan seramai 16,362 orang. Tahun 2012 catatan seramai 15,344 orang manakala tahun 2013 dianggarkan hanya 12,635 orang sahaja. Tuan Pengerusi, jika dianalisa daripada statistik enrolmen ini bagi setiap kursus yang ditawarkan program kursus jangka panjang dilihat ia sangat rendah. Mengapa tiada pendaftaran bagi Kursus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3, Sijil Pengajar Profesional, Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional dan juga Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional dengan kerjasama IKBN Alor Gajah dan seumpamanya.

Tuan Pengerusi, adakah *trend* ini berterusan sejak daripada tahun 2010 lagi sehingga sekarang ataupun akan datang. Begitu juga dengan tiada permohonan bagi mengikuti Kursus Kampus Satelit bagi CIAST dan juga peringkat antarabangsa. Adakah masalah peruntukan yang menjadi isu? Peruntukan kewangan ataupun tiada permohonan yang dilakukan oleh peringkat itu. Jadi itu saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian dan juga akhirnya satu lagi ialah berkait dengan berapakah unjuran tenaga pengajar yang diperlukan bagi memenuhi institusi latihan kemahiran negara bagi tahun 2014 dan juga tahun 2015. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**3.12 ptg.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi mungkin secara kebetulan sahaja sebab setiap kali selepas Yang Berhormat Temerloh mesti selalunya Parit Sulong. Ia semacam ada tarikan itu Tuan Pengerusi. [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Baguslah.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Akan tetapi saya hendak ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Selepas Yang Berhormat Parit Sulong selalu siapa Yang Berhormat?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Alamak. Itu saya serahkan kepada Tuan Pengerusilah tetapi saya hendak ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada Parit Sulong pada kali ini. Pendek sahaja perbincangan saya tetapi saya hendak ambil kesempatan hendak mengucapkan selamat datang kepada Ketua-ketua Wanita Bahagian-bahagian daripada Negeri Johor. Itu daripada negeri Johor ramai datang warna merah, *the red 'power'* itu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dahsyat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey terus kepada satu *point*. Satu *point* yang saya hendak bahaskan pada hari ini. Ini saya pergi kepada P.47 bagi Butiran 09500 - Kemajuan Guna Tenaga Manusia. Jadi antara objektifnya adalah untuk membantu ke arah penggunaan

tenaga manusia yang optimum melalui Program Latihan Perindustrian dan kerajaan juga hendak memastikan bahawa tenaga kerja mahir di Malaysia ini adalah tenaga kerja yang berpengetahuan ataupun K-Pekerja.

Jadi saya tengok peruntukan ini ada RM9.5 *million* dalam pembangunan kemajuan tenaga kerja manusia ini. Jadi saya tengok kadar tenaga kerja manusia terutamanya daripada golongan wanita ini ada 48.4%. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dengan kita pada petang ini juga sahabat saya bekas Setiausaha Barisan Nasional Backbenchers memang agak rendah Tuan Pengerusi kalau kita bandingkan dengan kadar tenaga kerja daripada gender lelaki.

Jadi mungkin kita tengok golongan wanita ini mereka memerlukan bantuan terutamanya dalam pembangunan kemahiran itu. Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar daripada peruntukan yang telah ditetapkan yang ada ini mungkin boleh diberi, diperuntukkan khusus untuk pembangunan kemahiran dan juga memberi latihan kepada golongan wanita itu sendiri sekiranya ada dan mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Seterusnya soalan saya kepada pihak kementerian juga adalah saya hendak tahu apakah jenis-jenis program yang dilaksanakan yang sedia ada yang dilaksanakan oleh kementerian dalam usaha untuk membantu golongan wanita ini terutamanya wanita di luar bandar dan mungkin kalau salah saya minta maaf tetapi ada atau tidak kementerian ini menubuhkan satu institut latihan kemahiran khusus untuk wanita?

Mungkin permintaan apabila golongan pekerja wanita itu memang agak berbeza. Kalau sekiranya belum ada mungkin kementerian boleh membuat satu kajian untuk mungkin melihat apakah yang diperlukan untuk menambahkan kemahiran di kalangan pekerja wanita ini dan mengapakah masih lagi kurang dari segi kadar tenaga buruh wanita ini, mengapa? Adakah sebab ada kekangan lain sebab saya melihat banyak telah dibuat oleh pihak kementerian terutamanya oleh pihak seperti baru-baru ini pun ada pengumuman mengenai *flexi working arrangement*. Jadi bagaimana kementerian boleh bekerjasama dengan Kementerian Wanita untuk ....

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Boleh mencelah sedikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sekejap saya habiskan ayat saya. Untuk membantu agar program yang diatitkan ini dapat dijalankan dengan jayanya sebab peranan untuk memperkasakan pekerja wanita ini perlu mendapat sokongan terutamanya sokongan daripada Kementerian Sumber Manusia. Silakan Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sedikit tentang pekerja wanita. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Parit Sulong bagaimana reaksi kementerian apabila kita lihat dasar pekerja-pekerja kilang yang mana wanita terbabit ada tiga syif dari pukul 7 pagi hingga 3 petang, pukul 3 petang hingga ke pukul 11 malam dan 11 malam hingga pukul 7 pagi.

Jadi di kalangan mereka adalah sudah berumah tangga, berkeluarga dan beranak. Jadi kita minta kalau ada satu ketetapan daripada Kementerian untuk memberikan satu pilihan agar wanita yang berkeluarga terutamanya diberikan pilihan untuk bekerja syif nombor satu 7 pagi hingga 3 petang agar keluarga terjaga. Jadi ini adalah satu pilihan yang mesti dimasukkan dalam satu dasar dalam Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Ampang dan juga Tuan Pengerusi saya sambung sedikitlah. Saya kira apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Ampang ini adalah sangat elok terutamanya bagi kami yang mempunyai anak, yang berkeluarga dan kadang-kadang memerlukan *time frame* dengan izin yang sesuai bagi kita menjaga keduanya, membantu menambah pendapatan untuk keluarga dan dalam waktu yang sama juga menjaga keharmonian keluarga itu sendiri. Mungkin boleh dipertimbangkan oleh pihak Kementerian.

Saya hendak jawab bagi pihak Kementerian itu rasa macam tidak syok pula, tidak seronok pula sebab saya ada rakan saya yang bijaksana yang boleh membantu untuk menjawab apa yang disuarakan oleh pihak Yang Berhormat Ampang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Berapa minit lagi saya ada?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada tiga empat minit Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tidak mengapa, setengah minit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong kerana memberikan peluang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Parit Sulong sama ada setuju atau tidak jika saya katakan bahawa sudah tiba masanya kita melaksanakan Undang-undang Anti Diskriminasi di tempat kerja sebab seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ampang tadi ramai pekerja wanita menghadapi masalah di mana mereka terpaksa bekerja di dalam keadaan yang tidak sesuai bukan sahaja dari segi waktu tetapi juga dari segi keadaan lain seperti pergaulan sosial ataupun mungkin kerana mereka kena mengambil *maternity*.

Jadi kadangkala majikan memilih untuk mengetepikan wanita kerana wanita tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditentukan di tempat kerja. Jadi saya rasa mungkin tiba masanya untuk kerajaan mengadakan undang-undang di mana setiap pekerja tidak boleh didiskriminasikan tidak kiralah daripada segi kaum, agama dan gender dan ini juga termasuklah perbezaan gaji. So kadangkala wanita tidak masuk bekerja kerana mereka rasa kerja pun gaji pun tidak setinggi lelaki walaupun kerja yang sama.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey saya rasa saya faham, *thank you*. Okey terima kasih. Kita ada Akta Kerja. Walau bagaimanapun memang sedikit sebanyak apa yang dikatakan itu memang ada tetapi kalau kita perkuatkan lagi Akta Kerja, apa juga akta dan rang undang-undang yang dibuat oleh kerajaan diambil kira perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat Bukit Mertajam yang tadi. Oleh sebab itu Kementerian mungkin boleh



memikirkan satu cara yang sangat sesuai yang mengambil kira pendapat terutamanya daripada pekerja-pekerja wanita ini juga.

Seterusnya Tuan Pengerusi sedikit sahaja lagi. Seterusnya saya hendak tanya kepada pihak kementerian juga ini saya tengok dalam buku yang diberikan kepada kita mengenai program-program yang dianjurkan oleh pihak kementerian ini.

■1520

Saya tengok dalam prestasi aktiviti yang dilakukan mungkin satu masanya sudah sesuai apabila kita membuat satu perangkaan yang saya kira patutnya lebih elok daripada apa yang kita buat sebelum ini. Saya tengok apa yang dinyatakan mengenai prestasi aktiviti ini sebagai contoh saya tengok bilangan pelajar yang dilatih itu setiap tahun itu sama. Takkanlah setiap tahun itu kita hendak sasarkan pada perkara yang sama. Mungkin boleh diteliti oleh pihak kementerian sebabnya apa yang kita mahukan adalah Kerajaan Barisan Nasional ini dia memang sentiasa hendak meningkatkan prestasi terutamanya di kementerian-kementerian terutamanya bila kita berhubung dengan pekerja-pekerja.

Jadi, saya harap apabila kita membuat unjuran, unjuran ke arah yang lebih. Bukannya kita berdasarkan kepada apa yang telah kita buat semalam dan itulah yang kita unjurkan untuk masa yang akan datang. Saya minta jawapan dan saya menyokong apa yang dibentangkan. Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**3.21 ptg**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh tiga isu. Satu B.46, 010500 – Dasar Sumber Manusia. Saya rasa kerajaan kena kaji balik pendekatan kita untuk meningkatkan pendapatan pekerja biasa di Malaysia. Ini kerana dua, tiga tahun dahulu kementerian ada buat satu kajian di mana didapati 1/3 daripada pekerja kita dapat gaji di bawah paras kemiskinan iaitu RM720.

Oleh itu, kerajaan telah bawa isu gaji minimum RM900 dan saya hendak katakan terima kasih lah kepada kerajaan dan juga syabaslah sudah mengamalkan skim ini. Akan tetapi, didapati adalah tidak mencukupi untuk pekerja. Bila skim ini diperkenalkan, PSM telah katakan kita perlu gaji minimum RM1,500. Oleh kerana kita dasarkan pada *living wage*, apakah gaji yang perlu yang mencukupi untuk satu keluarga dengan tiga orang anak duduk di bandar-bandar kita.

Daripada itu kita perlu lebih kurang RM3,000 sebulan untuk satu keluarga. Jadi, kita bahagi dua, kita perlu RM1,500. Akan tetapi apa yang dibawa oleh kerajaan ialah jika kita bawa gaji setinggi RM1,500 ini akan menjejaskan pekerjaan di negara kita kerana kilang-kilang mungkin tidak boleh bersaing dengan kilang-kilang asing. Katakan kita ada satu kilang yang mengeluarkan kasut untuk pasaran Malaysia. Jika gaji di Malaysia ditingkatkan mungkin kilang daripada Vietnam, atau pun kilang daripada *Thailand* boleh bersaing untuk pasaran di Malaysia dan tarik balik pasaran di

sini dan kilang-kilang di sini akan terpaksa menghentikan pekerja. So, saya terima itu. Saya terima bahaya itu.

Oleh itu saya rasa oleh kerana kita hadapi satu situasi di mana jika kita mahu pun beri gaji yang lebih baik pada pekerja kita, kita disekat oleh suasana perdagangan antarabangsa di mana bila negara lain boleh keluarkan benda itu dengan harga yang lebih murah, *we can lose to the domestic market* juga dan kita hanya dapat gaji minimum secara nominal tetapi tidak ada kerja. So, saya tengok itu ada satu isu dan sekarang dengan tarif 0 untuk kawasan Asean. So, kilang-kilang di *Thailand* kah di *Vietnam* kah boleh *under cut* kita punya market.

Jadi, bolehkah kita bawa satu pendekatan baru oleh kerajaan? Bolehkah Kementerian Sumber Manusia bawa satu pendekatan baru di mana kita katakan kita hendak agihkan kekayaan negara kepada pekerja kita. Kita terima itu. Selain daripada gaji daripada majikan, jadi kita bawa satu konsep, gaji *social, a social wage*. Umpamanya kita mulakan satu skim baru untuk *pension*, untuk semua pekerja di swasta. Bila mereka sampai umur 65 tahun, dia dapat automatik RM200 sebulan untuk tiap-tiap orang. Tidak perlu dia masukkan EPF juga. Akan tetapi bila dia *citizen* Malaysia, bila sampai umur 65 tahun dia akan dapat *pension* RM200 sebulan. Itu satu *social wage* yang akan meringankan beban atas keluarga-keluarga miskin.

Bolehkah kita katakan rumah pertama untuk semua keluarga di Malaysia akan disediakan oleh satu agensi kerajaan dan dijual dengan harga kos sahaja. Tidak ada untung, tidak ada kos tanah, kos spekulasi semua. Hanya dengan kos pembinaan sahaja untuk semua keluarga. Itu pun satu kaedah *social wage*. So, saya haraplah Sumber Manusia boleh pakai, boleh berbincang dengan EPU dengan Unit Perancang Ekonomi untuk mengkaji konsep ini, *social wage* sebagai satu kaedah kita boleh mengagihkan kekayaan negara kita ini dengan pekerja. Oleh kerana kita tidak boleh naikkan gaji dia daripada majikan terlalu tinggi kerana itu akan menjejaskan ekonomi kita, macam mana kaedah ini di mana kita bawa *social wage*. Ini isu yang pertama.

Isu yang kedua ialah 030000 – Keharmonian Perhubungan Perusahaan. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bawa satu isu Hong Leong Bank di mana 49 pekerja dipindahkan daripada beberapa tempat daripada Kedah, daripada Kota Bharu, daripada Seremban semua ke Puchong atau pun Johor kerana ada pertukaran sistem. So, ini dipertikaikan oleh Kesatuan Pekerja, NUBE. Mereka ada perbincangan dengan majikan, tidak berjaya. Mereka rujuk kepada IRD, Jabatan Perhubungan Industri di mana ada satu mesyuarat perundingan pada 19 November di mana keputusan dia Hong Leong akan *maintain status quo* sehingga perundingan diselesaikan.

Akan tetapi, malangnya selepas satu minggu, Hong Leong telah keluarkan satu surat yang memberitahu, I baca dengan izin "*Please take not to the absent from tomorrow until the report for duty at Puchong would be view as absent without leave*". Then, di empat lokasi mereka sudah buat *lock up* lah, dia tidak benarkan pekerja yang telah di *transfer* untuk pergi ke tempat kerja asalnya. So, ini satu isu lah. So, saya harap Kementerian Sumber Manusia boleh nasihatnya majikan Hong Leong untuk teruskan dengan proses perundingan dan mencari satu penyelesaian yang adil untuk semua. Ini kerana untuk mereka, ramai daripada 49 ini mereka telah berkahwin. So, jika mereka

hendak berpindah daripada Kota Bharu datang ke Kuala Lumpur Hong Leong susah untuk mereka. So, saya harap ini akan diambil berat lah oleh kementerian .

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bangun.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Sehubungan dengan itu Yang Berhormat Sungai Siput, apa pandangan Yang Berhormat Sungai Siput mengenai kes Presiden *Union* MAS Encik Ismail Nasaruddin yang mana telah digantung pada November 8 kerana membuat satu *statement* terhadap CEO nya saudara Ahmad Jauhari mengenai masalah anak-anak kapal, 3,500 anak kapal.

Di antara isunya adalah mengenai *transport* dan yang kedua isunya adalah mengenai berat badan. Berat badan ini saya amat kecewa kerana ianya juga adalah satu diskriminasi kepada pekerja wanita yang baru balik daripada bersalin terutamanya. Ini adalah satu perkara yang kementerian harus mengambil bahagian atau masuk campur kerana ianya adalah satu syarikat *government link* yang mana kementerian mesti membuat satu ketetapan dan menghentikan penggantungan kepada Encik Ismail kerana beliau membuat satu *statement* terhadap CEO nya Encik Ahmad Jauhari. Terima kasih.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya rasa kementerian kita kena mengiktiraf peranan kesatuan pekerja. Mereka ada satu peranan yang penting untuk menjaga kepentingan hak pekerja ini. So, dalam kes-kes macam ini di mana nampaknya majikan tidak ambil serius macam kes pertama itu Hong Leong. Kita ambil serius persetujuan antara rundingan dengan *union* atau pun di sini di mana seorang majikan dia buat tindakan terhadap seorang pemimpin kesatuan kerja, kementerian mesti ambil tindakan tegas untuk *support* proses itu. *Tripartite system*. Kena di sokong, kena ditegaskan.

*Last* sekali saya hendak bawa. Tuan Pengerusi, *last* sekali ialah 010700 dan juga 050000 – Pentadbiran Undang-undang Standard Perburuhan. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bawa isu pekerja asing. Jika pekerja asing ada masalah dengan majikan dan dia bawa *complaint* kepada Jabatan Buruh, ada kemungkinannya dia akan diberhentikan kerja. Ini biasa berlaku. Dia diberhentikan kerja dan selepas itu majikan memotong permit dan menjadikan mereka haram.

#### ■1530

Jika mereka hendak teruskan kesnya terhadap majikannya, dia kena duduk di negara kita dan kena pergi ke imigrasi. Imigresen boleh bagi pas khas untuk satu bulan dia kena *charge* RM100. Akan tetapi pas itu mengatakan bahawa mereka tidak boleh kerja. So, pekerja yang telah dibuang kerja, tidak ada kerja, tidak ada pendapatan dan tempat tinggal. Biasanya mereka akan menginap di tempat kerja. Selepas mereka dibuang kerja, majikan kata “*You get lost*”. So, dia kena duduk di Malaysia tanpa tempat tinggal, tanpa pendapatan. Kes ini mungkin ambil lima hingga enam bulan. Jadi sekarang pekerja asing di Malaysia ada hak nominal. Dia boleh pergi ke IRD, kepada Jabatan Perusahaan Industri. Dia boleh pergi ke *Labor Court* tetapi itu nominal. Untuk terus dengan kesnya, *no sustenance*.

Jadi bolehkah Kementerian Sumber Manusia kaji hak pembelaan? Bolehkah Kementerian Sumber Manusia *discuss* dengan pihak imigresen apabila kes ini berlaku, Kementerian Sumber Manusia boleh beri satu pas sementara untuk mereka cari kerja yang lain sehingga kes dia diselesaikan di mahkamah.? Tanpa itu, hak pembelaan ini hanya secara nominal sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah.

### 3.31 ptg

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya saya cuma ingin menyentuh satu perkara Butiran 030100 – Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Tadi kita sedia maklum untuk perbincangan Kementerian Sumber Manusia Hong Leong Bank nama yang paling *famous* yang disebut-sebutkan. Sama juga di Negeri Sembilan. Dua hari yang lepas saya juga terima aduan daripada lima pekerja Hong Leong Bank di Seremban bahawa mereka diarahkan untuk ditukar ke Puchong yang mana lebih kurang 70 kilometer dari Seremban. Sama juga – saya bagi sedikit statistik kepada Yang Berhormat Menteri. Empat dari Pulau Pinang diarahkan untuk diarahkan ke Puchong, 10 dari Kedah diarahkan tukar ke Puchong. 10 dari Kelantan diarahkan untuk tukar ke Pulau Pinang dan Puchong, dua dari Johor diarahkan untuk tukar ke Puchong. Empat dari Perak diarahkan tukar ke Puchong dan sembilan dari Melaka tukar ke Johor dan Puchong. Lima dari Pahang diminta tukar dari Pahang ke Puchong dan juga Petaling Jaya.

Dalam isu ini, saya dimaklumkan bahawa pihak pengurusan Hong Leong Bank sebenarnya langsung tidak mendengar suara kesatuan pekerja. Alasan yang diberi cuma mereka akan adakan satu *so called hubbing* ataupun *centralization* supaya sebahagian daripada jabatan-jabatan ataupun bahagian mereka dikumpulkan di satu kawasan demi *efficiency* Hong Leong Bank. Akan tetapi saya hendak nyatakan di sini sebenarnya tindakan Hong Leong Bank sebegini seolah-olahnya ingin meminta pekerja-pekerja ini supaya letak jawatan. Ramai daripada mereka telah berkeluarga, mempunyai anak dan kebanyakan semua daripada mereka tidak sudi dipindahkan ke Puchong ataupun dipindahkan ke tempat yang lain. Saya dimaklumkan bahawa...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Rasah. Setujukah Yang Berhormat Rasah jika saya kata bukan sahaja bank nampaknya tidak hormat kepada pekerja, malah mereka tidak hormat kepada arahan ataupun notis dari pejabat perusahaan. Oleh sebab pejabat perusahaan dah setuju, contohnya di Bukit Mertajam seperti yang Yang Berhormat Rasah katakan sebentar tadi. Ada empat orang pekerja Hong Leong Bank yang telah diberi notis serta-merta untuk berpindah ke Puchong walaupun pejabat perusahaan telah pun memberikan notis supaya kedua-dua pihak bank dan juga pekerja bertemu pada 4 Disember.

Justeru, tindakan bank tersebut bagaikan tidak menghormati undang-undang dan institusi yang kita ada di Malaysia.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Masukkan ucapan Yang Berhormat Bukit Mertajam ke dalam perbahasan saya. Apa yang penting sekali sebenarnya bukanlah kerana 49 orang pekerja. Kalau kali ini kita bagi peluang kepada Hong Leong Bank untuk meminta 49 pekerja ini berpindah ke Puchong, lain kali setiap bank ataupun syarikat yang lain akan mengikut langkah Hong Leong Bank. Jadi saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memohon pihak kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri, kalau boleh ambillah tindakan yang sewajarnya dan pastikan Hong Leong Bank ini tidak akan memindahkan 49 pekerja ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang. Selepas itu Yang Berhormat Batu. Saya tidak melihat sesiapa bangun lagi. Selepas Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

### 3.35 ptg

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk sama membahaskan maksud B.46 Kementerian Sumber Manusia. Pertama sekali menyentuh Butiran 010300 di mana pengurusan sumber manusia di mana kerajaan perlu melihat keseimbangan tenaga buruh apabila kita melihat banyak industri wujud di sebelah pantai barat dan kurangnya perkembangan industri di sebelah pantai timur menyebabkan kebanjiran penghijrahan berlaku. Maka sejauh mana usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk berbincang dengan pihak kerajaan supaya kita memastikan keseimbangan berlaku supaya tidak berlaku penghijrahan. Ia menyebabkan banyak sumber tenaga dari luar bandar datang ke bandar yang mungkin menyebabkan tenaga muda yang perlu kita bangunkan juga di wilayah-wilayah hendak kita majukan.

Kedua, saya ingin penjelasan berkaitan kebanjiran pendatang asing. Ini adalah satu cabaran yang cukup besar bagi negara di mana kita melihat lambakan pendatang asing merupakan persaingan terhadap pekerja-pekerja tempatan. Apa lagi penganggur di kalangan tempatan terutama kelas bawahan masih tinggi yang mereka menganggur tidak ada pekerjaan dan inilah yang menyebabkan ruang mereka terdedah dengan perkara-perkara negatif kerana mereka tidak ada pekerjaan yang tetap. Jadi, sesuatu hendaklah dibuat. Apakah limit kebanjiran pendatang asing ini diletakkan oleh pihak kementerian? Apakah hadnya dan berapakah yang perlu diguna pakai dan perkara ini perlu diambil tindakan tegas. Ini kerana kita tidak mahu negara kita dikuasai oleh pekerja-pekerja asing. Akhirnya jangka panjang akan merugikan negara.

Apabila disebutkan pekerja asing, kita terkilan apabila kita dapati sebelum ini lebih daripada 30,000 pekerja pengawal keselamatan daripada pendatang asing yang bekerja di Lembah Klang yang kita melihat di antara punca berlakunya jenayah dan sebagainya. Apa lagi mereka dibekalkan

dengan senjata dan sebagainya. Jadi, sejauh mana tindakan tegas yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani pendatang asing ini sama ada mereka masuk cara halal atau haram?

Seterusnya ialah saya ingin penjelasan iaitu berkaitan dengan dasar pembaharuan iaitu Butiran 010600 yang mana banyak yang melibatkan buruh-buruh dari luar ini. Apakah dasar yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dan apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan? Begitu juga berkaitan dengan Butiran 020200 – Perkhidmatan dan Latihan di mana kita melihat banyak lepasan sama ada dari institusi latihan dan kemahiran yang disediakan oleh kerajaan sama ada peringkat sijil atau peringkat diploma, sejauh mana mereka ini telah mendapat ruang dalam pasaran pekerjaan dan sejauh mana kemahiran yang telah diperolehi mereka. Saya mendapat makluman daripada pensyarah dan guru-guru yang melaksanakan kursus-kursus kemahiran ini, mereka rasa tidak puas hati dari sudut pengurusan latihan itu sendiri sebab dari sudut kemahiran pelajar-pelajar tidak mencapai tahap memuaskan. Mereka hebat dari segi teori, tetapi dari segi praktikal dari segi amalinya mereka masih belum mencapai tahap memuaskan dan mempunyai tenaga mahir yang tinggi. Jadi sejauh mana pemantauan dibuat oleh pihak kerajaan memantau institusi-institusi latihan ini supaya kita tidak membazirkan wang negara begitu banyak memberikan latihan dan kursus sedangkan kita tidak mencapai matlamat untuk melahirkan tenaga mahir dalam negara.

Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan latihan pembantu rumah tempatan yang sebelum ini pihak kementerian pernah menyebut kerajaan akan mewujudkan latihan pembantu rumah tempatan untuk menangani masalah lambakkan pembantu rumah asing yang begitu banyak dalam negara kita.

#### ■1540

Kita memahami keperluan pembantu rumah tetapi tidak selamanya kita harus bergantung kepada pembantu asing sebab kesannya cukup besar terutama dari segi keseimbangan keluarga. Anak-anak akan dipengaruhi oleh budaya yang dibawa oleh warga asing yang menghuni, yang menjadi pengasuh kepada anak-anak. Apa lagi dalam keadaan kos hidup yang tinggi. Apabila hendak hantar anak ke nurseri, terpaksa membayar satu kanak-kanak sampai RM450. Mungkin inilah jalan paling mudah yang diambil oleh pihak pekerja kita terutama pekerja wanita, membantu, menggaji, menggunakan pekhidmat pembantu rumah asing. Akan tetapi kesannya ada kesan yang lain. Apa lagi kalau pembantu rumah itu tidak ada latihan, kemahiran, dari sudut bahasa, budaya, apa lagi ada yang mencuri dan sebagainya. Jadi, perkara ini sejauh mana saya ingin penjelasan, pencapaian yang telah dibuat, yang telah dirancang oleh pihak kementerian ini, sejauh mana setakat ini kejayaannya?

Menyebut tentang pekerja wanita, saya ingin menyentuh Butiran 00600 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia. Sejauh mana usaha yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk menyediakan sistem sokongan terutama kepada pekerja-pekerja wanita? Banyak disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, sebab kerja wanita walaupun lebih daripada 48% guna tenaga negara kita adalah terdiri daripada pekerja wanita tetapi kita melihat di sana perlu kepada

sistem sokongan kepada pekerja wanita. Selain daripada waktu kerja yang anjal, di mana mereka memerlukan tempat-tempat khusus atau pun jadual waktu, jadual *shift* atau pun tugas yang sesuai untuk mengimbangkan tugas mereka sebagai pekerja dan juga keluarga.

Kita tidak mahu runtuhnya institusi keluarga kerana jadual kerja yang tidak sesuai untuk kita seimbangkan polisi kerja yang tidak mesra keluarga. Jadi, sejauh mana Kementerian Sumber Manusia sensitif dengan isu kekeluargaan dalam menentukan kebajikan terutama pekerja wanita? Begitu juga termasuk ibu bapa, kebajikan ibu bapa. Ada daripada pekerja-pekerja kita yang kadang-kadang mereka terpaksa ambil cuti, sampai habis cuti kerana ibu bapa yang sakit, melayani kerenah, meraikan ibu bapa yang sakit. Jadi, sejauh mana kebajikan yang telah ditetapkan oleh kementerian sebagai satu dasar yang dibuat untuk kita memberi kebajikan kepada pekerja-pekerja wanita kita. Termasuklah juga di sini ialah isu berkaitan dengan tekanan yang dihadapi oleh pekerja wanita.

Saya sering mendapat makluman, terutama yang bekerja dengan syarikat swasta, badan berkanun. Terutama, contoh daripada syarikat pengangkutan awam. Seperti MAS, AirAsia. Mereka sebenarnya tidak suka berpakaian menjolok mata. Akan tetapi dasar yang telah ditetapkan, terpaksa mereka berpakaian *skirt*, berpakaian terbelah yang sebenarnya bagi pekerja-pekerja Islam tidak sesuai sangat dan bercanggah dengan hukum Islam. Apatah lagi fitrah wanita, bagi mereka yang mungkin *non-Muslim*, kita tidak paksa tetapi ini bagi orang Islam. Mereka terpaksa berpakaian demikian kerana mereka tidak ada pilihan pekerjaan. Jadi, kenapa? Apakah dasar yang telah dibuat oleh kerajaan terutama pekerja-pekerja menjadi pramugari dan sebagainya ini. Apa salahnya pakaian menutup aurat? Saya rasa tidak salah, pakai seluar panjang, baju, pakai tudung. Ia tidak menjejaskan pekerjaan mereka. Jadi, ini boleh mengelak sekaligus gangguan seksual di tempat kerja. Ini seharusnya diberi pertimbangan oleh pihak kerajaan.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan kebajikan pekerja OKU. Dalam kita tidak boleh menafikan hak golongan istimewa ini, di mana pekerja OKU memerlukan alat bantu yang khusus. Mereka mempunyai ilmu, kemahiran dalam bidang yang sesuai dengan mereka. Akan tetapi untuk melaksanakan tugas, mereka perlu kepada pembantu. Mungkin yang tolong tolak mereka atau pun hendak naik kenderaan dan sebagainya. Seharusnya kerajaan mempertimbangkan satu elaun khas. Elaun khas, elaun kecacatan untuk mereka melaksanakan tugas mereka sebagai pekerja, sama ada majikan atau pun kerajaan, awam atau pun swasta.

Oleh sebab kita lihat, kalau kita boleh bagi elaun kesusahan bagi guru-guru yang mengajar jauh di pedalaman. Apa salahnya kita bagi elaun khas, bagi pekerja-pekerja cacat, OKU ini. Ini kerana contoh, kalau mereka naik teksi, dia tidak macam dengan teksi orang lain, dia tidak boleh kongsi mungkin kerana dia hendak bawa alat-alat dan sebagainya. Maka, mungkin kos itu dia perlu gaji pembantu yang boleh membantu dia untuk ke tempat kerja. Jadi, kita tidak boleh meminggirkan golongan yang istimewa ini. Seharusnya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey. Jadi, seharusnya saya ingatkan supaya pembelaan kepada pekerja-pekerja kurang upaya ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

**3.45 ptg.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pertama sekali saya ingin menyentuh di bawah Bekalan 46, 010500 - Dasar Sumber Manusia dan 010600 – Dasar Perburuhan. Pada tanggal 23 Oktober 2013, seluruh negara dikejutkan dengan penembakan seorang staf bank oleh pengawal keselamatan yang akhirnya didapati bahawa pengawal itu adalah seorang pekerja asing yang bekerja dalam syarikat keselamatan. Ini telah mencerminkan krisis yang agak kronik dalam isu perburuhan kita di mana pемbanjiran pekerja asing sehingga sektor bank pula telah tidak dikecualikan. Kita ingin kerajaan mempertimbangkan semula untuk menguatkuasakan sektor-sektor yang sepatutnya harus diberi prioriti kepada penduduk tempatan terutamanya dalam bank. Apakah salahnya kita kembali kepada masa yang bank tidak dibenarkan untuk subkontrak kerja-kerja baik pun *security* atau perkhidmatan yang berkaitan dengan bank ini kepada syarikat-syarikat yang tidak boleh dikawal.

Dengan itu saya juga ingin menyentuh tentang— kini dengan pемbanjiran pekerja asing kita juga dapati bahawa pekerja tempatan bukan sahaja dinafikan tempat bekerja tetapi kadar kesatuan kita pun makin berkurang. Saya ingin dapat daripada kementerian, apakah kadar kesatuan kita, *our unionize rate* sekarang. Dan kita nampak ada ketidakkoordinasian oleh kerana di mana Kementerian Sumber Manusia mengawal *labour market* tetapi pengambilan pekerja asing itu datang daripada Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin dapat penjelasan, apakah ada cara yang boleh mempertingkatkan kerjasama atau kita alihkan penguasaan pekerja asing ini kembali kepada Kementerian Sumber Manusia?

Saya juga ingin menyentuh dalam 030000 – Keharmonian Perhubungan Perusahaan. Di mana rakan-rakan saya telah menyentuh Hong Leong Bank. Saya tidak mahu ulang tetapi saya ingin sentuh perkara yang agak pokok iaitu dasar kesatuan. Di mana bank ini sejak dahulu mempunyai satu *practice industrial relation* atau pun perhubungan perusahaan yang agak kompeten, agak cekap iaitu perundingan di antara NUBE dan juga MCBA iaitu kesatuan yang mewakili sektor bank. Kebelakangan ini kita lihat ada keruntuhan sistem ini oleh kerana bank sendiri tidak menghormati sistem perusahaan negara kita. Maybank sebagai pengerusi MCBA sendiri tidak mengiktiraf praktis untuk berunding secara kolektif dalam perundingan. *Collective Bargaining Agreement* yang sepatutnya ditandatangani dan telah henti pada 1 Januari 2012, sehingga hari ini tidak ada penyambungan untuk membuat CAA yang baru. Ini adalah kerana Maybank sendiri telah mengiktiraf satu *in-house union* atau *union* dalaman.

■1550



Kalau mengikut Akta Kesatuan Sekerja 1959 di mana bila sesuatu sektor atau satu syarikat yang telah wujudkan kesatuan, tidak sepatutnya ada kesatuan yang lain. Akan tetapi jelas dengan pewujudan MANU iaitu badan kesatuan dalaman yang telah diwujudkan oleh Maybank sendiri, ini memecahkan sistem *collective agreement* kita. Kita lihat kenapa kerajaan ada *double standard*? Bila sentuh tentang *electronic workers*, kerajaan tidak membenarkan mereka mengadakan *industry union* dan mereka juga galakkan *in-house union*. Saya ingin dapat penetapan dari kerajaan, adakah kerajaan sekarang meminda daripada sistem perindustrian ataupun perusahaan kita yang sedia ada iaitu *industrial union* kepada *in-house union*?

Kita juga lihat dalam isu Hong Leong juga, Hong Leong telah berjanji bila mengambil alih EON dalam penggabungan bank ini, semua syarat-syarat yang telah diambil itu harus dipatuhi. Akan tetapi serta-merta selepas penggabungan ini, Hong Leong telah mulakan dengan VSS yang juga nasihat Menteri tidak ikut. Kini kita lihat lagi 50 orang pekerja dipindah atas nama *hubbing centralization*. Ini jelas ada unsur-unsur yang menentang dengan dasar kesatuan dan diskriminasi terhadap kesatuan.

Kemudian saya ingin sentuh isu pekerja-pekerja di dalam GLC. Sehingga kini, pekerja-pekerja GLC mengambil satu pencen yang begitu rendah. Khususnya di Sabah, Sarawak, kebanyakan dengan pencen yang RM100 hingga RM150 sebulan. Akan tetapi kita harus ingat sejarah GLC seperti Telekom, TNB dan lain-lain, mereka tidak pilih untuk diswastakan, yang menswastakan mereka adalah kerajaan. Kerajaan dalam skim penswastakan itu telah menjamin kepada pekerja-pekerja GLC ini, yang dahulu swasta ini, mereka akan menikmati kondisi yang sama dan kebajikan yang sama. Akan tetapi kini jelas kebanyakan mereka tidak menikmati apa yang sepatutnya dinikmati kalau mereka *remain* sebagai sektor awam. Saya ingin juga tanya kenapa kerajaan...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat bangun Yang Berhormat. Masa pun sudah hendak habis.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, ya, sekejap. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa sedikit perhatian daripada Menteri. Di samping kita menyebut tentang GLC, kita juga jangan lupa bahawa ada beberapa syarikat-syarikat yang besar dalam negara ini mengambil pekerja-pekerja asing di peringkat pengurusan, Pengurus Besar. Sebagai contoh, Kelab Golf Kuala Lumpur yang telah mengambil pekerja asing sebagai Pengurus Besar sedangkan kita ada pekerja tempatan yang mampu berbuat untuk menguruskan pentadbiran di bawah syarikat tersebut. Jadi persoalan saya ialah apakah tidak ada pemantauan dari kementerian terhadap pekerja-pekerja asing yang berpangkat besar, supaya diberi peluang kepada pekerja tempatan untuk menerajui syarikat yang membolehkan mereka mendapat hasil mahsul daripada syarikat itu. Apa pandangan Yang Berhormat Batu dalam soal ini? Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya amat setuju dan saya sekali lagi seru kepada kerajaan supaya kita menguatkuasakan sektor-sektor di mana yang kita harus memberi prioriti kepada rakyat tempatan.

Saya ingin kembali kepada isu yang saya sebut tadi terutamanya di dalam syarikat-syarikat yang telah diswastakan dan termasuk GLC ini yang merupakan hampir setengah juta pekerja. Sehingga hari ini, terutamanya di Sabah, Sarawak, pencen mereka hanya sebanyak sehingga RM150. Saya ingin tanya kenapa kita tidak boleh memastikan dasar pencen itu adalah mengikut *last drawn salary* iaitu *salary* yang terakhir bila mereka berhenti? Ini kerana itu adalah kebajikan yang dinikmati oleh pekerja-pekerja kerajaan.

Dengan itu juga, saya ingin, sudah sampai masa saya setuju di mana sebelum ini kerajaan mengumumkan bahawa akan mengadakan satu *private pension scheme* untuk sektor *private*, sektor swasta. Saya rasa kecewa dalam bajet ini saya tidak lihat di mana-mana item ini disenaraikan. Kenapa masih kita melambatkan proses ini memandangkan kalau mengikut satu data yang saya peroleh dan saya ingin dapat pengesahan dari kementerian iaitu 75% orang yang bersara di semua sektor, mereka hanya ada simpanan dalam KWSP yang kurang daripada RM50,000. Adakah ini mencukupi? Itulah sebab kita harus memikir secepat mungkin tentang isu skim pencen swasta.

Akhir sekali di bawah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akhir sekali Butiran 040000 – Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja. Saya ingin bangkitkan sekali lagi iaitu pada 27 September 2013 sebuah lori trak simen YTL telah melanggar dan seorang wanita, isteri kepada pegawai polis telah menjadi mangsa kepada kemalangan ini. *Cement batching plant* yang YTL yang beroperasi di tengah bandar ini jelas melanggar Akta Kilang dan Jentera 2006. Juga, kita ingin dapat pengesahan dari laporan OSHA, kenapa tidak ada *notification* dari OSHA terhadap operasi ini? Kenapa tidak ada *notice of improvement* kepada kilang ini mengikut seksyen 48 Akta OSHA ini? Saya harap kementerian ambil tindakan segera terhadap semua operasi yang membahayakan keselamatan pekerja.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, minta izin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi nama saya sudah hantar. Nama saya dihantar oleh wakil...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sebentarlah. Ini yang saya katakan – dengar Tuan Pengerusi dahulu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya dengar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah buat keputusan. Bagaimanapun, saya bagi peluang kepada Yang Berhormat dan selepas itu Menteri jawab.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih [*Ketawa*] Dia pun minta [*Merujuk kepada seorang Ahli*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Subang lepas itu Menteri jawab.

### 3.57 ptg.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya mula Tuan Pengerusi dan ucap terima kasih sebab memberi ruang kepada saya walaupun keputusan tadi dibuat. Saya ucap terima kasih Tuan Pengerusi gunakan budi bicara dengan cara yang budiman dan baik ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau tidak bagi, kena marahlah [*Ketawa*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik, saya pergi terus pada isu-isu yang penting sebab masa pun sudah singkat.

Tuan Pengerusi, saya ingin rujuk Butiran 050000 di bawah tajuk Pentadbiran Undang-undang dan Standard Perburuhan itu, tajuk itu. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, ini adalah berkaitan dengan pengurusan dan perjalanan Mahkamah Perusahaan, sistem kehakiman kita untuk pertikaian di antara pekerja dan majikan mereka dan juga di antara Kesatuan Sekerja dengan majikan-majikan.

Tadi saya sudah bangkit dalam ucapan daripada Yang Berhormat Pasir Gudang tentang masalah pekerja untuk pergi terus kepada Mahkamah Perusahaan. Mereka mesti rujuk mula-mula kepada Jabatan Perindustrian dan lepas itu hanya dengan rujukan Menteri baru boleh sampai di mahkamah. Ini memang satu sistem yang bagi saya tidak wajar, melambatkan proses mendapat keadilan daripada mahkamah. Secara prinsip, ini salah, sebab di mana-mana situasi lain di mana ada pertikaian mereka, kita boleh pergi terus kepada mahkamah. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada perubahan kepada sistem ini yang kita sudah tunggu lama akan dibuat? Apakah rancangan kementerian berkenaan dengan isu ini?

Berkaitan juga dengan Mahkamah Perusahaan, satu lagi masalah yang mengakibatkan kelambatan dalam perjalanan kes-kes adalah, hakikat bahawa selepas keputusan di Mahkamah Perusahaan, dua-dua pihak, kadang-kadang pekerja buat, kadang-kadang majikan buat, mereka akan buat permohonan *judicial review*, dengan izin, ke Mahkamah Tinggi dan lepas itu ke Mahkamah Rayuan dan sebagainya.

### ■1600

Akhirnya, hakikatnya ialah pekerja-pekerja menunggu bertahun-tahun untuk mendapatkan keadilan. Sistem ini mesti diubah dan cadangan telah dibuat dan Yang Berhormat Menteri boleh sahkan ini. Cadangan telah dibuat untuk ubahsuai atau buat reformasi kepada sistem itu supaya macam cadangan kita ikut sistem di United Kingdom di mana lepas perbicaraan di Mahkamah Perusahaan, ada hak Melayu terus kepada satu Mahkamah Rayuan dan selepas itu kes itu ditutup. Jadi, itu akan memendekkan proses dia dan itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, minta sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi walaupun masa singkat, masih lagi berkeupayaan untuk memberi peluang. Yang Berhormat Subang, mengikut sebagai contoh seksyen 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 iaitu apabila keputusan Menteri itu muktamad, dia kata *confirm but* syarikat masih bawa lagi kes ini ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi tidak mengizinkan keputusan yang dibuat oleh Menteri sedangkan kuasa Menteri waktu itu mutlak. Itu pun dilanggar. Adakah perlu dalam Akta Perhubungan Perusahaan itu dan Akta Kerja itu perlu dibuat kajian semula untuk memberikan kuasa mutlak sebab terikat. Jangan sampai bawa ke Mahkamah Tinggi kerana dikhuatiri hakim tidak *specialize*, dengan izin, dalam soal undang-undang buruh ini yang memudaratkan undang-undang itu sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Subang? Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat membangkitkan isu itu juga. Isu itu adalah berkaitan dengan proses pengiktirafan atau *recognition* yang berlainan sedikit daripada yang saya sebut tadi tetapi memang penting juga sebab di sana pun kita nampak proses *judicial review* ini digunakan untuk melambatkan proses. Saya boleh sebut di sini Tuan Pengerusi. Saya ada satu kes di mana sebuah kesatuan sekerja memohon untuk pengiktirafan dan 14 tahun selepas memohon masih menunggu untuk keputusan muktamad daripada mahkamah.

Selama 14 tahun, bayangkan. Jadi, sebab inilah kelemahan sistem kita dan kita mesti memperakui itu dan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat, undang-undang ini mesti dikaji semula supaya memastikan kelambatan seperti ini tidak dibenarkan dan sebab ini kalau kesatuan sekerja mesti tunggu 14 tahun baru boleh dapat pengiktirafan. Selepas itu baru boleh buat *collective bargaining*, apakah keadilan untuk pekerja dalam sistem itu?

Seterusnya, perkara ketiga Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan piawai antarabangsa untuk perburuhan dan saya rujuk secara spesifik kepada Konvensyen 87. Negara kita adalah ahli kepada *International Labor Organization* (ILO) kita terikat oleh keputusan di sana. Kita juga terikat oleh resolusi ILO yang berkata *core labor standard*, dengan izin, mesti diikuti walaupun konvensyen ini belum diratifikasikan. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa lama lagi pekerja dan rakyat Malaysia mesti menunggu untuk kerajaan kita untuk meratifikasikan Konvensyen 87? Konvensyen 87 itu sangat penting sebab dia memberi jaminan kepada pekerja untuk hak *freedom to organize* dengan izin, hak untuk menyusun, menubuhkan persatuan tanpa sekatan.

Kita hendak galakkan *development* atau pembangunan, kita hendak galakkan perniagaan. Jadi, kita bagi hak yang penuh kepada pelabur, peniaga untuk melabur modal mereka, *capital* mereka. Kita bagi hak untuk *freedom of contract*, itu tidak ada masalah. Kenapa kita tidak bagi kebebasan yang sama kepada pekerja-pekerja? Mereka hendak menyusun, mereka hendak buat kesatuan sekerja berasaskan industri. Kenapa kita tidak- kenapa kita halang? Itulah hak yang diberi

perlindungan di bawah Konvensyen 87 tetapi malangnya negara kita masih belum tandatangan. Saya ingin tanya bila kita akan tandatangan sebab tanpa itu ada satu kelemahan besar dalam hak-hak pekerja kita.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan isu pekerja asing yang telah disebut oleh beberapa Yang Berhormat juga. Apakah peranan Kementerian Sumber Manusia dalam masalah ini? Masalah ini ketara. Saya sudah bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, contoh yang spesifik, yang berlangsung setiap hari. Setiap hari seribu- saya gunakanlah istilah 'pelawat' daripada Bangladesh datang setiap hari melalui pesawat *direct flight* daripada Dhaka ke KLIA. Jadi mereka datang kononnya dengan visa di dalam pasport mereka visa pelancong atau visa studen. Bila kita nampak, mereka bawa satu beg plastik datang. Dengan jelas kita tahu ini bukan pelancong sebenar atau studen sebenarnya. Mereka datang dengan tujuan untuk masuk satu hala sahaja. Masuk dengan visa satu bulan yang diberi oleh suruhanjaya tinggi di Dhaka melalui suruhanjaya tertinggi kita, kita kena siasat itu juga. Selepas satu bulan mereka jadi pendatang tanpa izin (PATI) atau *illegal migrant workers* dan mereka juga dieksploitasi juga.

Jadi, apakah peranan Kementerian Sumber Manusia untuk menangani hal ini? Bukan sahaja orang Bangladesh, orang Indonesia dan banyak lagi. Jumlah mereka sudah saya rasa sekarang kita tidak sebut perpuluhan ribu atau ratusan ribuan, kita kata juta, berjuta-juta.

Bagi saya Kementerian Sumber Manusia mesti ambil peranan dalam hal ini, mesti ada tanggungjawab sebab kementerian ini adalah menjaga dan menasihatkan kerajaan tentang keperluan tenaga buruh dalam negara ini. Jadi, mereka yang pakar dalam hal ini, kalau sudah cukup tutup pintu dan bagi peluang kepada pekerja Malaysia. Kita kena jaga hak pekerja Malaysia juga dengan membenarkan kebanjiran negara kita macam ini, siapa yang akhirnya menderita ialah pekerja kita sebab gaji mereka rendah, kekal di peringkat rendah. Gaji mereka tidak boleh naik mengikut inflasi, mengikut keperluan hidup dan sebagainya.

Jadi, saya tahu masalah dulu kita ada bincang ini ada peranan oleh Kementerian Dalam Negeri juga. Jadi saya hendak tanya kepada kementerian Menteri, apakah perbincangan, apakah rancangan untuk selaraskan ini supaya kemasukan pekerja asing ini dikawal? Kita tidak sebut tutup 100% dan halau semua, bukan. Kita pun perlukan mereka di beberapa sektor tetapi boleh saya tanya apakah rancangan, apakah tindakan supaya kemasukan pekerja asing ini tidak menjejaskan rakyat kita sendiri? Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih sekali lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**4.07 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 peringkat Jawatankuasa di bawah B.46 dan P.46 – Kementerian Sumber Manusia. Saya akan cuba menjawab dengan sebaik mungkin.

Walau bagaimanapun, mana-mana isu yang telah dibangkit yang saya tidak sempat jawab di Dewan yang mulia ini, saya berjanji akan menjawabnya secara bertulis.

Saya bermula dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat baru habis berucap iaitu Yang Berhormat daripada Subang mengenai pekerja asing. Ini kerana isu ini juga telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi, pertama sekali saya ingin menekankan di sini bahawa dasar kerajaan ialah untuk memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan. Saya ulang, dasar kerajaan adalah untuk memberikan keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan. Jadi, mengenai pembanjiran, kadang-kadang kalau saya salah sebut bunyi macam bazir. Pembaziran...

**Beberapa Ahli:** Pembanjiran.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Pembanjiran, banjir. *The over flooding of foreign workers into our country*, dengan izin seperti mana yang dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini adalah satu seperti mana kita saya ingin sebutkan di sini.

■1610

Apa yang telah diutarakan atau disebut oleh beberapa mereka yang telah menyentuh yang telah menyatakan bahawa, ada majikan yang memberi prioriti atau keutamaan kepada pekerja asing kerana gaji mereka mungkin kurang, mungkin rendah daripada gaji pekerja tempatan. Itu ahli-ahli Dewan yang mulia ini adalah sebenarnya tidak tepat kerana mengikut *International Labour Organization*, daripada segi gaji, tidak boleh ada beza di antara pekerja asing dengan pekerja tempatan. Saya ulang, daripada segi gaji, pekerja asing hendaklah diberikan gaji yang sama dengan pekerja tempatan. Itu di bawah Undang-undang Antarabangsa atau *International Labour Organization*.

Oleh yang demikian, dengan sendirinya tadi saya telah menjawab bahawa kebanjiran pendatang asing ini ke negara kita sebenarnya mungkin berlaku kerana apa yang telah diutarakan oleh kawan saya yang baru berucap sebentar tadi iaitu Yang Berhormat Rasah, dia datang menggunakan *social visit pass*. Selepas sebulan, mereka menjadi pekerja tanpa izin. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sebenarnya mengenai kedatangan pekerja asing, kerajaan mempunyai apa yang dipanggil sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing. Ia dipengerusikan oleh tidak lain dan tidak bukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Kita di Kementerian Sumber Manusia adalah sebahagian daripada kementerian yang terlibat atau duduk dalam kerusi itu.

Tentang Bangladesh, adalah dimaklumkan bahawa pihak Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing ini, Kementerian Sumber Manusia sebenarnya pada tahun lepas iaitu tahun 2012, di bulan September telah menandatangani satu perjanjian or *Memorandum of Agreement* dengan negara Bangladesh. Dalam mana di bawah perjanjian itu yang dinamakan G2G, kita memastikan bahawa mereka rakyat Bangladesh yang datang untuk mendapat pekerjaan di negara kita, negara yang tercinta ini, bumi yang bertuah ini, adalah mereka yang satu, bebas

daripada penyakit berjangkit. Kedua, mereka tidak mempunyai rekod *criminal*. Itu penting dan itu dibuat oleh sebuah kementerian yang lain iaitu Kementerian Dalam Negeri yang sama-sama duduk dengan kita, yang sama-sama duduk dengan Jawatankuasa di dalam Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sebenarnya setakat ini hanya 1,212 sahaja yang telah masuk melalui G2G itu. Yang lain, dipanggil sebagai PATI, saya tidak boleh menjawab secara rasmi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Masih dengan pekerja asing ini. Kedua yang saya ingin sebutkan. Yang Berhormat Batu, nanti ya? Saya akan memberikan ruang. Kedua, tentang pekerja asing ini, saya harus menegaskan di sini bahawa kebanjiran pendatang asing ke negara kita ini bukanlah kerana kita, para majikan kita akan memberi gaji yang lebih rendah daripada pekerja tempatan, *cheap labour*. *It is not because of that* tetapi ia berlaku, kita sama-sama tahu bahawa kita dibanjiri oleh pendatang asing tanpa izin. Seperti mana yang saya telah sebutkan tadi, mereka mungkin datang melalui *social visit pass* selepas itu menjadi pendatang tanpa izin. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dalam soalan yang saya dapat daripada Kementerian Dalam Negeri, didapati bahawa kadar kenaikan pengambilan pekerja Bangladesh adalah tertinggi. Dalam tiga tahun yang lalu, kita melihat penurunan pekerja asing dari Indonesia dan negara-negara jiran yang lain. Saya ingin tahu adakah ini sebab pilihan majikan atau kerana memorandum yang kita telah *signed* dengan Bangladesh dan sehingga kita beri prioriti kepada Bangladesh sebagai pekerja asing? Saya juga ingin dapat, apakah keistimewaan buruh Bangladesh yang kita tidak dapat, yang terpaksa kita ambil dari Bangladesh? Boleh saya dapatkan penjelasan?

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Keistimewaan, mungkin mereka lebih rajin. Bukan bermakna rakyat Malaysia tidak rajin, tetapi oleh kerana keadaan, taraf sosioekonomi rakyat di negara kita yang bertuah ini, taraf ekonomi adalah tinggi. Oleh yang demikian, di sektor perladangan dan sebagainya, kalau kita hendak mencari pekerja tempatan, Ahli-ahli Yang Berhormat juga ahli-ahli yang mulia di Dewan yang mulia ini, saya berani bercakap bahawa sambutan daripada rakyat tempatan untuk bekerja di ladang-ladang yang banyak di seluruh negara ini, amatlah dingin sekali.

Oleh yang demikian, melalui G2G ini kita menumpukan *agreement* kita, perjanjian ini kepada negara Bangladesh kerana sebenarnya untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, khususnya rakan saya daripada Yang Berhormat Batu, baru sebulan yang lepas, *main Minister of Labour* dari Bangladesh telah berjumpa dengan saya sendiri di pejabat saya di Putrajaya, dalam mana beliau telah menyatakan bahawa negara Bangladesh sedia membawa tidak kurang daripada 10,000 pekerja dari Bangladesh... [Disampuk] Nanti dahulu, saya belum habis ayat. Ayat mesti

kena habis dahulu. Mungkin 10,000 sehari, 10,000 sebulan. Jadi, dia sudah sebut awal, *never mind, I leave it to you.*

Jadi ini bererti Tuan Pengerusi, negara kita, satu, rakyat tempatan kita tidak minat untuk bekerja di perladangan. Maka, tertubuhlah *G2G Agreement* khususnya dalam perladangan. Masih dengan isu ini...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *No, I have to finish this ...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Same point on pekerja asing.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *No, not the same. I just finish my ...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Oh! Sure. Of course.*

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *Now,* harus diingatkan bahawa sebelum kita mengambil pekerja asing iaitu secara *legal*, yang tidak *legal* itu saya tidak tahu iaitu kita mempunyai *what I would call procedures* dalam mana pertama, pihak majikan haruslah memberikan keutamaan kepada rakyat atau pekerja tempatan iaitu dengan mengeluarkan *advertisement*, pengiklanan dan sebagainya di surat-surat khabar, media massa tempatan dan melalui agensi kita yang dipanggil sebagai JobsMalaysia. *Failing which*, kalau gagal, barulah kita akan *outsource* mengambil pekerja-pekerja dari tempat lain di negara lain.

#### ■1620

Ini lah yang kita panggil sebagai "*Job Clearance System*". Sehingga 27 November 2013, tahun ini, sebanyak 256,989 orang pekerja asing disyorkan boleh bekerja di Malaysia. *We have statistic* tetapi yang membanjiri negara kita iaitu tanpa permit, yang melalui Visa Kunjungan Sosial dan sebagainya saya tidak berhajat untuk menjawabnya sebab ia bukan di bawah bidang kita. Di bawah bidang kita ialah khususnya pekerja-pekerja yang *legal*, dan bukannya yang datang tanpa izin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita juga tidak membuka peluang pekerjaan kepada semua sektor. Kita tahu di negara kita, kita mempunyai banyak sektor tetapi kita hanya memberikan kepada enam sektor sahaja khususnya sektor perladangan. Selepas itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat bangun Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta pencilahan.

**Dato' Seri Richard Riot anak Jaem:** Okey, nanti ya. Yang Berhormat Kuala Langat sebenarnya saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat kerana beliaulah yang telah membangkitkan banyak isu. Kalau saya nampak di sini tidak kurang daripada enam isu yang amat berguna.

Jadi oleh yang demikian, saya amat berterima kasih seperti mana yang saya telah sebutkan kepada Yang Berhormat Kuala Langat kerana beliaulah yang telah membangkitkan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan tugas kita di dalam Kementerian Sumber Manusia.



Antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak jadi tanya Yang Berhormat?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Richard Riot anak Jaem:** Itulah yang saya katakan, tidak perlu bertanya dahulu, biar saya jawab dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih lah.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Menteri, pekerja asing.

**Dato' Seri Richard Riot anak Jaem:** ...Beliau telah berucap sebentar tadi.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soal pekerja asing.

**Dato' Seri Richard Riot anak Jaem:** Okey.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Yang mengatakan *amount sector*.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pekerja asing ini di bawah peruntukan seksyen 60(M) Yang mengharamkan pengambilan kalau ada pekerja tempatan, di bawah Akta Kerja 1955. Jadi saya dapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa beberapa sektor perladangan di bawah *subcontractor labor* boleh ditukarkan, di bawah Akta Kerja 1955 menjurus kepada pembanjiran pekerja-pekerja asing yang berleluasa. Jadi soalan perkongsian saya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, apakah perlu kita mengkaji semula dalam perkhidmatan di hotel-hotel besar. Masuk hotel sahaja pekerja asing, laluan utama lapangan terbang, pekerja asing. Jadi saya minta kementerian supaya merenung kembali pekerja asing di sektor-sektor ini, supaya dikaji semula, agar keselamatan negara dapat dijamin.

Tuan Pengerusi, dijamin dengan keadaan pekerja asing berada di pintu masuk utama. Ini amat menggerunkan, huh dahsyat! Kalau pergi Korea, pekerja asing tidak ada di lapangan terbang.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh lihatlah penerbangan utama macam di KLIA contohnya, di Pulau Pinang contohnya, yang memberikan ruang itu supaya diketatkan di mana pekerja asing ini tidak boleh diberikan keutamaan. Jadi negara kita lebih selamat sedikit daripada penyeludupan atau sebagainya. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, benda yang sama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas Yang Berhormat Batu, saya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ingin mendapatkan pengetahuan secara spesifik enam sektor ini. Akan tetapi kita lihat jelas di luar daripada enam sektor ini, ramai juga pekerja asing. Seperti yang disebutkan seperti di hotel dan termasuk di KLIA. Orang yang

sapu lantai pun pekerja asing. Saya yakin kalau di KLIA dan juga ini- dengan gajinya sudah tentu kita boleh dapat pekerja tempatan. Saya juga telah menyentuh tadi, diharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskannya. Seperti sekuriti, kita ada talian sejarah dengan Nepal, so kita bawalah sekuriti-sekuriti daripada Gurkha itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Talian sejarah Yang Berhormat?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Okey, tetapi sekarang Indonesia dan juga ini, saya hendak tegaskan dalam sekuriti di bank ini, adakah boleh dikuatkuasakan supaya bank atau sektor-sektor yang sensitif ini tidak dibenarkan untuk pekerja asing dan juga tidak membenarkan *subcontracting*?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menyambung tajuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan juga Yang Berhormat Batu. Saya pun nampak ini- kita terima di kawasan sektor perladangan memang munasabah sebab kita tahu majikan sudah cari pekerja tempatan, dan ada masalah untuk mendapatkan mereka. Akan tetapi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Batu, kita nampak terdapat juga di dalam sektor lain.

Saya ingin menegaskan dalam sektor perkilangan, kita dapati tidak jauh daripada ibu kota, di Selangor, Perak dan sebagainya kilang-kilang besar, kilang yang membuat *rubber glass* sebagai contoh. Ribuan orang pekerja adalah pekerja asing dan kebanyakannya Bangladesh, Indonesia dan sebagainya. Takkan kita boleh dapat pekerja kita, pekerja Malaysia untuk bekerja kita di sana. Apakah masalahnya, dan apakah tindakan secara khusus oleh kementerian untuk membuat pemantauan terhadap keadaan bahawa inilah realiti dan hakikatnya, apakah tindakan? Itu yang pertama.

Kedua ialah, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan rasmi yang diluluskan ialah 256,000 iaitu yang disyorkan dan yang lain yang datang melalui *Social Visit Pass*, kita tidak tahu. Itu di luar daripada tanggungjawab. Akan tetapi bagi saya dengan hormat Yang Berhormat Timbalan Menteri, itulah masalahnya juga. Itulah sebab saya tanya, saya rasa wajar seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, ada jawatankuasa di peringkat Kabinet. Itu bagus. Dipengerusikan tidak lain daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Akan tetapi isunya ialah, duduk bersama itu baik tetapi apakah hasilnya? Hasilnya ialah sekurang-kurangnya kita dapat penyelarasan, *coordination* untuk memastikan ribuan, atau ratusan ribuan orang yang datang melalui *Social Visit Pass* itu tidak jadi, so apakah perbincangan di sana? Apakah keputusan di sana, apakah tindakan? Itu yang kita mahu tahu.

Sebab bagi saya, ini pandangan peribadi saya, yang patut mengambil tanggungjawab, diberikan kuasa penuh, diberikan peruntukan kuasa untuk memastikan isu buruh dan semuanya ialah Kementerian Sumber Manusia, bukannya Kementerian Dalam Negeri, yang sepatutnya kontrol ini adalah Kementerian Sumber Manusia. Saya minta penjelasan, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan pandangan itu. Kalau bersetuju, apakah cadangan

Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk, dalam Jawatankuasa ini, apakah tindakan yang dicadangkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Subang.

Statistik atau apa yang diutarakan oleh mereka dalam mana pekerja-pekerja asing yang sepatutnya bekerja di sektor perladangan, didapati ada juga di sektor perhotelan, perkilangan dan juga di pintu masuk utama negara iaitu di KLIA, kita bersetuju. Bukan itu sahaja bahkan saya nampak dengan mata saya sendiri berlaku juga di restoran dan juga di kedai-kedai. Oleh yang demikian, sebenarnya *The Cabinet Committee on Foreign Workers* iaitu Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing baru-baru ini telah bermesyuarat dan memutuskan agar apabila kita mengambil pekerja asing, kalau ia diambil untuk bekerja di sektor perladangan, maka kerajaan telah memutuskan untuk memberi- kalau kita sekarang mempunyai *MyKad*, mereka ini akan diberikan *I-Card*.

*I-Card* ini terdiri daripada beberapa warna. Sebagai contoh tetapi belum ditentukan warnanya. Sebagai contoh kalau mereka masuk untuk bekerja di sektor perladangan, mereka akan diberikan *I-Card* serupa dengan *MyKad* tetapi warnanya lain. Maka apabila sama ada pegawai-pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri mahupun pegawai-pegawai daripada kementerian pergi ke satu-satu tempat, katalah kita pergi ke hotel, dan kita meminta *I-Card* itu, dan kalau ia didapati memegang kad yang tidak sepatutnya, membenarkan si pekerja asing itu bekerja di dalam sektor perladangan, maka dengan serta-merta kita boleh mengarahkan dia berhenti bekerja di situ, dan hantar dia untuk bekerja di tempat ataupun di dalam sektor yang berkenaan.

■1630

Itu pendirian dari kerajaan. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri telah dipertanggungjawabkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet ini untuk menyediakan kad-kad ini. Saya percaya dengan teradanya *i-Card* ini nanti, saya percaya kita tidak akan mempunyai pekerja asing yang sepatutnya bekerja di pihak perladangan dan kita mendapati beliau bekerja di restoran. Itu menjawab kepada itu. Seterusnya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri secara ringkas sahaja, *very quickly*. Saya rasa cadangan Yang Berhormat Menteri Bagus...

**Timbalan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih. Akan tetapi saya hendak tanya, kenapa kita tumpu kepada pekerja sahaja? Sebagai contoh tadi yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, kalau kita dapat pekerja itu yang berada di hotel dia ada *i-Card* yang sepatutnya bekerja di perladangan, serta-merta dia diberhentikan. Akan tetapi punca masalah itu, punca keadaan itu adalah bukan dia tetapi majikan dia. Majikan dia yang mengajikan dia. Majikan dia yang tahu dan sepatutnya *check* apa status dia, apa hak dia sama ada boleh kerja atau tidak.

Jadi soalan saya, mengapa kita tidak tumpu kepada punca masalah iaitu majikan-majikan yang mengajikan pekerja-pekerja asing ini di sektor yang tidak dibenarkan. Apakah tindakan? Ini kerana kalau kita ambil tindakan tegas kepada mereka, saya rasa masalah ini memang akan kurang dengan cepat. Minta penjelasan.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Itu soalan yang baik. Akan tetapi jawapan saya akan tepat dan baik. Ini belum kita laksanakan. Itu sebabnya kita akan melaksanakan. Kalau kita melaksanakannya nanti, tentu kita akan mengambil tindakan. Pada mulanya kita akan menasihati dengan mengadakan publisiti yang meluas bahawa pemegang-pemegang i-Card ini yang berwarna ini mestilah bekerja di sektor berkenaan dan tidak di sektor yang lain.

Selepas itu, harus juga diingatkan di sini bahawa sebenarnya kita mengambil pekerja asing selepas kita mendapat permohonan dari majikan masing-masing. Sebagai contoh kalau Sime Darby Plantation hendak 10,000 pekerja, berpandu kepada itu dan bukan kita meluluskan begitu sahaja. Kita akan meneliti keperluan syarikat-syarikat berkenaan sama ada ia benar atau tidak memerlukan sedemikian jumlah pekerja. Kalau didapati benar, barulah kita memberi kelulusan, keizinan untuk membawa masuk para pekerja.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, sebelum itu saya pergi ke wanita dahulu sebab telah dibangkit oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Ampang. Harus diingatkan di sini bahawa sebenarnya wanita adalah tunjang atau *pillar* juga kepada pembangunan negara dan tenaga wanita amat juga diperlukan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, setakat ini golongan wanita yang telah mendapat pekerjaan di negara kita dari segi peratusannya telah meningkat. Kalau sebelum tahun 2013 jumlahnya adalah 50% dari tenaga pekerja negara kita adalah dari golongan wanita. Akan tetapi sehingga suku tahun ketika tahun ini, dari segi peratusannya ia telah meningkat kepada 54%. Ini bagi kita adalah satu angka yang amat memberangsangkan.

Selain dari itu, pihak kementerian sumber manusia juga mempunyai program-program iaitu untuk membantu golongan wanita. Antara program-program ini adalah:

- (i) 1Malaysia Support For Housewives;
- (ii) Housewives Enhancement and Reactive Talent Scheme; dan
- (iii) 1Azam Kerja.

Melalui skim ini, kalau mereka tidak mendapat pekerjaan dengan majikan-majikan masing-masing, mereka melalui ketiga-tiga program ini boleh bekerja mendapat rezeki dengan membuat beberapa pekerjaan dalam rumah sendiri tanpa meninggalkan rumah.

Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, seterusnya saya akan pergi kepada mahkamah...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencelah sedikit Yang Berhormat Menteri. Penjelasan.

**Timbalan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana memberi jawapan tadi tentang tiga skim yang telah dinyatakan untuk membantu orang perempuan untuk bekerja di rumah, *home employment*.

Akan tetapi soalan yang kami persoalkan tadi adalah apakah ketetapan ataupun tindakan kementerian di dalam menetapkan mungkin satu polisi agar wanita-wanita yang bekerja di kilang - Tadi lebih 54% telah menceburkan dalam bidang pekerjaan. Maka itu kementerian mesti ada satu pendekatan, perancangan bagaimana hendak mengatur dan memberikan satu *environment* pekerjaan agar orang perempuan itu boleh mengimbangkan masa mereka untuk meneruskan karier dan pada masa yang sama keluarga itu tidak terabai.

Jadi persoalan kita tadi adalah pekerja-pekerja kilang tadi, bolehkah kementerian membuat satu *political will* agar ada satu ketetapan bahawa kilang-kilang ini bila mengambil pekerja wanita, memberikan mereka pilihan untuk mengambil syif kerja tujuh pagi hingga pukul tiga petang. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Cadangan itu baik dan kementerian akan mengambil maklum apa yang telah dicadangkan itu. Walau bagaimanapun, setakat ini kita belum dapat memberi kepastian bahawa ia boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun seperti mana yang saya telah sebutkan sebentar tadi, kita akan mengambil maklum dan akan berusaha agar apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ampang itu tadi akan menjadi satu kenyataan.

Seterusnya tadi saya telah menyebut Yang Berhormat Kuala Langat yang telah membangkitkan tidak kurang daripada enam isu. Ini bererti beliau amat berminat dan prihatin kepada para pekerja di negara kita. Antara isu yang telah dibangkitkan adalah tentang isu pengiktirafan Chemi-Con Sdn Bhd, Nichicon Sdn Bhd – macam mana sebutan pun saya kurang pasti, MHP Sdn Bhd. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketiga-tiga syarikat ini telah didakwa kerana kegagalan mengemukakan Borang B iaitu yang sepatutnya mengandungi senarai pekerja yang digaji. Kes ini telah disebut di mahkamah tinggi pada 14 November tahun ini. Sebelum sebutan, mereka telah menghantar Borang B tersebut. Dengan ini, satu tarikh sebutan baru diberikan oleh mahkamah dan ia akan didengar pada 15 Januari tahun hadapan. Ini bererti kes ini masih di Mahkamah Tinggi Putrajaya.

Keduanya, pendaftaran MNU dan NUFAM. Sebenarnya untuk menjawab dengan ringkas permohonan pendaftaran MNU dan NUFAM adalah lengkap dan teratur dan mematuhi Akta Sekerja 1959. Maka oleh yang demikian, Ketua Pengarah di bawah kementerian saya mendaftarkan kedua-dua kesatuan tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 12 Akta Sekerja 1959.

Walaupun bagaimanapun NUBE telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan kerana MNU - Maka oleh yang demikian, NUBE telah memfailkan, maka kita tidak berhajat untuk menjawab di Dewan yang mulia ini, takut ia menjadi *sub judice*.

**Timbalan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, *sub judice*.

■1640

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, persoalan yang saya bawa tadi ialah kesatuan itu telah pun wujud, kesatuan dalaman, persatuan mewakili pekerja. Mengapa harus diberikan ruang lain untuk *in-house* kan balik *union* itu menjadi dua dalam satu? Ini sudah bercanggah dari prinsip berkesatuan dan juga falsafah di bawah Akta Pekerja 1959 itu sendiri dan juga atas sikap tanggungjawab kementerian Yang Berhormat Menteri yang saya laporkan.

Kalau perkara ini benar, Yang Berhormat Menteri perlu siasat sama ada betul atau tidak surat yang dihantar oleh kerajaan kepada *International Labor Organization* (ILO) yang bertarikh, dibuat oleh MTUC pada 28 April 2011 dan 28 Februari 2012. Jawapan yang diberi pada 22 Jun dan 5 Oktober 2011 yang bersangkutan dengan kes mahkamah yang dibohongi ataupun tidak benar faktanya. Jadi, ini menyedihkan saya Yang Berhormat Menteri. Di samping kita bercakap tidak benar, kita mengabaikan tanggungjawab. Saya takut. Nanti saya merangkak-rangkak di akhirat. Ditanya oleh Allah kerana tidak bertanggungjawab dan mengkhianati tanggungjawab saya.

Jadi, saya terpaksa bawa isu ini kerana isu ini mewakili beribu-ribu orang Yang Berhormat Menteri, pekerja yang disengsarakan dengan laporan. Saya baca lagi sekali Yang Berhormat Menteri. Saya baca. Dia kata 68. *According to* dengan izin Tuan Pengerusi, saya ulang untuk merekodkan. Saya takut, saya dipertanggungjawabkan dan saya menangis nanti di akhirat.

Katanya begini "*According to the government, decision of the DGTU to register MNU was challenged in the High Court and the High Court have decided that the registration was valid and within the power of DGTU*" yang belum buat keputusan lagi pada waktu itu Tuan Pengerusi. Jadi, pelanggaran teknikal di bawah seksyen 111.

Jadi, macam mana boleh Yang Berhormat Menteri bagi pihak kementerian Kerajaan Malaysia yang berdaulat ini menghantar satu maklumat kepada *International Labor Organization* yang keputusan belum dibuat? Allah, Yang Berhormat Menteri, saya mohon supaya siasat lah benda ini. Kalau benar, tolonglah melaporkan kepada umum bahawa ini akan dikaji semula pengiktirafannya. Yang Berhormat Menteri mintakan pandangan yang bersama dengan Kuala Langat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Yang Berhormat Batu, *let me answer the question.*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Itulah saya cakap, saya telah dua tiga kali – ini kali ketiga menyatakan bahawa Yang Berhormat Kuala Langat ini amat prihatin dengan para pekerja kita. Akan tetapi, walau bagaimanapun itu yang telah dibaca dari surat yang telah diberikan kepada Yang Berhormat. Kita amat berterima kasih kerana telah membawa perkara itu ke Dewan yang mulia ini.

Akan tetapi, Kementerian Sumber Manusia sebenarnya telah memperbetulkan maklum balas itu kepada *International Labor Organization* dan suratnya ada di sini. Saya dengan izin membaca dalam bahasa Inggeris. Ini surat kita Kementerian Sumber Manusia ditujukan kepada *Director of The International Labor Standard Department, International Labor Office, Geneva, Switzerland* bertarikh 20 Mei tahun 2013. Para 1, 2 dan 3. Para 1 saya tidak payah sebut, baca. Saya ingin membaca para 2.3. “*On the issue of registration of MNU, the High Court has decided that dengan izin Tuan Pengerusi, the registration is valid and within the power of Director General of Trade Unions. However, the decision of the High Court is being appeal by NUBE to the Court of Appeal*”.

Maka perenggan tiga, dengan izin saya membaca “*In relation to the above and bearing in mind the fact that the decisions of The Director General of Trade Union to register MNU is currently being challenged in the High Court. And the trial has comments. We wish to withdraw our previous comment and state the following. The decision of the Director General of Trade Union to register MNU is currently being challenged in the High Court and the trial has comments.*

*Thus, we are of the view that we should not give any remarks, opinion or comment until the case is finally disposed off*”. Ini jawapan kita. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Saya harap dengan itu, kita sama-sama tunggu. Okey, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Okey, saya hendak keluar daripada isu ini dan saya hendak kembali kepada isu peranan DGTU iaitu pendaftar. DGTU itu harus dipandu oleh satu falsafah sistem perindustrian atau sistem perusahaan – ada *philosophy of industrialization in this country*. Kalau DGTU membenarkan *in-house union* di *Maybank*, adakah ini bermaksud kalau Hong Leong Bank juga minta untuk mendaftar untuk dasar ini, mereka akan daftar satu lagi *union*? Kalau katakanlah Bank CIMB juga ingin mendaftarkan satu lagi *union*, dia dapatkan satu lagi *union*. Kalau ikut undang-undang, betul. Ada hak untuk itu.

Akan tetapi, ini juga bermaksud *collapse of our industrial negotiations*. So, itulah sebab kita mempersoalkan bukan isu *legality union* ini, tetapi isu apakah dasar kerajaan telah meminda, telah beralih daripada falsafah pokok dalam sistem perundingan perusahaan kita?

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat rakan saya dari Batu. Sebenarnya, selain dari yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Batu, beberapa lagi syarikat atau kesatuan sekerja – *in-house union* telah memohon agar mereka juga didaftarkan. Harus saya perjelaskan di sini sebagai contoh MASEU iaitu *Malaysian Airlines Employees Union* dan NUFAM dia punya *cabin crew union*. Kita membenarkan NUFAM ditubuhkan tetapi MASEU tidak memberi pengiktirafan.

Oleh yang demikian, sebenarnya walaupun kita boleh dibenarkan di bawah akta untuk menubuhkan lebih dari satu, kita tidak menggalakkan. Hal ini kerana sebagai contoh kita harus ingat bahawa ada syarikat yang besar dan ada syarikat yang kecil. Sebagai contoh MAS adalah sebuah syarikat yang besar. Dalam pada itu sebenarnya *in-house union* atau kita panggil lebih suka menggunakan perkataan *association*. Dalam MAS, ia mempunyai lapan *association* atau persatuan yang kita panggil sebagai *inhouse union*. Sebagai contoh, *they have the Association of Malaysian Aircraft Engineers. They have the Association of Flight Attendants. They have the Association of Workers* - itu semua. Dalam MAS sendiri ada lapan *in-house union*. Seperti mana yang kita – tadi saya telah menyebut NUFAM dan MASEU, jadi kita pada dasarnya kita tidak inginkan dalam satu syarikat terdapat dua *union*. Itu pada dasarnya.

Akan tetapi, dalam pada itu ada kalanya dan dalam mana yang saya telah sebutkan tadi mengenai surat yang DGTU yang telah menghantar kepada *International Labor Organization* yang beribu pejabat di Geneva, saya fikir buat setakat ini saya bercadang Yang Berhormat Kuala Langat saya tidak bercadang untuk menjawabnya pada hari ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sekejap Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan 'disruption' Yang Berhormat Menteri cakap dalam *union* dua dalam satu itu yang mana Yang Berhormat Menteri...

■1650

Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlupa pula, senyuman mu sungguh menawan *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri, saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri cakap tadi, Menteri pun tidak setuju dalam satu syarikat itu, dua, tiga *union* yang ditubuhkan. Saya menghargai *statement* Menteri itu. Akan tetapi dalam masa yang sama Menteri, saya pun *confuse* juga sebab kerjanya sama, deskripsinya sama, spesifikasi kerjanya pun sama tetapi dua *union*. Macam NUFAM. Dia krew yang sama, pramugarinya sama, pramugaranya sama tetapi kenapa ditubuhkan lagi satu kesatuan. Saya bersetuju dengan Menteri tetapi dalam masa sama Menteri, cuba kita nilai dari segi deskripsi kerja itu, kelayakan itu yang katakan ada konflik yang ketara.

Kemudian NUBE, pekerja yang sama. Duduk yang sama, kerja yang sama, kira duit yang sama. Kenapa pula dibenarkan ditubuhkan kesatuan yang lain. Saya rasa ini satu benda yang ada agenda tersembunyilah Menteri. Kalau boleh kita Menteri, kaji-kaji dulu tengok macam mana...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Selidik dahulu kenapa dibenarkan itu. Mudaratnya besar dalam negara ini kerana kesatuan itu akan berada bagi-bagi Tuan Pengerusi. Ini walau pun dalam pengiktirafan seksyen 9, Akta Pengurusan 1997 juga jelas menyatakan bahawa yang kelayakan itu untuk mendapatkan pengiktirafan itu berada dalam empat kumpulan. Akan tetapi yang jelasnya ialah deskripsi itu sama. Jadi, saya tengok ada satu agenda yang tersurat yang perlukan penjelasan. Saya mohon Menteri kalau bolehlah, Menteri *check*



tengoklah apa sebab jadi macam itu. Ini satu agenda dendam kesumat ini. Kot-kot Menteri pada waktu itu marah sangat dengan NUBE. Dia marah sangat dengan saudara Solomon ini.

Sebab Solomon tinggi, *handsome* pula, dia tidak *handsome*, agaknya. Akan tetapi disebabkan itulah dia tubuhkan kesatuan baru dibenarkan. Akan tetapi itu bukan agenda utama. Yang penting ini, penganiayaan kepada pekerja itu Tuan Pengerusi, kesian dia orang. Jadi, dua dalam satu, gaji macam mana hendak bagi, elaun macam mana hendak bagi. Ish! Diskriminasi ini. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya minta Menteri supaya kita renung-renung dan fikirkan betul-betul, kita kaji. Kalau perlu satukan dan jangan teruskan pengiktirafan ini, membolehkan pekerja jalanan itu berjalan dengan lancar, baik dan efisien Menteri. Terima kasih Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, mencelah sedikit. Saya tidak tolak dalam hak perlembagaan. Setiap kumpulan mereka berhak untuk menubuhkan *association*. Menteri telah sangat tepat untuk bagikan perbezaan di antara persatuan dan kesatuan. Bezanya di mana? Bezanya ialah kalau sesuatu syarikat, mereka hendak buat kelab ataupun *association*, saya agak tidak ada halangan untuk mendaftar. Akan tetapi DGTU harus ingatkan yang mempunyai status kesatuan ini ada hak untuk *collective bargaining*. Itulah sebab saya agak tindakan yang diambil oleh Maybank itu salah sebab Maybank sepatutnya bergabung dengan MCBA untuk berunding dengan NUBE, bukan berunding dengan MEU kerana MEU boleh bentuk kesatuan. Dia boleh membentuk persatuan. Dia boleh bentuk kelab, tidak ada masalah untuk jaga kebajikan untuk buat apa-apa.

Akan tetapi *collective agreement* hanya dengan satu kumpulan sahaja. Kalau tidak, kucar-kacir dengan sistem perundingan kita dan kebajikan pekerja akan terjejas. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya gembira sebab kita setuju prinsip yang asas iaitu Yang Berhormat Menteri sebut tadi, dalam satu syarikat itu perlu ada satu unit sahaja untuk kategori itulah. So, kita dah setuju. Sebabnya jelas, Yang Berhormat Batu sebut tadi kalau untuk *collective bargaining*, dengan izin, kita perlu satu *union* sahaja, tidak boleh kita buat dengan dua tiga *union* dalam kategori itu. Akan tetapi isunya, saya tidak hendak sebut pada kes-kes spesifik di mahkamah. Sebab isu ini telah banyak kali dibawa di mahkamah. Isunya sekarang Yang Berhormat Menteri ialah kenapa dalam kementerian, khususnya di Pejabat DGTU (*Director General of Trade Union*) masalah ini timbul.

Kenapa kita dapat kelulusan/pengiktirafan kepada kesatuan-kesatuan *in-house* ini yang biasanya *disponsor* oleh syarikat, oleh majikan. Kenapa ini diizinkan/diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Sebab prinsip jelas, *but the problem is happening*. Itu yang kita bangkitkan. Bukan sahaja dalam *banking sector*, ada banyak sektor. So, itulah masalah yang sudah merebak, yang mengakibatkan banyak kes-kes di mahkamah, yang mengakibatkan macam kononnya penderitaan banyak pekerja dan kucar kacir. *The main thing is kucar kacir*.

Jadi, kita minta itulah *the problem*, masalah pokoknya. Kena siasat dan berhentikan masalah itu. Minta penjelasan, terima kasih.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Tuan Pengerusi, pandangan daripada ketiga-tiga Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Subang, kita akan ambil maklum. Akan tetapi sebelum itu saya harus memberitahu Dewan yang mulia ini, mengenai MASO dan Nufam. Sebenarnya, *judicial review* akan diadakan pada 9 Disember ini. *So, we just wait for that date.* Dari itu saya pergi ke satu lagi yang *I think I'll just touch one more from* Yang Berhormat Kuala Langat sebab ramai lagi yang saya perlu jawab. Yang Berhormat Kuala Langat mencadangkan supaya Mahkamah Perusahaan dibuka di setiap negeri. Jawapannya begini. Sehingga kini mungkin Yang Berhormat Kuala Langat pun sudah sedia maklum, kita mempunyai 26 Mahkamah Perusahaan (*Industrial Court*). Ia ditempatkan bukan di setiap negeri. Di Kuala Lumpur ada 19 buah; Penang – 2; Johor Bahru – 2; Kuching – 1; Kota Kinabalu – 1; dan Ipoh – 1. Buat masa sekarang kerajaan belum lagi bersedia untuk menubuhkan Mahkamah Perusahaan di setiap negeri.

Walau bagaimanapun, kita akan mengkaji, mendengar cadangan Yang Berhormat itu tadi dan mudah-mudahan tidak lama dari sekarang ia akan dapat ditubuhkan di setiap negeri...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [*Bangun*]

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Ini kerana sebagai contoh, Semenanjung negeri sebagai contoh, negeri Sarawak negeri saya seperti mana saya datang, negeri saya sendiri. Tolak Perlis, kita sama besar dengan seluruh Semenanjung Malaysia tetapi kita hanya mempunyai satu mahkamah sahaja. Itu tidak memadai, itu tidak cukup. Kita mempunyai 19 mahkamah di Kuala Lumpur. Kenapa? Kerana orang daripada Melaka, Negeri Sembilan dan tempat-tempat ataupun negeri-negeri yang berdekatan boleh membawa kes mereka ke mahkamah yang terletak atau terdapat di Kuala Lumpur.

Jadi Yang Berhormat Kuala Langat, saya fikir minta maaf, *I know I still have two or three to answer you* tetapi saya pergi ke...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri satu lagi, Mahkamah Tinggi Perusahaan. Terima kasih. Mahkamah Tinggi Perusahaan itu, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Mahkamah Tinggi Perusahaan itu adalah satu cadangan yang baik tetapi buat itu- saya sebenarnya lupa hendak jawab. Akan tetapi saya sudah mempunyai jawapan. Kita buat masa sekarang belum lagi membuat keputusan tetapi ia dalam kajian, dalam cadangan kita. Sekian, terima kasih.

Dari Yang Berhormat Kuala Langat yang telah membangkitkan enam perkara, saya pergi ke Pasir Gudang. Dalam mana semasa Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat Subang mencelah. Yang Berhormat Pasir Gudang telah menyentuh tiga perkara. Akan tetapi satu perkara telah saya jawab iaitu tambahan hakim kerana tambahan hakim adalah bersangkutan paut dengan Mahkamah Perusahaan (*Industrial Court*). Yang Berhormat Pasir Gudang telah membangkitkan tentang pekerja-pekerja- Minta maaf, itu bukan Yang Berhormat Pasir Gudang tetapi Yang Berhormat Parit Sulong.

Yang Berhormat Pasir Gudang telah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Gudang dan Yang Berhormat Parit Sulong.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** *No, no*, Yang Berhormat Pasir Gudang, maaf. Yang Berhormat Pasir Gudang telah membangkitkan isu menaik taraf Institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah kementerian saya di Johor, yang mana beliau telah menyatakan RM11 juta yang telah diperuntukkan tidak mencukupi. RM11 juta untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, khususnya Yang Berhormat Pasir Gudang, RM11 juta itu adalah untuk menaik taraf ADTEC Batu Pahat, ILP Pasir Gudang, ILP Mersing dan ILP Ledang. Menaik taraf tersebut adalah untuk penyelenggaraan pembangunan dan peralatan di institut-institut tersebut.

■ 1700

Bagi lain-lain peruntukan adalah di bawah peruntukan mengurus iaitu B.46 - 020000. Selepas itu, tentang isu pekerja yang tidak *match* atau *mismatch* dalam bahasa Inggeris yang tidak menepati kehendak industri.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, adalah dimaklumkan bahawa kementerian bekerjasama dengan pelbagai sektor swasta dan industri bagi memastikan keluaran ILP JM dapat memenuhi keperluan industri. Antaranya, kementerian bekerjasama dengan Petronas dan MMIC dalam bidang kimpalan, *oil* dan gas. Berdasarkan kepada *traces* tadi tahun 2012, Tuan Pengerusi, didapati 91% graduan ILP JM bekerja dengan swasta. Selebihnya, nasib baik mereka dapat bekerja di dalam kerajaan dan ada bekerja dengan keluarga masing-masing.

Selepas itu, Yang Berhormat Pasir Gudang juga telah membangkitkan kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Perusahaan yang agak lambat. Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, langkah-langkah untuk mempercepatkan yang telah diambil oleh kementerian saya adalah seperti berikut:

- (i) menggunakan pendekatan *collaboration and alternative dispute of resolution* (CADR). Kaedah perantaraan penilaian awal atau *mediation and early evaluation*;
- (ii) mempermudah prosedur perbicaraan dengan memperkenalkan pemfailan, penyata saksi sebelum perbicaraan; dan
- (iii) tidak membenarkan permohonan untuk menangguhkan perbicaraan kes kecuali cuti sakit dan kecemasan.

Tuan Pengerusi, saya seterusnya pergi, ada satu lagi...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan sedikit sebab saya mencelah dalam hal itu.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat Subang dari awal tadi sudah bangkit tidak kurang daripada enam hingga tujuh kali. Jadi saya tidak bercadang untuk memberi ruang kepada Yang Berhormat lagi. Mohon maaf.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini hal penting.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** *I am going to touch on your part..*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, baik. Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sebenarnya Yang Berhormat Pasir Gudang juga telah membangkitkan beberapa perkara dan seterusnya saya pergi kepada Yang Berhormat Temerloh. Tadi Yang Berhormat Parit Sulong telah menyatakan selepas Yang Berhormat Temerloh, biasanya giliran Yang Berhormat Parit sulung. Beliau merupakan Ahli Yang Berhormat ketiga yang telah mengambil bahagian.

Beliau meminta agar hukuman sebanyak RM10,000 yang dikenakan untuk setiap individu kepada mana-mana majikan yang ingkar atau menyalahi akta dan undang-undang iaitu akta mengenai gaji minimum. Ini saya akan jawab sebentar nanti dan beliau juga telah meminta statistik dan beliau juga minta agar gaji minimum diteliti. Beliau juga ada menyebut tentang kemerosotan pengambilan CIAST iaitu satu institut latihan di bawah kita.

Tuan Pengerusi, saya menjawab. Pada tahun 2013, perjawatan diluluskan untuk tenaga pengajar adalah 2,155 orang sahaja manakala jabatan sedang dalam usaha untuk memohon perjawatan tambahan menjadikan unjuran tahun 2014-2015 kepada seramai 3,500 pengajar iaitu tenaga yang diperlukan untuk menampung atau mengajar 18,060 orang pelajar minimum kepada 23,000 orang hingga 30,000 orang pelajar iaitu maksimumnya.

Tentang CIAST yang dikatakan telah merosot. Sebenarnya, tumpuan kepada *up skilling* tenaga pekerja di peringkat SKM adalah sijil kemahiran tahap ketiga ke atas dan kelayakan *vocational training officer* kita perkenalkan.

Selepas itu, kita mempunyai kampus perancangan satelit yang dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan tenaga pekerja yang sedang berjalan dengan rancak dan dijangka mula beroperasi dengan sepenuhnya mulai tahun 2014. Dengan itu, dijangkakan 15,000 tenaga pengajar akan diambil setiap tahun.

Seterusnya untuk menjawab kepada pertanyaan Yang Berhormat Temerloh, Program Azam Kerja 1Malaysia, karnival pekerjaan. Sebenarnya Tuan Pengerusi, perkara ini telah kita jawab secara bertulis sebelum ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa melalui Program Azam Kerja 1Malaysia ini, khususnya melalui e-Kasih, saya percaya kerajaan akan dapat menambah baik taraf kehidupan khususnya golongan yang kurang bernasib baik. Tentang gaji minimum, ini telah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Temerloh bangun. Yang Berhormat Temerloh bangun. Sila.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkait dengan isu Azam Kerja 1Malaysia ini, persoalan yang saya timbulkan ialah berkait dengan sejauh mana bajet RM25 juta yang disalurkan diagih setelah kita lihat hanya tertumpu kepada karnival yang dianjurkan sepanjang tahun ini. Karnival itu pula *join* dengan jabatan tenaga di negeri-negeri. Negeri mempunyai bajet sendiri. Jadi bagaimana aliran RM25 juta itu?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu, panjang lagi? Satu jam sudah.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Saya ingat sebab sembilan orang telah mengambil bahagian dalam perbahasan, ia akan mengambil masa tidak kurang dari dua jam lagi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu jam itu cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Satu jam. Ini bererti saya memendekkan jawapan saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulislah.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Jadi tentang pengagihan itu tadi, harus saya maklumkan di sini bahawa pada dua bulan yang lepas, tarikhnya saya tidak begitu ingat. Kita telah mengadakan satu karnival yang amat berjaya iaitu karnival, apa yang kita panggil Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) yang telah diadakan di *Malaysia Agro Exposition Park Serdang* (MAEPS).

■1710

Di dalam program itu yang mengambil masa selama tiga hari, kita menyasarkan jumlah orang yang akan mengunjungi pameran yang kita adakan itu, sasaran kita adalah lebih kurang 60,000 orang. Akan tetapi, karnival itu amat berjaya sekali kerana hampir kesemua sektor industri yang ada di negara ini, syarikat-syarikat swasta dan sebagainya telah mengambil bahagian. Itu satu. Keduanya, orang yang mengunjungi ke ekspo itu sasarannya seperti saya telah sebutkan tadi 60,000 orang tetapi bilangan orang yang datang mencecah 100,000 orang. Itu adalah satu kejayaan.

Jadi, mengenai apa yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Temerloh sebentar tadi iaitu tentang oleh sebab kerajaan negeri mempunyai dananya sendiri, Kerajaan Pusat mempunyai dana, kita tidak mengagihkan kepada negeri masing-masing tetapi kita bukan sahaja menumpukan pameran kita, ekspo kita ke Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan tetapi kita pergi juga ke negeri-negeri. Mungkin dalam setahun, kita boleh pergi ke dua atau tiga negeri. Untuk yang demikian, sebenarnya satu mini ekspo ini telah- Azam Kerja 1Malaysia baru sahaja diadakan di kawasan Parlimen saya sendiri, di kawasan saya, *welfare begins at home*, baru diadakan pada hari Sabtu yang lepas iaitu 30 November dan ia telah mendapat kejayaan yang amat-amat membanggakan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Temerloh juga meminta kita agar mengkaji tentang gaji minimum ini. Kalau untuk Sabah dan Sarawak, gaji minimum adalah RM800, untuk Semenanjung adalah RM900.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kita mempunyai satu jawatankuasa atau majlis yang dipanggil sebagai *National Wage Consultative Council* yang selama ini telah bersidang tidak kurang dari 12 kali untuk memastikan mereka *finally came to that* RM800 untuk Sabah dan Sarawak dan RM900 untuk Semenanjung.

Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan di sini bahawa mengikut *National Wage Consultative Council*, kita akan mengkajinya dalam setiap dua tahun. Dalam perkara ini, kajian yang pertama akan diadakan pada pertengahan tahun depan. *We are starting to-* ia akan dilaksanakan pada 1 Januari 2014. Selepas itu, enam bulan selepas itu kita akan membuat kajian sama ada ia memadai atau sebaliknya.

Tuan Pengerusi, dari Yang Berhormat Temerloh mungkin ada yang saya tak jawab. Saya pergi ke Yang Berhormat Parit Sulong, tidak ada di sini dan saya tidak berhajat untuk menjawab. Saya akan menjawab secara bertulis. Selepas itu, ini banyak ini Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh jawapan bertulis ya.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Saya fikir saya menjawab dahulu. Tadi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas ini ada dua kementerian lagi Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Okey. Yang Berhormat Sungai Siput sebab dia bangkit tujuh kali, jadi tidak adil kalau saya tidak memberi jawapan kepada beliau.

Yang Berhormat Sungai Siput telah juga antara lain menyebut tentang *foreign workers*, pekerja asing, *industrial harmony*, Hong Leong Bank dan sebagainya dan mengenai *industrial relations*, keharmonian perusahaan yang telah dibangkitkan oleh rakan saya dari Kuala Langat, dari Rasah dan juga dari Sungai Siput. Saya tidak berhajat untuk menjawabnya di sini kerana terlalu panjang jawapannya. Maka saya berjanji untuk menjawabnya secara bertulis. Tentang Hong Leong Bank.

Jadi mengenai cadangan beliau untuk kita memperkenalkan gaji sosial atau *social wage* agar rakyat kita selepas bersara nanti bilamana selepas persaraan, rakyat kita yang berumur yang selepas bersara itu diberikan RM200 sebulan, itu bagi saya adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh buat keputusan di sini. Kita akan mengambil makluman akan cadangan yang baik itu dan *we just hope that it can happen*.

Selepas itu, waktu Yang Berhormat Sungai Siput berbahas, Yang Berhormat Ampang juga kawan kita telah mencelah mengenai penggantungan Presiden Kesatuan Sekerja yang ada sangkut paut dengan MAS. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya telah menyebutkan sebentar tadi, oleh sebab pihak MASEU telah memfailkan rayuan dan ini akan dibicarakan. Keputusan akan dibuat pada 9 Disember ini iaitu tujuh hari dari sekarang, maka saya tidak berhajat untuk menjawabnya di sini. Akan tetapi saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya pihak eksekutif yang tertinggi di MAS itu seramai 108 orang tidak boleh menyertai mana-mana kesatuan yang ada dalam MAS.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat Rasah juga membawa isu Hong Leong Bank yang saya telah katakan saya tidak berhajat untuk menjawabnya di sini kerana terlalu panjang.

Selepas itu kita pergi ke Yang Berhormat Rantau Panjang yang membangkitkan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, *sorry, sorry*, sekejap. Sebab Hong Leong ini, hampir semua pembahas agak saya, saya ingat tidak adil kalau

Yang Berhormat Menteri pilih tidak. Yang isu angka-angka ini kita boleh tunggu, macam *unemployment* yang saya tanya ini. Akan tetapi Hong Leong, sekurang-kurangnya jawab sedikitlah sebab kalau tidak, kita tidak tahu apa pandangan kerajaan. Boleh tak Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih rakan saya dari Batu. Saya telah menyatakan bahawa memang penting ia dijawab di Dewan yang mulia ini. Saya tahu. Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat Tuan Pengerusi telah meminta agar kita memendekkan jawapan kita, maka tolonglah, saya tidak berhajat untuk menjawabnya di sini. Memadailah bagi saya, kita menjawab secara bertulis. *It is very, very long. It is a very complicated case and it will take a long time.*

Selepas itu saya pergi ke Yang Berhormat Rantau Panjang yang juga telah membangkitkan tentang pekerja wanita yang saya telah jawab semasa saya menjawab soalan awal-awal tadi. Selepas itu, Yang Berhormat Rantau Panjang telah menyentuh sedikit tentang elaun bagi orang-orang cacat. *Let me look at the answer first. Otherwise, less I go wrong.* Sebab ini dalam Dewan yang mulia. Tak boleh- fakta penting Yang Berhormat Batu...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Elaun khas untuk orang cacat.

■1720

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Ya, elaun khas untuk orang cacat. Sebenarnya, Kementerian Sumber Manusia, kita mempunyai elaun khas untuk orang cacat, dan angka setakat ini kita mempunyai- sebenarnya Kementerian Sumber Manusia, kita mempunyai elaun khas untuk orang cacat dan angka setakat ini memang 'Kementerian Kebajikan' seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Di Sarawak kita panggil sebagai Jabatan Kebajikan sebenarnya mempunyai elaun bulanan untuk orang kurang upaya. Tentang Kementerian Sumber Manusia, kita juga mempunyai, kita memberi elaun kepada orang kurang upaya dan setakat ini kita memberi walaupun angkanya sedikit tetapi kita juga mempunyai peranan untuk membantu orang kurang upaya dengan memberi elaun bulanan iaitu tambahan kepada apa yang telah diberikan kepada jabatan atau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Yang Berhormat Rantau Panjang, ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Jelaskan sedikit Yang Berhormat Menteri, mungkin untuk pencerahan. Maksud saya di situ ialah elaun khas bagi pekerja cacat ini bukan elaun yang diberi oleh kebajikan, bukan. Ini adalah elaun atas kecacatannya sebagai pekerja sebab dia terpaksa menggaji pembantu. Dia terpaksa kalau dia guna teksi, kenderaan. Kalau orang biasa mungkin kos itu boleh digunakan untuk sara hidup tetapi dia terpaksa mengorbankan kos yang banyak untuk memudahkan dia untuk pergi ke tempat kerja, menunaikan tanggungjawab. Jadi, kalau kita boleh bagi elaun kesusahan kepada guru yang bekerja di jauh pedalaman, apa salahnya satu dasar dibuat oleh kementerian, elaun khas bagi pekerja cacat untuk memudahkan dia memberi perkhidmatan kepada negara selain daripada gaji biasa yang diterima. Okey.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Rantau Panjang. Kita akan mengambil maklum akan cadangan itu. Bagi saya itu adalah cadangan yang baik. Dari Yang Berhormat Rantau Panjang, saya pergi ke dua lagi dan iaitu *now is your turn* Yang Berhormat Batu.

Yang Berhormat dari Batu telah membangkit beberapa isu. Antaranya ialah dasar sumber manusia iaitu mengenai dasar perburuhan. Tadi saya telah menyebut dan saya tidak berhajat mengulanginya lagi. Hanya saya menekankan di sini bahawa dasar kita ialah untuk memberi keutamaan, *priority* kepada rakyat Malaysia, rakyat kita sendiri dulu. Itu penting.

Selepas itu mengenai pengawal keselamatan. Saya fikir itu perlu dijawab, soalan itu perlu diajukan kepada kementerian yang lain. Pengawal keselamatan adalah bersangkut paut dengan senjata api. Pembanjiran pekerja asing juga sudah dijawab. Lepas itu, tentang kes pertikaian perusahaan perjanjian kolektif berkaitan *National Union of Bank Employees (NUBE)* dan *Malayan Commercial Bank's Association (MCBA)*. Kes itu dirujuk mengenai pertikaian perusahaan perjanjian kolektif. Tarikh dirujuk ke Mahkamah Perusahaan pada 27 September 2012 yang masih dalam proses menunggu perbicaraan yang juga ditetapkan tidak lama dari sekarang. Tadi 9 hari bulan untuk MASEU dan NUFAM. Ini ditetapkan untuk 13 Disember tahun ini. Kita sama-sama tunggu keputusannya. Terima kasih Yang Berhormat Batu.

Yang Berhormat Batu juga bertanyakan bilangan persatuan sekerja di Malaysia. Walaupun tadi beliau menyatakan angka itu tidak penting tetapi dia sendiri menanyakan berapa bilangan. Jadi ia penting Yang Berhormat Batu. Bilangan kesatuan sekerja berdaftar yang aktif pada masa ini adalah sebanyak 702 kesatuan dengan keahlian seramai 889,837 orang. Lepas itu Yang Berhormat Batu juga membangkitkan pendaftaran Kesatuan Sekerja Industri Elektronik (KSIE). Jawapannya, kementerian saya melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja telah mendaftar KSIE mengikut wilayah iaitu KSIE Wilayah Barat, KSIE Wilayah Utara, KSIE Wilayah Selatan dan KSIE Wilayah Timur.

Dari Yang Berhormat Batu akhirnya kita pergi ke Yang Berhormat Subang, rakan saya yang telah bangkitkan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Isu keselamatan kerja, OSHA.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Isu Keselamatan kerja, terima kasih. Kita ambil berat mengenai isu keselamatan dan kesihatan pekerja. Dari segi keselamatan sebenarnya Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, kita mempunyai jabatan yang diterajui oleh Ketua Pengarah yang dipanggil sebagai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH). Selain dari itu, kita juga mempunyai satu pusat latihan yang kita panggil sebagai *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)* di mana selain dari ceramah kita juga memberi latihan-latihan bagaimana kita harus memastikan bahawa keselamatan dan kesihatan di tempat bekerja itu adalah sentiasa terjaga.

Dari segi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu tadi tentang kemalangan itu, *I used the word 'kemalangan tidak berbau'. It can happen anytime, it can happen anywhere.*



Dalam perkara ini ia bukan berlaku di tempat kejadian kerja, *it did not happened in a workplace*. Ia berlaku dalam perjalanan bekerja. Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri sedikit.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu, *I think* cukup. Dalam pada itu Yang Berhormat Kuala Langat juga mencelah. Terima kasih. Yang Berhormat Subang telah membangkitkan agar undang-undang yang sedia ada dilihat semula kerana melalui *collective bargaining* ada satu kes mengambil masa 14 tahun. Saya sebagai Menteri Sumber Manusia mengambil berat akan perkara ini dan kita akan mencari jalan bagaimana untuk memperbaiki sistem yang sedia ada. Pegawai-pegawai saya ada di bilik nombor satu termasuk KSU sendiri. *We place so much important to what we answer in the Dewan. So much that* hampir semua pegawai tinggi kementerian saya ada di situ, di atas yang dipimpin oleh tidak lain dan tidak bukan Ketua Setiausaha Kementerian sendiri [*Tepuk*] *Not a small, we don't take it lightly*. Dasar pekerja asing yang satu bulan saya telah jawab tadi maka Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, *just* sedikit saja. *Just* isu pengiktirafan. Terima kasih. Tadi dua perkara kalau saya boleh minta penjelasan. Satu, berkaitan dengan Mahkamah Perusahaan itu. *Point* saya, tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan tindakan dan langkah-langkah untuk mempercepatkan perbicaraan di mahkamah? Okey, itu memang digalakkan tetapi kita kena berhati-hati sedikit jangan ganggu, kita tidak boleh campur tangan sangat pengurusan mahkamah juga.

#### ■1730

Akan tetapi apa yang ingin saya tegaskan, saya nampak belum dijawab ialah punca kelambatan adalah proses yang memerlukan aduan kepada jabatan. Selepas itu dirujuk kepada mahkamah. Pekerja ditamatkan hari ini. Masa dia sampai ke mahkamah pun berbulan-bulan dan mungkin lebih satu tahun kadang-kadang. Selepas itu tunggu satu tahun lagi untuk bicara. Undang-undang menghadkan pampasan beliau, kalau katakan dia menang kes untuk 24 bulan so ada banyak kes di mana pekerja boleh ditindas dengan situasi ini. Jadi apa yang kita minta dipertimbangkan ialah *change the system*, reformasi sistem itu bagi hak pekerja terus ke mahkamah. Apa salahnya? Itu yang dilakukan di hampir semua negara. Kenapa di negara kita mereka hanya boleh masuk di pintu mahkamah hanya dengan rujukan Yang Berhormat Menteri. Itulah isu satu.

Pengiktirafan itu, yang saya minta kita kaji semula seperti Yang Berhormat Kuala Langat sebut tadi, sistem perundangan- peruntukan undang-undang kena dikaji semula untuk pastikan majikan-majikan yang hendak melambatkan pengiktirafan tidak boleh rujuk melalui *judicial review*, cabar mencabar dan melambatkan proses. Bukan senang saya mengakui, *it's not easy because* mereka pun ada hak di bawah undang-undang tetapi ada negara lain yang telah mencapai itu. Kalau ada pertikaian, dibawa terus kepada mungkin sebagai contoh penimbang tara atau *arbitration*, dan diselesaikan dengan cepat. Itu yang kita mahu. Saya rasa ini bukan suatu yang

senang, saya mengakui, tetapi perlu diambil berat dan saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri mengambil berat hal ini kita boleh nampak perkembangan yang baik. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit. Saya mungkin tidak bercadang Yang Berhormat Menteri untuk menjawab sebab saya sentuh tentang perkara pekerja GLC, tentang pencen mereka. Itu boleh jawab dalam jawapan bertulis. Juga saya ingin bertanya, sama ada kerajaan bercadang untuk mewujudkan *pension scheme* untuk *private sector* dan di mana rancangannya? Apakah benar 70% daripada pesara ini tidak kumpul lebih daripada RM50,000 secara total KWSP mereka?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Ini boleh jawab dalam jawapan bertulis.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri, kalau hendak memudahkan perjalanan mahkamah, saya keluar tadi jumpa dengan Asri, dia kata apakah boleh kalau kita panggil orang-orang berpengalaman sebelum menjadi Ketua Pengarah. Contohnya Datuk Rahim Ismail, Datuk Sheikh iaitu kembali untuk menjadi Hakim dan memberikan ruang untuk mereka menyumbang kembali pengalaman mereka yang cukup luas, dan ini boleh mengendurkan atau memendekkan sedikit waktu hukuman itu dilakukan.

Apa pandangan Yang Berhormat Menteri kalau mereka itu dipanggil dan diberi kontrak dua tahun supaya mereka boleh membantu kita dalam menyelesaikan banyak masalah yang berpanjangan ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau kita biarkan begini..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya sedikit sahaja. Saya baru *start*. Dari pagi tadi di mahkamah.

Saya hendak minta penjelasan. Mungkin boleh beri jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri cuma saya rasa tentang Persatuan Sekerja tadi. Saya rasa ada satu isu yang melibatkan Dewan Bahasa dan Pustaka di mana di situ dikatakan bahawa mereka yang layak menyertai kesatuan sekerja ini hanya kepada tahap *scale* gaji yang tertentu sedangkan di dalam kesatuan sekerja di agensi-agensy yang lain, yang melibatkan badan berkanun, mereka yang di dalam *scale* gaji yang sama juga boleh menjadi ahli kesatuan sekerja. Jadi ini menimbulkan satu dengan izin, *discrepancy*.

Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menyiasat perkara ini supaya selarastah. Semua pekerja-pekerja yang layak menjadi ahli kesatuan sekerja ini, semua badan-badan berkanun ini mestilah selaras. Jangan ada di sini *scale* gajinya boleh masuk. Contoh DBP kata Gred 48 ke bawah boleh. Gred 48 ke atas tidak boleh. Mungkin ada yang berkata Gred 48 masih boleh lagi. Jadi ini ada yang menimbulkan kekeliruan.

Saya minta Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Points* yang telah dibawa tadi kita akan ambil maklum tetapi saya hanya ingin menjawab tentang mengapa tidak ada cadangan untuk mengambil bekas-bekas hakim yang berpengalaman untuk duduk sebagai Pengerusi Mahkamah Perusahaan.

la begini. Harus diingat bahawa bila kita mengambil seseorang untuk menjadi Pengerusi Mahkamah Perusahaan, yang terlibat kita bukan mengambil sambil lewa sahaja. Seseorang itu mesti mempunyai kelayakan dan pengalaman. Ada suatu ketika sebenarnya sekarang ada dua kekosongan- dalam mana seorang mempunyai kelayakan tetapi kurang pengalaman. Kita tidak dapat ambil dia.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini kita bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara dan JPA sentiasa berbincang tentang perkara pengambilan. Ini bererti pengambilan bukan sahaja terletak di tangan Kementerian Sumber Manusia bahkan kita juga berbincang dengan pihak Peguam Negara dan juga JPA. Dalam perkara ini kita mempunyai dua cara pelantikan. Satu pelantikan secara kontrak dan pelantikan semula. Saya percaya dengan mahkamah-mahkamah yang sedia ada kerana kalau kita tengok jumlah kes tertangguh di Mahkamah Perusahaan sehingga 30 September tahun ini adalah hanya 698 kes, dan kes sejumlah ini bagi saya tidaklah begitu banyak.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan saya, sebelum saya mengakhiri penggulungan saya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan-seramai sembilan orang. Saya nampak yang mengambil bahagian telah memberi cadangan yang bernas dan kita di pihak Kementerian Sumber Manusia amat berterima kasih di atas cadangan-cadangan bernas dan kita akan bukan sahaja mengambil maklum tetapi mengambil berat akan cadangan-cadangan yang bernas itu.

Untuk mereka di mana isu telah dibangkitkan yang tidak sempat saya jawab, saya mohon maaf tetapi saya berjanji untuk menjawabnya secara bertulis. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM847,739,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM847,739,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM574,486,500 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM574,486,500 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.47 [Jadual] -  
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom.

**5.39 ptg.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar.

■1740

Tuan Pengerusi, jalur lebar kini adalah satu keperluan dan tidak kira di kawasan bandar mahupun luar bandar. Peruntukan Bajet 2014 sebanyak RM50 juta adalah bertepatan dengan keperluan semasa bagi Projek Jalur Lebar. Pembinaan 1,000 pencawang telekomunikasi amat dialu-alukan dan saya pohon Tuan Pengerusi, di kawasan saya dapat dijadikan antara kawasan yang bakal menikmati pencawang telekomunikasi dan seterusnya laluan projek jalur lebar dapat diperluaskan lagi. Setakat ini bagi negeri Sabah baru sahaja mempunyai 55% liputan jalur lebar. Cuma sekarang ini yang menjadi masalah ialah ketidakstabilan signal komunikasi atau hubungan penggunaan telefon.

Tuan Pengerusi, banyak syarikat *telco* sekarang ini sudah pun mengeluarkan perkhidmatan 3G, malahan sudah pun mencapai 4G. Mengikut laporan Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia, yang melanggan rangkaian 3G di negara ini sejumlah 14.6 juta pengguna sehingga akhir tahun 2012 pastinya faktor penentu yang menguntungkan syarikat telekomunikasi, namun kadang-kadang merugikan pengguna.

Mengapa saya katakan rugi Tuan Pengerusi, sebab dalam bandar seperti di Kuala Lumpur ini Tuan Pengerusi, perkhidmatan 3G agak mengecewakan apatah lagi perkhidmatan jalur lebar 4G. Sekarang ini rakyat sedang mempersoalkan, apakah benar syarikat *telco* ini menyediakan perkhidmatan 3G atau 4G mengikut spesifikasi yang diuar-uarkan kepada pelanggan sama ada menerusi media massa dan juga media sosial baru.

Saya banyak kali mengalami gangguan *line* 3G menggunakan telefon pintar sekarang Tuan Pengerusi. Jadi, saya pohon pihak kementerian supaya melihat perkara ini secara serius kerana jelas lagi perkhidmatan telekomunikasi seperti ini agak maya atau tidak nampak dan jurang berlaku penipuan ini boleh menjadi meluas. *Telco* kita ini kemungkinan besar untung atas angin sahaja

Tuan Pengerusi, kerana berapa ramai pelanggan yang benar-benar ingin mengetahui secara teknikal pun.

Soalnya sekarang, servis tidak bagus dan rakyat tidak puas hati. Saya hairan bagaimana syarikat *telco* terbesar daripada Korea Selatan seperti mana yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini SK Telecom yang membuka Pusat Jalur Lebar Komuniti SK Telecom di SK CBC di Kuala Tomani di kawasan saya di Tenom yang mana mereka menawarkan perkhidmatan telekomunikasi capaian 5G tanpa sebarang masalah. Perkhidmatan mereka begitu efisien dan menunjukkan khidmat mereka ini berjaya dapat merapatkan lagi jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar selain meningkatkan taraf hidup mereka. Ini yang kita mahu, perkhidmatan yang amat baik dan rakyat puas hati.

Jadi saya mengesyorkan pihak kementerian supaya dapat bekerjasama rapat dengan SK Telecom ini dalam memperluaskan dan menggunakan kepakaran mereka bagi menyediakan satu perkhidmatan yang terbaik.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Tenom, sedikit.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Pengerusi, sekejap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bukit Katil.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Sekejap Yang Berhormat Bukit Katil. Butiran 090100 iaitu BERNAMA. Ya Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom kerana bangkitkan isu berkaitan dengan jalur lebar, terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak minta sama ada Yang Berhormat Tenom setuju atau tidak bahawa syarikat TM misalnya sekarang ini selain daripada 3G, 4G ada *UniFi*. Malah sebelum daripada seseorang itu tandatangan kontrak, ada di kalangan yang terpaksa ikut dengan kehendak TM misalnya dua tahun kontrak. Akan tetapi apabila mereka pergi ke tempat lain yang tidak ada *UniFi*, mereka terpaksa tanggung beban itu. Setuju tidak Yang Berhormat Tenom kalau kita minta supaya dibuat kajian yang menyeluruh tentang penggunaan *UniFi* ini supaya tidak membebankan rakyat. Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya setuju Tuan Pengerusi. Bukan sahaja itu, kalau boleh ini mereka, syarikat *telco* ini minta bayar cepat tetapi bagi perkhidmatan lembap sedikit. Jadi kita minta kementerian supaya dapat atasi masalah ini.

Berkenaan dengan butiran yang saya sebut tadi iaitu BERNAMA Tuan Pengerusi, sebelum ini pernah saya membangkitkan beberapa kali mengenai BERNAMA TV. Kementerian ada menyatakan akan melakukan penstrukturan semula BERNAMA TV untuk dijadikan saluran berita penting yang lebih berdaya saing. Ini termasuk beberapa aspek penting termasuklah penyiaran berita terkini atau bersifat semasa selain laporan tepat dan juga seimbang.

Malahan saya mendapat maklum BERNAMA TV mempunyai CEO yang berpengalaman dalam bidang media massa dan saya percaya kepimpinan baru BERNAMA TV dapat menjadikan rating yang tinggi dari aspek penyiaran berita terutama berita antarabangsa yang disampaikan mengikut cara kita sendiri dan *breaking news*, dengan izin. Cuma yang saya ingin lihat ialah operasi pengurusan dan pembangunan BERNAMA TV agak kecil. Saya agak hairan Tuan Pengerusi, mengapa BERNAMA TV tidak ada peruntukan bajet untuk kos operasi mereka. Kalau kita lihat daripada bajet tahun hadapan Tuan Pengerusi, agensi BERNAMA sendiri menerima peruntukan sebanyak RM38.81 juta. Saya hendak tahu daripada jumlah yang BERNAMA dapat itu, berapa peratus kah yang akan diberikan kepada BERNAMA TV. Saya juga hairan kenapa TV Al-Hijrah boleh mendapat bajet sebanyak RM40 juta sejak dua tahun yang lalu, sedangkan BERNAMA TV tidak. Apa bezanya saluran TV ini?

Kita nampak TV Al-Hijrah adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri atau pengawalan selia di bawah JAKIM, sedangkan BERNAMA TV ini di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia sendiri. Sepatutnya BERNAMA TV sebagai saluran televisyen yang diyakini, patut menerima peruntukan yang besar sekurang-kurangnya RM100 juta untuk beroperasi. Jadi saya hendak tahu mengapa BERNAMA TV tidak ada peruntukan ini. Kalau tidak ada sekalipun, bolehkah pihak kementerian untuk mewajibkan setiap GLC untuk memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk iklan di BERNAMA TV. Kalau ada 30 GLC Tuan Pengerusi, bayangkan BERNAMA TV akan mempunyai RM30 juta untuk melaksanakan operasi mereka.

Soal ini penting kerana maklumat semasa semakin pantas dan canggih. Kita tidak mahu peranan BERNAMA TV akan terus terpinggir jika tidak diambil berat oleh kementerian sendiri. Jangan ada perbezaan di antara RTM dan juga BERNAMA TV kerana kedua-dua agensi berita ini adalah telah terbaik dalam menyampaikan saluran maklumat kepada rakyat tidak kira di mana pun mereka berada. Jadi saya berharap pihak kementerian melihat peranan BERNAMA TV ini perlu dilaksanakan secara drastik bagi menjayakan setiap agenda pembangunan-pembangunan kerajaan.

Satu lagi Tuan Pengerusi, yang terakhir berkenaan dengan Butiran 040000 - Penyiaran. Tuan Pengerusi, saya juga pernah membangkitkan soal Astro dalam sekitar tahun 2010 dan pada tahun 2012 dan sekali lagi pada tahun 2013. Banyak kali membangkitkan pasal Astro dan kali ini mengenai caj Astro yang dinaikkan atas sebab-sebab tertentu. Saya memahami kenaikan itu adalah disebabkan saluran sukan yang ditambah termasuklah program sukan yang berbentuk HD.

Cuma yang menjadi masalah ialah siaran liputan atau pelanggan Astro masih terganggu dengan siaran akibat cuaca terutama bagi musim tengkujuh yang berlaku sekitar bulan November hingga Januari. Apabila siaran terganggu, siapa yang hendak tanggung kos sewaktu berlaku gangguan tersebut. Gangguan itu berlanjutan berjam lamanya, pelanggan juga yang rugi kerana tidak dapat spesifikasi sama ada pengurangan kos bayaran semula dilaksanakan atau sebaliknya. Oleh sebab itu Astro perlu diperkemas perkhidmatannya.

Saya juga hendak tahu Tuan Pengerusi, apakah yang terjadi kepada ABNxcess. Saya difahamkan pelancaran ABNxcess tempoh hari telah menjanjikan kepuasan kepada pelanggan dengan konsep TV berbayar dengan harga yang memang murah dan banyak lagi *channel* yang boleh diwujudkan. Akan tetapi sehingga hari ini Tuan Pengerusi, tidak nampak bayang-bayang mereka Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak tahu apakah sudah jadi dengan ABNxcess. Apa yang saya tahu ialah CEO ABNxcess sudah pun mendapat pinjaman sebanyak RM500 juta daripada Bank Pembangunan Malaysia Tuan Pengerusi.

Jadi, apakah masalah lagi untuk *launching* secara holistik kepada pelanggan atau rakyat Malaysia. Malahan ABNxcess juga dikatakan menggunakan sistem kabel bagi perkhidmatan TV berbayar sekali gus dikatakan sifar gangguan siaran walaupun hujan ataupun ribut sekalipun serta caj bulanannya murah. Jadi saya pohon pihak kementerian supaya dapat melihat perkara ini terutamanya untuk kewujudan stesen TV berbayar ini yang juga mungkin untung atas angin seperti syarikat-syarikat *telco* yang lain Tuan Pengerusi. Itu sahaja terima kasih, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Yang Berhormat Pasir Mas.

#### 5.48 ptg.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Perbincangan saya merujuk kepada Maksud B.47, Butiran 040000 - Penyiaran. Tuan Pengerusi, kita bercakap mengenai sebuah kementerian yang begitu penting.

#### ■1750

Secara ringkasnya saya hendak menyebut mengenai perbincangan oleh para sarjana politik yang melihat bahawa untuk sebuah kerajaan yang benar-benar adil, kita bukan lagi hanya berbincang soal pengasingan kuasa legislatif, judikatif dan tiga itu bahkan mereka sebut antara kuasa yang perlu diasingkan ialah kuasa maklumat di mana kerajaan diminta untuk tidak terlalu mengongkong kuasa maklumat ini bahkan diberikan kepada rakyat. Jadi saya fikir perbelanjaan yang besar yang telah diperuntukkan untuk kementerian ini adalah berbaloi. Tinggal lagi bagaimana kerajaan membelanjakannya dari segi keutamaan dan jimat-cermat kerajaan dalam berbelanja.

Dalam agama kita Tuan Pengerusi, Allah SWT menyebut mengenai pentingnya kuasa maklumat ini dengan sentiasa menyebut mengenai nikmat telinga dan mata [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud dengan izin, "Apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, mereka ada hati untuk memahami, mereka ada telinga dan sesungguhnya bukan soal mata mereka buta tetapi soal hati mereka itu buta." Ini gambaran betapa nikmat Allah SWT sediakan supaya setiap manusia menggunakan sebanyak nikmat mata dan telinga untuk bermaklumat supaya hati mereka menjadi hati yang hidup.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 mengenai penyiaran. Isu yang saya hendak bangkit yang pertama ialah isu pendemokrasian maklumat untuk rakyat. Saya hendak ingat kepada Dewan yang mulia ini mengenai permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Semenjak lebih 20 tahun yang lepas apabila kerajaan memohon daripada Kerajaan Pusat untuk memiliki sebuah stesen penyiaran radio untuk Kerajaan Negeri Kelantan. Kalau boleh saya cuba baca sedikit kronologi secara ringkas.

Dalam bulan Ogos 1992, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bermesyuarat dan telah memutuskan untuk menubuhkan stesen radio dan televisyen milik Kerajaan Negeri Kelantan. Dengan itu kerajaan telah mengadakan beberapa mesyuarat teknikal yang dihadiri oleh wakil-wakil agensi berkaitan JKR, Urusetia Penerangan, TNB, Celcom dan sebagainya dan mereka memutuskan untuk hanya menumpukan kepada penubuhan stesen radio sahaja. Bukan TV lagi pada masa itu. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan pada 3 Oktober 1992 telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan pada masa itu Allahyarham Dato' Mohamed Rahmat memohon bagi pihak kerajaan negeri untuk mengendalikan siaran radio milik Kerajaan Negeri Kelantan sendiri. Yang Berhormat Dato' Mohamed Rahmat pada 12 November 1992 telah menulis surat kembali kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan memaklumkan keputusan Kerajaan Pusat untuk tidak meluluskan permohonan Kerajaan Kelantan berdasarkan alasan bahawa perkhidmatan siaran radio yang sedia ada telah memenuhi keperluan pendengar. Itu alasan pada masa itu kita yakin tidak lagi sesuai sekarang.

Tidakkannya sebab ada satu stesen radio sudah memenuhi keperluan pendengar. Hari ini ratusan stesen TV dan radio yang dibenarkan perkhidmatannya di negara kita. Selepas itu pada tahun 2009, maknanya selepas hampir 20 tahun sekali lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan memohon untuk mendapatkan lesen penyiaran radio bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan, tetapi surat permohonan kedua ini tidak dibalas oleh kerajaan sehingga hari ini. Saya harap sangat bahawa sudah tiba masanya selepas kami negeri Kelantan memerintah 20 tahun lebih, sudah tiba masanya hak lesen penyiaran radio diberikan kepada Kerajaan Kelantan dan juga kerajaan-kerajaan Pakatan Rakyat yang memohon untuk siaran tersebut...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Pasir Mas, minta...

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Ya, sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pasir Mas. Di Kelantan apabila bercakap mengenai lesen radio ini, sebelum ini ada satu stesen radio bernama Manis FM. Semua orang tahu bahawa Manis FM ini lesennya dikeluarkan kepada individu yang satu masa dahulu pernah menjadi Timbalan Menteri di peringkat pusat. Sekarang ini Manis FM ini telah dijual katanya kepada individu ataupun institusi di Terengganu. Jadi hendak minta pandangan Yang Berhormat Pasir Mas, kalau kerajaan boleh bagi lesen radio ini kepada individu pun, apa rasionalnya kerajaan tidak boleh beri lesen kepada sebuah kerajaan negeri untuk kegunaan rakyat jelata. Terima kasih.



**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Boleh masukkan dalam ucapan saya. Saya hendak ulas itulah sebabnya saya sebut kita bercakap mengenai demokrasi maklumat keperluan. Jangan lagi kerajaan beralasan dengan alasan politik bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan gunakan sepenuhnya radio, TV untuk tujuan politik. Kalau begitu kita boleh tengok sendiri. Pertama, kita ada undang-undang, semua yang diberi lesen ikut undang-undang. Kalau Kerajaan Kelantan langgar, dia boleh ambil tindakan undang-undang. Itu satu.

Kedua, kalau takut Kerajaan Kelantan bercakap soal politik dalam radio, apa jadi dengan radio di Kelantan sendiri. Saya mendengar RTM Kelantan, seronok dengar tetapi apabila masuk bab politik dia hentam kerajaan Kelantan. Kita sakit hati dan kita tidak boleh berkata apa pada masa itu kerana tidak ada saluran. Jadi sudah pasti untuk menubuhkan demokrasi saya rasa tiba masanya bukan hanya diberi lesen kepada individu, syarikat-syarikat penyiaran radio yang berpuluh hari ini, Kerajaan Kelantan minta kita harap inilah masa yang terbaik bahkan saya yakin Menteri Multimedia yang baru adalah abang saya, saya baca tulisan dia sebagai aktivis pelajar dahulu bercakap mengenai demokrasi. Saya fikir inilah masanya untuk Kerajaan Kelantan mendapat nikmat tersebut, *insya-Allah*.

Kedua, soal TV. Adakah Yang Berhormat Menteri bersedia dalam isu yang sama mengenai demokrasi memberi peluang kepada kami Ahli-ahli Parlimen pembangkang untuk diberi peluang bersuara dalam televisyen? Satu, dua, dan televisyen berbayar dan sebagainya terutama sekali televisyen kerajaan supaya maklumat ini benar-benar diperolehi oleh rakyat. Jadi ini harapan yang saya ingat perlu pihak kerajaan beri perhatian supaya kita mampu untuk menghidupkan demokrasi dalam negara kita.

Ketiga, mengenai TV berbayar yang kita sentiasa bercakap mengenai Astro sebuah stesen TV berbayar yang dilihat terlalu memonopoli. Walaupun kita dimaklumkan kerajaan ada memberikan lesen, tetapi soalan saya apakah tindakan proaktif kerajaan bagi mengelak monopoli Astro di dalam sistem penyiaran saluran berbayar. Ini kita tahu bawah yuran yang terpaksa dibayar oleh rakyat untuk siaran Astro ini begitu tinggi. Bukan soal pengurusan. Semua orang tahu ini soal bagaimana korporat besar mengaut keuntungan sebanyak-banyaknya daripada siaran Astro yang sedang memonopoli di negara kita hari ini. Jadi saya harap ini juga saya mahu penjelasan daripada kerajaan. Apakah tindakan proaktif daripada kerajaan untuk mengawal? Adakah kerajaan bersedia untuk mengawal harga dengan menetapkan harga siling misalnya agar hak rakyat sentiasa terjamin dan tidak teraniaya?

Kemudian saya ingin merujuk Butiran 010000 – Pengurusan, dan 050700 – Teknologi Maklumat. Ini telah banyak disebut oleh dalam Dewan kita mengenai *broadband* atau jalur lebar di negara kita yang bayarannya agak tinggi dengan kualiti persembahannya yang begitu lemah. Jadi soalan saya ringkasnya, bilakah kerajaan menyasarkan berapa tahun lagi kos penggunaan teknologi maklumat dan internet media baru ini akan menjadi murah. Ini soalan ringkas saya. Bila

kerajaan menyasarkan bahawa satu hari rakyat akan menikmati bayaran murah terutama sekali bagi para pelajar para mahasiswa yang terlalu memerlukan perkhidmatan *internet* ini?

■1800

Akhir sekali, saya ingin merujuk kepada Butiran 100100 - Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia Nasional. Saya ingin mengetahui sejauh manakah keberkesanan FINAS dalam menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman di Malaysia. Kita melihat setakat ini FINAS masih gagal. Minta maaf saya sebut, bagi saya masih gagal dalam misinya untuk memperluaskan ruang pasaran, gagal untuk meningkatkan ekonomi, industri filem kerana tidak banyak filem yang kreatif dan berkualiti.

Kita juga gagal mempromosikan filem kita ke peringkat antarabangsa sedangkan televisyen kita dilambakkan dengan filem-filem asing yang begitu banyak. Kadang-kadang tidak memberi sedikit pun kesan yang positif dalam mendidik rakyat di negara kita. Kita ingin mengetahui sejauh manakah industri filem kita berjaya melahirkan seniman yang agung, berkualiti seperti Tan Sri P. Ramlee yang bukan hanya *glamour* dan masyhur, bahkan dilihat berjaya menjadi guru kepada rakyat yang mampu menyemai budaya hidup sihat dan menolak budaya tidak sihat melalui filem-filemnya yang begitu *touching* dan berkesan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah FINAS mampu untuk mengawal lambakan filem tempatan? Juga itu soal filem tempatan, jumlah produksi filem setiap tahun semakin meningkat. Tahun 2010 misalnya, sebanyak 39 filem dihasilkan, tahun 2011 naik kepada 49, tahun 2012 sebanyak 76 filem. Walau bagaimanapun, jumlah purata penonton menunjukkan trend berbeza iaitu semakin merosot. Ia dianggap satu *signal* kepada industri perfileman tempatan bahawa masyarakat mungkin mempertikaikan mutu dan kecenderungan filem yang dihasilkan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Mas, gulung.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Ya. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung penarikan duit hiburan sebanyak 20% yang telah dibuat oleh kerajaan. Pihak penerbit filem mendakwa mereka telah kehilangan sehingga 30% pendapatan bersih yang diperoleh daripada tayangan pawagam. Adakah FINAS telah mengadakan perbincangan dengan pihak penerbit sebelum penarikan duit hiburan ini dikuatkuasakan?

Seterusnya adalah mengenai penapisan sesebuah filem. Ini isu penting Tuan Pengerusi. Saya melihat kesan yang besar apabila Lembaga Penapis Filem sudah tidak lagi mengambil peranan ini dan menyerahkan kepada pengarah dan penerbit filem itu sendiri. Kelonggaran ini mengakibatkan banyak filem yang dihasilkan akhir-akhir ini menyentuh sensitiviti agama dan moral umum rakyat sama ada dari aspek adegan yang dipertontonkan mahupun skrip yang diungkapkan. Oleh itu adakah kementerian bercadang untuk mengembalikan semula kuasa ini kepada LPF atau mempunyai langkah-langkah lain yang berkesan untuk membendung masalah ini.

Akhirnya, berhubung dengan dana-dana yang diperuntukkan oleh FINAS seperti Dana Pembangunan Seni, Dana Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan, Dana Kesan Khas dan Insentif Tayangan Filem Cereka. Dana-dana ini semuanya berbentuk pinjaman kepada pihak pengurusan filem. Saya ingin meminta, berapakah jumlah pinjaman yang telah diberikan sejak tahun 2010? Adakah pinjaman-pinjaman ini telah berbayar ataupun tidak? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pengerang. Sila.

### 6.03 ptg.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya merujuk kepada Bekalan Rang Undang-undang, Kepala Bekalan B.47, P.47. Pertama sekali, saya merujuk kepada 040000 - Penyiaran, 040100 - Rancangan. Saya sebenarnya menyokong kata-kata sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat sejak daripada mulanya bersidang. Kita selalu bercakap tentang penyiaran Astro yang mana kita tahu makin lama tiap-tiap tahun itu makin tinggi harganya. Kalau kita tengok Astro, bila kita tengok siaran-siarannya, banyak kali saya sebut, kita tengok selalunya berulang cerita itu. Bukan cerita baru, dia ulang, ulang, ulang. Jadi, persoalannya apa sebenarnya Yang Berhormat Menteri yang boleh kementerian buat dalam perkara ini? Ini sebab saya tengok dalam aspek penyiaran ini kita tahu kalau kita tengok pentingnya Radio Televisyen Malaysia RTM siaran 1 dan siaran 2.

Akan tetapi kalau kita tengoklah tanggungjawab penyiaran. Kita tengok tanggungjawab RTM, bila kita banding tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Astro, agak berbeza. Ini kerana terlampau mengejarkan, dengan izin, *commercial value* kadang-kadang kita melihat tanggungjawab mereka kepada negara dalam mempropagandakan dasar-dasar negara, mempropagandakan isu-isu yang dapat merapatkan isu dalam negara kita yang pelbagai bangsa dan juga pelbagai agama. Adakah itu dituntut kepada penyiaran walaupun dilihat sebagai penyiaran yang disebut sebagai penyiaran *private*, dengan izin. Sama juga kalau kita tengok siaran-siaran daripada NTV7.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri bila kita sebut tentang 040000 - Penyiaran, dan 040100 - Rancangan, kita jangan mengatakan bahawa dalam negara-negara lain berbeza. Mengatakan bahawa negara lain bila katakan komersial mereka boleh buat apa yang mereka suka. Akan tetapi bagi saya kita adalah negara Malaysia, kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab kita sebagai sebuah negara.

Saya merujuk kepada Jabatan Penerangan 050000 - Jabatan Penerangan, 050200 - Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat, dan juga 050800 - Perancangan Strategik dan Penyelidikan, serta Butiran 051000 - Gerak Saraf dan Pengurusan Isu.

Kalau kita rujuklah, kita tahu bahawa tanggungjawab Jabatan Penerangan adalah untuk membentuk satu rupa bangsa Malaysia yang bermaklumat dan bermaruah tinggi untuk mencapai kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Selaras dengan cita-cita Rukun Negara bagi mewujudkan

negara maju. Jadi, saya sebagai Ahli Parlimen, saya bila tengok tentang bajet yang disebut ini untuk Jabatan Penerangan, khidmat komunikasi dan pembangunan masyarakat, rancangan strategik dan penyelidikan, gerak saraf. Saya kadang-kadang agak ragu kerana tidak *visible*, dengan izin, pegawai-pegawai penerangan peringkat daerah dan juga wakil-wakil di peringkat Parlimen. Tidak menyenangi untuk menyatakan tanggungjawab mereka membantu Ahli-ahli Parlimen dalam membantu Malaysia sebagai sebuah negara yang boleh kita mewujudkan perpaduan dari segi khidmat yang diberi oleh Jabatan Penerangan.

Saya ingat masa dahulu ya, kecil-kecil dahulu kalau kita tengok majalah-majalah, *circular*, buku-buku yang dikeluarkan itu banyak diserahkan di sekolah-sekolah, diserahkan di universiti, diserahkan di NGO-NGO dan sebagainya. Ataupun kita sebagai Ahli Parlimen macam-macam yang kita dapat, risalah-risalah untuk kita membantu, menerangkan dasar-dasar kerajaan tetapi sekarang ini kita tengok berkurangan. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat Menteri, dalam perkara ini kita mesti mewujudkan satu pendekatan yang agak baru. Supaya kita mesti mengambil kira ini menjadi satu tanggungjawab bersama. Kalau hanya kita berikan tanggungjawab menyebarkan maklumat Jabatan Penerangan hanya kepada jabatan, maka kita akan wujudkan satu kegagalan dalam aspek komunikasi. Ini sebab perkara ini ialah mewujudkan dasar-dasar negara iaitu memaklumkan kepada rakyat tentang isu dasar-dasar negara.

Saya hendak merujuk kepada aspek gerak saraf ya. Kalau kita baca dekat surat khabar baru-baru ini tentang sahabat kita satu rakyat Malaysia bernama Siti Aishah. Dia rupanya pergi ke luar negara, belajar di United Kingdom, tiba-tiba dia simpang kepada propaganda komunis. Maknanya, dia mula-mula dihantar untuk belajar menjadi profesional, dia menyimpang disebabkan oleh perjuangan dia dalam NGO, sebagai contoh. Akan tetapi NGO yang dia telari ini adalah dalam aspek propaganda perjuangan satu parti politik komunis. Sampai agama Islam diketepikan, budaya Melayu diketepikan, semangat sebagai rakyat Malaysia diketepikan. Ini kerana agaknya masa jadi pelajar tahun 70-an, dia tidak mendapat maklumat yang secukupnya untuk diri dia sebagai satu rakyat Malaysia untuk kekal sebagai rakyat Malaysia.

Jadi, sepatutnya perkara ini saya berharaplah Jabatan Penerangan, bila kita hendak berkomunikasi tidak bolehlah hanya berkomunikasi kepada rakyat di bawah di luar bandar, dalam bandar. Akan tetapi juga bagi pelajar-pelajar kita di sekolah, sekolah menengah, di universiti, mengambil juga kesempatan anak-anak kita yang berada di luar negara. Mereka inilah dengan kebebasan komunikasi yang kita sebut ini, mungkin dalam negara kita, kita boleh kawal komunikasi tetapi bila di luar negara itu, anak-anak kita ini. Saya bukan hendak mengatakan perjuangan itu perjuangan yang betul pada masa itu kah tidak tetapi bagi saya sepatutnya harapan kita, anak-anak kita yang kita amanahkan untuk belajar, untuk keluarga, untuk negara, tidak berkelakuan sedemikian.

Akan tetapi kita mesti mengambil kira Jabatan Penerangan dalam aspek antarabangsa, kita mesti peka. Sama ada adakah tidak....

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan, sini, sini.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Adakah tidak wakil-wakil yang dapat mengingatkan anak-anak kita tentang tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia. Silakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

■1810

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerang, setuju kah kita kalau kita katakan atau kita minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya menyemak semula tentang keupayaan pegawai-pegawai di kementerian atau Jabatan Penerangan kita termasuk di JASA sekali? Ini kerana sekarang ini kita tengok tahap profesionalisme mereka begitu agak tidak mengikut keperluan semasa. Jadi setujukah Yang Berhormat Pengerang kalau kita kata bahawa kerajaan perlu menaik taraf, meningkatkan kursus dan memberikan berbagai-bagai kemahiran supaya penerangan ini berfungsi dengan sepatutnya untuk mencapai maksud yang dimaksudkan tadi? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Itu sebabnya bagi saya, saya tengok bila kita hendak mengambil pegawai yang pakar dalam bidang hendak memberi maklumat, yang pakar dalam aspek penerangan, yang pakar dalam aspek propaganda, memang saya setuju, mesti mempunyai kelayakan. Akan tetapi masalah kita sekarang ini, pegawai kita ini di peringkat daerah ini, seorang sahaja pegawai peringkat daerah, penerangan daerah. Akan tetapi yang di bawah satu daerah tiga Parlimen contohnya di Kota Tinggi, ada Parlimen Kota Tinggi, Parlimen Tenggara, Parlimen Pengerang, macam mana seorang pegawai itu hendak pusing tiga kawasan Parlimen yang cukup besar? Mana dia mampu dari segi dengan izin, *practicality* dia tidak ada Tuan Pengerusi ya.

Itu sebab saya haraplah Yang Berhormat Menteri yang ada dalam Dewan pada hari ini, terima kasih, saya harap kita mesti menerima hakikat bahawa tanggungjawab menerangkan dasar-dasar kerajaan untuk perpaduan bukan sahaja tanggungjawab Jabatan Penerangan dalam negara, tetapi juga mesti mengingati tanggungjawab pada pelajar-pelajar kita di luar negara. Apa yang kita buat? Kalau hendak berikan kepada Kementerian Pelajaran, dia tidak ada kepakaran macam Kementerian Penerangan, Jabatan Penerangan dan sebagainya.

Ketiga, saya hendak rujuk berkenaan dengan Butiran 100100 - FINAS. Hendak bercakap fasal FINAS ini, penat betul Tuan Pengerusi. Bukannya penat apa, kalau kita tengoklah filem kita dalam negara kita ini, kalau tidak filem kelakar, cerita kelakar, ia filem cinta. Kalau filem cinta tidak ada, cerita filem dengki. Filem dengki tidak ada, cerita filem bunuh. Cerita bunuh tidak ada, filem kita samseng gengster. Eh, itu ke budaya kita? Takkanlah FINAS ini, ini sahaja ada budaya kita-cinta, bunuh, samseng, selepas itu derhaka mak, derhaka ayah. Tidak ada ke cerita kita ini, kalau kita tengok Eropah atau United Kingdom, aspek digital sebagai contoh, filem yang menekankan kepada perjuangan.

Contohnya baru-baru ini, filem-filem Amerika banyak fasal pembunuhan Presiden JFK, John F. Kennedy. Contohnya pembunuhan Abraham Lincoln. Ini yang kita hendak tengok. Kalau

kita hendak tengok cerita pembunuhan JW Birch. Mungkin kita hendak tengok kehebatan Mat Kilau dan macam-macam. Itulah yang kita hendak tengok. Kalau FINAS hendak bagi bantuan, bagilah filem macam ini. Ini bagi filem anak kita daripada merepek terus jadi merepek, Tuan Pengerusi. Inikah tanggungjawab FINAS?

Saya hendak baca objektif FINAS. Menggalakkan dan membantu pengeluaran, pendedaran dan pameran filem-filem dalam dan luar negara. Mengawal, memantau pengeluaran, pendedaran filem, lesen, menyediakan kemudahan alatan, menyediakan geran insentif kredit pelaburan dan macam-macam, semua kerajaan hendak bagi. Betul, memang bagus kerajaan, memang baik kerajaan. Akan tetapi filem yang macam mana? Takkanlah kita ini sudah merdeka ini lebih daripada 50 tahun, takkanlah kita tidak boleh beritahu dekat pelakon-pelakon filem, direktur-direktur filem, produser-produser filem, filem yang macam mana, supaya kita dapat mengeluarkan, menggalakkan perpaduan? Saya tidak hendak sebut fasal satu filem, nanti sahabat saya dekat sana melenting tapi sejarah...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta beri laluan Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ini sejarah. Sila. Hendak cakap fasal filem boleh. Cakap fasal benda lain tidak boleh. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, masa pun sudah hampir...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, sikit sahaja. Saya tertarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Jadi saya ingin tanya dengan Yang Berhormat, kerajaan Yang Berhormat yang ada kuasa pada hari ini. Apakah dasar hiburan, dasar perfileman yang dibuat dalam kerajaan hari ini? Sepatutnya kerajaan dengan kuasa yang ada, menggunakan kuasa itu meletakkan satu dasar. Ini yang keluar filem hantu, segala jenis hantu ada dalam televisyen [Ketawa] Yang kami tidak pernah dengar pun ada keluar televisyen. Bukan itu sahaja, filem-filem yang membuat rangsangan seks dan sebagainya. Ini sangat-sangat menghancurkan sistem pendidikan. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat Rantau Panjang tanya saya soalan macam saya Menteri Penerangan... [Dewan riuh] Macam mana ini? Kalau mulut masin, tidak tahulah saya [Ketawa] Tapi saya tidak boleh jawab. Yang Berhormat Menterilah jawab. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu doa itu. Doa bakal jadi Menteri Penerangan [Ketawa]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih. Orang bakal hendak dapat menantu. Pertama, itu suruh Yang Berhormat Menterilah menjawab dari segi dasar.

Akan tetapi keduanya, saya hendak sebut fasal filem ini, sebenarnya pengeluar filem, *director*, *producer*, dengan izin, semua hendak cari untung. Hendak cari untung katanya macam dulu Muzium Negara buat Pameran Hantu, berderet orang pergi tengok. Bila Muzium Negara

Malaysia hendak buat tentang sejarah semua, tidak ramai orang. Maknanya, kemungkinan budaya kita ini suka budaya kelakar, suka budaya hantu. Saya tidak tahulah. Akan tetapi dalam perkara ini, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri mesti adanya satu jalan tuju, jalan kerja.

Saya hendak sebut sebelum saya duduk ini. Di negara India, Menteri Penerangan di India, Kementerian Komunikasi di India, dia mempunyai satu agensi yang mewujudkan akademi, yang mewujudkan- yang disebut sebagai *film award*, dengan izin. Maknanya anugerah filem. Anugerah filem bukan kepada yang cantik, yang lawa, yang tinggi, yang segala-galanya. Anugerah filem kepada filem yang mengeluarkan keluaran filem kanak-kanak, sebagai contoh. Tahun 1954 dia sudah mulakan projek ini. Semua produser keluar filem kanak-kanak akan dapat anugerah. Kita ini bukannya- saya bukan hendak menghentam bintang filem kita yang begitu lawa dan sebagainya. Bukan itu yang saya hendak tegur, tetapi kalau setakat lawa jer muka buat apa? Ini yang kita hendak. Bukan saya kata saya tidak lawa, saya lawa... [*Ketawa*] Akan tetapi isunya ialah Tuan Pengerusi- terima kasih sahabat-sahabat. Dalam perkara ini, bila hendak mengeluarkan filem itu, anugerah itu janganlah hendak bagi hanya menilai dari segi luaran, kita mesti tengok nilai dari segi dalaman.

Sebelum saya duduk Tuan Pengerusi, saya hendak mintalah Yang Berhormat Menteri ya. Kita merujuk kepada negara yang rapat dengan kita. Sebagai contohnya, *United Kingdom Film Council*, dia ini hendak bagi geran, *funding* ya, dia punya pecahan itu banyak. Bukan sahaja *director film*, bukan sahaja pelakon filem, bukan sahaja jenis filem, bukan sahaja dapat merapatkan perpaduan, bukan sahaja dari segi promosi, bukan sahaja operator filem, macam-macam aspek yang dia keluarkan. Lebih daripada 30 cara memberi geran untuk mengeluarkan filem.

Jadi secara tidak langsung Tuan Pengerusi, harapan saya bila FINAS hendak bagi bantuan, jangan setakat bagi pada kroni, jangan hanya bagi pada yang cantik. Kita bagilah galakkan FINAS sebagai ketua, mengeluarkan jenis filem yang bagaimana yang paling penting sekali mendapat objektif yang dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi. Dengan itu, Pengerang menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pengerang pun minat jadi bintang filem. Yang Berhormat Bayan Baru.

**6.17 ptg.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sanggup duduk di sini untuk dengar perbincangan kita.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Penyiaran, dan Butiran 01300 – Sistem Penerbitan, dan Siaran Radio di RTM.

Menurut pendedahan Ketua Audit Negara 2012, RTM membelanjakan RM3,810 untuk jam dinding yang hanya berharga lebih kurang RM100 di pasaran yang mana ia menelan sejumlah RM76,200 bagi 20 biji jam dinding. Pada asalnya jam-jam dinding tersebut adalah komponen dikenali sebagai *slave clock* dan ia merupakan sebahagian daripada sistem jam induk yang

dihubungkan dengan satelit untuk membantu penyelarasan masa siaran. Walau bagaimanapun, sistem jam induk ini gagal berfungsi dan sekarang ia hanya tinggal sebagai jam dinding biasa sahaja. Jadi saya minta penerangan, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *failure in terms of* jam-jam ini dan kenapa kita berbelanja begitu tinggi untuk beli jam dinding. Ini daripada *Auditor General Report*.

Juga, kementerian membayar yang *A4 scanner* yang bernilai lebih kurang 200 unit. Kementerian membayar lebih kurang cukup tinggilah, RM14,670 bagi *scanner* berbentuk *A4* dan juga yang saiz *A3* yang hanya bernilai RM1,000 tapi kementerian bayar RM20,000 untuk *scanner*. Jadi saya ingin minta *respond* daripada kementerian.

Okey, untuk FINAS, Butiran 100000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS).

#### ■1820

Hari ini, *Auditor General Report* juga berkata bahawa FINAS tidak *submit* akaun kepada *Auditor General* dan kita minta respons daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan semuanya, pengurusan yang tidak cekap dan sebagainya. Banyak isu yang telah timbul daripada kementerian. Saya tahu bahawa Menteri baru ambil alih. Ini bukan *you* punya tanggungjawab, semasa *you* tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri sebagai ketua dalam kementerian haruslah memberi satu jawapan kepada Parlimen, mengapa ini berlaku dan bagaimana kita boleh mengelakkan segala masalah ini pada masa depan?

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Saya nampak bahawa *total cost* lebih kurang RM375 juta dan tahun lepas kita berbelanja RM200 juta untuk projek jalur lebar tetapi tahun ini tinggal RM50 juta sahaja. Saya rasa jalur lebar cukup penting sebab kita tahu bahawa Malaysia dan Yang Berhormat Menteri pun setuju dengan saya bahawa Korea cukup maju dan ingin kita meningkatkan jalur lebar supaya kita dapat bertanding dengan negara-negara seperti Korea yang dahulunya lebih kurang sama dengan Malaysia sahaja, perkembangan ekonomi, teknologi dan sebagainya.

Akan tetapi sekarang Korea punya *penetration* 97% jalur lebar dan mereka punya jalur lebar bukan kita punya 3G atau *Streamyx* yang selalunya *download* tengok *YouTube* pun tersekat-sekat. Okey, mereka punya *stream* itu sahaja. Apabila *download* dia boleh mencapai *10 MB per second*. Kita punya, saya pun tidak berapa tahu. Mungkin *less than 1 MB per second*. Ini adalah masalah yang kita hadapi, yang *frustration* daripada orang muda di merata-rata. *You* tanya siapa sahaja *Streamyx* atau sekarang ini kita punya *UniFi High Speed Broadband*. *Frustration* di merata-rata tempat tetapi *investment* terhadap jalur lebar menurun. Kita tahu bahawa *telco*, Yang Berhormat Menteri pernah jawab bahawa *telco* kena berbelanja besar dalam infrastruktur mereka apabila mendirikan *telco tower* dan sebagainya.

Saya tahu bahawa peningkatan daripada 3G ke 4G memerlukan *investment* yang cukup tinggi. Saya setuju tetapi masalahnya adalah apabila tiap-tiap bulan kita kena bayar beratus-ratus ringgit untuk kita punya *handphone* dan sebagainya. Akan tetapi dia punya *service* tidak ditingkatkan. Akan tetapi, apabila kita tengok Yang Berhormat Menteri jawab kata mereka tidak



cukup dana untuk melabur tetapi kenapa kita bagi mereka *4G license* atau *3G license* apabila mereka tidak mampu untuk memberi *service*? Baik kita bagi kepada orang lain dengan buka *open tender*.

Akan tetapi apabila kita bagi 3G kontrak, 4G kontrak kepada kroni-kroni tertentu sahaja, bukan kepada *open tender* maka berlakunya isu mereka tidak boleh *deliver*. Satu lagi isu adalah katakan mereka tidak ada duit. Kenapa mereka mempunyai bajet yang begitu besar untuk semua *advertisement*? Di mana-mana tempat kita tengok *billboards* besar, semuanya daripada *telco company*. Beratus-ratus juta mereka boleh belanjakan dalam *advertisement*. Mengapa tidak meningkatkan dia punya *service*?

Saya rasa kena ada satu suruhanjaya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia kena memantau dengan lebih teliti tentang dia punya *delivery*. Kalau tidak kenapa kita kena terus bayar tetapi *service* nya cukup teruk sekali. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tenom. Satu lagi masalah adalah tentang SMS *spam*. Hari-hari kita menerima SMS daripada semua *telco tower* seperti hadiah RM100, "*Be the first to know about hottest deals and latest product offering form Maxis, Hotlink*". "*Maxis reward, get 8 hour coffee of the day for RM1 or RM5.50 of the coffee at San Francisco Coffee*", dan sebagainya.

Ini semua *spam* yang hari-hari apabila kita bermesyuarat di Parlimen tetapi tiba-tiba hendak masuk dan kita *distracted*. Ini adalah sesuatu yang tidak harus berlaku kerana itu adalah *intrusion of our privacy*. Sesiapa sahaja boleh selalu dapat. Saya rasa kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia harus mengambil tindakan tegas terhadap *telco company* yang selalunya membuat SMS *Spam*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru gulung.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, dan juga telefon. Kadang kala kita punya *telco tower* memberi maklumat kita kepada *companies* untuk jual insurans kepada kita. Selalu telefon tanya hendak naikkan taraf, hendak beli insurans ini kah, hendak *joint credit card* dan sebagainya. Ini kena banteras. Saya selalu tidak bagi *handphone number* tetapi nombor saya diketahui oleh syarikat-syarikat dan selalunya telefon bukan-bukan. Saya rasa isu privasi haruslah ditingkatkan. Jalankan tugas dengan lebih baik kerana ini rungutan rakyat, selalu mendapat *spam telephone* daripada pelbagai pihak, okey.

Akhir sekali adalah isu tentang Butiran 110300 – MERS. Bekalan Butiran untuk *Malaysia Emergency Response Services (MERS) 999* telah dipertingkatkan daripada RM50 juta kepada RM71 juta dan juga panggilan kecemasan. Projek Perkhidmatan Panggilan Kecemasan (PPK) mengalami peningkatan yang ketara iaitu mencecah 123.6% bersamaan dengan RM89 juta meningkat dari sejumlah RM70 juta dalam 2013 hingga RM161 juta dalam Bajet 2014.

Dalam Laporan Audit Negara 2012, JPP telah mengesahkan bahawa pembayaran berlebihan bagi Projek MERS 999 iaitu sejumlah RM1.62 juta telah dibayar berbanding dengan RM1.08 juta kos yang dinyatakan asal dalam BQ nya. Jadi, saya ingin minta Menteri jawab

mengapa kita membayar lebih? *To your credit, to the kementerian credit, MERS 999 actually quite okay.* Saya pernah menelefon beberapa kali. Memang mereka mesra, mereka respons dengan baik.

Walau bagaimanapun, ada kelemahan juga kerana menurut Laporan Audit bahawa sebanyak 7.65 juta panggilan atau bersamaan dengan 32.4% panggilan kecemasan yang masuk tetapi tidak dijawab. Saya rasa agak kluatir kerana kalau 7.65 juta orang telefon 999 tetapi tidak dijawab. Kita mungkin ada kebakaran di mana-mana yang tidak diselamatkan. Mungkin *accident* yang mungkin kita boleh selamatkan nyawa anak muda itu, tidak dapat diselamatkan atau sesiapa yang hilang, diculik dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini berlaku. Walaupun saya rasa agak bagus tetapi saya rasa Menteri kena jawab kenapa 32.4% telefon tidak dijawab. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Machang.

**6.29 ptg.**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruangan untuk berucap dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 dan 040000. Butiran 030000 berkenaan dengan liputan isyarat telekomunikasi. Masih terdapat banyak kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mendapat isyarat telekomunikasi.

■1830

Saya hendak bagi satu contoh apa yang berlaku empat tahun lepas di kawasan saya di kawasan Temangan. Berlaku kemalangan maut yang mana seorang pengguna telefon bimbit terpaksa berada di atas rel kereta api untuk mencari isyarat untuk mendapat signal bagi berhubung telefon bimbit. Dalam masa yang sama, beliau tidak menyedari kehadiran kereta api dan akhirnya dilanggar oleh kereta api maut di tempat kejadian dan ini sepatutnya tidak berlaku.

Kita faham syarikat telekomunikasi yang besar seperti *Maxis, Celcom, Digi, U-Mobile* sebenarnya mereka ini mempunyai keuntungan yang besar hasil daripada lesen dan hak yang diberikan oleh kerajaan. Oleh sebab itu, kita minta pihak kementerian, pihak kerajaan agar mengambil satu sikap yang lebih positif di dalam hal agar mereka ini juga memikirkan soal tanggungjawab sosial. Di kawasan saya sendiri pun masih banyak kawasan-kawasan yang tidak mendapat liputan telefon mudah alih ini.

Kedua, yang saya hendak sebutkan di sini ialah Tuan Pengerusi berkenaan dengan Butiran 040000 yang mana ianya berhubung kait dengan isu penyiaran yang berfokus kepada rancangan-rancangan televisyen yang dihidangkan atau disajikan kepada rakyat. Saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Pengerang tadi. Dalam rancangan drama TV tempatan

sekarang ini sebenarnya- menteri baru harap ada pembaharuan akan berlaku. Sebenarnya kalau hendak kira dari segi mutu, mutu memang drama kita outlah tidak ada mutu langsung. Orang hendak tengok drama kita pun tidak ada angin sebenarnya. Apabila buka *channel* kita sama ada TV1 ataupun TV3, TV2 RTM apabila kita tengok ceritanya cerita cinta, cerita hantu macam Yang Berhormat Rantau Panjang sebut tadi betullah. Habis semua jenis hantu keluar, hantu yang tidak pernah kita kenal dalam dunia ini pun keluar dalam cerita itu.

Jadi ini semua Tuan Pengerusi, tahyul semua ini. Saya rasa dari segi ajaran agama sendiri pun tidak menggalakkan benda-benda sebegini. Saya menyokong macam dulu ada Gerak Khas perbanyakkan benda-benda itu drama-drama dalam bentuk itu dan juga drama-drama yang boleh membangkitkan semangat patriotik kepada negara seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Dan juga bagi saya rancangan-rancangan alih suara ini filem-filem yang diimport ini juga sebenarnya boleh dikaji semula. Sebenarnya rancangan-rancangan cerita yang diimport sebenarnya ini pun kadang-kadang sampai 300 episod. Suri-suri rumah yang saya perhati setengahnya itu waktu patut menyediakan makanan untuk suami pun terpaksa tunggu cerita itu. Cerita daripada Latin Amerika sebagainya sebenarnya cerita ini boleh menyebabkan rakyat dan masyarakat berada di dalam keadaan yang berangan-angan. Yang Berhormat Seputeh menggeleng-geleng hendak mencelah kah macam mana, saya bagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya lah kenapa hanya yang isteri sediakan makanan kepada suami. Suami boleh buat sendiri mah...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tidak mengapa itu mungkin akan berlaku pada Yang Berhormat Seputehlah akan berlaku. Jadi Tuan Pengerusi, kalau boleh kita pertingkatkanlah mutu drama yang kita luluskan di peringkat kementerian agar drama-drama ini kalau drama ini bermutu saya rasa syarikat-syarikat pengiklanan- ya Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu tadi Yang Berhormat Seputeh mengesahkan Yang Berhormat Machang ini malas hendak buat sendiri *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Machang, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Pengerang tadi bahawa filem kita ini cinta, hantu, cinta, hantu tapi apakah kita bersetuju menerima kalau kita tengok macam filem *Bollywood* filem-filem Hindustan ini. Dia mempamerkan watak selain daripada cinta ada cerita-cerita watak seorang hero yang berhadapan dengan penindas. Penindas itu ialah daripada orang-orang besar. Termasuk daripada kerajaan, polis umpamanya yang melibatkan penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Saya katakan adakah kita boleh bersetuju bahawa seharusnya juga filem kita juga memaparkan kisah-kisah yang berlaku dalam umpamanya kalau boleh ambil kisah daripada mahkamah...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ambil kisah daripada mahkamah, kan ada banyak-banyak cerita bagaimana orang biasa lawan orang besar dan sebagainya adakah boleh kita bersetuju bahawa filem kita juga harus menuju ke situ untuk membentuk satu sikap yang

lebih berani di kalangan masyarakat dan juga untuk mengisahkan bagaimana filem Hindustan ini mempamerkan soal integriti, soal ketulusan dalam konteks perjuangan.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih, sah Yang Berhormat Pokok Sena minat Amitabh Bachchan. Ini gerenti. Saya setuju tapi sebenarnya boleh dibuat di India di kebanyakan negara tapi di Malaysia ini tidak macam itu. Semua pemimpin kita baik-baik. Pemimpin kita bukan menindas rakyat tetapi pemimpin kita ini ternyata membela rakyat. Macam Yang Berhormat Menteri Telekomunikasi Multimedia sendiri pun saya tahu dia bela rakyat. Nanti dengar dalam penggulungan dia nanti.

Jadi Tuan Pengerusi, antara yang saya hendak sentuh berkaitan di sini ialah berkenaan dengan siaran waktu perdana waktu siaran berita jam 8. Kita dapat perhatikan sebenarnya pada waktu ini kebanyakan masyarakat luar bandar, mereka ini berada di madrasah, di masjid, di musala yang menyebabkan mereka akan terlepas bahan-bahan penyiaran yang penting mesej yang hendak disampaikan oleh kerajaan kepada rakyat kerana mereka akan terlepas pada waktu-waktu puncak *prime time*- waktu perdana begini. Jadi kalaulah ianya didapati, kalau bersesuaian saya ulang di sini maka bolehlah saya rasa pihak kementerian untuk mengkaji kerana mereka ini terlepas, surat khabar tidak baca orang kampung. Internet hendak buka pun tidak tahu, kawasan tidak ada liputan pun.

Jadi apa mesej yang hendak disampaikan oleh kerajaan seperti waktu berita kerajaan ada menyelitkan di situ penerangan tentang GST. Ini patut difahami oleh orang kampung, yang dia tidak faham. Jangan duduk dengar ceramah sahaja. Akhirnya yang ceramah itu betul yang TV tidak betul. Maka saya rasa perlu difikirkan dan juga perlu diselitkan perkara-perkara yang terbaru seperti dasar-dasar kerajaan dibawa Pelan Pembangunan Pendidikan (PPP) juga perlu dimuatkan di dalam berita-berita ataupun rancangan-rancangan khusus agar rakyat faham kerana PPP ini ia melibatkan seluruh rakyat dan masyarakat Tuan Pengerusi.

Contohnya ibu bapa dan juga murid-murid sendiri ada yang masih tidak faham tentang apakah dasar sebenarnya tujuan dan matlamat kerajaan terhadap PPP ini. Jadi televisyen adalah merupakan saluran yang tepat untuk memberikan penerangan kepada rakyat dan juga masyarakat keseluruhannya. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh.

**6.38 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih. Saya hendak rujuk kepada Butiran 020000 - Penerangan, dan juga 040000 - Penyiaran.

Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan satu masalah yang selalu dihadapi oleh kerajaan tempatan dan juga wakil rakyat di kawasan bandar itu tentang *telco tower*. Penduduk kita percaya bahawa *telco tower* itu yang semua yang kita dekatkan ia akan keluaran radioaktif dan menjejaskan kesihatan penduduk berdekatan persekitaran. Kita tahu kalau apa-apa radioaktif kah

ia akan sebenarnya adalah dari *tower* ke *tower* dan tidak akan menjejaskan atau mengadakan *impact* yang serius kepada penduduk yang begitu jauh dan begitu bawah.

Pada tahun lepas saya terima satu jemputan daripada pihak kementerian yang jemput wakil rakyat dan juga NGO pergi menghadiri satu taklimat tentang *telco tower*. Akan tetapi, yang jemputan itu hanya untuk segelintir penduduk ataupun wakil yang terhad sahaja...

■1840

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Pandangan saya ialah saya tidak tahu kenapakah kementerian ataupun sekurang-kurangnya galakkan yang *telco* kita, syarikat telekom kita ini yang mereka harus kumpulkan dan buatlah iklan, disiarkan dalam televisyen ataupun mungkin dalam pawagam bahawa yang *telco tower* ini sebenarnya daripada segi *science theory*, ia sebenarnya tidak akan menjejaskan kesihatan penduduk. Sekarang masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan macam di PJ, Subang Jaya, Kuala Lumpur dan banyak tempat ialah bila *telco tower* ditegakkan, penduduk di sana buat bising dan menghendaki ia dijatuhkan. Kalau ia dijatuhkan, kawasan itu tidak ada *line*. Tidak boleh masuk *internet* dan juga *mobile phone* yang di kawasan persekitaran itu, tidak ada *signal*. Sekarang ialah masalah...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Seputeh, mencelah sedikit Yang Berhormat Sungai Petani.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Setujukah Yang Berhormat Seputeh dengan pandangan saya bahawa, sebelum sesuatu *tower* itu naik, kerajaan boleh mencadangkan supaya persetujuan penduduk-penduduk sekitar itu ataupun paling tidak pun konsultasi berlaku. Ini kerana kadang-kadang seperti Yang Berhormat Seputeh kata, apabila *tower* sudah naik, baru penduduk kompelin, dan akhirnya ia menimbulkan masalah dan ada juga pihak khususnya *telco company* yang terpaksa turunkan dan ini menimbulkan masalah. Apa kata kalau kita minta penduduk-penduduk di sekitar itu paling tidak pun *diconsultkan* dahulu, sama ada mereka bersetuju atau tidak untuk naikkan *telco tower* di kawasan mereka. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih. Sebenarnya, kebanyakan penduduk tidak akan bersetuju. Ini adalah pengalaman kami di kawasan bandar. Di mana-mana tempat pun, apabila mereka mendapati ada *telco tower*, mereka akan buat bising dan menghendaki ia diruntuhkan. Selalunya, dalam *agreement* di antara kerajaan tempatan dan pihak *telco* ialah, kalau penduduk bising tidak bersetuju, ia akan diruntuhkan. Jadi, kalau diruntuhkan, kawasan itu tidak ada *line*. Ini adalah masalah, kita selalu *get caught*.

Saya sebenarnya ada satu cadangan, dalam perbincangan dalam Kementerian Jalan Raya, kalau kita buat di tengah-tengah jalan, macam lampu jalan di sepanjang *let say, Federal Highway*, kita lihat ia akan menghasilkan *signal* bagi pengguna *mobile phone* tetapi impaknya kepada penduduk ataupun kawasan kediaman tidak begitu serius. Ia boleh diadakan pada atas lampu jalan dan dengan ada mungkin reka bentuk yang aneh macam di Putrajaya, kita lihat ada banyak lampu jalan yang beraneka corak. Jadi, kalau di tempat macam itu, mungkin penduduk tidak akan buat

bising yang begitu banyak daripada kalau kita letak dalam kawasan taman ataupun kawasan yang terlalu dekat dengan kawasan kediaman. Bagi JKR, mereka juga boleh dapat sewa daripada syarikat *telco*.

Jadi cadangan saya ialah, kementerian harus mengkaji isu ini macam mana kita boleh *balance*, seimbangkan dengan *noise* yang dibuat oleh penduduk yang menolak *telco tower* dan juga keperluan bagi masyarakat setempat kerana kita semua pakai *mobile phone* dan kita perlu ada *signal*.

Kalau Kementerian Kesihatan boleh mengadakan pelbagai iklan seperti katakan yang merokok itu tidak baik, mereka ada "*Tak Na*". Ada banyak iklan dan beri orang pilih cara mana mati lebih bagus bagi mereka, jadi mereka pilih yang *cigarette*, rokok yang itu. Banyak pendidikan kesedaran diadakan. Jadi, dalam aspek ini, kita lihat ia akan- kalau kita hendak maju, menjadi sebuah masyarakat *4G community*, *5G community*, kita perlu ada servis ini. Akan tetapi saya rasa, pendidikan kesedaran dan pengiklanan itu haruslah juga dilakukan oleh pihak kementerian kepada penduduk dan masyarakat khususnya di kawasan bandar.

Di sini saya juga hendak memperjuangkan rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak. Saya pergi ke Kota Kinabalu- Hah! Kawasan Timbalan Speaker, di hotel...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kawasan DAP itu. Kawasan DAP itu Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Reception* begitu puas, masuk *internet* susah sangat, kena tunggu lama. Jadi, macam mana kalau kita hendak menyebarkan maklumat dan pengetahuan untuk orang-orang di Sabah dan juga Sarawak malah, bandar pun juga macam ini tahu. Saya rasa... [Disampuk] Saya rasa rakan-rakan kita dari Sabah, Sarawak, haruslah perjuangkan isu ini kerana saya rasa *reception* di banyak tempat, dan termasuk juga kawasan bandar Sabah dan Sarawak adalah amat tidak memuaskan dan berharap ini dipertingkatkan. Saya percaya Timbalan Speaker setuju pada saya.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya tadi ada banyak isu tentang filem hantu ini semua disebut. Saya juga hendak tanya tentang filem, apakah kriteria bila kita mengharamkan sesuatu filem yang khususnya buatan Malaysia ini? Kita lihat filem *Tanda Putera*, kita ada FINAS, gunakan duit rakyat pergi buat satu filem yang menghasut, menegangkan hubungan di antara kaum dan selepas itu, kementerian pergi melarang satu filem lain yang kita kata, "Oh! Ada unsur Komunis". Itu *The New Village* diharamkan. Saya rasa, apakah kriteria kita? Satu ialah gunakan duit rakyat, pergi tayang di seluruh negara, tidak ada orang mahu menonton juga. Selepas itu PERKASA kata, "Oh! Tayang melalui RTM, TV3 semua orang menonton, memaksa orang menonton".

Soalnya ialah, adakah orang berminat? Ini adalah duit kerajaan. Kalau itu duit syarikat swasta, saya tidak buat bising tetapi kalau ia dikeluarkan oleh FINAS, kita hendak tanya, apakah kriteria, apakah ini yang digalakkan oleh kerajaan yang menggunakan dan melaungkan slogan 1Malaysia ini dan menayangkan babak yang tidak membayangkan kebenaran sejarah, yang mana akhirnya pengarah filem itu juga mengakui bahawa ada babak-babak berkenaan sebenarnya ia

adalah dibuatkan, dan juga memohon maaf. Saya rasa pihak kementerian ini haruslah konsisten daripada segi dasar bagi FINAS untuk mengeluarkan filem tempatan.

Saya juga hendak tanya, yang pihak kementerian kata yang *The New Village*, filem yang telah pun digantung, tidak boleh ditayangkan itu, adakah kementerian telah pun melalui satu proses semakan pada filem itu? Adakah filem itu sudah pun melepasi standard yang dikehendaki oleh pihak kementerian dan akan ditayangkan?...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sekian... Okey, okey.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Pendek sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh, terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang Lembaga Penapisan Filem. Sebenarnya dalam negara kita ada Jawatankuasa Lembaga Penapisan Filem tetapi apabila berlakunya filem-filem yang tak sepatutnya, sebagaimana banyak Ahli Yang Berhormat bahaskan, kenapa berlaku sebenarnya? Adakah ahli-ahli yang dipilih menganggotai jawatankuasa ini yang kurang kewibawaan ataupun kurang pemantauan daripada pihak kementerian, menyebabkan filem-filem yang ditapis ini filem-filem yang tidak berkualiti? Minta penjelasan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya memasukkan pertanyaan ini sebagai sebahagian daripada ucapan saya, dan minta Yang Berhormat Menteri beri jawapan kepada Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini ucapan saya... *[Disampuk]* Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebenarnya tadi Yang Berhormat Seputeh sudah habis dah itu. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

**6.49 ptg.**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 100000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS).

Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian melalui jabatan tertentu yang bertanggungjawab supaya mengawal dengan tidak membenarkan penyiaran filem-filem yang mempunyai keganasan yang melampau. Saya fikir penyekatan yang lebih diperlukan terhadap filem-filem di luar negara terutamanya yang mana unsur keganasan melampau yang terdapat dalam filem-filem ini sehingga mempunyai kesan negatif kepada masyarakat. Hal sedemikian kerana ramai anak muda terpengaruh dengan adegan-adegan filem yang mempunyai unsur keganasan. Sebagai contoh, pergaduhan geng, berlawan menggunakan parang, penggunaan pistol, membawa kenderaan secara melulu dan sebagainya. Ini adalah merupakan antara faktor yang mempengaruhi minda segelintir remaja yang terlibat sebagai ahli kumpulan atau geng untuk

mengikut misalnya watak-watak filem dan berangan-angan untuk menjadi hero di dunia yang sebenar.

■1850

Saya juga ingin mencadangkan supaya pengetatan yang sama digunakan terhadap filem-filem yang menyentuh sebarang sensitiviti masyarakat yang merangkumi soal agama. Ini kerana Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang agama. Tidak dinafikan juga pihak kementerian sentiasa memantau filem-filem yang ditayangkan, namun saya berharap kaedah pemantauan dapat diperketat supaya penyiaran filem-filem yang mempunyai sebarang unsur yang akan memberikan impak negatif kepada masyarakat tidak harus dibenarkan sama sekali di mana sijil tidak harus dikeluarkan oleh kementerian untuk filem-filem sebegini. Kementerian harus mempunyai *zero tolerance* dalam hal ini kerana ia membawa kemudaratan yang besar kepada rakyat.

Di sini juga saya ingin mencadangkan sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Pengerang mengenai filem-filem yang berkaitan tentang patriotisme. Saya melihat perlunya wujud dana yang khusus dan berlebihan untuk memperbanyakkan geran menghasilkan filem-filem patriotik. Ini saya lihat merupakan satu perkara yang agak kurang dalam negara kita kerana sepatutnya kementerian harus perbanyakkan lagi filem-filem yang bercorak patriotik supaya ia akan memberikan semangat patriotisme kepada generasi muda terutamanya di negara kita.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 050400 – Penerbitan Dasar Negara. Di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkan untuk menyediakan buku poket dasar kerajaan dalam bahasa Inggeris dengan izin, *pocket book of national policies* untuk diberikan kepada rakyat. Buku ini harus mengandungi ringkasan dasar-dasar kerajaan terkini yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan sehingga yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan melalui pelbagai kementerian untuk kebaikan rakyat. Sebagai contohnya, bagaimana seorang rakyat atau generasi muda yang ingin memperoleh Perumahan Rakyat 1Malaysia. Bagaimana untuk mendapatkan geran-geran terutama sekali dalam membina kegiatan usahawan di kalangan mereka. Saya berpendapat bahawa kebanyakan dasar-dasar unggul kerajaan kadang-kadang tidak diketahui dan difahami secara rohnya oleh rakyat. Sebarang dasar kerajaan haruslah menjadi pengetahuan am atau *general knowledge* dengan izin, untuk rakyat. Namun keadaan ini tidak benar kerana dasar pada kebanyakannya hanya berada pada peringkat atasan sahaja.

Saya juga ingin mencadangkan juga buku poket ini harus diedarkan kepada rakyat terus melalui jabatan penerangan negeri masing-masing dan pemberian buku poket ini akan membolehkan rakyat lebih menghargai usaha-usaha kerajaan yang dilakukan melalui pelbagai dasar.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk pula kepada Butiran 050500 – Komunikasi Visual dan Seni Reka. Di sini saya ingin mencadangkan supaya dasar-dasar kerajaan serta statistik utama terpilih disiarkan di televisyen pada waktu perdana ataupun *prime time*. Kerajaan juga harus



menyiarkan semua dasar kerajaan serta statistik utama terpilih dari semasa ke semasa supaya lebih banyak rakyat yang mengetahui dan memahami dasar kerajaan dengan lebih baik serta mengetahui juga statistik-statistik utama yang terpilih supaya rakyat lebih peka dengan keadaan semasa serta dengan izin, *well inform*.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 110000 – Program Khusus. Saya ingin mencadangkan bahawa mungkin sudah tiba masanya untuk kita menjalankan kursus formal untuk menggalakkan penggunaan *internet* yang selamat dan betul. Saya berpendapat bahawa penggunaan *internet* secara tidak bertanggungjawab membawa kepada banyak permasalahan terutamanya kepada golongan kanak-kanak dan remaja di mana pada masa kini tiada pengajaran formal mengenai penggunaan *internet* yang betul. Selaras dengan agenda kerajaan ke arah k-ekonomi, maka adalah juga wajar untuk pihak kementerian menggalakkan penggunaan *internet* secara selamat dan betul dalam kalangan penggunanya. Sijil boleh diberikan kepada mereka yang menghadiri kursus penggunaan Internet ini untuk mengesahkan mereka melalui kursus penggunaan *internet* serta memahami cara penggunaan *internet* yang selamat dan betul. Kursus ini harus dijadikan kursus wajib kepada pelajar di bangku sekolah kerana kebanyakan kanak-kanak menggunakan *internet* secara aktif pada masa kini dan wajar untuk memberikan pengajaran mengenai penggunaan yang betul untuk mengelakkan sebarang bentuk penyalahgunaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**6.55ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan tentang Butiran 040000 dan 050000 berkaitan dengan penyiaran dan penerangan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengambil portfolio baru ini dan dengan adanya Yang Berhormat Menteri yang baru ini, saya berharap akan ada satu perubahan dari segi liberalisasi di dalam sistem komunikasi ini khususnya berkaitan dengan penyiaran ini. Saya rasa Yang Berhormat Menteri yang baru ini sepatutnya lebih mudah untuk memahami tentang keperluan adanya media yang juga dikuasai oleh pihak Pakatan Rakyat sebab seperti mana yang dikatakan oleh Geoffrey Robertson QC dalam bukunya "*The Justice Game*". Dia mengatakan pengalamannya sebagai seorang peguam *human rights* lebih mudah untuk dia mendapatkan keadilan di *European Human Rights Court*, Mahkamah Hak Asasi manusia di Eropah. Dia mengatakan kebanyakan hakim-hakim di Eropah itu adalah hakim-hakim di negara-negara blok *Soviet* ini, di mana dia mengatakan hakim-hakim ini apabila mendengar kes-kes yang berkaitan dengan *human rights*, mereka lebih mudah untuk *appreciate argument* itu kerana mereka telah hidup di dalam keadaan di mana *human rights* dinafikan.

Jadi saya hendak mengambil perkara yang sama, saya rasa Yang Berhormat Menteri pernah berada di dalam pembangkang, dalam 46 dahulu. Semasa dia berada sebagai pensyarah

Sains Politik pun, saya biasa mendengar ceramah, forum-forum dan juga kritikal kepada kerajaan. Jadi saya rasa apabila beliau mempunyai pengalaman dalam pembangkang, ia sepatutnya memantangkan beliau untuk melihat lebih mudah memahami tentang ketidaksamaan dari segi demokrasi ini.

Saya mengharapkan kalau sudah sampai masanya bidang penyiaran ini diberikan juga kepada Pakatan Rakyat untuk kita *operate our own TV station*. Kalau tidak membenarkan Pakatan Rakyat pun, benarkan Kerajaan Negeri Selangor ataupun kerajaan di negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat untuk dibenarkan ada- supaya kita tidak perlu ceramah. Tadi kata Yang Berhormat Tanah Merah, hendak pukul lapan dia kata, hendak bagi penerangan. Orang tidak pergi dalam TV, orang dengar ceramah. Ini kerana orang tidak mahu pergi, tidak mahu dengar TV ataupun pukul lapan dengar berita dan sebagainya sebab mereka tahu itu bukan berita, itu propaganda. Betul tidak?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Ini propaganda. Kalau ada pilihan raya kecil, kalau Buletin Utama dari jam lapan hingga jam lapan setengah, jam lapan hingga jam lapan suku dia asyik membantai Pakatan Rakyat. Maknanya dia bukan lagi menyampaikan berita, ia adalah tempat di mana propaganda dilakukan. Oleh sebab itulah orang pun meluat melihat RTM dan TV3. Saya rasa sudah sampai masanya, hatta...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Relakslah Yang Berhormat Arau. Ini bukan melibatkan Yang Berhormat Arau.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Machang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak bagi?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ah! Mana? Oh Yang Berhormat Machang, sila-silakan, sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, peringkat Jawatankuasa ini kurang politik sedikit boleh tidak Yang Berhormat? Terus kepada butiran.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini butiran, butiran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya yang sampingan politik tidak apalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu hendak mencantikkan lagi *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Saya sentuh sedikit. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang berkenaan dengan Yang Berhormat Sepang katakan bahawasanya propaganda. Sebenarnya apa yang saya suarakan tadi ialah permintaan daripada rakyat di kawasan saya. Kalau ia berbentuk propaganda apa yang disiarkan oleh RTM dan juga TV3, maka saya rasa di kawasan Machang itu kita tidak dapat balik daripada PKR, Barisan Nasional yang menang. Maka ini jelas bahawasanya pandangan rakyat yang saya bawa di sini.

Kalau di Sepang saya tidak tahulah. Mungkin Yang Berhormat Sepang sudah berjaya mengharubirukan otak rakyat. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Oleh sebab itulah di Sepang, oleh sebab penduduknya tidak makan propaganda, kita menang. Walaupun tempat kubu kuat Barisan Nasional, kita menang [*Tepuk*] Di Machang itu, sedikit sebanyak orang kampung termakan dengan propaganda itu. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Machang dapat berada di dalam Parlimen ini.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Bekas Setiausaha Agung PKR duduk di situ tahu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada ...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Lari, lari.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Saya teruskan. Saya rasa kalau kita lihat hatta negara *Maldives*, negara yang mungkin dari segi kedudukan ekonomi dan sebagainya mereka lebih ke belakang daripada kita.

#### ■1900

Akan tetapi dibenarkan parti pembangkang antaranya untuk mengadakan ataupun mempunyai stesen TV sendiri iaitu *Raj Television Network* yang mereka ini menyokong parti pembangkang iaitu *Maldivian Democratic Party*. Hatta di negeri Kazakhstan adanya stesen TV yang dikendalikan oleh pembangkang iaitu K Plus. Hatta Venezuela negeri yang dilihat macam sosialis tetapi juga membenarkan *Global Vision*, sebuah syarikat yang ada hubungan dengan pembangkang untuk *operate* stesen televisyen.

Ini menunjukkan bahawa saya rasa sekiranya kita boleh membenarkan liberalisasi ini, saya percaya tidak perlulah kita pembangkang semua ini mengadakan ceramah-ceramah pada waktu malam. Biarlah, kita bagi peluang biar rakyat menilai. Kalau rakyat rasa tidak puas hati, mereka hendak dengar RTM, mereka dengar. Kalau mereka hendak dengar siaran TV Pakatan Rakyat mereka boleh. Maka mereka boleh menimbang mana yang betul. Bukankah itu lebih baik. Kita jadi contoh kepada negara-negara yang mungkin Negara Dunia Ketiga kita dilihat lebih maju untuk ini. Itu yang...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Boleh mencelah? Yang Berhormat Batu Pahat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, hendak beri Yang Berhormat Batu Pahat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Batu Pahat? Boleh, sedikit.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Sepang. Bagaimana kalau kita mencadangkan supaya media pemerintah ini TV, radio dan lain-lain ini dia membangunkan potensi rakyat. Oleh kerana saya sedang baca banyak tentang pembangunan masyarakat yang hendak dibuat dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini mencadangkan membangun potensi rakyat,

potensi umat. Antara potensi utama manusia itu yang disebutkan oleh Al-Quran Nur Karim ialah keupayaan rakyat, manusia membuat pilihan.

Jadi kalau TV mendidik dan membangun keupayaan membuat pilihan ini, saya fikir TV di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri muda yang baru ini dapat mengarahkan masyarakat berupaya membuat pilihan dan *insya-Allah* mereka nanti akan tahu mana yang hendak pilih. Tidak payah dipropagandakan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Pahat. Saya ambil ucapan itu sebahagian daripada ucapan saya. Saya juga minta kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri supaya kita- saya hendak beri contoh tadi, kalau macam hari-hari perayaan hatta pernah bekas Menteri Besar Kelantan yang asalnya minta kebenaran untuk beliau mengucapkan Selamat Hari Raya dalam siaran radio Kelantan itu pun tidak dibenarkan. Jadi kita mengharapkan supaya adanya perubahan. Saya percaya perubahan ini tidak akan menjatuhkan lagi imej Barisan Nasional malahan menaikkan imej Barisan Nasional bahawa Barisan Nasional memang bersedia untuk *embrace* perubahan ini. Jadi saya harap perkara ini perlu mendapat perhatian serius daripada pihak Yang Berhormat Menteri yang baru ini.

Seterusnya berkaitan dengan data peribadi. Saya ingin mendapatkan maklumat daripada Yang Berhormat Menteri. Berapakah kes-kes yang melibatkan pelanggaran Akta Pelindungan Peribadi ini telah dibawa ke mahkamah? Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah telah kerajaan, pihak kementerian telah lakukan untuk mewujudkan kesedaran terhadap peranan akta ini? Saya rasa ramai lagi yang tidak mengetahui tentang bahawa mereka mempunyai hak untuk tidak dengan izin di*invaded* dia punya privasi ini. Seperti mana yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Bayan Baru mengatakan tentang pihak-pihak *telco* ini yang beliau menyifatkan sebagai *intrusion*, dengan izin, *private life*. Saya rasa ini perkara yang ada kaitan dengan Akta Pelindungan Data Peribadi ini.

Saya dulu memahami apabila ada satu kes yang melibatkan CTOS sebagai contoh dan saya difahamkan bahawa akta itu dipinda antaranya untuk melindungi pengguna-pengguna yang mereka ini disimpan maklumat mereka oleh CTOS walaupun CTOS mengatakan mereka mengambil maklumat daripada *public domain*, dengan izin. Akan tetapi banyak juga maklumat-maklumat ini telah digunakan yang tidak di*update*kan. Sebagai contoh apabila dalam surat khabar menyatakan adanya *bankruptcy notice* telah difailkan ke atas individu. CTOS mengambil maklumat itu dan masukkan data. Apabila pihak bank sebagai *consumer* dia, sebagai *client* dia mengambil maklumat itu, maka mereka gunakan. Akhirnya orang ini tidak dapat pinjam. Dianggap telah di *blacklist* kerana dianggap adanya bankrap.

Jadi yang masalahnya saya tengok sebab saya ada pengalaman. Saya terpaksa nyatakan saya punya kepentingan apabila kita saman ini, pihak CTOS mengatakan bahawa, "*Oh, bukan. It is not our duty untuk update benda ini.*" Jadi kita harap perkara-perkara ini- soalan saya adakah perkhidmatan CTOS ini termasuk dalam bidang kuasa ataupun dalam *per view*, dengan izin, akta

ini. Jadi saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan berkaitan dengan isu ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terakhir berkaitan dengan FINAS tadi. Saya telah dengar ramai daripada Ahli Parlimen telah membangkitkan hal itu. Cuma saya ingin melihat kepada perfileman negara ini. Kita mungkin boleh ambil contoh industri perfileman negara Iran. Walaupun dia mewakili sebuah negara Islam dan filem setelah berlaku revolusi di Iran, kita lihat sektor perfileman tidak di hentikan, malahan digalakkan. Cuma perubahannya ialah dalam sektor perfileman itu mereka ada *guidelines* yang terpaksa pengeluar filem ikut.

Kalau kita lihat dalam filem-filem yang banyak memenangi *award* di peringkat antarabangsa. Kadang-kadang filem dia *simple* berkaitan dengan kasut budak sekolah sahaja - tentang dia bertarung untuk beli kasut. Akan tetapi filem begitu mendapat sambutan dan mendapat *award* di peringkat antarabangsa. Filem kita saya tidak pasti adakah pihak-pihak juri di peringkat antarabangsa kalau tengok filem hantu negara kita ini, mereka hendak bagi *award*.

Macam betullah hantu kalau tengok dalam senarai koleksi senarai hantu Malaysia ini memang hebatlah. Mungkin agaknya mereka tengok perangai ahli politik ini banyak macam hantu-hantu sebab itu mereka buat filem, filem-filem hantu juga. Agaknyalah, *wallahualam*. [Ketawa] Jangan marah. Kena *provoke* sikit pun marah? *Relax* dulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Sepang sikit. Pendek sahaja Sepang. Boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Silakan Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya ada dua perkara hendak tanya pandangan Yang Berhormat Sepang. Tadi Yang Berhormat Batu Pahat cakap fasal untuk memilih. Ini lain untuk media tadi. Sebelum ini kita dengar demokrasi. Yang Berhormat Rantau Panjang minta kawalan supaya dikawal tadi. Yang Berhormat Sepang cakap tadi liberalisasi tadi. Mungkin boleh dicerahkan sedikit. Mana satu kita hendak pegang ini.

Keduanya fasal filem tadi saya tertarik. Sebenarnya plot dan mesej yang jelas. Kita ada banyak contohnya *Life of Pi*. Selepas itu *special* grafik yang dibuat oleh anak-anak tempatan. Kita ada Pinewood Studio contohnya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Sepang kalau boleh kita ketengahkan kemahiran ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya minta supaya soalan-soalan itu dijawab oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Cumanya saya sebagai penggulungan Tuan Pengerusi. Saya rasa tentang filem tadi kadang-kadang kita merasa hairan walaupun filem P. Ramlee, filem yang *simple* tetapi sampai sekarang orang meminati. Dia merentasi kaum, orang-orang Cina pun minat dengan filem dan merentasi umur...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat. Saya hendak tanya fasal maksud liberalisasi tadi. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Maksud liberalisasi tadi ialah saya minta supaya kerajaan membuka ruang untuk juga mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan kerajaan diberi kelebaran untuk *operate* stesen TV ini. Itu saya minta oleh kerana RTM ini dia adalah mewakili kerajaan yang memerintah. Apa salahnya pihak pembangkang, pihak Pakatan Rakyat ataupun kerajaan-kerajaan yang ditadbir di bawah Pakatan Rakyat dibenarkan untuk *operate* TV atau radio masing-masing.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Berkaitan dengan tadi filem P. Ramlee tadi. Saya difahamkan filem P. Ramlee juga pernah ada pelakon-pelakon Malaysia yang mendapat award di peringkat Asia melalui filem-filem lama itu. Hatta saya pernah baca Almarhum Ibrahim Pendek pernah dinobatkan sebagai salah seorang pelakon yang lawak di peringkat Asia. Jadi maknanya sesuatu filem tidak semestinya menelan belanja yang banyak baru mempunyai kualiti. Jadi saya mengharapkan – oleh sebab itu saya setuju dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Tadi biarlah filem ini betul-betul *reflect* apa yang berlaku dalam *society*.

#### ■1910

Walaupun Yang Berhormat Machang tadi mengatakan sebab negara kita ini tiada pemimpin yang *corrupt, come onlah*. Janganlah *insult our intelligent*. Memang ada berlaku. Apa salahnya filem-filem itu juga dijadikan filem? Saya kluatir pengeluar-pengeluar filem, penerbit-penerbit filem, pengarah filem, mereka mungkin mempunyai keinginan untuk buat filem-filem seperti itu yang kritikal tetapi mereka takut filem begitu tidak akan dapat disiarkan, akan  *banned* dan sebagainya.

Jadi, mereka akan hilang motivasi mereka untuk membuat filem-filem seperti itu. Oleh sebab itulah, akhirnya mereka kata, filem ikut kehendak orang ramai. Orang hendak hantu, kita buat filem hantu. Orang hendak ini, kita buat ini. Oleh sebab itu mereka tidak berani membuat filem-filem yang dirasakan lebih kritikal kerana mereka merasakan dengan kerajaan yang ada, mungkin filem-filem seperti itu tidak akan dapat ditayangkan. Jadi, mereka akan mengalami kerugian.

Oleh sebab itulah, saya rasa dari segi hal ini, Bollywood walaupun kita tidak setuju dari satu segi yang lain tetapi filem-filemnya, *Inspektor Saahab* mesti jahat. *Inspektor Saahab* jahat, *Inspektor Saahab* mesti dapat arahan daripada Menteri. Menteri lawan dengan- jadi, kita pun seronok tengok. Kadang-kadang ada satu filem itu, dia cabar, seorang wartawan cabar- dia tanya soalan kepada Menteri. Selepas itu Menteri kata, *you* jadi seorang Menteri Besar satu hari. Jadi Menteri Besar satu hari, dia buat perubahan. Ini contoh-contoh filem yang orang tengok menarik. Jadi, filem-filem kita...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Peminat Shah Rukh Khan kah itu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya?

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Peminat Shah Rukh Khan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minat tidak minat itu soal lainlah. Akan tetapi kita sebagai Ahli Parlimen kena ambil tahu semua benda itu. Jadi, saya rasa itu yang saya ingin supaya liberalisasi itu berlaku juga dalam penayangan filem-filem. Supaya kita punya pengeluar filem, pengarah yang berbakat ini, mereka dibenarkan untuk ekspres diri mereka, supaya mereka dapat menceritakan apa yang berlaku dalam masyarakat. Tidak dihalang dengan ketakutan-ketakutan. Kalau mereka menyiarkan filem seperti ini, filem ini akan *dibanned* dan sebagainya. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak boleh panggil semua yang bangun ini Yang Berhormat. Mungkin seorang dua lagi, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya panggil Yang Berhormat Kanowit.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Selepas Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Kulai. Selepas itu Yang Berhormat Menteri bolehlah jawab ya. Ya.

#### 7.12 mlm.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada satu butiran sahaja untuk dibahaskan pada peringkat Jawatankuasa iaitu Butiran 94000 - NKEA. Memang kita ketahui bahawa kemudahan komunikasi adalah satu daripada projek di bawah NKEA di mana hasrat kerajaan adalah untuk merapatkan jurang liputan *internet* dan telekomunikasi di antara kawasan yang belum ada, kawasan pendalaman ataupun kawasan luar bandar dengan bandar.

Di kawasan Parlimen Kanowit memang kawasan luar bandar. Banyak kawasan belum dapat kemudahan infrastruktur ataupun *communication infrastructure*. Jadi, dengan itu saya menyeru kepada kementerian untuk melihat di kawasan-kawasan bukan sahaja di Kanowit saya ingat, mungkin di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak untuk ianya dibina *communication tower* supaya kawasan ini dapat liputan telefon dan seterusnya *internet*.

Kita mendengar dalam dua tahun yang lalu, ramai mereka yang telah pun senang hati dengan beberapa kemudahan yang telah sampai ke kawasan mereka walaupun jalan belum ada tetapi liputan telefon sudah ada. Itu memberi banyak kemudahan kepada mereka yang jauh daripada bandar-bandar. Di kawasan saya di Kanowit ini mungkin beberapa buah sekolah belum ada lagi mendapat liputan telefon. Saya harap pihak kementerian akan melihat perkara ini di kawasan pendalaman di Kanowit.

Kedua, dalam butiran yang sama adalah mereka...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Kanowit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh? Tumpang sedikit ya?

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Ya, sedikit sahaja.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak dapat peluang bahas. Akan tetapi saya ingin tanya Yang Berhormat Kanowit, apakah Yang Berhormat Kanowit bersetuju dengan saya bahawa selain daripada soal *penetration broadband* dan sebagainya, kita juga sekarang ini berhadapan dengan satu keadaan ataupun cabaran yang hebat iaitu soal pengintipan, perisikan.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Kanowit, apakah bersetuju untuk kita sama-sama tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah ada usaha untuk memperkasa soal *telecommunication* dan *information technology* dalam usaha kita untuk memastikan agar di masa-masa akan datang ada satu *prevention* untuk menghalang mana-mana negara daripada membuat pengintipan terhadap telekomunikasi di dalam negara kita. Terima kasih.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih. Ucapan itu akan jadi satu daripada soalan untuk dijawab oleh kementerian. Saya terus kepada apa yang ingin saya utarakan di sini adalah di mana banyak daripada rumah-rumah panjang sekarang, mereka mohon untuk mendapatkan projek-projek kampung *WiFi* tanpa ada *wireless*, *WiFi* untuk *internet access*. Oleh sebab sekarang walaupun sudah banyak dibekalkan kepada rumah-rumah panjang tetapi banyak lagi yang memohon supaya mereka juga dapat perkhidmatan *internet access through this WiFi system*.

Seterusnya, kalau kita melihat dalam beberapa hari yang lepas. Kita telah pun melihat di surat khabar bahawa ada di kalangan *telco* yang mungkin tidak memberi perkhidmatan yang sepatutnya. Kalau dikatakan dalam kemudahan yang diberi, dia katakan 3G tetapi *speed* yang kita dapati adalah kurang daripada 3G, 2G dan sebagainya. Jadi, itu satu. Kedua, kalau kita melihat di negara-negara yang sudah maju, kalau US jangan cakap lagi. Di US kita mendengar sekarang mereka menggunakan *100 MB per second internet access*.

Akan tetapi di Malaysia ini mungkin dikatakan 10 MB pun mungkin dalam sesetengah kawasan, di bandar yang dapat tetapi di kawasan pendalaman memang tidak dapat. Jadi, saya mengharap kementerian untuk melihat perkara ini supaya kita juga tidak terlalu ketinggalan dalam segi *speed of internet access* atau *broadband* di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai.

**7.17 mlm.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi untuk memberi saya peluang untuk berbahas dalam kementerian ini. Saya hendak sentuh Butiran 100000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Saya rasa kebelakangan ini ataupun sejak Julai tahun 2011, kerajaan kita telah tukar syarat-syarat untuk mendapat insentif tayangan filem cereka (ITFC).



Jadi, di bawah insentif ini, sekarang semua filem buatan tempatan, tidak kiralah filem ini dalam bahasa Cina kah, Melayu kah atau Tamil kah ataupun Inggeris, semua boleh dapat insentif di bawah skim ini. Saya rasa ini adalah satu insentif yang cukup baik. Jadi, saya hendak tanya di sini, bolehkan saya dapat senarai itu sejak Julai tahun 2011 sehingga September tahun ini. Berapa banyak filem yang sudah dapat insentif di bawah ITFC ini dan jumlah yang mereka dapat. Sekiranya Yang Berhormat Menteri tidak ada butiran dalam hari ini, tidak apa. Saya harap boleh dapatlah sekurang-kurangnya jawapan bertulis.

Selain daripada itu, saya pun dapat maklumat daripada laman web FINAS. Ini menunjukkan bahawa pada tahun 2010, purata kos produksi pada masa itu adalah lebih kurang RM1.42 juta. Purata kutipan pada tahun yang sama adalah sebanyak RM2.2 juta. Untuk tahun 2011 juga, purata kos produksi adalah RM1.44 juta dan purata kutipan adalah sebanyak RM2.58 juta. Ini bermaksud bahawa untuk filem-filem buatan tempatan pada tahun 2010 dan juga tahun 2011, mereka boleh dapat keuntungan.

Akan tetapi kalau kita melihat pada tahun 2012, purata kos produksi adalah meningkat sedikit menjadi RM1.65 juta. Akan tetapi purata kutipan menurun ke hanya RM1.28 juta. Sama untuk tahun ini. Sejak Januari sehingga bulan September, purata kos produksi adalah sebanyak RM2.04 juta tetapi purata kutipan hanyalah RM1.21 juta.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri di sini kenapa dalam kedua-dua tahun ini secara tiba-tiba, sedangkan dulunya filem buatan tempatan, dulunya mereka boleh dapat keuntungan tetapi untuk tahun 2012 dan tahun ini (2013) nampaknya kebanyakan mereka tak boleh dapat apa-apa keuntungan?

#### ■1920

Jadi saya hendak tanya sama ada FINAS ataupun kementerian kita, ada buat apa-apa kajian, apa sebab, apa punca utama yang menyebabkan bahawa filem buatan tempatan ini kebanyakan mereka tidak dapat apa-apa, mengalami satu kerugian? Juga, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian kita untuk membantu penerbit-penerbit filem tempatan ini?

Selain daripada itu, saya rasa setakat ini, ini menunjukkan bahawa kerana kebanyakan filem-filem penerbitan tempatan ini mengalami satu kerugian, jadi dengan kata lain, saya rasa bantuan daripada kementerian, bantuan daripada FINAS adalah amat penting untuk mereka. Selain daripada insentif tayangan filem cereka, kita ada dua jenis lagi dana penerbitan. Satu adalah dipanggil sebagai Dana Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan. Dana Putera mendapat dana di bawah dana ini. Dana ini adalah sebanyak RM15 juta untuk membantu- satu tahun boleh membantu tiga sampai lima penerbitan. Akan tetapi, salah satu syarat untuk seseorang penerbit untuk mendapat dana ini adalah bahawa filem ini mesti menggunakan seratus peratus bahasa Melayu kecuali perkataan teknikal atau diperlukan mengikut kesesuaian agenda.

Selain daripada itu, kita ada satu dana lagi iaitu Dana Pembangunan Seni Filem dan Multimedia. Sama juga, di bawah dana ini sekiranya seseorang hendak dapat bantuan yang tidak

melebihi RM30,000, salah satu syarat adalah mesti menggunakan sekurang-kurangnya 60% bahasa Melayu juga.

Saya tidak ada apa-apa bantahan terhadap bahawa kita mestilah mempromosikan bahasa Melayu ini. Akan tetapi saya rasa sekiranya pada tahun 2011, kementerian ini sudah buat satu ubahsuai di mana semua filem buatan tempatan tidak kira bahasa yang digunakan itu boleh mendapat insentif tayangan filem cereka, tetapi kenapa dua dana ini yang sama juga di bawah FINAS ini masih ada *limitation* atas bahasa yang digunakan?

Saya rasa sekiranya kita memanglah membantu penerbit-penerbit filem tempatan, kalau cakap ada seorang penerbit yang ingin buat satu filem tentang cara kehidupan ataupun kehidupan di Kampung Bharu, saya rasa sangatlah munasabah bahawa filem itu menggunakan kebanyakan bahasanya dalam bahasa Cina. Sama juga kalau kita hendak cerita satu keluarga India bagaimana mereka datang dari India dan sekarang sudah beberapa keturunan duduk di Malaysia, saya rasa amatlah munasabah kalau penerbit filem ini menggunakan kebanyakan bahasa dalam bahasa Tamil.

Jadi saya harap bahawa di bawah kedua-dua dana ini kita boleh melonggarkan sedikit syarat supaya kita memang boleh memberi bantuan yang mencukupi kepada semua filem-filem buatan tempatan.

Selain daripada itu, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 080000 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Saya rasa Akta Perlindungan Data Peribadi sudah dilaksanakan tetapi kalau kita lihat maklumat yang dibekalkan di dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2014, bilangan program ataupun aktiviti yang dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran pewujudan Akta Perlindungan Data Peribadi ini adalah, pada pandangan saya, sangat-sangatlah kurang. Pada tahun 2012 hanya empat aktiviti ataupun program. Pada tahun ini, sama juga, empat aktiviti ataupun empat program dan pada tahun depan, Jabatan Perlindungan Data Peribadi ini merancang untuk menganjurkan tujuh program sahaja. Saya rasa ini adalah amat tidak mencukupi untuk meningkatkan lagi kesedaran rakyat jelata tentang pewujudan Akta Perlindungan Data Peribadi ini. Jadi saya minta sedikit penjelasan daripada Menteri bagaimana kementerian ini akan membantu saya supaya lagi banyak orang Malaysia tahu apa itu kesan Akta Perlindungan Data Peribadi terhadap kehidupan mereka dan juga terhadap perniagaan mereka...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *[Bangun]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Perkara terakhir adalah Butiran...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Penampang bangun Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *Sorry? Ya.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai dan Tuan Pengerusi. Sebagai soalan tambahan sahaja. Boleh bertanya dengan Menteri apakah keputusan siasatan berkenaan dengan laman web *blog* Suara Pakatan Rakyat yang telah menghina tarian Sumazau pada September 2012 lepas? Banyak laporan dibuat, baik daripada

Barisan Nasional dan juga daripada Pakatan Rakyat berkenaan dengan penghinaan yang dibuat oleh *blogger* di Suara Pakatan Rakyat itu. Pakatan Rakyat sudah menafikan bahawa *blog* itu tidak ada kena mengena dengan Pakatan Rakyat. Dari itu, kami minta penjelasan daripada Menteri berkenaan dengan keputusan siasatan tersebut. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Saya ingin masukkan soalnya dalam ucapan saya dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebentar lagi.

Akhir sekali Butiran 060000 – JASA. Saya tengok butiran di sini, pada tahun ini JASA mendapat peruntukan sebanyak RM23 juta, tahun depan peruntukan mereka akan meningkat ke RM24 juta.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi saya mintalah sedikit perincian bagaimana JASA menggunakan duit rakyat ini. Ya, dipersilakan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai dan terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak minta penjelasan ataupun ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kulai apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dari segi JASA ini kalau kita tengok dari segi objektif di dalam kitab bajet ini, di mana di dalam itu dinyatakan objektifnya adalah untuk membentuk masyarakat Malaysia yang berkeyakinan diri, matang, kukuh nilai moral dan berjiwa patriotik yang melibatkan semua lapisan masyarakat.

Cuma, kita nampak ada pertindanan di antara keperluan wujudnya satu badan seperti JASA yang memakan wang yang jumlahnya RM18 juta. Maknanya jutaan ringgit. Kita ada agensi-agensi yang lain, Biro Tatanegara, KEMAS dan sebagainya. So saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Kulai, adakah bersetuju dengan saya bahawa ada *redundant*, ada pertindihan jabatan dalam hal ini? Kita bimbang ialah JASA ini digunakan sekadar untuk menjadi satu-satu alat kepada parti pemerintah. Kalau parti pemerintah mengatakan perlu untuk disediakan agensi seperti ini, maka sewajarnya agensi ini diwastakan. Biarlah ibu pejabat parti pemerintah yang bayar mereka. Ini bukan menggunakan wang rakyat. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Sampai sinilah. Saya ingin masukkan ucapan beliau dalam ucapan saya dan sampai sini sahaja soalan saya kepada Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**7.28 mlm.**

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan, soalan dan buah fikiran yang semuanya

saya hargai dan saya menganggap ianya setiap patah perkataan yang diterbitkan dan dilahirkan itu adalah penting yang perlu kita mengambil berat.

Terdapat 11 Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangkit bertanya tadi. Saya mungkin secara lebih berkesan sekiranya saya tidak menjawab satu-satu berdasarkan kepada setiap soalan yang ditimbulkan, tetapi saya membahagikannya kepada bidang-bidang kerana ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, dua tiga Ahli Yang Berhormat bertanya atas tajuk yang sama. Saya kirakan antara bidang-bidang yang disebutkan yang pertama sekali ialah tentang penyiaran. Ini termasuk dasar RTM, BERNAMA, Astro- Radio Kelantan dia tanya dia dah tidak ada, jadi saya rasa tidak payah jawablah [Disampuk] Oh, tapi Yang Berhormat Sepang ada, ada bertanya tadi.

Pada dasarnya saya bersetuju dengan pandangan telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tenom. Mana Yang Berhormat Tenom?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom pun tidak ada Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Dikemukakan sebentar tadi iaitu tentang perlunya satu sistem pemberitaan yang lebih baik dan perkara ini telah kita ambil kira dengan serius di mana perlu kita wujudkan suatu saluran berita yang lebih kemas daripada apa yang ada sekarang.

#### ■1930

Sekarang ini kita ada BERNAMA TV yang pada asalnya adalah merupakan stesen televisyen swasta yang kemudiannya atas sebab-sebab tertentu ia tidak dapat beroperasi dengan baik. Maka ia diambil kembali oleh kementerian melalui BERNAMA untuk mengendalikannya dan kita sedar bahawa BERNAMA TV juga mempunyai beberapa yang dikatakan kelemahan tertentu dalam cara ia mengendalikan sebuah stesen berita kerana sebuah stesen berita yang baik, ianya berasaskan kepada sebaik-baiknya berita itu mestilah terkini, berita itu mesti *balance*, berita itu bersifat kalau boleh *real time*, dengan izin, perlukan banyak *breaking news* dan sebagainya.

Semua ini memerlukan banyak perkara. Pertamanya kepakaran. Keduanya perbelanjaan dan BERNAMA TV juga mempunyai hak yang tersendiri dalam soal-soal yang begini. Oleh sebab itu pihak kementerian ada merancang, antara perkara yang dirancangkan ialah untuk mempunyai *roadmap* ataupun sasaran kita dalam masa dua tahun lagi. Kita perlu mengadakan dua saluran berita. Satu, berbahasa Malaysia dan satu lagi berbahasa Inggeris berasaskan kepada konsep-konsep yang disebutkan tadi.

Jadi sebab itu, misalnya kalau dikatakan kenapa BERNAMA TV itu agak merudum. Kerana konsep pelbagai bahasa yang ada sekarang ini dianggap tidak praktikal. Waktu orang sedang seronok menonton televisyen tiba-tiba ia berubah kepada siaran bahasa Tamil misalnya. Orang Melayu akan berhenti. Kalau tengah tengok Tamil, sekejap lagi dalam Bahasa Cina. Orang Tamil pun akan berhenti. Sedangkan satu saluran berita yang baik itu mesti ada *flow*nya. Misalnya ada tanah runtuh. Orang hendak tengok berjam-jam lamanya tiba-tiba terhenti kerana bahasa yang lain dan tidak ada satu saluran berita dalam dunia pun yang mempunyai pelbagai bahasa, CNN, Al Jazeera dan sebagainya. Kalau Inggeris-Inggeris, Melayu-Melayu.

Mungkin pada waktu itu kerajaan menganggap bahawa pelbagai bahasa itu mencerminkan keadaan di Malaysia tetapi dari segi praktikalnya, ianya tidak praktikal dan tidak boleh diterima pakai. Ianya memerlukan satu perubahan baru dan dalam perkara ini kami terpaksa menerangkan. Ada pihak yang tertentu marah. Dikatakan kita melupakan bahasa-bahasa yang tertentu sedangkan mereka sendiri tidak menonton siaran yang berkenaan. Jadi, perkara ini berikan kita sedikit masa untuk menyusun kembali saluran berita dan sebagainya dan sebagai langkahnya, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang tentang berita-berita yang lebih *balance* dan liberal. Sebenarnya kita sedang menuju ke arah itu.

Kita rasa model yang digunakan. Model Maldives, Venezuela, Kazakhstan dan sebagainya boleh kita timbangkan model itu bahawa diberikan kebebasan pembangkang ada satu stesen, parti ini ada stesen dan sebagainya. Akan tetapi kita akan melihat apakah ini model yang terbaik. Negara yang lebih maju misalnya di Australia, Amerika, UK dan sebagainya tidak ada model begini. Dia ada beberapa stesen televisyen sama ada yang dikatakan lebih hampir kepada kerajaan, BBC ataupun ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri kalau negara-negara maju seperti British ke ataupun Amerika, mungkin mereka tidak perlu special TV *network* untuk *opposition* sebab mereka di sana, TV yang katakanlah mewakili kerajaan sekalipun, mereka bersifat kritikal. Mereka boleh dikatakan mengamalkan hampir, boleh katakan hampir-hampir *absolute freedom of speech* ini. Jadi, kalau dalam keadaan begitu memang mereka mungkin tidak memerlukan sangat TV untuk pembangkang. Akan tetapi yang saya rasa dalam keadaan di Malaysia ini mungkin saya kata tadi, saya tidak katalah model-model yang ada itu yang terbaik tetapi sekurang-kurangnya di waktu ini kita perlukan itu.

Mungkin kalau sudah ke arah kematangan, maknanya RTM pun boleh membenarkan contohnya Pakatan Rakyat untuk menyuarakan, mungkin tidak perlulah. Itu yang saya maksudkan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Kita mengkaji model ini saya katakan begitu tetapi bagi masa sekarang kita telah melihat satu proses yang lebih liberal. Misalnya saya katakan bahawa dalam kesempatan saya berada di kementerian ini, satu perkara yang pertama yang kita lihat ialah misalnya liputan Parlimen ini sendiri. Dahulunya kalau tanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang, dia pun tidak terfikir untuk meliberalkan sehingga Yang Berhormat bercakap boleh keluar *live* dan sekarang ini boleh kita tonton *live* melalui IPTV RTM Parlimen, boleh kita lihat.

Ertinya, tidak ada batasan untuk dikatakan pembangkang akan disekat, diedit dan sebagainya. Itu adalah merupakan suatu *journey*, suatu perjalanan yang kita lalui untuk melihat suatu sistem yang lebih liberal, terbuka dan sebagainya. Sebagai contohnya BERNAMA TV sendiri, saya sudah mengarahkan. Mereka menulis surat kepada parti-parti politik termasuk parti politik pembangkang kerana RTM mungkin sukar kerana *limitation* dari segi *time*. Masanya agak terbatas kerana ia bukannya stesen saluran berita khusus. Di situ ada drama, ada dokumentari, ada berita

dan sebagainya. Akan tetapi saya telah meminta supaya BERNAMA TV misalnya buat masa sekarang ini menulis surat. Dia pernah seingatan saya pada pemilihan kembali CEC DAP baru-baru ini. Tulis surat untuk membenarkan mereka membuat liputan.

Saya tidak ingat apakah surat yang sama ditulis sewaktu muktamar PAS dan bagi saya, saya tidak ada halangan untuk dia menyiarkan seluruh ucapan Presiden PAS waktu muktamar dan sebagainya. Itu cumanya sama ada parti yang berkenaan membenarkan atau tidak itu soal yang berbeza sama sekali dan ada kalanya ada parti yang menghalau, tidak senang sekiranya stesen-stesen ini datang untuk membuat liputan dan sebagainya. Dalam soal ini kita akan menuju ke arah itu.

Jadi buat masa sekarang kita rasakan kalau model Maldives yang baik, apakah kita hendak jadi macam Maldives, hendak jadi Venezuela? Venezuela bukan negara yang dianggap terlalu maju untuk kita contohi dalam kesannya kepada keseluruhan kehidupan masyarakat, ekonomi, pembangunannya tidak ada suatu yang kita rasakan perlu kita terlalu menjadikan dia sebagai contoh, sebagai model negara yang baik hanya kerana stesen televisyennya ada pembangkang dan sebagainya. Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma ada sedikit saja saya hendak minta penjelasan mengenai program-program seperti yang disebut tadi, mengajak rakan-rakan pembangkang untuk keluar di BERNAMA TV dan sebagainya. Dahulunya saya ingat di bawah Kementerian Penerangan, ada Program Debat Perdana yang disiarkan secara langsung. Rating cukup baik dan kita fikir itulah satu-satunya saluran yang ada tetapi sekarang di RTM saya lihat kurang program-program diberi *coverage* secara *live*, secara terus dan diminta pendapat daripada kedua-dua pihak.

Saya fikir ini wajar diteruskan malah Astro Awani misalnya *at one time* selalu mengeluarkan program-program seperti ini yang pada saya mencabar minda, membolehkan kedua-dua pihak menyuarakan pendapat dan pandangan. Akan tetapi sekarang saya lihat ada sedikit, saya tidak tahu apakah ada *directive* daripada kementerian untuk tidak meneruskan program seperti ini ataupun memang sengaja dikurangkan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tidak ada *directive*. Sebenarnya ada beberapa program yang tertentu, undangan dibuat kepada pemimpin termasuk pembangkang tetapi saya boleh jelaskan misalnya spesifik tetapi pihak yang di undang itu tidak dapat datang ataupun tidak mahu datang, jadi ianya tidak jadi untuk dilakukan. Jadi, tidak ada *directive* dalam soal ini.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana cukup terbuka dalam isu untuk meningkatkan minda rakyat dalam isu semasa kerana saya rasa itulah satu teladan yang baik. Tidak ada *directive* untuk mempromosikan perdebatan rakyat. Akan tetapi saya hendak membangkitkan satu isu daripada bukan saja daripada BERNAMA TV dan sebagainya, dalam Astro AEC, ia bahasa Cina.

■1940

la ada satu program cukup popular, *Debat Perdana*. Dia panggil *social activists*, NGO, parti-parti pembangkang dan daripada Barisan Nasional, mereka sama-sama debatkan isu. Akan tetapi kami difahamkan bahawa ada *directive* daripada Pejabat Perdana Menteri, maka program itu dicantas.

Begitu juga di 8TV juga bahasa Cina dan juga NTV7. Ada program-program, dan juga TV2, di mana *direct* jagaan daripada Menteri. Dia ada program-program forum dan sebagainya. Ini adalah program yang meningkatkan minda rakyat. Akan tetapi saya rasa ia bukan satu kes sahaja, tiap-tiap *channel* ada kes- NTV7 kena, 8TV kena, Astro AEC kena, maka saya rasa ini adalah isu yang saya rasa dengan Yang Berhormat Menteri baharulah, saya menaruh harapan yang cukup baik, cukup tinggi supaya semua, bukan sahaja di *channel* berbahasa Cina, juga dari Bahasa Melayu dan juga, kalau boleh bahasa Inggeris dan juga Tamil bawa balik, bagi forum untuk meningkatkan minda rakyat. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Okey terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Ada sikit cadangan. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Baik, silakan.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Saya hendak menyampaikan daripada orang ramai di luar sana tentang program *National Geographic* yang disiarkan selepas azan tiap-tiap hari. Jadi ada pandangan mereka minta Yang Berhormat Menteri kaji balik, apakah tak boleh program berbentuk lain disiarkan selepas azan maghrib. Itu yang pertama.

Kedua, tentang cara penyampaian berita di TV. Ada pandangan di luar sana yang mengatakan bahawa memanglah pembacanya muda, cantik, menarik tetapi kata mereka, cara sebutan tidak lagi menggambarkan Bahasa Melayu standard. Yang keduanya, ada yang menyampaikan berita secara angkuh, intonasi perkataan yang tidak betul dan ada perkataan yang diberi *stress* oleh pembaca berita itu. Tidak kurang juga yang angkat tangan sewaktu membaca berita, seolah-olah macam hendak bersyarah. Jadi saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk meneliti dan menilai balik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Parit. Itu merupakan pandangan-pandangan yang saya rasa akan diambil kira oleh RTM, apakah sesuai atau tidak selepas maghrib ataupun sebelum berita itu disiarkan rancangan *National Geographic*.

Saya menganggap selama ini mereka mempunyai alasan-alasan profesional di peringkat itu tetapi saya percaya sekiranya ia tidak sesuai, kita boleh menggantikan dengan rancangan lain yang lebih sesuai. Itu tidak ada masalah dari segi prinsipnya. Itu pandangan dahulunya orang mengatakan bahawa selepas maghrib ini, untuk tenang sebelum berita, disiarkan perkara-perkara yang seperti itu. Saya tidak nafikan ada pandangan lain yang boleh dipertimbangkan dalam soal ini.

Begitu juga dengan stail, intonasi dan sebagainya, kerana kita belum ada satu standard, satu piawaian, intonasi siapakah yang betul. Kalau dikatakan bahawa di UK itu BBC, sebutan BBC itu adalah yang terbaik. Kita belum ada sampai peringkat itu dan ini juga saya rasa perlu kita timbangkan. Terima kasih.

Saya terus kepada beberapa komen tentang Astro. Ramai yang tidak senang dengan pengendalian Astro, terutama sekali ada dua perkaralah. Tadi yang pertama berkenaan dengan resepsinya, dan yang keduanya berkenaan dengan kenaikan bayaran ataupun fi yang dikenakan, bayaran langganan yang dikenakan sudah meningkat. Berkenaan dengan resepsi yang dikatakan tadi bahawa ia sebenarnya di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, antaranya memberikan syarat bahawa Astro mesti menjamin bahawa resepsi yang diterima oleh orang ramai mestilah sampai ke lebih daripada 99% mesti dapat diterima. Lebih daripada 99%, saya tak ingat, 99.3 kah atau 7.

Kalau kurang daripada itu ada laporan, ada aduan dan sebagainya, Astro boleh didenda. Kita tak bolehlah, kerana itu hendak *banned* dan sebagainya. Boleh didenda misalnya tetapi ramai yang tidak tahu bahawa kurang 1% itu daripada 365 hari, bermakna 365 hari setahun, bermakna ia mengambil lebih daripada hampir 50 jam. Lebih daripada 50 jam. Jadi kalau setahun itu, orang mendapat aduan terhenti siarannya lebih daripada 50 jam, maka Astro boleh diambil tindakan. Akan tetapi kalau kita jumlahkan sekejap 5 minit, 20 minit, tak sampai kepada 50 jam itu. Jadi sebab itu kita rasakan terganggu terutama sekali kita hendak tengok siaran sedap dan sebagainya, tiba-tiba terganggu itu adalah kerana kita sendiri tidak boleh mengatakan bahawa Astro mesti 100%. Kerana *the nature* kita menggunakan sistem satelit, menggunakan *KU band* yang digunakan, itu memang dalam mana-mana dunia pun tidak boleh menjamin 100% kalau disebabkan gangguan cuaca dan sebagainya.

Oleh sebab itulah dalam sistem televisyen di dunia ini ada pelbagai kaedah yang digunakan terutama sekali dalam zaman mereka menggunakan sistem analog sebagaimana RTM, TV3 hari ini ataupun menggunakan satelit yang digunakan oleh Astro ataupun sekarang ini kita bangunkan sistem kita panggilkan DDTV iaitu *digital TV* berasaskan kepada dikatakan *terrestrial* iaitu menggunakan menara-menara di atas bumi dan menara-menara itu sebagaimana menara *telco* dan sebagainya, ia akan dapat memancarkan siaran digitalnya, yang boleh diterima oleh televisyen yang dianggap lebih stabil.

Keempatnya, yang terbaru kalau dalam konteks negara kita ini adalah menggunakan sistem kabel di mana sistem kabel ini dianggap paling stabil kerana ia tidak diganggu oleh cuaca, tidak diganggu oleh apa jua dan dianggap menerima resepsi yang paling baik.

Kerajaan setakat ini, sistem kita masih lagi berdasarkan pemancar analog. Itu adalah sistem yang dianggap sudah lapuk. Ada negara sudah menghentikan siaran analog mereka. Di Amerika, tahun 2012 tidak ada lagi. Kalau siapa lagi pakai TV lama, yang pakai TV kotak dan sebagainya, kerajaan bagi kupon kepada dia, suruh pergi tolong beli TV baru. Ini sudah tidak dapat lagi dah, tak boleh terima. Kena guna TV yang boleh menerima siaran digital. Kerana apa? Kerana



analog ini juga mengambil banyak ruang udara- spektrum, ataupun mengambil banyak, kalau kita katakan ruang udara kita ini dipanggil spektrum yang lebih besar. Ia perlu dijitamkan dengan sistem pendigitalan yang lebih efisien. Maka ruang yang ada itu boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain.

Dan sekarang ini sudah tentulah, tujuan-tujuan besar yang digunakan di dalam sistem spektrum kita ini digunakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi akan digunakan untuk tentera, polis dan sebagainya. Ini adalah perkara yang perlu diuruskan dengan baik dalam soal ini...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak sentuh, hendak meminta penjelasan mengenai Astro ini. Saya fikir rakyat di bawah itu, di luar sana merasakan bahawa sesuatu perlu dilakukan. Penjelasan Yang Berhormat Menteri itu agak panjang lebar mengenai isu teknikal dan sebagainya tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam hal ini ada beberapa NGO misalnya, baru-baru ini Jingga13 menghantar memorandum dan melancarkan boikot Astro. Akan tetapi dalam hal servis kita juga dikejutkan dengan kenaikan pakej misalnya untuk Piala Dunia 2014, pakej sukan dinaikkan RM6. Jadi rungutan bukan sekadar resepsi tetapi juga peningkatan caj. Jadi saya hendak cadangkan dengan Yang Berhormat Menteri, apakah ada usaha untuk kementerian menjadi orang tengah, *mediate* kedua-dua pihak ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tadi saya bercakap tentang sistem tadi. Pertama hendak selesaikan tentang soal siaran, penerimaan siaran mereka. Astro telah meminta daripada Kabinet supaya membenarkan mereka untuk memperkenalkan *antenna*. Kalau sekarang ini pada 60 sentimeter untuk dibesarkan kepada 80 sentimeter.

#### ▪ 1950

Diharapkan ia lebih baik dan lebih kurang dari segi gangguan tetapi ini melibatkan kos. Akan tetapi rakyat diberi pilihan sama ada hendak menggunakan yang lama ataupun yang baru. Ini satu perkara yang telah dibuat dan ia dipertimbangkan oleh pihak Kabinet dan *insya-Allah* sekiranya dirasakan layak, kita benarkan. Akan tetapi ia melibatkan kos. Rakyat diberi pilihan. Begitu juga tentang soal kenaikan caj tadi. Caj dinaikkan hanya daripada RM2 kepada RM6. Itu untuk mereka yang ingin mendapatkan *Family Package* dan Pakej Sukan. Sebenarnya Astro ini dibuat oleh swasta dan tidak diwajibkan untuk orang pakai Astro. Ia tidak diwajibkan, cuma orang kata dia hendak hiburan lebih dan sebagainya, dia pilih Astro. Kita pun boleh tumpang kerana ada tempat lebih mahal untuk siarkan RTM dengan buat menara baru. Kita boleh tumpang kerana sistem satelit itu boleh sampai ke penjuru mana dalam negara kita boleh sampai ke sana.

Oleh sebab itulah satu perkara yang jadi kelebihan kita ialah Astro memberikan pakej percuma yang dinamakan *Njoi* Pakej. Saya kira ada 40 saluran yang ada RTM, ada BERNAMA. Basic itu percuma. Tidak ada soal dia orang miskin, dia orang kaya apa sebagainya. Boleh dapat pakej yang *basic*. Pakej yang lain itu dipanggil Premium Pakej. Misalnya kalau kita hendak naik kapal terbang, kita hendak pilih *business class* ataupun *first class*, kita jangan marahlah kalau kosnya lebih tinggi.

Jadi yang dinaikkan RM2 itu *Family Package*, ada berapa tambahan yang tidak jadi masalah pun kalau kita tidak terima. Dia kata tidak dapat berita, cuma hiburannya kurang. Hendak hiburan lebih, kena bayar kerana kita kena memahami bahawa dia juga kena beli *content*. *Content* itu semakin lama semakin mahal. Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Menteri, macam ini. Astro dia ada iklan. Sebenarnya, untuk saya tidak berapa adil kerana dia *charge two sides*. *One side* iklan dan dia *charge* juga *subscribers*. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Menteri kata dia perlu beli *content* dan sebagainya, tetapi untungnya dalam stok market laporan tahunan berbilion-bilion ringgit. Kenapa tidak *pass on a little bit of that*? Kita kena *intervenes* sebab tidak munasabah. Tidak semestinya Yang Berhormat Menteri boleh katakan- *intervene* daripada *business* modelnya, tetapi kementerian boleh buka satu lagi *terrestrial TV* supaya menjadi *competition* terhadap Astro. *So that*, dia akan turunkan harga sebab dia kena *compete*. Sekarang dalam sektor *terrestrial TV* ini, Astro sahaja monopoli, yang lain semuanya tidak boleh. *It's like David going against Goliath*. Terima kasih. Astro besar.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Sebenarnya bila sebut *terrestrial TV*, mungkin Yang Berhormat kurang faham. Astro bukan *terrestrial*, Astro satelit. Sekarang ini tidak ada masalah. Kalau Yang Berhormat boleh mohon dan rasakan ada syarikat yang ingin membuat sendiri seluruh infrastruktur *terrestrial* dan sebagainya, itu boleh dipertimbangkan sehinggakan sekarang ini ada beberapa pilihan. Misalnya kabel. Sistem kabelnya. Misalnya *UniFi* pakejnya bersama kabel. Dia menyiarkan beberapa puluh *channel* lain. *ABNxxxx* misalnya juga adalah merupakan antara pilihan lain dan kita benarkan perkara ini berlaku. Akan tetapi kena ingat bahawa siapa pun ingin bangunkan suatu stesen baru yang melibatkan berpuluh saluran dan sebagainya, ia perlukan pelaburan yang besar. Pelaburan yang bukan RM1 bilion atau RM2 bilion, tetapi mungkin RM5 bilion hingga RM10 bilion. Memerlukan pelaburan yang besar.

Pelaburan yang besar ini sudah tentu difikirkan mereka boleh peroleh. Misalnya saya tahu Astro ada mengambil iklan tetapi ada limitnya. Dia tidak boleh ambil lebih daripada setiap satu berapa minit daripada keseluruhan. Oleh sebab itu ada dibenarkan sedikit. Kalau tidak, cajnya akan lebih mahal kerana mana-mana satelit TV, *pay TV* dalam dunia pun, dikatakan ada. Bergantung kepada kerajaan, apakah dia hendak 100% tidak dibenarkan ambil iklan ataupun cara bayar lain. Misalnya BBC di UK. Itu stesen yang dianggap kerajaan tidak *free*. Saya difahamkan dia kena bayar, dia macam zaman dulu kita kena ada lesen. Dia kena bayar lesen untuk BBC. Kalau tidak salah saya 120 *pound*. Kalau kali dengan lima berapa? Dekat RM600 yang kena bayar lesennya. Dulu kita RM24, orang mengamuk dan kita percuma dalam soal ini. Jadi akhirnya ada orang kena bayar.

Kalau kita katakan Astro tidak boleh langsung mengambil iklan misalnya, boleh dia kata. Maka dia akan naikkan *feeny* lebih tinggi lagi. Saya berhadapan dengan beberapa persatuan orang yang membuat *content* filem dan sebagainya. Orang yang jadi *cameraman*, kru dan

sebagainya. Dia kata gaji mereka tidak naik-naik sejak berpuluh tahun dahulu. Dia kata sebab apa? Ini kerana penerbit tidak bayar. Penerbit sendiri berhadapan dengan masalah bayaran yang sedikit diterima oleh mereka. Bayaran yang sedikit sudah tentu dikaitkan dengan stesen yang membayarnya dengan harga yang rendah dan tidak naik. Saya sendiri akui bahawa RTM misalnya bagi satu produksi drama satu jam. Maknanya 45 minit, 15 minit untuk iklan. Kita bayar lebih kurang antara RM40,000 hingga RM50,000 satu. Ia tidak naik-naik daripada dulu tetapi RTM yang terbaik kalau dibandingkan dibayar oleh syarikat-syarikat lain...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi Yang Berhormat, untung Astro naik.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** *No, no, no.* Saya beritahu nanti di sini. Ertinya sekarang ini kita beritahu bahawa okey. Kita boleh katakan bahawa sekarang ini Astro kamu naik sedikit sebanyak RM2, tetapi saya meminta supaya bayaran pada penerbit-penerbit misalnya boleh dinaikkan supaya yang bekerja di dalam industri ini juga boleh dinaikkan. Ini pilihan. Keuntungan, mana-mana syarikat perlu keuntungan. Bukan saya katakan bahawa tidak perlu. Ada negara yang limit. Misalnya *telco* di India, kerajaannya menyekat. Keuntungan jangan tinggi. Sikit, sedikit, cukup, cukup supaya rakyat boleh buat. Syarikat *telco*.

Akan tetapi bila sampai satu sahaja generasi baru dalam teknologi, 2G hendak jadi 3G, dia sudah tidak boleh melabur. 3G hendak jadi 4G, dia tidak sanggup melabur kerana saya tidak ada satu dana yang dikutip lebih awal untuk pelaburan dalam suatu teknologi yang baru. Misalnya sekarang, kita boleh kata Astro, jangan ambil untung. Cukup ada sekarang. Kalau siar-siar yang orang marah sangat pasal sukan. Kita tahu bahawa sukan, Rooney dibayar sebanyak 200,000 *pound* seminggu bayarannya. Messi berapa, Ronaldo berapa? Ini bukan murah dan hendak dapat duit daripada siapa yang bayar kalau tidak dia gunakan melalui *TV right* dan kita kena *beat*.

Misalnya Olimpik yang akan datang kita sudah kalah. Syarikat daripada Jepun menguasai segala-gala. Kita beli. Pilihan. Kita jangan siarkan. Kalau siaran sukan itu jangan siarkan *live*. Sekarang ini ada *live* EPL, ada *live* liga di Jerman, liga di Sepanyol dan sebagainya. Orang hendak tengok, ini pilihan. Kemudian, kita akan berhadapan dengan satu lagi teknologi baru daripada SD iaitu *standard definition*, maknanya kita tengok biasa sahaja. Macam kita tengok TV di sini, *standard definition* kepada HD iaitu *high definition*. Tidak lama, *FIFA World Cup* akan pergi satu tahap baru di mana kalau dahulu kita bercakap HD itu kita sudah seronok tengok HD, satu sahaja *channel* dulu, tetapi sekarang sudah berapa *channel* yang ada HD. Dia akan pergi kepada teknologi 4K. Kena ada kamera lain, kena ada siaran lain supaya TV yang terbaru, dia dua kali ganda dia punya jumlah *pixel*, ketajamannya kerana orang akan menuju teknologi baru yang dikatakan teknologi *glassless 3D*.

## ■2000

Dulu ada 3D tetapi kena pakai *spec*. Tidak lama orang kata satu masa nanti 3D tidak payah pakai *spec*. Ia memerlukan jumlah *pixel* yang tinggi, yang lebih banyak tetapi kosnya tinggi kerana *bandwidth*. Kalau kita katakan macam data kita masuk berapa *megabit* akan lebih lagi dan kosnya tinggi. Cuma saya menganggap bahawa kita ada buat pilihan. Ada negara lain ada satelit TV tetapi

tidak hendak bayar. Dia ada cukup-cukup yang SD biasa. Ataupun dalam negara kita hendak tengok yang 4K ada, yang 3D ada, yang HD banyak ada ataupun yang biasa-biasa. Pilihan rakyat pilih.

Kalau dia tidak diberikan keuntungan, macam mana dia hendak bangunkan pada suatu teknologi yang lain yang boleh rakyat pilih supaya kita katakan di Malaysia datang di Malaysia. Kalau kita pergi ke UK, kita ingat UK itu kita boleh tengoklah dia punya- saya boleh duduk dalam hotel saya, hendak tengok malam ini siapa lawan. Manchester United lawan Everton misalnya. BBC tidak siarkan. Semua yang *free* tidak ada. Kena bayar. Kalau tidak, pergi ke stadium. Mahal kena bayar.

Jadi kita katakan bahawa hendak tengok, bayarlah sedikit. Saya rasakan buat masa sekarang kita rasakan tidak keterlaluan kerana pilihan ada. Kalau kita rasa tidak hendak menikmati yang premium, yang *basic* ada, percuma. Saya bukan hendak pertahankan tetapi saya kata saya galakkan supaya pelaburan dibangunkan lagi supaya pilihan diberi kepada rakyat kita. Tidak ada orang paksa hendak tengok *live Bundesliga*, Liga *Germany* tetapi ada orang minat. Bayarlah sedikit. Ini pilihan yang ada dalam negara kita. Ini mungkin dianggap kekurangan tetapi ada yang mengangap lebih. Di Malaysia ada. HDnya banyak. Bukan sahaja sukan. Untuk *History Channel*, *National Geographic*, filem, *movie channel* dan sebagainya. Hendak tengok SD boleh, hendak tengok HD boleh. Tidak lama lagi 4K pergi ke 8K dan sebagainya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Jadi kemudiannya tentang soal...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Kalau ikut tadi jawapan Yang Berhormat Menteri, saya boleh memahami bahawa kementerian seboleh-bolehnya cuba kurang *intervene* tentang Astro ini supaya hendak beri kebebasan hampir sepenuhnya kepada Astro. Jadi walaupun ada sedikit *interference* tetapi tidak banyaklah.

Berdasarkan hal itu boleh atau tidak saya mendapat jaminan daripada kerajaan sekiranya Astro mahu buat satu siaran khas untuk perbahasan Parlimen *live*. Maknanya *we have to pay* tengok siaran itu. Adakah pada masa itu kementerian akan campur tangan? Saya hendak tanya. Ataupun kalau ada apa-apa perbincangan macam *political debate* atau sebagainya dibuat *live* dan Astro bersedia untuk membuat satu *channel* khas. Ketika itu kita kkuatir walaupun kita bayar tetapi kita mungkin tidak akan menikmati benda itu. Jadi saya hendak mendapat jaminan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Pengerusi, bab-bab *debate live* ini saya rasa tidak ada orang. Semasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang dahulu ada dalam kerajaan pun tidak fikir benarkan *debate* atau kebebasan [*Disampuk*] Tidak ada. Tidak pernah. Saya jadi Menteri Penerangan, baru saya benarkan perkara begini.

Jadi dalam soal ini kita menggalakkan. Televisyen sekarang ini kita boleh tengok *live* pun bawah kita. Oleh sebab itu, dasar kita pun ada kita lihat stesen dan saluran baru termasuk Awani

dan sebagainya telah menggalakkan perbahasan begini. Ini adalah satu transformasi yang kita ada tetapi kalau dia hendak ada satu *channel* lain dan sebagainya saya rasa tidak ada masalah kerana bagi kita apabila RTM menyiarkan perbahasan kita sekarang ini *live*. Pagi penuh keluar dalam TV. Sehingga bila kita digital, tidak lama mungkin RTM mungkin ada tujuh atau lapan saluran baru, kita boleh buat saluran Parlimen ini *live* satu saluran. Itu tidak..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bila agak-agaknya Yang Berhormat Menteri, agak-agak bila?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Agak-agak bila boleh kita lihat benda itu?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya rasa *target* dalam masa dua atau tiga tahun lagi. Ia ada perancangan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Harap-harap sebelum pilihan raya lepaslah. Pilihan raya akan datang.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** *Insyaa-Allah*. Tidak ada masalah. Saya pun meyakinkan kawan-kawan saya jangan bimbang. Kita *live* sini pilihan raya kecil di Kuala Besut pun kita menang juga. Pilihan raya kecil di Sungai Limau bertambah undian dibuat. Tidak ada kesan pun. Kita sudah beritahu tidak ada bimbang pun. Lagi orang tengok setengah daripada perkara-perkara yang dianggap bahawa kerajaan tidak boleh jawab. Kita boleh jawab dan ia memberi pulangan yang baik dan menguntungkan Kerajaan Barisan Nasional. Ini saya yakinkan pada semua orang dalam soal ini. Tidak ada masalah. Yang Berhormat Kurau sekarang bercakap *live*, boleh keluar. Buka IPTV RTM Parlimen ada sekarang ini.

Banyak soalan yang telah dikemukakan berkaitan dengan perkhidmatan *telco*. Saya sedar dan saya rasanya banyak perkara yang diutarakan itu adalah merupakan perkara yang *valid* misalnya dari segi perkhidmatan *telco* yang tidak menentu. Dia tulis 3G tetapi 3G perlahan dan sebagainya. Ini perkara yang sedang saya memberikan perhatian yang berat. Pihak SKMM saya sendiri menyaksikan bagaimana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah memanggil semua CEO telco baru-baru ini untuk memberi ingatan kepada mereka yang kita akan mengadakan *auditing* yang sebaiknya. Misalnya kalau dia mengiklankan 3G, apakah 3G yang sebenar. Kalau dia mengiklankan 4G, adakah 4G yang sebenarnya dan sebagainya. Kita sedar bahawa perkara ini perlu diperbaiki dan mereka tidak boleh untuk berteriak menceritakan keuntungan yang besar tetapi khidmat yang diberikan tidak sebagaimana yang dijanjikan. Ini saya tidak pertahankan. Kita akan membuat sesuatu yang terbaik untuk mendisiplinkan mereka bahawa apa yang dijanjikan mesti dilaksanakan dengan baik.

Kalau Yang Berhormat Tenom misalnya, saya pergi ke Tenom Kuala Tomani yang disebutkan tadi. Itu lebih kurang lima atau enam jam daripada Kota Kinabalu. Saya terkejut di sana ada 3G. Di tempat yang begitu, ada 3G tetapi 3G berdasarkan kepada apakah dia menggunakan *band 900 megahertz* ataupun 1,800. Ini teknikal yang disebutkan kerana 1,800 ialah untuk kegunaan penyaluran data yang lebih banyak. 900 untuk disebarkan ke kawasan liputan yang lebih

luas tetapi kalau di kawasan bandar menggunakan 900 megahertz adalah sesuatu yang tidak wajar kerana orang hendak menggunakan data dan sebagainya. Jadi ini antara perkara yang kita akan buat supaya dibuat *auditing*. Ia akan disiarkan supaya rakyat boleh memilih mana syarikat yang dijanjikan betul tetapi tidak betul, yang tidak betul dan sebagainya. Rakyat boleh memilihnya kemudian. Ini satu perkara yang perlu dibuat.

Tentang soal menara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seputeh. Ini nampak ada dilema. Ada orang tidak suka menara kerana dia mendengar beberapa dakyah yang mengatakan menara ini ada radioaktif dan sebagainya. Saya pun tidak tahu siapa yang kata ada radioaktif dalam menara ini. Mungkin ada radiasi tetapi pada kadar yang rendah yang dianggap tidak berbahaya tetapi dalam masa yang sama kita hendak liputan yang lebih menyeluruh. Rakyat makin bertambah ertinya kita memerlukan menara-menara yang lebih banyak kerana ramai orang tidak faham dikatakan "dulu saya boleh dapat, sekarang tidak dapat liputan". Ini kerana semakin ramai orang menggunakan, ia semakin mengecut.

Jadi memerlukan *tower* atau menara baru dan menara-menara baru mesti mendapat kebenaran daripada penduduk, kerajaan tempatan dan sebagainya. Ada negeri macam Pulau Pinang dengar cerita hendak suruh robohkan mana yang ada, hendak gantikan dengan menara yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang ada kepentingan dengan kerajaan negeri dan sebagainya. Ini antara perkara yang kita lihat pertimbangan-pertimbangan kepentingan kerajaan pun ada.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, saya dari Pulau Pinang. Saya kena jelaskan sedikit supaya tidak keliru.

Di Pulau Pinang ada banyak menara yang haram. Mereka naikkan sahaja dan mereka teruskan. Sekarang sebab ramai penduduk kompelin, maka kerajaan negeri membuat satu *auditing* mana satu yang haram, kita turunkan. Dan yang betul, sudah masuk pelan, dibenarkan.

Tidak betul kata Pulau Pinang haramkan demi kepentingan. Itu tidak betul sebab banyak yang kena, Maxis kena, Celcom kena, Digi kena. Sesiapa yang tidak mengikut prosedur kena. Jadi, sekarang *telco-telco company* kata lebih baik sebab ada permohonan, ikut prosedur yang betul dapat. So, mereka *happy* dengan satu polisi yang *transparent*, polisi yang tidak pilih kasih. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Itu maksud saya ialah kerana susahnyanya kalau hendak buat menara, orang ramai hendakkan liputan yang meluas sebanyaknya tetapi seluruhnya menghadapi pelbagai proses. Kalau kita marah *telco, telco* kata ya saya hendak buat, sudah dibuat. Selepas itu majlis perbandaran pula, kata ini tidak boleh, ini walaupun tidak ada masalah tetapi saya tidak bagi lesen yang ini, saya hendak bagi yang ini. Tolong beritahu siapa syarikat baru pula yang dapat dan sebagainya.

Jadi, ini perkara-perkara yang tidak semudah sebagaimana orang kata kenapa saya tidak dapat resepsi di sini. Ini kerana ia melalui satu proses yang lebih kompleks daripada apa yang sepatutnya. Ini perkara yang perlu kita faham. Bukan sekadar kita kata, '*Maxis, kamu mesti pastikan liputan di sini baik.*' Dia pun pacak menara di sini. Parlimen kata, '*Oh, tidak boleh.*', dia

tidak boleh pacak. Tidak boleh pacak, resepsi kita akan terus mengurang dan sebagainya. Ini antara perkara yang perlu kita fahami untuk kita menerima dalam sistem telekomunikasi, ia bukan datang daripada udara begitu. Ia memerlukan pelbagai infrastruktur yang perlu dibina.

Oleh sebab itu tadi ditanya tentang kenapa jumlah peruntukan adalah kecil dan sebagainya yang diberikan. Kita tahu bahawa sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Bayan Baru juga cakap tadi, saya terima bahawa kita sangat memerlukan suatu tahap baru dalam perkhidmatan jalur lebar kita. Saya percaya bahawa apabila diumumkan baru-baru ini antara projek termasuk SBB2 dan sebagainya, ia akan meningkatkan khidmat jalur lebar kita daripada 4 *megabit per second* hingga 10 *megabit per second*.

Saya telah meminta pihak kementerian, pihak SKMM untuk mengkaji balik. Bagi saya, satu perkara yang menakutkan saya sendiri. Saya katakan bahawa menerusi kajian yang dibuat, keperluan sebenar rakyat Malaysia pada tahun 2018 ataupun hingga 2020, kita memerlukan sekurang-kurangnya 49 *megabit per second*. Jadi, kalau kita bercakap tentang satu projek untuk buat 10 *megabit per second*, saya rasa dalam masa empat tahun lagi orang akan marah kerajaan lagi.

Akan tetapi untuk mendapat 10 *megabit per second* sebagaimana diberitahu, pelaburan yang perlu dibuat selain daripada kerajaan menggunakan duit SKMM, menggunakan duit USP yang dikutip cukainya, yang dikutip daripada syarikat-syarikat *telco* untuk membangunkan menara-menara di kawasan yang *telco* merasa mereka tidak untung, di kawasan luar bandar, 1,000 menara yang hendak dibina ini, itu pun sudah menelan belanja kira-kira RM6 bilion.

Jadi, kalau hendakkan sampai 100 *megabit*, bagi saya, saya minta saya fikirkan model yang terbaik supaya dalam tahun 2020 sekurang-kurangnya separuh daripada rumah di Malaysia ini akan dapat 50 *megabit* per saat. Institusi seperti sekolah mesti lebih daripada itu, tidak boleh lagi dalam sistem *school.net* dan sebagainya, *SchoolNet* yang ada sekarang ini berdasarkan 2 *megabit*, 4 *megabit* dan sebagainya. Ini kerana satu masa nanti keperluan dalam pendidikan, keperluan dalam kesihatan, keperluan dalam pengangkutan, keperluan dalam hiburan, keperluan dalam mencari maklumat, semuanya memerlukan jalur lebar yang besar. Kita tidak boleh bergantung dan berpuas hati dengan 10 *megabit*. Ini kita akan cari jalan *insya-Allah*, kita akan bentangkan apakah yang terbaik untuk mencapai tahap yang kita kehendaki dan ia perlukan suatu pemerahan fikiran yang lebih mendalam tentang soal ini.

Soalan lain berkenaan dengan FINAS, saya akui Yang Berhormat Pengerang tadi mengatakan beliau lawa, saya tidak setuju. Bagi saya, Yang Berhormat Pengerang bukan lawa tetapi sangat lawa. Dia berdebar sekejap tadi. Ini saya akui bahawa tahap industri filem kita belum lagi sampai ke tahap yang kita banggakan. Kita semua kembali, nostalgia kita tentang zaman P. Ramlee dan sebagainya. Itu nostalgia kita yang begitu mendalam sekali. Lebih kreatif dan sebagainya.

Akan tetapi ia adalah industri. Industri, maknanya siapa pun boleh buat filem. Kita tidak boleh kata kenapa dia buat begini, kenapa dia buat begini? Orang akan tanya, kenapa kamu tidak buat,

misalnya. Kerajaan mungkin boleh bagi sedikit insentif, boleh berikan sedikit geran berdasarkan apa tetapi kalau kita lihat dalam bajet, geran yang diperuntukkan pada FINAS, bajet yang diperuntukkan dalam FINAS cuma RM56 juta. Jadi, kalau RM56 juta ini kalau kita hendak lawan Hollywood, misalnya seorang pengarah daripada Malaysia yang saya ingat Hollywood, dia pergi ke Australia dan kemudiannya dia bekerja di Kanada dan mengambilnya bernama James Wan misalnya.

Baru-baru ini dia telah membuat filem yang bernama *Conjuring*. Filem hantulah tetapi ramai termasuk Yang Berhormat Rantau Panjang tidak bersetuju hantu-hantu ini tetapi filem itu mendapat *box office*, nombor satu di Amerika. Dianggap satu kehebatan sehinggakan James Wan ini diminta untuk mengarahkan *Fast and Furious 7*. Kita cubalah kalau boleh dia datang ambil *shot* di Malaysia dan sebagainya.

Kita harapkan sebab dia orang Malaysia, anak kelahiran Sarawak dan kita bangga dengan dia. *Conjuring* ini cerita hantu. *Insiduos*, misalnya. Apa yang dibuat pun cerita hantu sebab di sana pun berdasarkan kepada populariti pasaran yang dilihat trend pasaran di dalam dunia barat dan sebagainya, cerita begini, lagi ia menakutkan orang, lagi orang datang tengok. Akan tetapi kalau tidak berapa takut, tidak ada kesannya, orang tidak berapa tengok. Kejayaannya kerana dianggap bahawa filem ini adalah filem kos rendah yang memberi impak yang besar.

Akan tetapi berapa kos rendahnya? Kos rendahnya ialah lebih kurang USD40 juta. Itu dipanggil kos rendah USD40 juta itu kos rendah dalam konteks Hollywood. Kita kalau peruntukan yang diberikan oleh FINAS, RM56 juta untuk tampung 70 filem dan sebagainya, saya rasakan betul kita kata bahawa filem tidak semestinya mahal. RM1 juta pun boleh buat. RM1 juta ini, sekarang ini dengan kos-kos krunya, kos peralatan dan sebagainya, tidak boleh ke mana.

Jadi, sebab itu kita *concern* tentang soal industri filem kita. Kebanyakan yang buat, cukup-cukup berdasarkan kepada pasaran tempatan. Hendak eksport lebih, dia tidak ada bajet kerana banyak perkara yang diberi. Cuma kita bantu, misalnya filem memerlukan komputer grafik *imaging*, bantuan komputer misalnya hendak buat *effect-effect* yang tertentu, kita ada CGI bajet. Kalau dibuat memerlukan ini, okey, FINAS boleh bayar.

Filem kenegaraan, kita boleh bayar. Kalau Yang Berhormat, misalnya Yang Berhormat Pokok Sena tadi kata hendak buat filem fasal kehebatan seorang wira menentang penindasan, tidak ada masalah. Yang Berhormat Pokok Sena sendiri boleh buat, boleh berlakon pun dalam soal ini. Saya cadangkan dari segi kreatif industri ini, saya percaya pembangkang lebih kreatif. Misalnya, dibuat cerita ada 40,000 Bangladesh, orang pergi keluar dalam internet, misalnya berlaku *blackout* secara besar-besaran, cukup kreatif. Pembangkang hebat tetapi apabila hendak sampai tunjuk bukti tidak ada. Kita buat cerita macam mana *Black 505*, orang berarak ke Padang Merbok misalnya, sampai ramai orang percaya memang kreatif. Pembangkang kreatif, kenapa tidak buat filem?

■2020



Buatlah filem, cerita macam mana *Black 505* misalnya. Pembohongan pada rakyat secara besar-besaran yang kemudiannya dia sedap-sedap angkat sumpah hari ini, dan ternyata bahawa yang tidak diiktiraf itu tidak benar sama sekali. Beri peluang untuk membawa bukti dalam petisyen, tidak ada bukti. Rupanya fiksyen yang dibuat oleh pembangkang begitu *real* sekali. Saya katakan dari segi buat filem paling bijak adalah pembangkang. Kenapa tidak buat filem dalam soal ini? Buatlah filem. Kos rendah, ramai lagi orang akan percaya di masa yang akan datang. Ramai orang percaya, beribu-ribu orang pergi. Baring tengah jerebu lagi, pembangkang. Tidak percaya? Betul tidak? Sekarang ini tak mengaku, kata, “*Eh, saya tidak kata pun*”. [Ketawa]

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Tuan Pengerusi, saya bukan hendak ulas tentang Bangladesh. Saya ingat telah pun ada penafian yang jelas. Saya cabar, kalau betul ada bukti, silakan di luar Dewan.

Saya hendak tanya begini Yang Berhormat Menteri. Saya akui kalau Yang Berhormat Menteri katakan kita ada daya imaginasi yang kuat. Ya, itulah kekuatan Pakatan Rakyat. Kita bukan sahaja ada daya imaginasi, kita juga ada idea-idea yang baik untuk membangunkan negara. Lebih baik, saya fikir, daripada Barisan Nasional.

Akan tetapi cuma saya hendak ambil sedikit berkaitan dengan kos ataupun peruntukan untuk FINAS ini RM56 juta, hampir RM57 juta. Saya fikir satu jumlah yang cukup besar. Walaupun dari segi persepsi ataupun perkara yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Menteri hendak bandingkan dengan Hollywood itu rendah tetapi kita ambil contoh misalnya filem Tanda Putera – saya sendiri pergi saksikan filem, bayar duit, beli tiket dan tengok. Berapa yang dibelanjakan untuk filem Tanda Putera? RM4.48 juta. Hanya berjaya dapat menarik lebih kurang RM500,000 daripada penjualan tiket di 70 pawagam. Mesti ada masalah. Kita sediakan peruntukan yang banyak dengan harapan filem ini berjaya menarik minat orang ramai.

Sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri berikan penjelasan. Kalau tidak boleh hari ini, secara bertulis. Di mana – *what went wrong?* Di mana silapnya? Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi tokoh-tokoh seperti James Wan, anak kelahiran Sarawak dalam filem *Conjuring*. Kita ada lagi tokoh-tokoh yang lain. Misalnya Tsai Ming-liang dalam filem *Stray Dogs*. Itu filem kekeluargaan. Kita ada Yeo Yann Yann, filem *Ilo Ilo*. Ini semua tokoh-tokoh anak Malaysia yang berjaya di luar negara. Apakah tidak ada satu mekanisme untuk kerajaan ambil tokoh-tokoh ini dan *tap* idea dia dan manfaatkan daripada peruntukan yang besar yang kita kemukakan yang kita luluskan di dalam Dewan ini? Saya fikir itu lebih bermanfaat daripada membelanjakan wang yang banyak untuk satu pulangan yang tidak ada kesan yang besar. Kalau ambil dari segi *value for money* pun tidak ada.

Saya setuju kalau Yang Berhormat Menteri beri kebenaran, sediakan peruntukan untuk kita, kita boleh buat program *Blackout 505*. Lebih baik saya ingat dari segi *sales* tiketnya nanti. [Tepuk] Insya-Allah. Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya tulis skrip.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Sebenarnya, dalam kreatif industri ini, kita tidak semestinya melihat setiap filem itu berjaya, baik kerana pulangan kewangannya. Ada banyak filem yang bajet besar dalam dunia industri di Barat, di Hollywood dan sebagainya, pulangan tidak semestinya banyak. Ada yang berjaya, kecil tetapi besar. Sebab itu kalau kita katakan bahawa model yang digunakan di negara Barat dan sebagainya yang maju, dia tidak bergantung pada kerajaan dia orang. Setiap filem yang hendak dibuat, dia ada buat *projection* dia dan sebagainya. Dia mendapatkan pelaburan swasta yang banyak kerana ianya adalah merupakan pelaburan yang seperti *venture, capitalism. Venture capital* yang diperlukan. Kalau untung, untung besar. Kalau rugi, mesti terima. Dalam soal ini tidak ada satu ukuran bahawa filem itu berjaya atau tidak berdasarkan pada pulangan. Akan tetapi kalau orang menganggap komersial itu penting, ya, pulangannya ialah pulangan kutipan.

Sebab itu kerajaan kata misalnya ada peruntukan untuk filem-filem kenegaraan, itu kita serahkan kepada panel yang mengatakan apa yang dimaksudkan filem kenegaraan. Awal-awal kena beritahu filem kenegaraan ini biasanya tidak ada nilai komersial yang tinggi. Jangan kita kira – memang awal-awal kena beritahu kalau kena buat. Akan tetapi kerajaan mengatakan ada fakta-fakta tertentu dalam sejarah perlu didokumentasikan melalui filem untuk kegunaan yang depan. Cerita Tun Razak, cerita Tun Dr. Ismail, cerita perjuangan kemerdekaan. Cerita 13 Mei kebetulan dalam cerita itu sejarah ada DAP, maka dikeluarkanlah cerita DAP dalam itu. Cuma, orang tidak tengok sahaja. Dikata mana tempat yang dikatakan itu mengapikan perkauman. Ada cerita yang tertentu mengatakan bahawa negara kita pernah diancam oleh Komunis. Dia ada katakan bahawa perlu didokumentasikan dalam soal ini. Tidak semestinya dikatakan dia berjaya mesti mendapat pulangan yang berlipat ganda dan sebagainya.

Akan tetapi satu perkara yang kita katakan model baru, misalnya. Kita beritahu syarikat-syarikat yang membuat filem dokumentari ataupun untuk terbitan TV, kita minta mereka sekarang ini supaya mengubah model mereka. Dahulunya model mereka, dia datang pada RTM hendak minta berapa jam, RTM bagi RM40,000. Jadi, dia buat filem atau pun drama kah, dokumentari kah dan sebagainya berasaskan kepada bajet RM40,000. Sekarang kos produksi dan sebagainya, kos pelakon yang tadi dikatakan lawa, tidak lawa dan sebagainya, meningkat. Kalau filem yang kita tengok, *series* yang tertentu di Hollywood dan sebagainya yang diterbitkan di sana, yang kita tengok dalam televisyen di sana, kos mereka ialah USD1 juta satu *series*. Kita RM40,000. Jadi, kita tidak boleh berkembang. Saya katakan begitu. Akan tetapi kalau mengharapkan RTM bayar RM1 juta, tidak boleh kerana bajet kita sedikit dan tidak boleh.

Cumanya, dahulu kita beritahu kepada penerbit drama dan sebagainya mengatakan bahawa kalau dahulu kamu menganggap bahawa bila kamu diberikan tanggungjawab untuk menyediakan drama 13 siri, 10 siri untuk mendapatkan bajet begini, jangan jadikan RTM sebagai matlamat kamu. Jangan jadikan RTM sebagai matlamat kamu. TV3 matlamat kamu, Astro sebagai matlamat kamu. Sebaliknya, menjadikan ini sebagai permulaan kepada kamu untuk memasarkan

terbitan kamu ke luar negara. Kamu sudah dapat RM40,000 sebagai modal sedikit tetapi fikiran mestilah mencari tambahan-tambahan dana lain untuk dipasarkan keluar negara dan kita bantu pasarkan.

Misalnya, saya sendiri pergi ke Canses, Perancis baru-baru ini ialah tempat pasaran bagi *content*, isi kandungan untuk televisyen yang terbesar sekali. *Alhamdulillah*, baru-baru ini kita pergi pada bulan September yang lepas, kita dapat jual sebanyak dalam duit kita RM150 juta. Kita buat misalnya animasi. Kita di sini dia dapatlah RM40,000 tetapi Euro hendak beli, Eropah hendak beli €10,000. Kamu sudah dapat tambahan dah. Nilai €10,000 bersamaan dengan RM40,000. Negara-negara Arab, dia kata kami pun sudah ada beratus *channel* di tempat kami, kami tidak larat hendak tengok filem-filem daripada Hollywood semua, daripada Barat semua. Kita hendak juga daripada negara Islam yang lain. Cuma dia kata yang Malaysia tonjolkan, barang-barang yang dikeluarkan, dokumentari dan sebagainya yang dikeluarkan oleh Malaysia, ditanya RTM sudah keluarkan atau tidak? TV3 kita kata sudah keluar. Dia menganggap bahawa sudah disiarkan RTM macam ada cap halal. Maka, kami beli untuk kami siarkan di dalam saluran-saluran kami.

Jadi, ini kita ajar pada penerbit kita. Sekarang ini, kamu kena berfikir bahawa bila kamu buat ini bukan hanya untuk masyarakat dalaman tapi juga berfikir untuk dieksport. Negara Arab sekarang ini melihat Malaysia adalah merupakan satu tempat menghasilkan *contents* terutama sekali dokumentari dan juga animasi yang bagi mereka hebat, mereka hendak beli. Kita kena ajarlah supaya ada sinopsisnya, hendak buat *dubbing* macam mana, hendak buat *subtitle*, sari kata dan sebagainya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkenaan dengan pasaran di negara Timur Tengah berkaitan dengan filem-filem negara kita. Mereka lebih tertarik dengan filem-filem yang kita telah tapis, maknanya yang telah ditayangkan dalam negara kita. Maknanya sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, yang ada cap halal.

Jadi, dari sudut konteks kerajaan hari ini, apakah kerajaan tidak berusaha untuk betul-betul mendapatkan cop halal dari sudut filem-filem yang dikeluarkan? Ini kerana saya ada beri contoh tadi filem-filem yang berunsur tahyul, ini adalah membawa kepada unsur syirik yang bercanggah dengan Islam itu sendiri. Begitu juga filem-filem yang berunsur seks dan sebagainya.

#### ■2030

Jadi, macam manakah dasar yang telah dibuat oleh kementerian untuk melahirkan filem-filem yang berkualiti sebab kita kena ingat peranan kementerian bukan sahaja untuk kita memasarkan filem-filem yang kita keluarkan. Akan tetapi kita hendak melahirkan filem-filem yang boleh mendidik rakyat, mendidik pemikiran rakyat. Bukan membawa rakyat kepada budaya yang bercanggah dengan nilai hidup sebenar. Jadi, minta penjelasan.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang Berhormat Rantau Panjang, terima kasih atas pandangan itu. Saya kira akhirnya di negara-negara yang hendak beli filem kita ini pun tengok.

Kalau dia kata cerita hantu *Penanggal* di Malaysia itu dia tidak faham awal-awal lagi dia tidak payah belilah. Akan tetapi kalau ada orang di sini menganggap bahawa filem macam ini ada pasarannya, tidak tahu berapa ramai orang yang menganggap ini hanya hiburan semata-mata ataupun dia menganggap bahawa ianya selepas tengok filem hantu *Penanggal* itu maka dia betul-betul percaya penanggal ada dekat belakang rumah. Rata-rata saya rasakan tidak banyak orang yang betul-betul percaya tetapi dia menganggap hiburan semata-mata. Kita kena beritahulah kanak-kanak sebab itu dia ada rating dia. Ini sesuai umur 18 tahun ke atas, 15 tahun dan sebagainya.

Jadi, beberapa perkara lain, saya terima apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pengerang tadi soal Jabatan Penerangan, JASA dan sebagainya. Saya rasa saya akan ambil dan saya minta kawan-kawan kita daripada Jabatan Penerangan, JASA dan sebagainya untuk kita cetak balik segala apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat daripada Pengerang tadi. Banyak perkara-perkara yang telah disebutkan untuk saya minta rakan-rakan daripada Jabatan Penerangan duduk, tengok balik. Saya hendak beri mereka datang dengan satu *feedback* baru bagaimana untuk mengubah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan dalam konteks masa kini. Terima kasih banyak atas segala apa yang disebutkan. Sistem kita ada yang masih relevan, ada yang dianggap sudah tidak relevan kerana Jabatan Penerangan ini antara jabatan yang tertua sekali. Sekarang ini mengendalikan maklumat ataupun penerangan sudah dianggap tidak boleh *decentralize*, tidak boleh dipusatkan lagi.

Dahulunya ada Kementerian Penerangan untuk menerangkan semua perkara yang berkaitan dengan kerajaan. Akan tetapi akhirnya orang menganggap bahawa perkara-perkara, tajuk-tajuk ataupun subjek *matter* dengan izin Yang Berhormat, menjadi lebih kompleks. Tidak boleh diterangkan oleh seorang pegawai biasa dalam Jabatan Penerangan. Hendak terang TPPA, dia tidak faham terlalu kompleks. Akan tetapi rakyat banyak bertanya tentang perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu panjang lagi tidak sebab kita ada satu kementerian lagi.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Kalau ada arahan berhenti, saya boleh berhenti sekarang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan arahan ya. [*Ketawa*]

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang Berhormat, saya tidak jawab nanti kena marah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau boleh jawab bertulis boleh?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Oleh sebab itu, sekarang ini setiap kementerian dia ada dia punya CIO dia sendiri, *Chief Information Officer* mereka sendiri untuk menerangkan bagi termasuk juga di jabatan-jabatan di majlis perbandaran dan sebagainya. Tugas penerangan semakin – ditugaskan di peringkat bawah tidak boleh berpusat. Oleh sebab itu Kementerian Penerangan pun sudah tidak ada lagi, jabatan. Jadi tentang perkara yang disebutkan tadi saya akan ambil berat. Tentang peranan yang dimainkan, kaedah yang dimainkan perlu suatu *overhaul*,

suatu perubahan dan penstrukturan yang baru, saya setuju. Mungkin saya akan menjemput Yang Berhormat untuk berkongsi pandangan dengan rakan-rakan kami di kementerian.

Ada perkara-perkara lain yang disebutkan tentang soal khidmat MERS 999. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru, sekurang-kurangnya mengiktiraf. Akan tetapi saya tidak pasti tentang kata ada berapa peratus, 30% yang tidak dijawab. Saya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ia dalam *Audit Report*...

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya ada perkara yang kita perlu jawab apa yang disebutkan oleh *report* tetapi kadang-kadang ada perkara yang agak *confuse*, dikatakan panggilan senyap dengan panggilan yang tidak dijawab. Banyak orang *confuse* panggilan senyap itu ialah saya sendiri dalam dua hari yang lepas, saya pergi ke *Response Centre* (RC) dalam perkhidmatan MERS 999. Saya duduk di situ, ada 40 orang yang bertugas di satu-satu *centre*, dia ada tiga sekarang ini di Kuala Lumpur, Melaka dan juga di Kuching. Untuk menerima panggilan ini, setiap seorang yang menerima panggilan, dia menerima pada purata antara 800 hingga 1,200 panggilan satu hari. Ia bukan satu perkara yang mudah. Antara 800 hingga 1,000 panggilan satu hari.

Sebahagiannya panggilannya kerana panggilan senyap ini ertinya kalau kita ada kita punya telefon bimbit kita. Kadang-kadang orang hendak buka itu sahaja dia kena pakai *pin number* dia. Akan tetapi dekat bawah itu tanpa *pin number* dia ada *emergency call*. Kalau orang hendak buat panggilan kecemasan tidak perlu *pin number*, *emergency call*. Ramai orang yang tertekan. Oleh sebab itu kita buat dalam sebulan purata yang *emergency all* yang betul-betul *emergency* ialah lebih kurang 41,000. Akan tetapi panggilan tertekan ini saya kata tertekan senyap, ada juga mengganggu, ada yang telefon, sekali yang jawab lelaki. Dia tidak hendak cakap lelaki hendak cakap dengan perempuan, ada juga kes yang macam ini ataupun panggilan palsu.

Panggilan yang tertekan lebih kurang satu juta lebih sebulan. Kita ada lebih kurang tiga juta panggilan, secara pukol rata setiap bulan tiga juta panggilan, yang betul-betul dianggap *emergency* ialah 41,000. Saya melihat dan saya kagum dan saya ingin menyatakan penghargaan saya tentang mereka yang bekerja ini, saya harap di masa yang akan datang lebih ramai orang bukan Melayu untuk memohon. Ini kerja-kerja betul di barisan hadapan kerana mereka begitu bersemangat hendak selamatkan nyawa orang. Cepat berhubung supaya bagaimana mereka mendengar panggilan tersebut, mereka dapat membuat *assessment* ini betul, palsu, orang hendak bergurau, hendak apa dan sebagainya. Mereka penuh dengan jiwa mereka untuk menolong orang panggil, anjing yang jatuh dalam longkang pun dia layan, ada kebakaran dia layan. Dalam masa yang sama terus berhubung mendapat GPS dalam peta dia ada beritahu pada balai polis yang terdekat, Pejabat Pertahanan Awam yang terdekat, ambulans yang terdekat, *get ready* untuk berjalan sana. Akan tetapi dalam masa yang sama mereka berusaha untuk menenangkan mereka yang terlibat dan sebagainya.

Ini memerlukan lagi kepakaran, *skill* yang perlu dipertingkatkan kepada mereka, ini adalah merupakan satu proses bagi kita untuk melihat bahawa negara kita tidak boleh menerima tragedi. Kalau ada tragedi kita tidak boleh terima. Seluruh sistem kerajaan mesti dikerahkan. Oleh sebab

itu saya minta supaya Pusat MERS 999 *insya-Allah* di dalam sesi Parlimen yang akan datang akan meminta semua Ahli Parlimen tidak kira kerajaan ataupun pembangkang. Kita ada mengadakan lawatan di sana dan saya hendak dengar pandangan-pandangan Yang Berhormat, bagaimana untuk meningkatkan khidmat ini. Ini kerana mereka di barisan hadapan bukan mereka bercakap ini, “*Saya hendak telefon ini ada kecemasan, yang tanya ini orang PAS atau DAP kah?*” Dia tidak tanya. Dia hendak tolong, dia akan tolong. Saya minta pandangan Yang Berhormat nanti kalau ada perkara-perkara yang perlu dibaiki dan sebagainya.

Saya sudah minta supaya bulan Mac yang akan datang satu sesi untuk Ahli-ahli Parlimen sendiri untuk melawat. Bagaimanakah mereka mengendalikan perkara ini dan kita menganggap bahawa setiap sen yang kita gunakan ialah untuk rakyat. Kalau ada perkara yang tidak baik, kita buang. Ada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Audit dan sebagainya kita telah jawab. Ada perkara yang substantif, ada perkara yang mungkin jadi salah faham. Misalnya tentang isu jam RTM, mengenai pengubahsuaian studio di mana studio tersebut telah ditenderkan untuk ubah suai studio tersebut. Berapa kos daripada semua perkara, kelengkapan, kamera, kerusi, meja dan sebagainya telah diberikan hujung kepada syarikat tersebut. Syarikat yang mendapat adalah yang mengeluarkan, yang menawarkan tender yang paling rendah. Kemudiannya syarikat tersebut dalam lebih kurang RM9 juta untuk baiki studio tersebut, beberapa studio bukan satu studio sahaja.

#### ■2040

Dia rasa bahawa dia ada lebih daripada keuntungan yang dia dapat, dia tidak membeli jam yang asalnya RM100. Dia membeli jam yang disebutkan tadi RM3000, tanpa meminta wang tambahan. Kita tahu jam ini ada yang semurah RM20 pun ada. Ada jam yang kita tahu jam harga RM100,000 pun ada tetapi dia beli jam yang mahal kerana jam ini dipanggil jam *precision clock* kerana dia menganggap bahawa untuk stesen televisyen nasional perlukan *precision clock*. Sebab kita kena tahu bahawa dalam dunia sekarang ini satu perkara yang susah untuk cari, jam siapa yang betul. Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Pasir Puteh cuba tengok betul-betul- tidak sama! Jam kita tidak sama. Dahulu TV3 lain, RTM lain. Jadi *reference* kita apa? Dalam negara kita ada SIRIM, tetapi rujukan dunia misalnya di Amerika ada *Department of Time*. Untuk jam itu betul, kerana dia hendak arahkan kapal selam bergerak ke sana, hendak serang sana, *satellite* hendak bergerak sahaja, maka dia kena rujuk pada satu jam. Dia tidak boleh ikut jam masing-masing.

Jam biasanya walaupun kita ada *Quartz*, apa sebagainya, ia ada *error*. Jam yang ada *error* paling sedikit, dia panggil *atomic clock*. Ada, sedikit *erromya*, setelah berapa tahun, ia ada lari satu saat, berapa ratus tahun ia lari satu malam, ada. Ini jam jadi rujukan. Jam ini, *time* itu, dipancarkan 24 satelit seluruh dunia. Jadi sekarang ini kalau Yang Berhormat buka telefon, kita tahu kerana jam ini telah sambung kepada GPS. Sebab itu 2242, tengok sana sudah ada tetapi kena pakai *SIM card*. Akan tetapi *precision clock* yang perlu diadakan di pejabat atau di studio penyiar nasional misalnya, sama berdasarkan kepada yang disambung kepada satelit untuk rujukan kepada

*Department of Time* tadi. Supaya kita tidak lari lagi. Mungkin kita tidak ada guna untuk perang dan sebagainya, untuk kapal perang hendak bergerak, untuk kapal terbang hendak bertolak di peringkat, tetapi sekurang-kurangnya waktu berbuka puasa dan waktu sembahyang adalah tepat. Dan bukannya jam yang berharga RM100.

Orang salah faham, mungkin perbezaan cara persembahan dalam Laporan Audit itu, orang faham bahawa jam RM100 dibayar RM3000, ada pegawai yang ambil RM2900. Ini orang fikir rasuah macam itu. Tidak. Dia tidak pakai. Dia ada duit lebih dia tidak beli jam RM100, dia kata okay, untuk sini saya menggunakan bajet yang telah diberikan kepada kami untuk tambah jenis jam yang lebih baik tetapi walau bagaimanapun, pihak kami adakan jawatankuasa untuk tengok perkara ini dan jelaskan kepada Audit kemudian supaya - saya sendiri tidak boleh terima sebarang penyelewengan di mana-mana pihak. Saya sendiri kalau orang tuduh saya, saya pergi ke PAC. Saya minta kalau boleh *live*, tetapi dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat di Parlimen, belum lagi membenarkan perkara tersebut supaya dapat tengok. Pembangkang hendak tanya, tanyalah kerana bagi kita percaya pada prinsip kerajaan yang baik, kerajaan yang telus, kerajaan yang bertanggungjawab terhadap perkara yang ditimbulkan.

Tuan Pengerusi, mungkin ada beberapa perkara yang tidak dijawab di sini. Kita akan jawab secara bertulis.

Ada beberapa isu Yang Berhormat Penampang boleh kita ingat. Saya akan bagi tahu sebab masa agak banyak saya ambil. Yang Berhormat Menteri seterusnya pun sudah bersedia. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih banyak-banyak di atas semua soalan dan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dalam soal ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,452,903,000 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,452,903,000 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM593,378,400 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM593,378,400 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.48 [Jadual] –  
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Pengerang.

**8.45 mlm**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya merujuk Tuan Pengerusi 070200. Butiran membanteras pemerdagangan orang dengan peruntukan RM2.97 juta.

Tuan Pengerusi, *human trafficking* dalam bahasa Inggeris, dengan izin, adalah satu gejala yang semakin berleluasa di rantau Asia dan juga di negara kita. Kajian dan laporan menunjukkan bahawa Malaysia ini boleh dilihat sebagai satu destinasi. Saya hendak merujuk kepada *Wikipedia*. Kalau kita tekan- "*human trafficking in Malaysia*", dengan izin, ia akan mengatakan- Malaysia ini dianggap sebagai destinasi ataupun dilihat sebagai satu sumber, yang mana wanita, kanak-kanak termasuk lelaki, dalam memperdagangkan manusia, bukan sahaja dalam aspek perdagangan seks tetapi juga dalam aspek pekerja asing, dan juga pemaksaan pekerja- *force labor*, dengan izin.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkanlah RM2.9 juta ini boleh dilihat mencukupi untuk membantu membanteras sama ada dalam aspek memberikan maklumat, penerangan ataupun lebih kepada pendekatan yang disebut mengurangkan dalam aspek, dalam bahasa Inggeris- *prevention*. Sebab perkara ini Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang kalau kita tekan *Wikipedia*, ini boleh memalukan negara. Dan kalau kita tengok Malaysia, sebagai negara pelancongan antara yang terhebat dalam negara Asia ini, kita tidak hendak disalah lihat apabila masuknya pelancong, ataupun kemasukan-kemasukan mereka sebagai pelajar dan sebagainya, boleh dilihat dalam aspek kononnya memperdagangkan manusia. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri, perkara ini perlu dijadikan satu rujukan.

Saya hendak sebut, kalau kita tengok dalam *Wikipedia* Tuan Pengerusi, mereka menyebut bahawa kemasukan mereka ini, pekerja-pekerja ini, selalunya secara rela hati kemudian akan disalahgunakan. Mereka ini banyak datang daripada Indonesia, Nepal, India, Thailand, China, Burma, Bangladesh, Pakistan, India, *Philippine* dan sebagainya. Jadi bagi saya RM2.9 juta untuk tahun 2014 ini bukan satu jumlah yang menggalakkan secara tidak langsung. Walaupun bagi saya, saya tahu dan saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, di mana rumah anti-perdagangan orang di Johor, Butiran 080700. Saya tengok peruntukan diberi RM530,000.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri cukupkah peruntukan ini? Sebab kalau kita tengok secara tidak langsung, galakan daripada Belanjawan Kementerian yang begitu banyak, seolah-olah isu ini satu isu yang kecil. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sedikit penerangan yang jelas dalam aspek tajuk ini kerana secara tidak langsung, ia akan memberikan



satu persepsi yang negatif kepada Malaysia, memandangkan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan, dan kita tidak mahu elemen negatif ini memalukan kepimpinan negara, seolah-olah perkara ini sesuatu perkara yang boleh dikesilkan dan diketepikan.

Kedua, saya merujuk kepada Butiran 050100 iaitu *NAM Institute for the Empowerment of Women* (NIEW). Peruntukkan RM4.1 juta. Jadi saya hendak memohon kepada Yang Berhormat Menteri, sejak kewujudan ini yang mana kalau kita kaitkan kepada adanya ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2005, pada 1 Julai 2006, NIEW telah diwujudkan. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, untuk membentangkan aktiviti-aktiviti NIEW ini semenjak ia ditubuhkan, apakah NIEW ini telah berjaya dalam misi dan visinya? Dan sekiranya ia berjaya, apakah petanda-petanda kejayaan dalam memperjuangkan *empowerment of women*?

#### ■2050

Dalam bajet 2014 ini, dalam kepala Bekalan 48 ini, cadangan pengagihan dana kepada NIEW adalah dalam jumlah RM4.1 juta. Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, untuk meningkatkan kerjasama NIEW ini dengan badan-badan lain seperti *United Nation Development Programme Malaysia* (UNDP), yang memperjuangkan isu-isu memperkasakan wanita dalam isu gender di mana kalau kita tengoklah negara kita ini, memang dilihatkan— Saya hendak bercakap tentang 30% ini ada kepimpinan mengatakan bahawa mungkin dalam aspek korporat itu kita sudah sampai. Akan tetapi dalam aspek politik ini masih belum sampai sama ada kerajaan pemimpin Barisan Nasional ataupun daripada pembangkang, jumlah peratusan 30% memang tidak sampai pada pilihan raya yang ke-13 baru-baru ini. Secara tidak langsung ukuran 30% dalam politik, jangan kita sebut dalam aspek kepimpinan atau pun wakil dalam Parlimen atau pun kerajaan negeri. Akan tetapi juga kita perlu melihat dalam aspek kepimpinan di peringkat bawahan.

Saya tahu memang dasar kita hendak adanya ketua kampung perempuan itu memang susah Yang Berhormat Menteri, agak janggal. Akan tetapi kita perlu melihat bahawa bila kita bercakap tentang sensitiviti gender bererti bahawa bukan sahaja dalam elemen korporat, tetapi juga dalam elemen kepimpinan politik. Jadi saya hendak tanya juga pada Yang Berhormat Menteri, setakat ini GLC kerajaan sama ada Petronas atau FELDA sudah macam-macam yang kita tengok berbilion-bilion ringgit kejayaan dan sebagainya. Kemungkinan di segi lembaga tu adalah perempuan tetapi kepimpinan sama ada CEO atau CFO dan sebagainya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapa banyak wanita-wanita Malaysia telah berjaya? Saya tahu setakat ini yang kita bangga ialah dengan Tan Sri Zeti Aziz sebagai Gabenor Bank Negara. Bukan satu pencapaian yang begitu mudah.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada kepala Kebajikan Masyarakat iaitu bila kita tengok kepada 040000. Inilah antara yang paling tinggi kalau kita tengok dan izinkan saya merujuk kepada 040200 – Perancangan dan Pembangunan, 040300 – Kaunseling dan Psikologi, 040400, 040600, 040800, 040900, 041000, 041100 dan 041200. Suka tidak suka kita tengok bahawa negara kita ini memang dalam elemen sebagai negara kebajikan. Sebagai wakil rakyat, saya memang tengok banyak bantuan diberi oleh kerajaan dan kerajaan kita ini boleh dilihat sebagai salah satu kerajaan

yang memang begitu peka kepada isu kebajikan. Akan tetapi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kita telah membuat kajian setakat mana seperti kata peribahasa orang putih Tuan Pengerusi;

*“You give a man a fish, you feed him for a day;*

*But you give a man a fishing rod, you feed him for his life”*

Jadi sekarang ini saya hendak timbulkan perkara ini dengan izin, bahawa kalau kita ini sebagai sebuah negara kebajikan, kita mesti mempunyai satu *target*, *target* kita ialah negara ini mesti kepada arah yang dapat memperkasakan mereka dalam bantuan kebajikan supaya mereka tidak menjadi dalam golongan hendak kan kebajikan. Ini yang perlu menjadi tanggungjawab kita. Kalau tidak, kita sentiasa membantu, menggalakkan bantuan kebajikan sebab bagi kita ini tanggungjawab kita. Betul, tetapi perlu adanya satu dasar atau pun pelaksanaan yang dapat, apa kata orang dengan izin, dapat memberikan mereka kemampuan supaya mereka dapat meneruskan hidup mereka dalam keadaan yang lebih berjaya.

Saya sebagai wakil rakyat sebagai contoh, kita tengok banyaknya NGO-NGO atau pun rumah-rumah kebajikan dan sebagainya. Bantuan-bantuan yang mereka minta daripada masyarakat, daripada wakil rakyat sebagai contoh memang kita faham dan kita terima. Akan tetapi perlu juga kita mempertekankan bahawa perlulah wujudnya satu pendekatan untuk mewujudkan keadaan yang lebih baik daripada menjadi mereka yang hanya meminta. Itu sebenarnya yang saya hendak tujukan kepada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, saya rujuk kepada Pembangunan Wanita - 020000. Kalau kita tengok lah inisiatif bajet daripada kementerian dalam isu wanita, saya pun mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri sebab bila kita tengok tentang isu wanita memang kerajaan sebagai salah satu kerajaan yang begitu peka. Walau bagaimanapun seperti yang saya sebut tadi, peruntukan yang kita tengok pada tahun ini, tahun depan iaitu lebih kurang RM27 juta Yang Berhormat Menteri. Bagi saya kita perlu mewujudkan satu perjalanan untuk mencapai sesuatu. Jadi setakat kita dalam aspek pembangunan wanita, membantu wanita itu satu aspek tetapi kita mewujudkan kemudahan untuk mewujudkan satu dengan izin, mewujudkan *independence*, dengan izin.

Dalam aspek kita dalam segi wanita contohnya dari segi undang-undang. Undang-undang Keluarga Islam sebagai contoh, undang-undang dengan izin, *Sexual Harassment Act*. Benda ini semua perlu menjadi satu memperkasakan kementerian di mana dalam sesi yang akan datang, inilah yang perlu dikejar oleh kementerian sebab ini tanggungjawab kementerian.

Saya tahu Tuan Pengerusi, kementerian ini bukan sahaja kementerian wanita, tetapi kementerian ini juga boleh dilihat sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Betul, tetapi dalam aspek iaitu suka tidak suka lebih daripada 50% masyarakat kita adalah kaum wanita. Kalau kita tengok di universiti Tuan Pengerusi, tiga perempuan satu lelaki masuk universiti dalam negara kita. Begitu bijak bestari kaum hawa. Saya tidak mengatakan kaum adam tidak pandai, tetapi saya hanya menyatakan bahawa komitmen kementerian kepada isu wanita mesti untuk mencapai sesuatu. Jadi isu-isu yang dihadapi oleh wanita, berhadapan dalam

isu-isu yang tidak mencukupi undang-undang sebagainya perlu menjadi perjuangan Kementerian. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat Menteri, ini akan menjadi isu yang diperjuangkan pada tahun 2014.

Akhir sekali butiran 040800 iaitu RM56.1 juta peruntukan kalau kita tengok dalam isu kanak-kanak. Dalam aspek ini, saya ingin menyatakan bahawa pada tahun 2013, kes-kes deraan pada anak-anak dilihat lebih kurang pada 1,500 kes. Pada tahun 2014 ini dalam anggarannya, dianggarkan mungkin 4,000 kes akan menjadi jumlah. Jadi saya memohon pada Yang Berhormat Menteri, untuk memberi perincian terhadap peruntukan sebanyak RM56.4 juta ini dalam mengendalikan isu kanak-kanak, berapakah rumah jagaan dan perlindungan di bawah Kementerian? Apakah pendekatan-pendekatan baru yang dirancang oleh pihak Kementerian dalam mengurus rumah jagaan dan perlindungan, khususnya apakah program-program yang akan dilaksanakan untuk kesejahteraan dan pemberian bantuan kaunseling kepada kanak-kanak yang besar kemungkinan mengalami tekanan mental akibat mereka mungkin terseksa atau pun terabai.

Jadi baru-baru ini Tuan Pengerusi, kalau kita tengok surat khabar, selang hari atau pun hari-hari mesti ada kes deraan sama ada anak-anak itu menjadi mangsa atau pun anak-anak itu yang *perpetrator* dengan izin, dialah yang memangsakan seseorang. Baru-baru ini kita baca surat khabar, budak 10 tahun boleh dengan izin, melaksanakan *sexual misconduct* pada budak berumur 6 tahun. Saya tidak tahulah 10 tahun itu apa yang dia boleh buat kepada budak 6 tahun. Akan tetapi ini pemikirannya. Kemudian kita baca surat khabar, bayi 6 bulan pula diperkosa dan sebagainya. Ini tidak tahu manusia ini, manusia atau binatang yang boleh dia melaksanakan dan tergamak melakukan sesuatu kepada anak-anak yang tidak berdosa.

Jadi dalam aspek ini, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya telah kita lakukan sebagai satu Kementerian yang bercakap tentang pembangunan kanak-kanak? Apa yang kita lakukan untuk menentukan tidak berlakunya perkara sedemikian, kejahatan kepada anak-anak? Apa sebenarnya yang telah kita laksanakan bila kita bercakap tentang dengan izin, *awareness*, kepekaan kepada keluarga? Oleh sebab kadang-kadang bila kita tengok anak-anak ini, yang menjadi memangsakan mereka selalunya datangnya daripada keluarga. Jaranglah orang tepi jalan dan sebagainya yang hendak melakukan sesuatu. Akan tetapi selalunya dalam rumah, dalam isi rumah mengambil kesempatan.

Jadi saya berharaplah Yang Berhormat Menteri, daripada perkara ini, bila kita bercakap tentang kanak-kanak kita tidak boleh hanya tengok pada kanak-kanak yang berjaya, kanak-kanak yang dilihat dalam keadaan yang tidak pernah menjadi mangsa. Kita mesti kata orang peka kepada isu yang memang kanak-kanak akan menjadi mangsa disebabkan mereka adalah golongan yang susah hendak mempertahankan diri mereka.

Jadi saya hendak bertanya pada Yang Berhormat Menteri, berapa peratusankah daripada jumlah peruntukan bagi kanak-kanak dalam Bajet 2014 ini diperkhususkan untuk menangani dan menguruskan kes-kes penderaan kanak-kanak? Saya juga memohon pada Yang Berhormat Menteri, menyatakan apakah cara dan mekanisme yang terpakai dalam pengendalian kanak-kanak

yang didera? Bolehkah kita wujudkan program kaunseling dan juga kita mewujudkan kepekaan kepada keluarga secara menyeluruh?

■2100

Oleh sebab bila bercakap tentang kementerian ini, kita memang cukup peka bila bercakap tentang kebajikan, orang-orang tua dan sebagainya, kurang upaya. Bercakap tentang wanita, kita adanya NGO-NGO yang memperjuangkan wanita. Akan tetapi bila kita bercakap tentang kanak-kanak, kanak-kanak yang ada dalam rumah kita menjadi mangsa bukan saja penderaan dari segi fizikal, kemungkinan penderaan dari segi fizikal dan juga segi mental.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Jadi apa yang kita buat. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pengerang. Kesimpulannya, Yang Berhormat Pengerang menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

9.00 mlm.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan peringkat Jawatankuasa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi Maksud P.48 *insya-Allah*. Tanggungjawab membina keluarga adalah satu amanah yang sangat besar dan saya memulakan perbahasan ini dengan satu doa yang Allah SWT suruh kita sentiasa baca... [*Membaca sepotong doa*] ...yang bermaksud "*Ya Allah kurniakanlah kepada kami pasangan hidup dan anak-anak yang menjadi penyejuk kepada mata hati dan jadikanlah kami pimpinan bagi orang yang bertakwa*".

Pentingnya institusi keluarga dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah satu kementerian yang cukup besar di mana kementerian ini yang dinamakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, membangun insan itu sendiri. Akan tetapi sayang kita melihat dalam peruntukan yang disediakan dalam Bajet 2014 ini kita melihat peruntukan pembangunan semakin mengecil. Kalau kita bandingkan pada tahun 2010, peruntukan pembangunan RM449 juta tetapi pada 2014 hanya RM107 juta. Sangat tercorot. Jadi kenapakah ini berlaku? Apakah sudah selesai isu-isu pembangunan sehingga begitu merudum dari sudut peruntukannya sedangkan kita lihat tanggungjawab yang cukup besar? Sasaran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bukan saja wanita, melibatkan kanak-kanak, melibatkan remaja, melibatkan orang kurang upaya, orang papa, warga emas, warga komuniti, NGO dan banyak lagi. Jadi ini adalah satu tugas yang sangat besar.

Saya ingin penjelasan juga daripada pihak kementerian ialah peranan yang dimainkan oleh Penasihat Hal Ehwal Wanita yang dilantik oleh Perdana Menteri. Kita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dilantik sebagai Menteri Wanita yang baru tetapi apa perlunya Penasihat Hal Ehwal Wanita. Saya ingin tahu apakah yang telah dinasihatkan? Apa peranannya? Apakah tidak cukup dengan pegawai, dengan kakitangan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga perlu seorang penasihat lain untuk menasihati hal ehwal wanita dengan gaji yang begitu mahal? Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian apakah perkara yang telah dinasihatkan dan apakah kejayaan yang telah dicapai sebelum ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan juga iaitu berkaitan dengan Dasar Pembangunan Wanita. Ini juga ialah sejauh mana pelaksanaan yang telah dibuat yang melibatkan kepentingan kaum wanita khususnya. Dalam program-program yang dilaksanakan, sejauh mana kejayaannya dan apakah program ini hanya dibuat di peringkat nasional. Sejauh mana program ini dilaksanakan di peringkat daerah-daerah sebab kita melihat ini hari ini isu keruntuhan rumah tangga sangat menyayat hati. Isu perceraian. Kadar yang cukup mengejutkan di mana lebih kurang 15 minit satu perceraian berlaku di Malaysia. Satu purata yang sangat menggerunkan. Begitu juga masalah keganasan rumah tangga, masalah yang berkaitan dengan penderaan kanak-kanak. Ini adalah isu keluarga yang sangat besar. Jadi sebab itulah saya ingin penjelasan sejauh mana kementerian menangani isu-isu yang ada, yang berkaitan ini dan apakah program ini diturunkan di peringkat bawah sebab masalah sebenar berada di bawah. Kalau kita buat di peringkat nasional, mungkin pimpinan-pimpinan tertentu sahaja yang terlibat tetapi golongan rakyat, ramai keluarga teramai yang berada di bawah.

Saya ingin penjelasan juga berkaitan dengan 010300 berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Sebagaimana kita tahu lebih daripada hampir 54% tenaga sektor awam kita melibatkan tenaga wanita. Ini adalah satu aset yang sangat mahal bagi negara. Peranan wanita cukup penting dalam pembangunan negara. Soalnya di sini ialah sejauh mana persiapan yang telah diberi, yang dibuat oleh pihak kerajaan terutama sistem sokongan terhadap pekerja-pekerja wanita. Ini kerana kita melihat pekerja wanita ini pekerja yang sangat disiplin, yang sangat tekun, yang sangat amanah. Mereka boleh memberikan komitmen yang begitu baik tetapi dia memerlukan sokongan dan sokongan untuk mereka melaksanakan tugas dengan yang terbaik dari segi jadual waktu kerja, dari sudut tempat asuhan sebab kita tengok tempat asuhan sekarang kos yang sangat mahal. RM450 untuk satu kanak-kanak. Bayangkan kalau gaji tidak seberapa. Dengan kos hidup yang tinggi di bandar dan sebagainya. Jadi setakat ini dengan program yang dilaksanakan di bawah Bajet 2014 ini, apakah sistem sokongan yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan?

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan dasar yang melibatkan Dasar Sosial Negara iaitu 010500 iaitu Pelaksanaan Perkhidmatan Sosial. Jadi kita tengok hari ini, isu sosial adalah isu yang besar yang mana ia melibatkan wanita gelandangan dan sebagainya. Jadi sejauh mana kejayaan program yang telah dilaksanakan oleh kementerian hari ini? Begitu juga program yang telah dibuat berkaitan dengan khidmat sosial seperti Anjung Singgah ataupun program-

program yang melibatkan golongan yang bermasalah yang telah dilaksanakan. Setakat ini berapa orang yang telah berjaya kita pulihkan dan berapakah bajet peruntukan terutama kita membantu NGO-NGO yang melaksanakan tanggungjawab sosial yang begini besar pada hari ini?

Saya ingin menyentuh juga iaitu berkaitan dengan pembangunan rumah Nur dan Majlis Pembangunan Wanita Keluarga (MPWK). Sejauh mana kejayaannya? Apakah perancangan yang telah dibuat untuk menambah baik program-program yang telah dilaksanakan. Begitu juga sejauh mana pemantauan dibuat. Saya mendapati banyak isu-isu berkaitan dengan wanita yang berkaitan terutama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang perlu kita pantau termasuk juga isu berkaitan dengan kekeluargaan.

Jadi saya menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pengerang tadi, undang-undang yang berkaitan dengan wanita, yang berkaitan dengan undang-undang keluarga perlu dinilai balik, ditengok. Mana yang perlu dibuat penambahbaikan termasuk juga Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) yang telah kita buat pindaan pada 2005. Mungkin ada lagi item-item yang perlu kita hendak buat penambahan untuk memberi keadilan, mengiktiraf peranan wanita sebagai ibu dan isteri dalam keluarga supaya tidak diambil kesempatan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Jadi kementerian seharusnya mengambil berat isu-isu yang berkaitan dengan perundangan termasuk juga saya ingin menyentuh iaitu berkaitan dengan Bantuan Kebajikan Masyarakat di mana di bawah peruntukan 040000 ini, kita melihat peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini cukup besar terutama dalam bidang kebajikan di mana banyak masalah yang kita dapat aduan, aduan di mana di antara kita dapat dengar bantuan yang lewat diterima daripada tarikh yang telah ditetapkan. Kelulusan borang permohonan yang terlalu lambat. Kadang-kadang orang yang kurang upaya terpaksa hadir sendiri di pejabat kebajikan untuk terima bantuan. Saya ingin bertanya, apakah telah dibuat analisa cara pembahagian bantuan yang lebih berkesan sebab kita mendapat aduan daripada golongan miskin di bawah mereka terpaksa berbelanja daripada kalau mereka dapat RM80 sebulan ataupun RM150 ataupun RM300.

Mereka terpaksa belanja untuk tambang sahaja RM20 sebab hendak datang ambil. Tidak boleh kah di *bank-in* terus kepada akaun penerima. Mungkin ini boleh mengurangkan kos untuk dia datang dengan keadaan uzur apa lagi dalam OKU yang cukup memayahkan golongan yang memerlukan bantuan. Jadi begitu juga dari sudut keselamatan. Keselamatan kewangan apabila dia bawa *cash*. Sekarang dengan kes ragut dan sebagainya. Orang-orang tua, warga emas datang hendak ambil duit RM300. Kalau begnya diragut, apa jadi. Kenapa kementerian tidak bank in terus kepada akaun bagi menyelesaikan isu-isu yang sebegini?

Jadi begitu juga saya ingin minta penjelasan berkaitan dengan senarai pemutihan di bawah e-JKM ini sebab kita dimaklumkan ada juga orang yang tidak layak masih tersenarai dalam penerima bantuan. Jadi sejauh mana kecekapan kakitangan ataupun tenaga pegawai di peringkat daerah-daerah untuk memantau semua penerima-penerima bantuan ini supaya mereka yang layak sahaja menerima bantuan. Kita tidak mahu kes berlaku ada mereka yang memang berhak dan

layak tetapi tiba-tiba nama mereka terpadam ataupun terkeluar daripada senarai. Jadi minta perkara ini diberi pemantauan yang serius oleh pihak kerajaan.

Saya ingin juga bertanya berkaitan dengan peruntukan untuk OKU. Di mana golongan OKU ini adalah golongan yang seharusnya kita ambil perhatian.

■2110

Kita faham golongan OKU ini adalah sebahagian daripada rakyat kita yang sepatutnya diberi pengiktirafan merentasi kementerian. Tidak kira bukan hanya khusus di bawah Kementerian Wanita. Jadi, tidak lagi kita menjadikan mereka adalah golongan yang terpinggir. Sudah sampai masanya memberi pengiktirafan kepada mereka.

Selain daripada apa yang saya telah sebutkan tadi, kita perlu perjuangkan untuk membela mereka, elaun kecacatan, elaun kesusahan mereka sebagai tambahan daripada elaun biasa. Itu perlu diberi penekanan oleh pihak kementerian. Di mana saya juga mencadangkan supaya di bawah Jabatan Perdana Menteri khususnya, mungkin Kementerian Wanita boleh berbincang dengan Jabatan Perdana Menteri untuk di bawah jabatan itu tadi satu unit khas yang memantau untuk pengupayaan orang kurang upaya ini untuk memastikan..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Gulung.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Sudah cukup masa? *Ya Allah.* Jadi, untuk memastikan mereka ini diberi pemantauan yang lebih baik dari segi pelaksanaan. Begitu juga dari sudut pemberian elaun khas kepada NGO, OKU dengan yang berpatutan. Oleh sebab mereka terbeban dengan tugas yang sangat besar. Termasuk juga kita wujudkan satu pusat sehati untuk golongan OKU ini. Jadi, kerana masa tidak mengizinkan, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

9.11 mlm.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak berbahas Maksud Perbekalan 48. Saya tertarik dan ucap tahniah kepada Kementerian Wanita kerana meletakkan jumlah yang agak besar juga untuk sosioekonomi warga emas.

Apa yang menarik di sini adalah warga emas merupakan satu golongan yang akan membesar dalam negara kita dan apabila umur kita bertambah baik, kesihatan terjamin. Saya baru-baru ini sempat pergi ke majlis warga emas di Johor Bahru, peringkat Johor. Saya lihat golongan emas ini begitu aktif dan tiga perkara yang dapat saya rumuskan:

- (i) saya insaf kerana warga emas inilah yang dahulunya bertungkus-lumus dalam menjayakan pengurusan pentadbiran dan *alhamdulillah*, hari ini kita rakyat Malaysia dapat menerima nikmat daripada warga emas ini;
- (ii) syahdu sebab dia cerita dia darah tinggi, kencing manis, mereka masih bercerita tentang bagaimana hendak membantu orang banjir contohnya; dan
- (iii) saya merasa bangga kerana mereka masih walau pada usia emas, masih mempunyai tenaga, pemikiran yang baik untuk merancang. Contohnya, memikir tentang perpaduan kerana mereka mempunyai pengalaman yang baik, jaringannya baik, kenalan yang baik untuk menceritakan kepada generasi baru betapa permuafakatan yang dibentuk selama berpuluh tahun ini oleh mereka mesti diperpanjang kepada generasi masa depan untuk menjamin kesejahteraan.

Tiga perkara insaf, syahdu dan bangga. Jadi, saya minta kementerian untuk jangan dikesampingkan warga emas, malahan mesti diarusperdanakan. Ini kerana terlalu banyak perkara yang boleh memberi kebaikan kepada generasi baru. Khususnya pada hari ini bila anak-anak kita sudah mula terkesamping dari segi sejarah warisan, pengalaman, pencapaian yang dikecapi yang telah dijana oleh golongan warga emas ini.

Jadi, saya ucap tahniah dan minta kepada kementerian melipatgandakan, khusus kepada persatuan-persatuan pesara, persatuan-persatuan warga emas. Mesti diperkasakan dan diarusperdanakan supaya mereka menjadi sebahagian daripada sejarah pencapaian kejayaan negara yang mesti di langsung kesinambungan kepada masyarakat masa depan.

Keduanya, saya hendak sentuh sedikit tentang keluarga dan masyarakat. Ini kerana kementerian ini juga bertanggungjawab dari pembangunan keluarga. Kita kerajaan, saya ucapkan tahniah juga untuk bajet tahun ini. Kita telah menyasarkan hendak membina satu juta rumah dalam lima tahun.

Saya hendak bertanya kepada Kementerian Lembaga Penduduk dan Pembangunan, di samping membuat program-program reproduktif, kesihatan. Sebenarnya *core* ataupun teras kepada pembangunan masyarakat kita masa depan ialah unit-unit keluarga itu sendiri. Mestilah ada pendekatan yang lebih bersepadu dan secara fokus untuk membina persekitaran yang lebih baik kepada setiap unit-unit keluarga di dalam Malaysia.

Kita akan bina satu juta rumah, kita akan membina satu komuniti yang baik, persekitaran yang baik tetapi persekitaran ini, *core* dia, teras dia atau dia punya *nukleus must be*, mestilah dengan izin, terdiri daripada unit-unit keluarga itu sendiri. Jadi, saya hendak minta, apakah perancangan kementerian untuk memastikan unit-unit keluarga ini diperkasakan. Apakah modul-modul yang khas yang mesti diselaraskan secara *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bersama dengan Kementerian Pembangunan Kesejahteraan Bandar dan juga pembangunan komuniti-



komuniti atau perumahan-perumahan rakyat di seluruh negara agar unit-unit keluarga ini mesti diperkasakan.

Saya yakin dan percaya kalau ini kita lihat secara teliti, secara serius, kita dapat menangani berbagai-bagai gejala. Termasuk gejala sosial dan gejala-gejala yang boleh memberi masalah kepada kita di masa depan.

Atas sebab itu saya ingin melihat jumlah RM61 juta ini adalah amat tidak memadai. Perlu dilihat spesifik sebab kalau ditolak kos reproduktif dan kesihatan yang lain, saya yakin amaun untuk kita membina ini terlampau sedikit. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk melihat semula dan saya menyokong kalau usaha-usaha menambahkan bajet untuk memastikan modul-modul pemeraksanaan unit-unit keluarga ini diperkasakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuantan. Selepas Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Sibuti, selepas Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kulai. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

#### 9.16 mlm.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan di bawah Kepala B.48 dan P.48, Butiran 050100 – Pengurusan dan Pelaksanaan Program NIEW. Saya perhatikan bahawa di situ RM4.15 juta Yang Berhormat Menteri, diperuntukkan untuk NIEW.

Jadi, saya pohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Apakah program-program, kursus-kursus? Di sini diletak ada empat kursus, enam seminar, jurnal dan ada tiga kenderaan.

Saya ingin bertanya, mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Siapakah *target audience* NIEW ini? Ini kerana kita lihat, ada peruntukan setiap tahun, ada kursus setiap tahun tetapi Malaysia masih corot dalam konteks Global Gender Gap Index. Kita rujuk kepada Laporan World Economic Forum (WEF) 2013 di mana *Global Gender Gap Index Malaysia* ialah nombor 102 daripada 136 Yang Berhormat Menteri. Kita jatuh dan terus jatuh setiap tahun.

Yang Berhormat Menteri, saya meletak harapan dengan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri yang dahulu, saya sudah *give-up* hendak cakap dalam Dewan sebab dia memang tak boleh hendak jawab. Malah sewaktu Yang Berhormat Menteri yang dahulu jadi Menteri, dua kali *miss* Laporan CEDAW kepada United Nations. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab soalan ini kerana saya pun tak faham lah kenapa Yang Berhormat Menteri yang dahulu jadi Penasihat Khas kepada Perdana Menteri. Saya tak tahu apa benda yang dia akan dinasihatkan kepada wanita di Malaysia.

Jadi, kita sudah jatuh kepada nombor 102 daripada 136. Di mana Philippines nombor lima, Singapura nombor 58, Thailand nombor 65, Laos nombor 60. Brunei pun 88, Vietnam pun 73. Yang kita ini menang dengan Cambodia. Myanmar langsung tak masuk *book*. Jadi dalam ASEAN ini, kita ini sudah antara yang tercorot dan di dunia pun, kita antara yang tercorot. Jadi, NIEW ini

khususnya ialah untuk memastikan bahawa negara-negara NAM ini melaksanakan komitmennya dalam kesaksamaan gender. Yang Berhormat Menteri, *Treasure Watch Report 2012. Malaysia is at the bottom* dalam East Asia dan Pacific.

Saya juga ingin membawa kepada Yang Berhormat Menteri bahawa aspek-aspek yang dikira adalah *health, education*, ekonomi dan politik. Mungkin dari segi pendidikan, kita agak ke depan di Malaysia. Dari sudut kesihatan, kita sedang cuba untuk mendapatkan kesaksamaan buat kesihatan wanita. Akan tetapi dari sudut ekonomi, kita jauh ke belakang.

Dari sudut politik, kita lagi jauh ke belakang. Kita di tahap 10.8% di Dewan Rakyat, diproses kedudukan membuat keputusan peringkat paling tinggi. Kalau kita hendak bandingkan dengan negara-negara lain, kita jauh ke belakang. Kalau negara NAM seperti Honduras, Senegal, negara-negara NAM begitu pun sudah melaksanakan *parity law* Yang Berhormat Menteri. *Parity law* itu Tuan Pengerusi, maksudnya 50-50. Kita masih lagi mempunyai masalah hendak mendapatkan 30% wanita dalam proses membuat keputusan di Dewan Rakyat.

#### ■2120

Tuan Pengerusi, di Algeria pun, negara NAM, sudah ada undang-undang kuota 30% wanita dalam parlimen dan negara-negara lain pun begitu. Saya dan Yang Berhormat Masjid Tanah baru balik daripada *Global Summit* untuk *Woman Parliamentarian*, Ahli-ahli Parlimen Wanita Sedunia. Sebanyak 100 buah negara menghantar Ahli Parlimen dan di situ ada 400 orang Ahli Parlimen wanita daripada seluruh dunia. Di situ kami tidak tahu hendak letak muka dekat mana sebab setiap kali dibahaskan ataupun diceritakan tentang kejayaan-kejayaan negara lain, Malaysia tidak boleh hendak lapor apa-apa sebab Malaysia memang sudah ke belakang. Tanya pasal Laporan CEDAW, kita tidak boleh hendak cakap apa. Pasal *priority law*, kita tidak boleh hendak cakap apa. Pasal *gender equality law* pun kita tidak ada. Kuota pun kita tidak ada. Semua kita tidak buat. Jadi kita susah hendak cakap. Kita tengok sahajalah.

Cuma, pengharapan kami, kita boleh buat sesuatu di bawah wanita sekarang terutamanya... Saya hendak bawa kepada penulisan Zarizana Abdul Aziz berkenaan dengan *Mechanism to Promote Gender Equality in Malaysia: The Need for Legislation*. Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita sebelum ini memang gagallah. Sebelum ini memang tidak ada langsung hendak bawa pindaan undang-undang atau apa pun berkenaan dengan wanita. Memang kita sudah 46% dalam *employment* ataupun dalam pekerjaan. Akan tetapi, wanita ini banyak di kalangan buruh dan bukan di kalangan yang membuat keputusan, bukan di kalangan peringkat tinggi. Jadi ini kita kena teliti.

Dalam laporan ini, dalam laporan *World Economic Forum* ini mengatakan *companies must create workplaces where the best talent can flourish*. Masalah yang dihadapi oleh wanita ialah di tempat kerja tidak ada penjagaan anak. Penjagaan anak itu tidak cukup baik. Jadi susah wanita hendak ke depan sebab dunia *business* ataupun korporat itu susah bagi wanita hendak berjaya. Dulu, masa saya terlibat dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita cakap pasal *childcare in the*

*workplace*, penjagaan anak di tempat kerja. Akan tetapi sekarang konsepnya sudah berbeza, Yang Berhormat Menteri.

Konsepnya sudah berbeza kepada *childcare in the community* supaya apabila kita ada *childcare in the community*, ibu atau ayah, siapa yang balik kerja dulu, dia boleh tengok anak. Dia boleh ambil anak dan bawa balik rumah. Bukan lagi *childcare in the workplace*. Dulu kita hendak *childcare in the workplace* supaya kita boleh membantu penyusuan bayi. Sekarang ini sudah ada *gadget* macam-macam, sudah boleh pam susu dan sebagainya. Jadi tidak perlulah bawa anak itu ke tempat kerja. Boleh tinggalkan anak dalam *childcare in the community* dan ditinggalkan susu perahan ibu supaya dapat dibantu anak-anak itu, ibu-ibu yang hendak pergi kerja. Jadi kalau ibu lambat balik, bapanya atau ayahnya boleh ambil dulu. Jadi *childcare in the community* ini Yang Berhormat Menteri, kena tengok. Ini adalah konsep yang terkini. Tidak boleh pakai lagi konsep *childcare in the workplace*. Malaysia ini, jabatan-jabatan kerajaan baru hendak buat. Itu Rancangan Malaysia Kelapan, Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini kita sudah ke depan tetapi baru hendak buat yang dulu. Jadi kemudian bangga pula beritahu kita sudah buat. Sebenarnya konsep pun sudah ketinggalan zaman.

Yang Berhormat Menteri, saya hendak bawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri, usaha gender kokus di mana Yang Berhormat Pengerang dan saya terlibat dengan Jabatan Peguam Negara di mana kita sudah pun mengambil kira demi *for legislation* yang dikatakan oleh ahli *Bar Council*, Zarizana Abdul Aziz ini. *The need for legislation* maksudnya perlu digubal undang-undang yang boleh membantu kepada gender *equality* ini. Kalau tidak, setiap tahun NIEW membuat program, buat kursus tetapi tidak ada peningkatan. Kita harus *legislate* ataupun gubal undang-undang.

Kerjasama *caucus* dengan Jabatan Peguam Negara dibantu oleh NGO-NGO sudah pun dalam mesyuarat yang keempat dan kita berharap bahawa dalam bulan Mac nanti, kita akan bawa undang-undang yang boleh membawa kepada gender *equality* contohnya, ataupun undang-undang untuk *sexual harassment* supaya kita setara sedikit dengan wanita-wanita lain di dunia.

Saya pohon kerjasama Yang Berhormat Menteri untuk beri segala *resources*, segala sumber yang ada. Kalau NIEW hendak bantu *caucus* pun sepatutnya boleh sebab kita tidak ada sekretariat. Kita tidak ada peruntukan daripada Parlimen. Kita tidak ada langsung sesiapa yang boleh bantu kita sedangkan kita sudah ada pun NIEW. Seharusnya boleh kita membantu kerja-kerja yang dibuat oleh gender kokus dalam usaha kita hendak ke arah *gender equality* ini.

Yang Berhormat Menteri, saya juga ada lagi satu permohonan di mana Yang Berhormat Menteri, saya minta juga menyokong usaha-usaha kita untuk menambahkan ataupun memasukkan konsep kuota sama ada dalam perlembagaan ataupun dalam undang-undang supaya boleh kita laksanakan kuota sistem ini minimum 30%. Saya bukan cakap pasal maksimum tetapi saya cakap minimum. Kita belum lagi pergi pada *parity law*, kita belum lagi hendak ikut 50-50 sebab kalau ikut wanita dan lelaki, 50-50. Seharusnya 50-50 lah kita ada dalam semua peringkat. *Parity law*. Kita belum sampai ke situ. Sekarang kita hendak cakap gender *equality law* pun tidak sampai lagi. Jadi

kita hendak minta kuota minima, fikirilah macam mana caranya, dan saya minta sangat-sangat dengar macam mana kita hendak tambah representasi wanita dalam proses membuat keputusan paling tinggi iaitu di Dewan Rakyat.

Ini kerana kita ada sistem *first-past-the-post*. Hendak jadi calon sudah susah. Kalau kita 30% calon pun tidak semestinya kita menang. Akan tetapi, lihatlah kepada sistem di New Zealand. New Zealand juga ada *first-past-the-post* Tuan Pengerusi tetapi New Zealand buat satu *referendum* di mana *first-past-the-post system* di New Zealand itu digabungkan dengan *representation* menjadikan... Dahulu, New Zealand 12%, lebih kurang Malaysia. Malaysia dalam 10.8%. Sekarang melompat dan melonjak kepada 32% apabila dibawa satu *referendum* rakyat untuk meningkatkan wanita dalam proses membuat keputusan di peringkat paling tinggi iaitu di Dewan Rakyat. Itu berkenaan dengan NIEW.

Saya juga ingin...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuantan, selepas ini gulung ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, gulung. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya hendak bercakap sedikit Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 041100. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan bantuan ini. Adakah benar aduan daripada orang ramai bahawa mereka tidak terima bantuan sudah beberapa bulan. Maklum balas yang saya terima bahawa sekarang ini sedang dikemas kini *database* penerima-penerima bantuan.

Jadi, saya bercakap dengan Pengarah JKM di Pahang, saya sudah bercakap dengan dia. Saya kata berilah kerjasama. Beritahu kami supaya kami pun boleh bantu. Ini kerana kalau tidak beritahu kami, nanti orang datang mengadu dekat kami. Orang datang mengadu dekat kami dan kami tidak boleh bantu. Jadi dia kata dia tidak dapat, dia tidak tahu dan sebagainya. Kami tidak tahu sedangkan jabatan sedang buat kemas kini *database*. Yang sudah mati hendak potong nama dan sebagainya. Sedangkan kalau kami ada maklumat tersebut, kami boleh bantu. Saya pohon kerjasama daripada Yang Berhormat Menteri untuk mengarahkan jabatan-jabatan di peringkat negeri dan daerah untuk bantu dan bekerjasama dengan tidak kiralah pembangkang atau siapa.

Butiran 040400 – Pentadbiran Negeri dan Daerah. Gulung, Tuan Pengerusi. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah benar bahawa kementerian tidak beri kerjasama kepada negeri-negeri Pakatan Rakyat, kepada Jabatan Kebajikan di negeri-negeri Pakatan Rakyat? Sebab, itulah aduan yang saya terima. Langsung tidak ada kerjasama, tidak beri kerjasama dan sebagainya. Jadi saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan sekiranya perkara itu berlaku, haruslah diperbetulkan kerana kita ini berkhidmat untuk rakyat. Wakil rakyat ini tidak kiralah parti mana dan negeri itu di bawah kerajaan mana. Jangan ulang kesilapan Menteri Wanita yang dulu. Saya sudah banyak kali cakap dengan dia tetapi dia buat juga lagi.

Jadi saya harap sangat Yang Berhormat Menteri boleh beri penjelasan berkenaan dengan perkara ini supaya – saya hendak dengarlah betul atau tidak ini, sebab negeri-negeri Pakatan Rakyat kata tidak ada penyelarasan di bawah pentadbiran negeri dan daerah ini. Tidak ada penyelarasan di antara kementerian dan juga negeri. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Sibuti.

#### 9.29 mlm.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke B.48 dan P.48, Butiran 070500 – Kurang Upaya PDK. Di luar bandar, kawasan saya, ada insan yang benar-benar hendak membantu orang kurang upaya, orang-orang susah dan sebagainya ini menubuhkan persatuan yang diberi nama Persatuan Penyayang dan anak-anak kurang upaya. Walaupun persatuan ini tidak dibantu oleh kerajaan, hanya memungut dana mereka daripada mengadakan majlis makan malam dan juga memohon kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk mendapatkan dana mereka.

#### ■2130

Pada suatu masa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang dahulu pernah berjanji kepada persatuan ini untuk memberi supaya PDK ini diiktiraf dan akan diberi bantuan setiap tahun. Janji pertama dahulu pernah, tidak banyaklah RM30,000 tetapi sampai sekarang, pun RM300 pun tidak ada. Jadi, inilah harapan kita kepada Menteri yang baru ini supaya mana-mana persatuan yang memelihara anak kurang upaya ini yang dikatakan di mana ibu bapa mereka miskin dan tidak dapat menjaga mereka, tidak ada alat-alat yang patut digunakan oleh anak-anak ini, dibantu melalui persatuan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Sibuti, penjelasan sedikit Yang Berhormat Sibuti. Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ampang ada peluang berucap.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sedikit sahaja. Yang Berhormat Sibuti sebut tentang mantan Menteri Wanita dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Mana boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia baru ini. Apalah! Kalau tidak tahu jangan tanyalah. Menyampuk sahaja ini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, maaf kekasaran saya. Apabila kita tahu anak-anak ini apabila tidak dibantu sudah ada mempunyai perangai yang pelik-pelik. Mereka suka memukul kanak-kanak yang berumur dua atau tiga tahun dan susah untuk dijaga oleh ibu bapa. Maka ditempatkan di Persatuan Penyayang ini. Oleh sebab itu saya benar-benar memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk membantu Persatuan Penyayang anak-anak kurang upaya ini.

Keduanya kita hendak bincangkan mengenai Butiran 020200 – Perancangan Pembangunan Wanita. Di kawasan saya, lebih kurang ada 300 atau 400 orang ibu tunggal, ibu ditinggal, ibu tertinggal. Jadi, ibu-ibu yang tertinggal ini adalah suaminya pergi kerja dan terus menghilang. Ibu ini dan anak-anak tidak dapat dibantu sebab masih ada suami. Jadi, kita mengharapkan perkara begini harus pegawai-pegawai daripada kementerian ini untuk menyasat dan benar-benar memberi pertimbangan supaya anak-anak yang tertinggal ini juga diberi bantuan. Ada juga pihak persatuan ini cuba hendak membantu tetapi oleh sebab kurang dana maka tidak dapat membantu mereka.

Seterusnya Butiran 040800 – anak-anak yang kecil berumur dua atau tiga tahun sehingga 18 tahun susah untuk mendapat bantuan apabila dijaga oleh neneknya. Ibunya orang seberang. Bapanya pula tidak tahu ke mana. Nenek yang menjaga tetapi anak-anak ini terbiar. Ada yang tidak sekolah. Jadi, inilah harapan kita bahawa kementerian inilah yang benar-benar boleh membantu dan kita mengharapkan bantuan daripada kementerian ini untuk diberi kepada persatuan-persatuan yang benar-benar hendak menjaga anak-anak di luar bandar ini.

Butiran 071000 – Bantuan Am. Saya tidak mahu cakap kawasan lain, di kawasan saya banyak duda-duda yang berumur 80 tahun. Mereka tidak larat lagi hendak membuat pekerjaan yang berat-berat atau pun kerja-kerja yang ringan. Diharapkan dengan adanya bantuan am ini jangan pilih. Pilihlah pegawai-pegawai itu, tengok orang lagi cergas mereka tidak tahu bahawa dia ada macam-macam penyakit. Kencing manis ada, darah tinggi ada, jantung ada, jadi mereka tidak dapat membuat kerja. Mohonlah bantuan yang patut diberi kepada mereka.

Satu lagi Tuan Pengerusi, oh! Hilang sudah dari sini. Balik lagilah kepada ibu-ibu ini tadi. Yang Berhormat Menteri yang datang dari Sarawak, kita ini pun dari Sarawak. Tengok-tengoklah kalau boleh dibantu ibu tunggal, yang betul-betul ibu tunggal, ibu yang ditinggal, ibu yang tertinggal ini dijaga dengan baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kulai.

**9.36 mlm.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran yang saya hendak bahas adalah Butiran 020000 – Pembangunan Wanita. Tadi Yang Berhormat Kuantan ada sebut tentang bilangan taska di sektor awam dan juga sektor swasta. Saya rasa walaupun sekarang kita ada konsep baru iaitu taska di komuniti tetapi bagi saya adalah penting untuk kita memastikan bahawa golongan ibu bapa, mereka ada satu pilihan sama ada ibu bapa itu hendak bawa anak mereka ke taska di tempat kerja atau pun mereka hendak hantar anak mereka ke taska di tempat komuniti mereka.

Jadi, di sini saya hendak tanya kalau merujuk kepada satu jawapan yang saya terima daripada kementerian ini yang bertarikh 26 November tahun ini, menyatakan bahawa setakat September tahun ini sebanyak 90 buah taska telah diwujudkan di tempat kerja sektor awam dan 27 buah taska di tempat kerja sektor swasta. Di sini saya hendak tanya pertamanya adalah 98 buah taska di tempat kerja sektor awam ini adalah daripada berapa banyak tempat kerja sektor awam?

Berapa bilangan agensi-agensi yang kita ada dalam kerajaan kita? Ini kerana kalau saya merujuk ke laman web Kerajaan Malaysia, di sana statistik yang dibekalkan di laman web itu menyatakan bahawa bilangan agensi kerajaan adalah sebanyak 1,528 agensi dan jabatan kerajaan. Kalau kita hanya ada 98 buah taska di tempat kerja sektor awam maksudnya hanya 6% jabatan atau agensi kerajaan yang membekalkan *facility* ini. Saya rasa ini adalah satu peratusan yang cukup rendah.

Jadi, saya hendak tanya di sini apabila kita cakap 98 buah taska maksudnya dalam peratusan, berapa banyak agensi atau jabatan kerajaan yang telah menyediakan *facility* ini kerana dalam pandangan saya walau pun saya sudah beberapa kali membangkitkan isu ini di Parlimen tetapi setakat ini Parlimen kita pun tidak ada *facility* taska. Saya harap bahawa sekarang ini ada seorang Menteri yang baru, saya bersama-sama rakan saya tadi mempunyai keyakinan yang cukup tinggi terhadap Menteri yang baru. Saya harap bahawa kita akan dapat melihat perubahan di bawah pimpinan Menteri yang baru ini.

Keduanya yang hendak saya tanya di sini adalah apabila kita cakap pembangunan wanita, saya rasa amat penting bahawa kita perlu melindungi anak-anak kita. Kebelakangan ini saya ada baca cerita yang pada pandangan saya cukup sedih. Seorang anak perempuan yang bernama Nor Fazira yang berkahwin dengan suaminya pada umur 18 tahun. Mereka berkahwin di Kulim, Kedah pada 17 November tahun yang lalu. Semasa pengantin perempuan ini berkahwin dia hanya berumur 12 tahun. Tidak sampai setahun perkahwinan mereka pada tahun ini pada 11 November kedua-dua mereka bercerai.

#### ■2140

Mengikut akhbar yang saya baca, ayah kepada budak perempuan ini, beliau cakap bahawa sebenarnya budak perempuan ini dirogol oleh lelaki tersebut. Oleh sebab itu keluarga mereka bersetuju dengan perkahwinan mereka. Jadi apabila saya terbaca akhbar sebegini, saya rasa amat sedih. Bayangkanlah kita apabila kita masih berumur 12 tahun, kita masih seorang murid di sekolah rendah dan kita perlu pergi ke sekolah menengah, kita masih ada masa panjang untuk pergi ke universiti, kita keluar bekerja tetapi budak yang berumur 12 tahun mereka sudah menjadi seorang isteri. Adakah mereka faham apa itu peranan sebagai seorang isteri dan mungkin ada yang akan menjadi ibu.

Kalau kita melihat statistik yang dibekalkan oleh *Population and Housing Census 2000* dengan izin Tuan Pengerusi, sebenarnya di Malaysia kita ada 6,800 budak perempuan yang berkahwin di bawah umur 16 tahun. Seramai 235 daripada mereka, suaminya telah meninggal dunia dan di antaranya ada 77 lagi sudah bercerai dengan suami mereka. Jadi dalam pandangan saya, ini sudah menjadi satu trend universal bahawa untuk budak perempuan ini mereka tidak sepatutnya kahwin begitu awal. *Girls are not bride*, dengan izin. Jadi saya harap dan saya minta Menteri, apa yang akan kementerian buat untuk melindungi hak anak-anak perempuan ini?

Isu ketiga dan ini adalah isu yang terakhir adalah juga satu statistik yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan kebelakangan ini. Mengikut statistik ini, di Malaysia kita ada 1,228 orang perempuan merupakan pesakit HIV. Di antaranya, seramai 3,857 orang adalah suri rumah tangga dan pada masa yang sama, kita juga ada 621 orang pekerja seks adalah pesakit HIV ini. Kalau kita banding angka ini, maksud sebenarnya lebih banyak suri rumah tangga yang telah menjadi mangsa HIV oleh sebab suami mereka. Angka ini jauh lebih banyak daripada pekerja seks. Jadi saya rasa kita perlu buat sesuatu untuk melindungi golongan suri rumah tangga ini. Mereka menjalankan peranan mereka, mereka menjaga suami, menjaga anak-anak tetapi oleh sebab suami mereka yang berdosa ataupun membuat sesuatu yang tidak patut, golongan isteri ini menjadi mangsa, menjadi pesakit HIV.

Jadi saya minta perhatian daripada Menteri, biarlah kita buat sesuatu untuk membantu golongan suri rumah tangga. Ini kerana bagi saya kebanyakan mereka menjadi suri rumah tangga kerana mereka tidak ada kemampuan kewangan yang mencukupi. Tanggungjawab mereka adalah begitu tinggi dan besar. Jadi saya harap kementerian ini di bawah pimpinan Menteri yang baru, kita boleh sama-sama membantu golongan ini. Sekian sahaja, terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi saya sudah buat keputusan selepas Yang Berhormat Kulai, Menteri jawab. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam tujuh. Dua, empat, enam, lapan. Lapan kali lima minit, 40 minit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kementerian ini amat penting Tuan Pengerusi. Minta jasa baik Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita bersidang sehingga selesai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kami sanggup menerima Tuan Pengerusi, demi wanita dan kebajikan negara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit. Yang Berhormat Lenggong lima minit.

#### 9.44 mlm.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menarik perhatian perkara Butiran 090000 – *One-Off*, isu kanak-kanak jalanan Yang Berhormat Menteri. Hari ini kalau kita biarkan isu anak jalanan ini, ia boleh menjadi barah kepada kita sama ada anak-anak jalanan ini memang anak dan rakyat Malaysia ataupun kita tidak tahu asal usulnya. Barangkali menjadi ejen atau anak-anak suruhan kepada golongan tertentu kerana ingin mendapatkan wang dan sebagainya. Hari ini kalau kita pergi ke kawasan-kawasan di Bukit Bintang pukul 3 pagi atau 4 pagi, masih ada lagi anak-anak yang sepatutnya di usia mereka berada di rumah, sepatutnya berada di sekolah, ini berkeliaran. Kita tidak tahu siapa sebenarnya mereka.



Oleh sebab itu saya lihat bahawa pihak kementerian mesti melakukan usaha yang lebih bersungguh-sungguh. Walaupun saya tahu pihak kementerian telah melakukan pelbagai usaha dengan mewujudkan pelbagai program untuk menangani isu ini, tetapi saya fikir sudah sampai ketikanya juga kementerian memberi perhatian. Ini kerana banyak perkara yang timbul daripada isu ini terutama sekali kalau kita tengok hari ini, pelancong datang, anak-anak jalanan datang bawa derma dan sebagainya. Ia menjejaskan imej kita. Itu satu. Keduanya, kalaulah benar-benar anak ini anak rakyat Malaysia, alangkah malangnya.

Oleh sebab itu saya fikir lakukanlah melalui program *Blue Ocean Strategy* dengan mengerakkan pelbagai pihak yang berkuasa untuk menangani isu ini terutama sekali di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan kepada orang ramai, pelancong dan sebagainya. Saya harap perkara ini diberikan tumpuan. Saya percaya sebahagian daripada anak-anak ini dikontrol oleh sindiket.

Yang Berhormat Menteri, saya ada pengalaman semalam Yang Berhormat Menteri pergi ke hotel di MARA, saya tengok ada seorang orang tua dia turun daripada kereta Proton Aeroback. Kemudian turun daripada kereta bawa tongkat, bawa tong. Saya kata kalau inilah benda berlaku, saya fikir ia sebenarnya sengaja hendak kutip wang oleh kerana sikap dia sendiri ataupun kerana didalangi oleh pihak-pihak tertentu.

Oleh sebab itu saya faham bahawa kalau pihak kementerian hendak menangani isu ini secara bersendirian, saya fikir ia agak sukar. Oleh sebab itu saya hendak cadangkan supaya benda ini menjaga imej dan menjaga pelbagai pihak. Kalaulah benar ada anak-anak ini terlibat, saya fikir pelbagai kementerian mesti terlibat secara bersama. Jadi saya harap isu ini ditangani dengan bersungguh-sungguh.

Saya ingin merujuk perkara 041100 - Pembangunan Sosioekonomi dan Bantuan. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan khususnya pihak kementerian kerana memang kita akui, banyak program bantuan yang diberikan oleh kementerian. Namun demikian, kena perbanyakkan lagi kerana ia tidak cukup. Akan tetapi saya fikir pihak kementerian kena juga kaji supaya bantuan-bantuan yang kita berikan kepada rakyat, saya fikir mesti sesuai dengan sasarannya.

Contohnya kalau dahulu misalnya, kalau ada orang miskin kita berikan melalui Program Azam Tani yang dibuat usaha sama kementerian dengan Kementerian Pertanian. Saya fikir orang kampung yang tidak ada pengetahuan, tidak ada pengetahuan teknologi, dia tidak mampu buat perkara ini. Lebih baik kita ambil konsep sebagaimana dahulu, kerajaan pernah beri Bantuan Amanah Saham. Sebelum ini pun pernah bagi bantuan-bantuan yang kementerian sendiri buat melalui dan sebagainya saya harap ini diperbanyakkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Perkara terakhir ialah 040000 - Kebajikan Masyarakat. Saya harap Yang Berhormat, banyak isu orang muda miskin ini. Hari ini dia kaya, suami kaya-raya tiba-tiba esok bercerai dan dia jadi miskin. Isu ini minta tolong, kadang-

kadang kita hendak bagi bantuan tetapi dia tidak boleh kerana nama tidak ada dalam sistem dan sebagainya. Jadi ini minta tolong diberi perhatian kerana ini cukup banyak Yang Berhormat. Dia bergaduh dengan suami dia, hari ini kena tinggal, dihalau daripada rumah dan dia jadi miskin, anak-anak dengan dia dan sebagainya. Saya tahu Yang Berhormat tahu perkara tetapi minta diberi perhatian.

Saya fikir kadang-kadang pihak kementerian di peringkat atas ini telah buat peraturan yang cukup mudah tetapi sampai di bawah pelaksanaannya. Peringkat pelaksanaannya ini diminta diberikan perhatian termasuklah isu-isu yang telah lama kita sebut seperti Yang Berhormat Sibuti sebut ibu tunggal, bapak tunggal. Segala-gala yang tunggallah.

Yang Berhormat, itu yang bapak tunggal tetapi kalau ada misalnya, dia memang ada anak tetapi dia duduk seorang di rumah, kita tidak boleh bagi bantuan kerana ada anak dan sebagainya. Kadang-kadang anak tumpang letak kereta tiba-tiba pegawai datang hendak tengok, dia kata ada kereta di rumah, maka anak dikatakan boleh tanggung. Jadi bapanya tidak dapat bantuan, sedangkan anak itu sendiri pun tidak mampu untuk sara keluarganya.

#### ■2150

Kes-kes ini juga mesti diberi perhatian kerana ramai orang yang sepatutnya kita bagi bantuan. Maklumlah dia ada anak, memang ada anak tetapi anak sendiri pun tidak mampu hendak tanggung keluarganya, bagaimana dia hendak tanggung mak dan bapanya? Oleh sebab itu, kalau isu ini dapat ditangani saya ingat banyak perkara-perkara lain dapat diberi bantuan.

*Last* sekali Yang Berhormat, saya minta tolong. Yang Berhormat Menteri dahulu sudah turun ke Lenggong. Dato' KSU pun tahu, saya bisikkan tadi. Minta tolonglah untuk pusat baru bagi PDK di Lenggong kerana sudah daif sangat, murid ramai di tengah-tengah pekan Lenggong, daif sangat. Tidak banyak Yang Berhormat, nanti saya berikan surat rasmi pada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, Yang Berhormat Ampang.

#### 9.51 mlm.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh kepala 010000 – Pengurusan dan Perancangan Dasar. Saya melihat bahawa keseluruhan bajet ataupun belanjawan diperuntukkan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat setiap tahun sekitar dalam kurang 1% daripada bajet keseluruhannya. Saya merayu agar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat lebih agresif pada tahun akan datang agar meminta bajet yang lebih tinggi kerana memandangkan 50% penduduk kita adalah wanita dan kita memerlukan banyak lagi program untuk membangunkan wanita, untuk membudayakan wanita dan memperkasakan wanita.

Oleh sebab itu, kita harus mengambil pendekatan yang lain Yang Berhormat Menteri agar bajet ini disediakan mengikut *gender responsive budgeting* yang mana gagal lagi sampai sekarang.

Sudah empat Menteri dah kita bawa masuk dalam Dewan ini. Daripada Menteri 'Curi' Malaysia, Menteri 'lembu', 'lelaki' menjadi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sekarang Menteri daripada Sarawak ini. Sudah empat Menteri tetapi masih lagi gagal untuk melaksanakan *gender responsive budgeting*.

Saya minta Yang Berhormat Menteri membuat satu kesungguhan untuk membuat satu lagi program memberikan penerangan, penjelasan bagaimana Menteri-menteri ini dalam semua kementerian itu hendak melaksanakan *gender responsive budgeting*. Dengan jayanya adanya *gender responsive budgeting* ini, maka barulah kita dapat mempertingkatkan kedudukan kita dalam *gender gap*, jurang gender global indeks yang mana telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kuantan. Kita turun daripada tangga 97 turun kepada 102 terutamanya di dalam arena politik. Kalau kita tengok tahun yang lepas Menteri Wanita kita adalah Perdana Menteri yang telah menjatuhkan kedudukan politik wanita dalam negara ini. Tidak cukupkah dalam kementerian kita ini sudah ada Menteri Wanita, Timbalan Menteri, ada penasihat wanita, ada juga lagi pula siap lebih besar lagi naik *jet free*. [Dewan riuh] So, berapa ramai lagi hendak? Sudah ramai, empat orang ini pun tidak mampu untuk menjolok Perdana Menteri untuk menambahkan bajet, menambahkan *allocation* agar wanita lebih diberikan bajet untuk ada *accountability*.

Jangan kita harapkan semua kementerian untuk bertanggungjawab. Kita sendiri mesti ambil *accountability* Yang Berhormat Menteri. Saya minta kita akan sokong pada Yang Berhormat Menteri. Lakukan ini demi wanita dalam negara ini agar kita dapat melihat bahawa wanita Malaysia ini kualiti hidupnya akan meningkat dan kualiti mereka sebagai wanita yang berdaya kita dapat lihat. Sebagaimana apa Yang Berhormat Kuantan sebutkan pergi ke *World Summit* lihat kita tidak ada apa-apa yang kita dapat bentangkan tentang kejayaan wanita di negara ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil serius tentang perkara ini.

Saya juga ingin melihat tentang perancangan pembangunan wanita. Tadi penglibatan 30% juga masih gagal lagi. Masih gagal lagi dilaksanakan. Sudah 56 tahun memerintah. Kami di sini baru sahaja. Sembilan wakil rakyat wanita, sana ada 12. 12 pun tidak mampu diangkat menjadi Menteri atau Timbalan Menteri. Kalau mampu diangkat menjadi Menteri atau Timbalan Menteri, kita punya global indeks tidaklah menurun sampai 102. Seolah-olah wanita ini tidak berdaya, tidak mampu menjadi Menteri? Saya hendak tanya. Jadi, sudah 56 tahun, kita patut mampu melaksanakan 30% penglibatan wanita.

Kita tengok di Selangor. *Line up* barisan exco, 50% adalah wanita dan kita adalah negeri yang pertama untuk meletakkan Speaker wanita dalam Malaysia ini. Ini satu pencapaian menunjukkan bahawa pakatan rakyat ada kesungguhan, ada *political will* untuk meletakkan wanita di tempat yang sepatutnya. Memberikan mereka pengiktirafan bahawa mereka memainkan peranan yang penting dalam membuat dasar-dasar, polisi-polisi untuk wanita dan pembangunan wanita dalam negara ini.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri agar perkara ini diambil lebih serius. Pembangunan kapasiti wanita adalah 6 dan sebagainya tetapi kita masih tidak mampu lagi untuk

melahirkan wanita di peringkat pembuat keputusan terutamanya dalam Dewan ini, dalam *political parties* sendiri juga, dalam UMNO juga masih belum lagi berani wanita UMNO untuk meletakkan dalam perlembagaan 30% penglibatan wanita di semua peringkat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sedangkan kami keadilan, parti yang baru kita meletakkan 30% penglibatan wanita dalam semua peringkat dalam perlembagaan kita. Ini demi untuk meningkatkan...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak, bukan pasal parti Yang Berhormat Lenggong. Apa pekik-pekik, bukan pasal parti. Ini pasal untuk kita meningkatkan wanita, isteri, anak, nenek, kakak. Semua perempuan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bukan Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Baling itu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Bukan Yang Berhormat Lenggong, siapa? Yang Berhormat Baling, balinglah dia.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya hendak ambil ini hendak baling dia. Yang Berhormat Lenggong, kita 'lenggong' dia. Tidak apalah Yang Berhormat Lenggong, duduklah duduk.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Ampang ini bercakap pasal kepentingan wanita, presiden bukan ada kuasa. Presiden PKR tidak ada kuasa.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya hendak tanya, saya hendak tanya juga.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Tarik balik, tarik balik sangkaan jahat itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak ada kuasa.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Itu tidak jadi masalah Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Lenggong hendak jadi Presiden Persatuan Wanita pun boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Presiden pun tidak ada kuasa. Nampak sangat ...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Lenggong hendak diangkat menjadi presiden wanita pun boleh. *No problem*. Macam Perdana Menteri menjadi Menteri Wanita.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak. Presiden PKR, kuasa pun tidak ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Begitu juga. Begitu juga Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nampak hebat perjuangan wanita dalam...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Okey tidak apa Yang Berhormat Lenggong, duduk Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong duduk Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak ada kuasa. Malu sahaja.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak payah merengek-rengok Yang Berhormat Lenggong. Okey saya hendak sebut kepala 070000 – Program Khusus yang mana kita ada RM1.3 bilion. Di situ juga termasuk juga bantuan am sebanyak RM61 juta termasuk juga bantuan susu ekonomi sebanyak RM23.8 juta. Termasuk juga pusat entiti warga emas – RM733,000 dan program vaksinasi HPV – RM10 million.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Subsidi *mammogram* – RM10 million dan ini nampaknya macam bertindih Tuan Pengerusi. Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Ampang tidak cukup masa ini.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Tumpang, tumpang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas ini gulung Yang Berhormat Ampang.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Baik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bukit Katil lebih berkuasa daripada presiden.

**Seorang Ahli:** Hendak pakai jet? Pakai jet.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Ampang. Dalam sesi-sesi yang terdahulu saya telah bangkitkan bahawa di negeri Melaka ini ada kes yang istimewa iaitu bantuan kebajikan itu dipotong sebanyak RM10. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Ampang, adakah kita bersetuju hari ini untuk meminta satu ketetapan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah pemotongan ini akan dihentikan kerana ia bakal merugikan wang rakyat itu sebanyak RM3.6 juta setahun. Ini kerana penerima bantuan itu 30,000. Kalau potong RM10 sebulan, setahun dia jadi RM3.6 juta. Itu yang pertama.

Kedua, dimaklumkan kalau mengikut maklumat dan data yang saya ada ini, tahun lalu misalnya dijanjikan dividen. Dimaklumkan adalah sebanyak RM169,000 dividen. Kalau dibahagikan

kepada 30,000 penerima, seorang hanya dapat RM5 setahun. Pastilah ini tidak berbaloi. Apakah Yang Berhormat Ampang setuju untuk kita meminta Yang Berhormat Menteri memberikan satu mekanisme bagaimana untuk membayar balik wang yang telah mereka ambil secara tidak sah ini? Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Kita minta Yang Berhormat Menteri tolong jawab. Saya harap tidaklah perkara begitu berlaku. Melakukan sesuatu yang tidak patut kepada rakyat dan gulung ya. Akhir sekali Yang Berhormat Menteri saya minta penjelasan di dalam laporan belanjawan ini saya lihat keseluruhannya pada tahun 2011 sepatutnya RM181 juta, 2012 – RM149 juta. Akan tetapi apa yang tertera dalam buku itu adalah 2011/2012 – RM16.2 juta dan 2013 – RM30.9 juta. Jadi, saya minta penjelasan bagaimana angka ini berbeza? Jadi, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan. Selepas Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Lembah Pantai. Lain mencelah semasa Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya.

#### 9.58 mlm

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada Batu Kawan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Butiran 020000 – Pembangunan Wanita dan 040000 – Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, dalam banyak-banyak masalah yang dihadapi oleh wanita, masalah pokoknya boleh disimpulkan sebagai pencabulan hak asasi wanita. Di mana ada pencabulan hak asasi wanita, di situlah timbul isu keganasan rumah tangga, isu penindasan, gangguan seksual, *low self-esteem* dengan izin dan isu diskriminasi gender di ruang kerja. Kaum wanita dari pelbagai latar belakang sudah pasti menjadi mangsa diskriminasi disebabkan oleh jantina mereka dalam kehidupan mereka dengan izin *at least once in their life, they have been discriminated because of the gender*. Dalam abad ini, wanita Malaysia telah memperoleh satu *empowerment* dengan izin selepas Pilihan Raya Umum ke-12 dan ke-13 apabila lebih 50% pengundi terdiri daripada pengundi wanita.

Dengan keputusan pilihan raya yang cerah dan *promising* bagi Pakatan Rakyat telah memberi pengiktirafan yang setinggi-tinggi bagi kaum wanita di dalam negeri tersebut seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Zuraida tadi. Malangnya secara umum kaum wanita masih ketinggalan dalam arus perubahan di negara ini. Masalah wanita adalah masalah sebenar dengan izin *real problems*. Walaupun pucuk pimpinan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah bertukar tangan dan sehinggalah seorang lelaki menjadi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, namun *reform* dalam corak pentadbiran dan mengimplementasikan program bagi pembangunan wanita masih tidak mendapat *responds* yang baik.

## ■2200

Tidak cukup meminda undang-undang sekiranya tanggapan terhadap wanita masih sama iaitu seperti *second class citizen*, dengan izin. *Changing attitude towards women is just as important as implementing laws that protect them*, dengan izin. Tuan Pengerusi, Kementerian Pembangunan Wanita haruslah bertekad untuk memberikan satu kursus pendek untuk menguruskan kewangan mereka dan memberi *political empowerment*, dengan izin. Memang ada pelbagai skim mikro kredit untuk membantu wanita berdikari. Namun, apa yang wanita perlukan dalam prasarana ini adalah pengurusan kewangan peribadi. Pengurusan kewangan bagi keluarga semuanya sama ada diajar oleh ibu mereka ataupun melalui kaedah *trial and error*, dengan izin. Kaum wanita yang telah dinobatkan untuk mengasuh dan membangun keluarga mereka kadang-kadang memerlukan bantuan untuk mengurus perbelanjaan mereka.

Sebagai contoh, seorang aktivis Paul Sinnapan sejak tahun 70-an telah lama menghabiskan tenaga dan, dengan izin, *blood, sweat and tears* untuk mengembara masuk ke kawasan estet, kawasan pedalaman, kampung-kampung Melayu, penempatan kaum Orang Asli dan orang asal di Sabah dan Sarawak. Untuk membudayakan kaum wanita untuk berfikir mengenai kepentingan, dengan izin, *financial management*. Juga menggunakan prinsip mudah mengumpul syiling untuk menjana satu tabung untuk kegunaan mereka. Ramai kaum wanita India, Melayu, Cina, wanita Sabah, Sarawak, kaum wanita orang asal dan Orang Asli telah mendapat manfaat dari *financial empowerment* ini. Mungkin selepas kaum wanita dibudayakan dengan *magic* pengurusan kewangan, maka mungkin *handout* BR1M boleh berkurangan kerana peningkatan dalam bilangan penerima BR1M merupakan satu indikasi yang amat menggerunkan. Ia boleh ditafsirkan kepada lebih ramai rakyat kita yang hidup dalam keadaan yang fakir miskin yang menghulurkan tangan untuk sedekah dari kerajaan.

Saya berharap Menteri akan berusaha untuk menyebarkan maklumat berhubung, dengan izin, *political empowerment* dan *financial empowerment* kepada kaum wanita yang benar-benar fakir miskin di kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan kampung. Saya ingin Menteri memberikan bilangan sumber tenaga mengikut pecahan negeri dan kaum yang diberikan tugas untuk menyampaikan mesej untuk perubahan menjadi agen ubah. Untuk membantu wanita di kawasan pedalaman dan bilangan wanita yang mendapat bantuan tersebut.

Tuan Pengerusi, kaum wanita sering kali menjadi mangsa jenayah sama ada mangsa ragut, mangsa samun dan mangsa rogol. Berdasarkan statistik dari Bukit Aman tahun lepas, sekurang-kurangnya 10 wanita menjadi mangsa rogol setiap hari dan anggaran seorang wanita dirogol setiap dua setengah jam. Akan tetapi realitinya, hakikatnya walaupun kes-kes ini cukup memeranjatkan, situasi sebenar adalah jika kita menggunakan prinsip dalam 10 kes rogol, satu sahaja yang dilaporkan, maka kes rogol berlaku setiap 15 minit di negara ini. Ini bererti pada kadar seorang wanita dirogol setiap 15 minit, satu jam empat orang, satu hari 96 orang, satu bulan 2,880 orang, satu tahun 34,560 mangsa rogol di Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan, gulung.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Dalam satu tahun, semua mangsa rogol di Malaysia boleh memenuhi dan melimpahi Stadium Kelana Jaya. Jadi, tidak hairanlah Laporan Malaysia Millennium Development 2010 yang menunjukkan Malaysia duduk di kalangan yang tertinggi bagi kes rogol. Dari statistik ini jelas Program Transformasi Kerajaan dan Program NKRA, tiada mana-mana pun menetapkan hasrat realistik untuk mengurangkan jenayah seksual di Malaysia. Apa pendekatan Menteri untuk memastikan jenayah seksual terhadap wanita diserap masuk ke dalam NKRA dan diambil serius oleh pihak berkuasa. Rogol adalah satu kesalahan jenayah yang kadang-kadang boleh diputarbelitkan oleh setengah pihak dengan menggunakan terminologi untuk melindungi penjenayah.

Saya mohon kepada Menteri untuk mengambil pendirian yang lebih agresif dalam pembentukan undang-undang untuk melindungi mangsa rogol dengan lebih berkesan lagi. Campak ke tepi ideologi politik yang berlainan untuk berusaha dengan pejuang-pejuang dari bahagian sebelah sini bersama NGO-NGO wanita bagi kemaslahatan kaum wanita di negara ini. Akhir sekali...

**Beberapa Ahli:** Gulung, gulung, gulung.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Apa kejadahnya gulung, gulung. Ini isu wanita, isu hak asasi wanita. Apa fasal pahit sangat untuk kaum lelaki sebelah sana?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Satu kempen yang lebih efektif dan agresif- kalau tuan-tuan boleh tarik dahulu saya akan tarik. Kalau tidak, biarkan saya terus. Satu kempen yang lebih efektif dan agresif dalam pelbagai bahasa bagi wanita dan lelaki dari pelbagai kaum, India, Melayu, Cina, Sikh, Kadazan, Dusun, Iban dan kaum lain dari Sabah dan Sarawak serta kaum orang asal dan Orang Asli serta suara-suara NGO yang telah berkempen lebih 30 tahun yang berteraskan *awareness of gender equality*. Untuk memahat kepentingan hak asasi wanita dalam masyarakat ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akhir sekali, saya ingin menyentuh isu *maternal care* bagi kaum wanita dan kaum ibu dari kawasan pedalaman terutama sekali di pedalaman Sabah dan Sarawak dan penempatan orang asal dan Orang Asli. Walaupun isu *maternal care* di bawah Kementerian Kesihatan, namun yang menjadi mangsa kecuaihan di hospital-hospital kerajaan adalah kaum ibu yang menjadi mangsa keadaan disebabkan kerenah birokratik terutama sekali dalam Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Wanita hamil di kawasan pedalaman masih tidak diberi perhatian yang sewajarnya dari aspek hak asasi faedah dan kebaikan rawatan



perubatan dan pendedahan penjagaan *maternity*. Ramai wanita menjadi mangsa kerana perhatian yang sewajarnya tidak diberikan. Dalam satu kes kematian disebabkan oleh kecuaiannya oleh Hospital Daerah Lawas, seorang wanita mati dan staf-staf hospital telah ke rumah beliau untuk merampas semua ubat dan dokumen perubatan dan menegur kaum keluarga agar jangan *press charges* dan ianya satu *act of God*. Namun, kes tersebut telah dibawa ke mahkamah dan terbukti penyelewengan dan kecuaiannya oleh pihak hospital. Berapa ramai lagi wanita, ibu-ibu kita yang perlu dikorbankan sebelum kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat mengambil berat, betapa pentingnya *maternal care* di kawasan pedalaman.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Last paragraph* Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya berharap belanjawan ini akan benar-benar membantu wanita yang benar-benar memerlukannya daripada digunakan sebagai perubahan kosmetik sahaja atau satu *feel good* program, dengan izin. Kami kaum wanita dari Pakatan Rakyat mendesak agar Menteri akan berganding tenaga dengan Peguam Negara, pihak KDN, pihak polis, Kementerian Kesihatan dan kementerian-kementerian yang lain. Agar hak wanita di martabatkan lagi dan sudah pasti dengan kerjasama kami juga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lembah Pantai, lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tiga minit sahaja Tuan Pengerusi. Bolehlah, tiga minit sahaja.

#### 10.08 mlm.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 020000 - Pembangunan Wanita, 020200 - Perancangan Pembangunan Wanita dan juga 041100 – Pembangunan Sosioekonomi dan Bantuan. Tuan Pengerusi, saya ingin mengulangi apa yang disebut oleh Perdana Menteri yang menyatakan wanita perlu mengambil perhatian yang utama sekiranya negara mahu membangunkan ekonomi yang mapan dan berjaya. Jadi maknanya, saya agak terkesan dan terkejut apabila ada sebuah simposium antarabangsa yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia. Di mana Profesor Muhammad Yunus yang merupakan pemenang *Anugerah Keamanan Nobel 2006* dijemput untuk memberi ucap tahniah bersama beberapa *businessman* dalam, dengan izin, *conceptual business*. Antara pelopor utamanya, tentunya Profesor Muhammad Yunus datang ke Malaysia tetapi program ini tidak dimaklumkan secara umum kepada orang ramai termasuklah Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat.

Saya ingin sebut di sini kerana isu ataupun kejayaan oleh Profesor Muhammad Yunus ini adalah Bank Grameen di Bangladesh. Seantero dunia tahu di mana pinjaman yang diberikan, pinjaman mikro kredit diberikan 96% kepada wanita. Dia memang ambil satu pendirian, wanitalah pengembang terbaik kalau pinjaman diberikan kepada ibu, maka anak-anak akan mendapat

manfaat, suami pun mendapat manfaat. Maka, syarat yang diberikan dalam pinjaman ini adalah hanya boleh diberikan kepada wanita, hatta bila ada penolakan di peringkat suami, maka mereka adakan satu sesi informal, latihan, diajak keluarga-keluarga tersebut di Bangladesh. Diajar secara berkumpulan untuk memastikan suami menerima pakai. Akhirnya, kadar bayaran balik pun hampir 90%.

■2210

Apa yang mengejutkan saya ialah kerana pihak kementerian atau kerajaan tidak memaklumkan kepada umum, satu. Keduanya, penting untuk kementerian mengambil peluang menekan dengan Menteri untuk melaksanakan program ini secara nasional. Kenapa?

Kerana Profesor Muhammad Yunus yang saya temui, *alhamdulillah* lebih kurang dua minggu lepas, beliau menyatakan kepada saya, pertamanya, mereka belajar daripada Program Amanah Ikhtiar Malaysia. Sebelum Grameen Bank ini dilancarkan di Bangladesh, beliau datang ke Malaysia untuk belajar tentang Amanah Ikhtiar dan bagaimana untuk melaksanakannya di negara sendiri.

Akan tetapi saya tidak nampak secara jelas bagaimana kita di Malaysia ini melaksanakan satu program pinjaman, maksudnya kerajaan memaksakan walaupun Grameen itu kerajaan hanya ada milikan 4%, tetapi menunjukkan komitmen. Kerajaan boleh sahaja dan saya pohonlah pihak Yang Berhormat Menteri agar meluaskan program ini. Ambil peluang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengemukakan program, Malaysia kena laksana serta-merta.

Grameen Bank ini juga ada satu skim dikenali sebagai program pengemis atau dengan izin, *the Struggling (Beggar) Members Programme*. Beri pinjaman tanpa bunga kepada pengemis, tempoh bayaran ditentukan oleh pengemis sendiri dan para peminjam juga diberikan kumpulan sokongan. Ini penting Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi kerana apa? Kerana akhirnya mereka membuktikan kalaulah kerajaan dapat melaksanakan satu bank, *where the bank are always on the side of the borrowers, not the lenders*, ini akan mengubah paradigma sedia ada. Saya fikir Malaysia jauh lebih kaya daripada Bangladesh, jauh lebih berpengalaman dari segi ini harus laksanakan serta merta dan saya harap pihak kementerian dapat menyediakan kemudahan model mikro kredit yang seperti ini secara meluas di seluruh Malaysia.

Pada saya, BR1M dan sebagainya tidak benar-benar menyelesaikan masalah pinjaman. Kalau ada ibu-ibu tunggal yang mahu membuka peluang perniagaan, mereka memerlukan pinjaman yang mudah yang seharusnya, sememangnya dapat diberikan oleh kerajaan. Kalau Grameen Bank mereka buka juga di New York. Di New York, kerana kadar bunga 1,000%. Maka di Grameen Bank, mereka tawarkan 15%. Akan tetapi di Malaysia di bawah Amanah Ikhtiar satu ketika dahulu sebelum dilanda rasuah dan sebagainya, satu hingga dua peratus. Jadi saya pohon Yang Berhormat Menteri ambil peluang ini memastikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melaksana janji, melaksana semua yang diumumkan bukan hanya untuk sekadar melaksanakan satu program simposium antarabangsa tetapi tidak dibuat di peringkat negara sendiri.

Kedua isunya Tuan Pengerusi, adalah isu OKU, Tuan Pengerusi. Parlimen meluluskan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Saya ingin menanyakan, apakah perubahan sebenarnya dan pertambahan kemudahan akses untuk warga-warga OKU semenjak akta ini diluluskan untuk kita melihat prestasi daripada saat satu akta itu diluluskan dengan pelaksanaannya di bawah. Saya melihat usaha, ada lah usaha untuk memasang lif untuk OKU ada dilakukan di sekitar stesen LRT aliran Sri Petaling. Akan tetapi, kemudahan ini belum lagi dibuka bagi kegunaan orang ramai. Jadi saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan akan mengambil tindakan, *that means punitive action* ke atas syarikat yang gagal menyediakan ruang akses OKU kepada kemudahan-kemudahan yang sepatutnya disediakan oleh mereka?

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah, Datuk Jainab Ahmad ada juga mengatakan dalam satu laporan bahawa banyak lagi bangunan yang gagal menyediakan akses kepada OKU walaupun setelah akta ini diluluskan. Jadi apakah yang kementerian sedang lakukan untuk memastikan semua perubahan bermula dengan bangunan-bangunan kerajaan itu disediakan bagi menangani keperluan warga OKU.

Dan isu kesamarataan hak ini Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri, bukan sekadar akses kepada kemudahan. Pada saya, kita harus pergi ke depan dan memenuhi keperluan mereka berkait dengan akses kepada pendidikan yang berkualiti. Kadang-kadang ibu dan ayah kepada anak-anak OKU, mereka tidak ada tempat untuk menghantar anak-anak mereka. Bagi mereka yang berkemampuan yang berpendapatan tinggi, mungkin boleh bayar ribuan ringgit hantar *special schools, special places* tapi untuk mereka dari berpendapatan menengah dan rendah, mereka seolah-olah *condone*, tidak ada pilihan lain. Anak kadang tersandar, terlantar di rumah. Inilah yang harus disediakan oleh pihak kerajaan.

Hak pendidikan yang dijamin oleh Akta OKU 2008 ini, saya pinta diberikan perhatian sepenuhnya. Hak pendidikan untuk semua kategori kecacatan termasuklah OKU penglihatan, pendengaran, fizikal, masalah pembelajaran, intelektual dan lain-lain. Jadi saya pohon di saat ini, di peluang ini, di mana kita menyatakan kita mahu membantu mereka yang kurang memerlukan. Kita tidak boleh memejamkan mata kepada keperluan warga OKU. Mereka memerlukan dukungan daripada kerajaan, dan setiap kanak-kanak di dunia ini berhak mendapat pendidikan mengikut keupayaan potensi sejajar dengan dasar *no child left behind*.

Kadang-kadang saya memang sedih kerana melihat kekayaan di Malaysia ini tidak semestinya memberikan peluang yang lebih kepada warga OKU. Di negara Scandinavia atau lingkaran Artik, Sweden, Norway, Denmark dan Finland termasuk Indonesia – Indonesia jauh ke depan dalam hal ini, menyediakan sekolah khas harian percuma untuk anak-anak OKU, lengkap dengan sukatan pelajaran dan kaedah yang sistematik bersama atau berserta tenaga pengajar dan pembantu yang cukup terlatih.

Jadi kadangkala saya fikir, kita bercakap tentang banyak isu tetapi kita lupa bahawa mereka ini memerlukan perlindungan dan saya pohon jasa baik Yang Berhormat Menteri, dana ini... Tekan Perdana Menteri. Sudah sebut, sudah umum, peluang ini peluang keemasan kerana kita

tidak boleh membiarkan mereka terus menerus soal isu bagi duit. Pada saya, mereka tidak persoal isu duit itu. Itu membantu tetapi yang lebih penting adalah ada prasarana, sekolah, tempat jagaan yang mencukupi bagi mengurangkan bebanan kepada ayah dan ibu. Daripada saya, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, tiga minit Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar boleh celah nanti.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Soalan teknikal...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, sila. Setelah Yang Berhormat Menteri ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 10.17 mlm.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Ada 10 orang iaitu Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Ampang, celahan daripada Yang Berhormat Bukit Katil, lepas itu Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Lembah Pantai.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan saya boleh baca dari segi nada, intonasi yang menunjukkan begitu prihatinnya Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap semua kumpulan sasaran yang ada diliputi oleh kementerian ini. Izinkan saya menjawab, mungkin tidak dalam susunan cara Yang Berhormat tadi berbahas, dan berkemungkinan ianya ada juga menyentuh perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga.

Yang Berhormat Pengerang telah bertanya mengenai isu pemerdagangan orang. Kementerian sebenarnya Yang Berhormat, kementerian bertanggungjawab terhadap menyediakan pusat perlindungan untuk mangsa pemerdagangan orang dan bagi menangani isu pemerdagangan orang, pihak kerajaan telah menyediakan pelan tindakan bagi menangani isu pemerdagangan orang dan penyeludupan *migrant*. Namanya memang panjang. Supaya usaha serta tindakan dapat diambil secara holistik oleh semua pihak yang berkepentingan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bukan kementerian ini sahaja tetapi sebenarnya kita menjalankan bersama dengan Kementerian Dalam Negeri dan beberapa lagi kementerian yang lain untuk kita membanteras dari segi masalah *human trafficking* di mana memang ini adalah sesuatu yang sangat kita berikan perhatian. Memang kita tidak mengambil ringan perkara ini, dan apa yang perlu dijalankan di pihak kementerian adalah bila mereka ini diberi perlindungan, kementerian diminta untuk memberi kaunseling dan juga perlindungan di rumah-rumah perlindungan yang disediakan.

Akan tetapi dari segi urusan menangkap dan sebagainya adalah di bawah kementerian yang lain. Yang Berhormat juga bertanya...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Mencilah sedikit boleh Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Saya hendak bercakap tentang rumah perlindungan. Ada satu kes berkaitan dengan anak kecil berumur empat tahun. Saya menulis kepada rumah perlindungan di Cheras untuk melawat sebagai sebahagian daripada ahli *caucus*. Setelah berbincang dengan Ahli Parlimen Pengerang, saya agak kecewa kerana pada awalnya mereka bersetuju, kemudian terus kata, "*maaf ada permasalahan, Yang Berhormat tidak boleh melawat*". Sedangkan kita pergi bukan membawa media tetapi untuk membawa perhatian kemungkinan lebih ramai lagi warga harus tahu tentang isu penderaan anak-anak yang berumur empat tahun ini, anak gadis ya.

Jadi saya mahu tahu, Yang Berhormat boleh memastikan atau tidak, sama ada semua rumah perlindungan di bawah jagaan kementerian ini, dapat berhubung dengan baik. Kami Ahli Parlimen, kalau Ahli Parlimen pun tidak dapat akses kepada rumah perlindungan sedemikian, bagaimana orang biasa, orang di luar sana? Jadi, saya pohon penjelasan atau perhatian di dalam hal ini. Sampai sekarang tidak dapat jumpa lagi.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, sebab rumah perlindungan ini, namanya perlindungan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak apa Yang Berhormat, biar kita *sort this out* sebab memang kita hendak maklumkan sebab ada identiti dan sebagainya itu. Oleh sebab itu Yang Berhormat bukan semua. Ada rumah boleh, kami galakkan sebenarnya sebab kita ini semua masyarakat penyayang dan keprihatinan. Akan tetapi ada *certain* itu kita kena berhati-hati sebab ia *very high risk*. Jadi berkemungkinan Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat juga memberi satu kesefahaman supaya kita tidak mahu apa-apa risiko yang terjadi.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Boleh Yang Berhormat. Saya hanya pinta penjelasan yang jelas.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Insyallah*, kita akan membuat melalui *caucus*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Because the way it was answered to me*, pada saya membangkitkan persoalan. Itu sahaja. Saya minta jelas secara terbuka, tidak ada masalah.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yes, yes. Saya pun Yang Berhormat. Mula-mula saya masuk dahulu pun memikirkan orang cacat ini dua tiga jenis. Rupanya begitu ramai. So, macam itu Yang Berhormat ya. Mula-mula *perception* kita ini, kita harus berubah untuk kebaikan.

Yang Berhormat Pengerang juga bertanya ada atau tidak kajian tentang program penjanaaan pendapatan penerima bantuan. Cara saya jawab Yang Berhormat mungkin melompat-lompat. Tidak ikut giliran, tetapi *bear with me*. Jadi, kementerian memang memberi tumpuan kepada pendekatan sekarang kita ini hendak menjurus kepada *productive welfare*. Di mana *productive welfare* ini adalah untuk kita membantu para penerima bantuan kebajikan masyarakat, kita hendak mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada kepompong kemiskinan.

Jadi, di antara program yang kita perkenalkan adalah Program 1Azam yang mana telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 132,511 orang iaitu program ini kita mulai daripada tahun 2010 hingga sekarang. Berdasarkan kepada pemantauan yang dilaksanakan ke atas 19,630 orang peserta 1Azam yang bermula dari bulan Januari hingga Disember 2012, seramai 11,694 orang peserta Program 1Azam telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga hingga melepasi paras garis kemiskinan manakala seramai 7,936 orang peserta telah meningkatkan pendapatan keluarga melebihi RM200. Manakala pemantauan bagi tahun ini, sehingga bulan Ogos seramai 8,961 orang peserta telah meningkatkan pendapatan keluarga melebihi RM300. Jadi, ini adalah pemantauan yang kita buat. Akan tetapi memanglah ianya memakan masa. Setiap apa yang kita dapat perincian itu kita cuba menambahbaikkan lagi program-program kita.

Satu lagi Yang Berhormat, kita juga membuat kajian. Pada tahun 2014 kerajaan telah memperuntukkan kita untuk membuat beberapa kajian sebab apa, kadang-kadang program-program yang dahulunya mungkin tidak *valid* lagi dan sebagainya. Jadi, satu daripada kajian iaitu keberkesanan bantuan kebajikan di mana 2014 ini kita akan dapat menjalankan kajian tersebut. Satu, adalah juga kajian mengenai perkhidmatan kemudahan untuk warga emas. Tadi ramai yang memaklumkan di mana kemudahan warga emas juga harus kita lihat kerana kita juga akan menjadi negara tua di dalam tahun 2030. Kajian juga akan dijalankan mengenai kualiti taska sebab kita hendak melihat mungkin taska itu bersesuaian dengan keadaan masa kini di mana anak-anak kita *very smart*. Jadi, kita hendak menjalankan supaya kurikulum – sekarang pun kita memang menggunakan kurikulum PERMATA. Akan tetapi kita hendak mencari penambahbaikan.

Yang Berhormat bertanya mengenai rumah kanak-kanak. Rumah kanak-kanak di Malaysia ada 12, rumah Tunas Bakti ada 9, Asrama Akhlak ada 10, Taman Sri Puteri ada empat, Kompleks Penyayang ada satu dan rumah perlindungan kanak-kanak ada dua. Kita juga Yang Berhormat, memang menjalankan banyak program-program kaunseling program advokasi kesedaran ibu bapa melalui pusat aktiviti kanak-kanak. Kita saling membuat kerjasama dengan NGO dan agensi-agensi kerajaan seperti bersama LPPKN dan juga Jabatan Pembangunan Wanita di dalam beberapa program yang kita boleh buat bersama dan kita juga mengadakan Program Kaunseling di JKM secara berkala.

Tadi telah dikatakan pendekatan yang lebih baik. Jadi, tadi saya telah memaklumkan dari segi produktif *welfare*, di mana kita mengadakan satu geran pelancaran, Program 1Azam, *job matching* bagi OKU, kita *matchkan* dengan jenis-jenis pekerjaan yang mereka boleh buat dan kita

sedikit demi sedikit mengadakan *exit* polisi sebab kita tidak mahu mereka bergantung sepenuhnya kepada bantuan,

Yang Berhormat tadi ada menyebut mengenai isu gangguan seksual. Saya sangat tertarik dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dan *insya-Allah* Yang Berhormat kita pada masa ini akan menjalankan satu kerjasama, kita hendak membawa Akta Gangguan Seksual kerana undang-undang yang sedia ada ini kami merasakan hendak kita perbaiki lagi. Jadi oleh yang demikian, kita akan membuatkan satu perbincangan untuk kita mengadakan satu lagi akta iaitu Akta Gangguan Seksual demi untuk kebaikan dan Akta Gangguan Seksual ini bukan bermaknanya kepada wanita sahaja tetapi sebenarnya untuk semua.

Jadi satu lagi Yang Berhormat, NIEW. Tadi ramai menyebut NIEW. NIEW adalah *NAM Institute for the Empowerment of Women*, adalah sebuah institut melatih wanita dari Negara-negara NAM dalam bidang pemerkasaan wanita serta menjadi pusat perkongsian maklumat. Jadi, memang dalam program NIEW kementerian menyediakan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor korporat. Ingin saya maklumkan semenjak tahun yang lepas, kementerian telah memperkenalkan program pengarah wanita atau *Director's Programme* yang dilaksanakan menerusi NAM dan program ini memberi latihan dan pendedahan kepada wanita yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah. Memanglah tadi ada beberapa yang mengatakan termasuk Yang Berhormat Ampang dan Yang Berhormat Kuantan, terima kasih – bahawa adakah kita hanya hendak menjuruskan kepada lembaga pengarah?

■2230

Tidak Yang Berhormat. Kita sering akan menambahbaikkan dan seperti Yang Berhormat katakan tadi, kita di peringkat pembuat dasar. Yang Berhormat juga kata *political empowerment, economic empowerment*. Jadi semua ini yang akan kita buatkan sekali bersama. Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak kita mengadakan program ini, banyak negara telah meminta juga supaya kita berkongsi dari segi bagaimanakah kita membuatnya. Ini kerana kita membuatkan program ini, menyediakan *registry of women ready board members* supaya tidak ada *excuse* mengatakan bila kami akan *approach* sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan agar GLC dan GLIC sekurang-kurangnya seorang wanita *board member*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Jadi kita tidak mahu bila nanti kita *approach*, dikatakan kami tidak ada calon-calon yang sesuai. Jadi oleh yang demikian, kita ada *registry* yang *ready*...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta laluan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Dalam tajuk *Women Directors* ini *just* hendak dapat penjelasan, adakah benar mereka yang dipilih ini hendaklah berumur 45 tahun ke atas. Adakah ini dasar yang hendak supaya mereka ini ada

*wisdom* ataupun bijaksana? Kenapakah Kementerian tidak memberi ruang kepada wanita yang lebih muda sekiranya mereka mempunyai *credential* ataupun mempunyai minat dan juga *qualification* yang sesuai dan boleh diexpose dengan lebih awal. Mohon penjelasan.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada mulanya macam itulah Yang Berhormat. Akan tetapi selepas itu, memang sekarang ini sesiapa hendak masuk *Women Directors Program* ini, dia memohon *online*. Jadi memang ini adalah satu daripada caranya kita hendak memberi pendedahan dan kita mengalu-alukan. Untuk makluman kita sekarang, kita telah berjaya melatih seramai 453 orang wanita yang berpotensi untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dan sehingga kini NIEW juga ada melatih termasuk wanita korporat. Program ini akan diteruskan pada tahun 2014 di mana saya akan mengadakan perbincangan bersama dengan segala pengerusi-pengerusi GLC dan GLIC untuk kita menentukan bahawa wanita-wanita ini diberi peluang untuk berada di dalam *board*, untuk sama-sama memainkan peranan mereka sekurang-kurangnya dari kaca mata wanita.

Jadi ini adalah yang kita akan lakukan dari semasa ke semasa. Kita akan melatih dan pada masa sekarang ini kita akan bekerjasama dengan pihak Bursa Saham, dengan GLIC, GLCs untuk kita dapat membuat *placement*. Itu akan menjadi satu tanggungjawab bersama sebab *placement* ini kita telah membuat latihan tetapi *placement* itu juga penting sebab *board* mereka juga ada kriteria masing-masing.

Dari segi penderaan ini kepada untuk menjamin...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan NIEW lagi sebab Yang Berhormat Menteri tidak jawab isu berkaitan politik.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Saya belum sampai.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Belum sampai. NIEW, berkenaan dengan korporat. Kalau belum sampai politik, saya tunggu. Berkenaan dengan ekonomi tadi, *board* member tadi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Menteri kata satu *board member* wanita sedangkan polisinya 30%. Kenapa kita puas hati dengan satu? Kenapa tidak minta 30%? Pohon penjelasan.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, saya kata ini disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *during One Million Purple Walk* yang menyarankan bahawa semua GLCs, GLICs sekurang-kurangnya *one member, one women member*. Campur semua berapa GLC ini, *insya-Allah* kita akan sampai kepada 30% secara total *but maybe not 30% in that board*. Akan tetapi kita bermula dengan langkah pertama Yang Berhormat. *Insya-Allah* langkah pertama Yang Berhormat, seorang ini Yang Berhormat akan memanggil ini, akan memanggil. *Insya-Allah* Yang Berhormat. *It is okay. If you can count how many GLCs, GLICs, one board member I tell you it is quite an impact* Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf saya bukan hendak ajar Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi dalam proses membuat keputusan, itu



dasar. Yang Berhormat Menteri satu wanita dalam 10 *board member* tidak sama dengan 30% dalam 10 *board members*. Proses membuat keputusan yang melibatkan 30% wanita itu ialah kita perlu 30% *representation*, suara dalam *board*. Bukan 30% of all GLCs. Yang Berhormat Menteri kena faham dasar ini. Jadi saya kalau Perdana Menteri buat keputusan ataupun buat kenyataan begitu, Yang Berhormat selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus lebih peka. Takkan hendak *parrot* saja apa yang Perdana Menteri cakap. [*Dewan riuh*]

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kita sama-sama buatlah Yang Berhormat. So mana-mana syarikat *from that side also* bawalah bersama, buatlah sama. Jadi kita bermula dengan *government, GLCs, GLICs*. As I said that satu langkah itu, satu *representation* di dalam *board* itu, *you* campurkan sekali Yang Berhormat, *it is an impact*. Jadi Yang Berhormat seperti saya katakan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Ini kita selalu hendak segera terus masuk Yang Berhormat. Kita...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, *this is policy*. Kalau kita sudah nombor 102 kita masih lagi macam ini, sepuluh tahun lagi pun kita tidak gerak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak mengapa.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kalau kita letak dasar, kita bergerak ke atas dasar.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, beri Lenggong Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kita bergerak ke arah dasar Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi kalau dasar tidak betul, kita gerak ke arah yang salah.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, saya ingin hendak maklumkan Yang Berhormat, *this year...*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, bagi Yang Berhormat Lenggong Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *This year* kita telah dapat meningkat kepada 40% *board members*. Kita *target* 20 orang, yang masuk 85 orang Yang Berhormat. So *please, please bear with us* Yang Berhormat. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat, kita buat. Kita buat sesuatu. Ini jangan pula kita terus hendak 100%. Okey Yang Berhormat, tidak boleh. Tidak boleh Yang Berhormat. So, apa itu. Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Lenggong. *Mike* tidak hidup.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau kita nilai, lihat sejak awal merdeka sehinggalah sekarang, yang dilakukan oleh kerajaan dalam mengiktiraf kedudukan wanita

tidak ada tolok banding kalau kita hendak bandingkan pihak lain. Ini kerana yang dilakukan oleh pihak kementerian dari segi meletakkan kedudukan wanita di sektor korporat, di dalam sektor kerajaan cukup tinggi. Kalau hendak banding dengan...

**Seorang Ahli:** Bukti, bukti.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti dulu. Kalau hendak bandingkan dengan Pakatan Rakyat, di Selangor tidak buat. Tengok Presiden, Presiden pun tidak ada kuasa. Itu menunjukkan bahawa wanita tidak diberi tempat dalam Pakatan Rakyat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kalau hendak cakap, cakap cerdik-cerdik sikit sebab kita bercakap berkenaan dengan dasar.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kita bercakap tentang dasar. Yang Berhormat Lenggong tidak faham.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Presiden itu dipilih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong tidak faham, tidak pergi sekolahkah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Presiden dia wanita?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Lenggong tidak faham.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Memang tidak sedar diri langsung. Muka tembok betul. Apalah.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Lenggong nakal ini. Tarik balik, tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, hendak jawab Yang Berhormat?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini bukan presiden parti, ini Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Bagi Yang Berhormat Menteri jawablah Yang Berhormat. Biar Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya minta penjelasan sikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sila.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Cuma Yang Berhormat Lenggong kurang faham sikit Yang Berhormat Menteri. Minta tolong perjelaskan kepada dia. Nanti pergi *tea time*, tolong jelaskan pada Yang Berhormat Lenggong ini. Saya cuma hendak tambah sikit Yang Berhormat Menteri, apa yang diperkatakan tadi. Kerajaan Negeri Selangor tadi saya sebut 50% daripada exconya dan ahli Majlis yang kita letakkan di semua PBT dalam negeri Selangor sekarang hampir mencecah 30%. Sedang kalau kita lihat Kerajaan-kerajaan Barisan Nasional, Perlis, Terengganu tidak mampu meletakkan wanita menjadi Ahli Majlis pun juga 30%. Jadi inilah maknanya kita ada *political will*, ada *formative action* yang kita pastikan wanita itu diletakkan di

tempat-tempat yang mana mereka boleh buat keputusan dan mengambil bahagian. Ini yang kita perlukan ketegasan Yang Berhormat Menteri agar wanita itu diberikan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Panas, panas, panas.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** ...Tempat-tempat yang boleh mereka laksanakan, membuat keputusan. Yang Berhormat Lenggong dia tidak faham. Di Lenggong biar kasi semua lelaki, biar orang perempuan tidak undi dia.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Satu, mengenai exco Selangor kami berterima kasihlah sebab telah menjalankan sama-sama.

#### ■2240

Jangan mengharapkan sini sahaja. Akan tetapi di sana pun buatlah sama. Akan tetapi Yang Berhormat, saya ingin hendak memaklumkan di dalam *public sector*, KSU, CEO dan sebagainya sudah lepas dah 30%. [Tepuk]

Ya, berapa ramai KSU wanita, berapa ramai CEO, sudah lepas. Akan tetapi Yang Berhormat, kita buat ini *step by step*. Saya katakan, dalam *political empowerment*, saya rasa semua kita, ramai yang calon-calon adalah wanita. *I think more than 30%*. Akan tetapi ia adalah satu *political process*. Orang, rakyat yang memilihkan kita. So Yang Berhormat, *we tried again. We put in the best calon*. Jadi macam *you and me*, kita dapat masuk sebab rakyat sukakan kita, sayangkan kita. Kita menang. Akan tetapi kawan-kawan kita yang lain...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya faham itu proses pendemokrasian pemilihan. Akan tetapi selama 50 tahun sudah memerintah Barisan Nasional...[Dewan riuh]

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak apa Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tanpa mampu meletakkan lebih ramai wanita, jadi *chances to win* dengan izin lebih banyak. Saya mengatakan ada 12 wakil rakyat wanita yang dipilih di sebelah sana. Kenapa kebolehan mereka tidak dijadikan Menteri dan Timbalan Menteri untuk menepati 30%?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sabarlah!

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Kenapa tak sabar pula? Sudah berapa puluh tahun, sabarkan apa? Allah hai. Ini Lenggong tak reti-reti, 50 tahun memerintah, lagi macam itu Yang Berhormat Lenggong.. [Dewan riuh]

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey. Yang Berhormat-Yang Berhormat, satu lagi Yang Berhormat ya untuk *economic empowerment*, yang kita hendak pelopori bersama ini di bawah dasar pembangunan adalah kita hendak memelopori supaya wanita kita lebih masuk ke dalam *micro franchising*. Ini kerana *micro franchising* adalah sesuatu *business* yang diadakan dengan cara *step by step*, ada sistem. Jadi bagi kita wanita, cara ini adalah yang terbaik untuk mereka menjalankan *business* secara *micro franchising*. Yang Berhormat, saya sekarang masuk kepada Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, tadi Yang Berhormat Menteri bercakap berkenaan dengan *political empowerment*, hendak pusing balik kemudian *political empowerment* atau sudah lepas?

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Saya cakap tadi *political empowerment*. [Dewan riuh]

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, jadi kalau Yang Berhormat Menteri kata berkenaan dengan *political empowerment* Yang Berhormat Menteri, boleh saya pohon penjelasan dan saya ini - Yang Berhormat Menteri saya bercakap berkenaan dengan dasar. Kita mempunyai satu sistem *first past the post*. Dalam sistem *first past the post*, memang susah bagi wanita hendak menang sebab kita berlawan dalam satu sistem yang di mana kita tidak ada *proportionate representation* ataupun perwakilan daripada wanita. Kita tidak ada parti *list*, kita tidak ada kuota. Yang Berhormat Menteri, saya bercakap tentang dasar.

Saya bukan bercakap tentang keadaan. Cuba kita tengok dekat New Zealand. Macam mana *first past the post* di New Zealand boleh mencapai kepada 30% wanita di Dewan Rakyat dalam *lower house*, bagaimana mereka menggubal undang-undang. Saya bercakap juga tengok kepada India. Macam mana pula boleh ada *on women constituency*, ini kita bercakap fasal dasar. Itu peringkat Menteri. Jadi jangan dengarlah kalau orang laki-laki ini tidak tahu pasal dasar wanita, jangan dengar apa dia orang cakap ini. Kita melihat kepada *best practice*. [Dewan riuh] Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, tengok dia orang tak tahu apa dia orang cakap!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mengapa wanita bertanding kepada rakyat? Berapa orang bertanding?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kalau kita hendak dengar selama ini, sebab itu negara kita tak maju wanita. Saya mahu bekerjasama dengan Yang Berhormat Menteri, saya bekerjasama dengan Yang Berhormat Menteri. [Dewan riuh]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ada presiden pun tidak ada kuasa.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kita tengok kepada *practice, benchmark* yang ditunjuk oleh negara-negara lain, bagaimana kita hendak capai kepada 30%. 30% itu dasar. Tengok kepada negara-negara NAM yang lain.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, sekali lagi ini jejak idaman. Jejak idaman sudah masuk.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, Tengok kepada negara lain. Duduklah Baling, duduklah Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jejak idaman kalbu!

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tengoklah kepada negara lain macam mana mereka buat. Tengok New Zealand, tengok negara-negara lain yang juga menggunakan *first past the post* tetapi boleh buat. Itu yang saya maksudkan. Ya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, hendak bagi cadangan sikit Yang Berhormat Menteri, boleh? Kapar, Kapar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini sebagai isu untuk menambah baik konsep dasar tadi. Boleh bawa dasar dalam bentuk katakan di Parlimen Batang Lupar, mahupun Kuantan, mahupun Ampang, kekalkan wanita lawan wanita. Kekalkan kerusi itu untuk wanita. Dengan itu 30% boleh dicapai. Ini pada dasar tetapi perlu dibentangkan, perlu dibahaskan kerusi mana yang hendak diperuntukkan untuk wanita. Dengan itu 30% wanita boleh dicapai. Penjelasan. *[Disampuk]* Engkau capati, engkau diam!

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, ini dia kerap ganggu saya. *[Ketawa]* Dia tak ambil *floor*, dia bising. Tuan Pengerusi tak hendak bagi dia amaran. Tuan Pengerusi langsung tak hendak bagi amaran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sama-sama bisinglah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kalau saya bising, sampai video hendak tonton.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, saya hendak menjawab. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar, sabar Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Jangan marah, lambat. Jangan marah-marah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *No* Yang Berhormat Menteri, Saya dengan Yang Berhormat Menteri, saya okey. Dengan Baling ini, dengan Lenggong ini.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak apa, tidak apa. Ini kawan, semua kawan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Macam budak-budak dalam Dewan ini.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tak apa, tak apa. Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak saya tegur, saya tegur, Yang Berhormat Kapar ini dia punya bahasa Melayu, bukan bahasa Tamil. Mana dicapa-i? Cari capa-i? Capati adalah!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa kena mengena dengan dia ini? Dia ini dah kena dengan kepala sudah tak betul dah! *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, sampai sekarang sudah 10.45 malam. Jadi dia ada mereng sedikit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya setuju!

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey, tak apa. Yang Berhormat, ini bab cerita *first past the post* ke, *popular vote* ke, itu tak apa Yang Berhormat. Ini kita sebagai parti memerintah. Kita tahulah membuat yang terbaik. *[Tepuk]* Oleh sebab itulah... *[Ketawa]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, hendak mencelah sikit Yang Berhormat Menteri. Hendak mencelah sikit Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pasal 30% kuota, kuota ini, saya dengar itu masa muktamar PAS, ketua Muslimah pun cakap ada juga orang PAS tak setuju supaya Muslimat jadi calon. Jadi macam mana itu? Kita cakap kenalah konsisten. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Mana yang tak perlu saya jawab, saya tak jawab Yang Berhormat ya. Okey. Okey Yang Berhormat, tadi kita baru ke nombor dua ini iaitu Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat Rantau panjang, saya jawab yang pertama dahululah. Peranan Penasihat Hal Ehwal Wanita.

Saya ingin memaklumkan bahawa peranan Penasihat Hal Ehwal Wanita ini bukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini adalah penasihat di Jabatan Perdana Menteri. Jadi bermakna saya tak bolehlah jawab. Jadi mungkin itu ada satu peranan-peranan yang lain sebab bermacam-macam peranan. Jadi itu adalah bukan penasihat di bawah kementerian saya.

Jadi satu lagi mengenai bantuan kebajikan Yang Berhormat seperti saya katakan tadi sebab terima jawapan ini pun sudah tak ikut susunan Yang Berhormat bercakap. Akan tetapi ingin saya maklumkan, Yang Berhormat kata ada bantuan ini lambat diterima. Sebenarnya Yang Berhormat, kita memang melalui bank Yang Berhormat. 70% melalui bank dan melalui tunai 30% sebab berkemungkinan tempat-tempat yang tidak ada perkhidmatan bank. Kita menyediakan bantuan itu sebulan lebih awal Yang Berhormat. Akan tetapi kalau masih juga ada, sila maklumkan dengan memberi nama. Beri nama Yang Berhormat ya sebab kita hendak *check* juga. Kita tak boleh itu, itu hak dia itu. Jadi kita mesti beri. Jadi Yang Berhormat bangun itu kenapa? Hendak bagi nama?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Untuk hendak tanya, hendak minta penjelasan.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali saya ingin penjelasan tentang Penasihat Hal Ehwal Wanita tadi yang disebut tadi adalah dilantik di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apakah dia adalah cadangan Perdana Menteri ataupun dia cadangan daripada wanita sendiri? Itu maksud saya. Kenapa perlunya Perdana Menteri memerlukan seorang penasihat wanita yang sebelum ini tidak diwujudkan?

Jadi dalam keadaan hutang negara banyak, dalam keadaan negara berjimat, dipotong, potongan subsidi dan sebagainya, seharusnya kita menjimatkan kos pengurusan. Akan tetapi

apabila dilantik penasihat yang kita dimaklumkan sebelum ini di peringkat jawatankuasa dengan gaji lebih daripada RM27,000 sebulan. Itu sudah satu angka yang cukup besar.

Berkaitan dengan masalah pemantauan bantuan kebajikan, saya ingin tahu sejauh manakah Kementerian menyusun pemantauan terhadap pemberian bantuan kebajikan. Oleh sebab isu ini bukan rekaan, ia adalah benar berlaku dan mungkin banyak lagi berlaku juga di tempat-tempat lain. Mungkin kekerapan pemantauan hendaklah dikerapkan lagi untuk memastikan tidak berlakunya kecuaiannya sebagaimana yang telah dilaporkan.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi, cerita penasihat itu sebab bukan Kementerian saya, jadi saya tidak dapatlah menjawab. Keduanya Yang Berhormat, mengenai kalau Yang Berhormat kata ada kecuaiannya dan sebagainya. Yang Berhormat, kita memang ada 2,000 lebih pegawai kebajikan, hendak ditambah lagi ini. Apa yang ada ini 7,000 tetapi hendak tambah. Akan tetapi Yang Berhormat, bagi saya, bagaimana ramainya juga Yang Berhormat sebab penerima kita pun ramai.

#### ■2250

Jadi, oleh yang demikian, kita memerlukan juga sama-samalah bekerjasama. Kalau ada nama tercicir dan sebagainya, sebab yang pentingnya kami tidak mahu yang menerima ini dia tidak mendapatkan bantuan. Sebab itu saya katakan, kita *prepare* satu bulan. Sebab itu bila ada teguran baru-baru ini Yang Berhormat, memang kita *prepare* satu bulan. Jadi, kita hendak *prepare* untuk bulan hadapan, bulan ini sudah ada. Jadi, bermakna *by the time* kita bayar, sudah dua bulan. Jadi, itu berlakunya kalau orang itu meninggal, sudah dua bulan sudah lepas. Jadi, kita tidak boleh *withdraw* sebab kita sudah persiapkan awal sebab ini yang kami khuatir Yang Berhormat. Kita tidak mahu mereka-mereka yang menerima, dijolok-jolok bank dia itu, tidak ada. Itu kita tidak mahu.

Jadi Yang Berhormat, kena ingat tadi 70% masuk dalam bank, 30% lagi ini kita akan sampaikan secara yang terbaik. Jadi, berilah kepada kami maklum balas dan sekarang ini Yang Berhormat, untuk kes-kes tertentu, kadang-kadang serta-merta sudah boleh diluluskan sebab telah diperturunkan kuasa kepada pegawai *on the ground*.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** [*Bangun*]

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Dahulunya kena rujuk dulu *headquarters* dan sebagainya tetapi sekarang ini tidak. Sebelum Yang Berhormat tanya, dulu orang kata ada Astro, kita tolak. Ada apa tadi? Tadi ada saya tengok anak-anak dan sebagainya mungkin ada masa bagi televisyen tetapi sebenarnya televisyen itu tidak elok. Ada Astro tetapi kadang-kadang Astro ini *free*. Ini kerana Astro pun bagi CSR. Jadi Yang Berhormat, kita tidak pakai semua itu. Kita pergi, kita jumpa dan kita nilai. Walaupun anak dia ada dan anaknya bekerja tetapi kita lihat tanggungan anak itu begitu berat sehingga mungkin dia tidak mampu juga hendak menjaga ibu dan ayah. Jadi, kita bagi bantuan.

Jadi, sekarang ini proses Yang Berhormat, *insya-Allah* tetapi yang pentingnya ini adalah *passionate*. Jadi, pegawai kami sentiasa mengadakan *training*. Kita sentiasa memberikan

*refresher course* supaya ini saya juga tekankan, kita mesti ada hati. Kita mesti ada perasaan. Jadi, bila kita turun padang, kita dapat menilai. Dari riak air muka pun kita dapat tahu, Yang Berhormat. Jadi, *insya-Allah*.

Mengenai unit khas untuk kesejahteraan...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, adakah polisi yang ada di kementerian. Misal kata penerima bantuan itu yang dulunya dia duduk di Daerah Kuala Kangsar, kemudian dia berpindah di Taiping. Tiba-tiba dia tidak dapat. Bantuan itu diputuskan kerana kononnya dia telah berpindah daripada Kuala Kangsar ke Taiping. Itu satu saya hendak tanya.

Kedua, ada satu kes yang berlaku di kawasan saya. Seorang OKU bernama Izwan Ibrahim dan dia bersekolah. Dia mendapat bantuan sebanyak RM150. Persoalan saya ialah oleh kerana dia hendak ke sekolah, jadi kos *transport* itu dipotong pula RM30. Jadi, dia hanya dapat RM120. Sebab itu saya hendak tanya, adakah ini polisi RM150 kena tolak pula RM30 kepada *transport* yang hendak bawa dia ke sekolah. Adakah ini polisi ataupun ada di bawahnya ada masalah sedikit. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, ini spesifik Yang Berhormat ya. Jadi, kalau Yang Berhormat dapat bagi pegawai saya. Semua ada di belakang itu. Akan tetapi dari segi pindah dan sebagainya, yang setahu saya sebab kita *online*. Kecuali mesti dimaklumkan. Akan tetapi biarlah pegawai saya mengambil rujukan. Kalau Yang Berhormat dapat memberi secara terperinci, kalau ada nombor lagi elok Yang Berhormat. OKU ini ada nombor. Jadi, Yang Berhormat sila berikan sebab ini penting juga bagi kami untuk kami menyemak.

Jadi, Yang Berhormat Rantau Panjang bertanya unit khas untuk memantau kesejahteraan OKU. Untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak perlu unit khas ini sebab di dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita memang ada pengarah. Pengarah Menjaga OKU. Bermakna, memang ada bahagian dia sendiri di situ. Pada masa yang sama Yang Berhormat, kita ada Majlis Penasihat OKU. 5 hari bulan ini saya akan bermesyuarat bersama. Anggotanya bukan calang-calang. Memang OKU sendiri. Jadi Yang Berhormat, *insya-Allah* dari segi itu. Jadi, ini bantuan-bantuan yang kita beri kepada OKU ada pelbagai.

- (i) OKU yang bekerja. Kita juga memberi elaun pekerja cacat iaitu RM300 sebulan;
- (ii) OKU yang tidak berupaya bekerja pun kita beri RM150 sebulan;
- (iii) OKU yang terlantar dan pesakit kronik, sebanyak RM300 sebulan seorang;
- (iv) bantuan alat tiruan; dan
- (v) institusi OKU.

Untuk makluman, saya rasa Yang Berhormat daripada Lembah Pantai, kita ada taska istimewa untuk semua jenis OKU. Kita ada enam jenis iaitu penglihatan, cacat, *slow learner*, pekak dan dia ada enam. Semua ini kita tubuhkan *special* taska untuk memberi pendidikan istimewa



kepada anak-anak OKU. Untuk makluman, kita ada 11 institusi OKU dan kita ada pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) ada 486 buah di seluruh negara untuk membantu dan kita ada pusat khidmat setempat OKU. Baru-baru ini saya merasmikan di Kedah. Satu lagi akan ada di Terengganu. Pada masa yang sama, kita membuat satu jalinan kerjasama bersama JAICA (Jepun) untuk mengadakan *Job Coach* iaitu kita hendak padankan OKU dengan pekerjaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat, serta Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Minta.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *I give you first*, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, persoalan saya ada kena mengena dengan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kelainan Upaya yang ditubuhkan pada Julai 2008. Adakah dana diperuntukkan kepada majlis ini? Jika ada, berapa banyak dana yang dituntut dan diberikan kepada majlis ini? Kini, apa peranan mereka berinteraksi dengan dasar-dasar yang berkenaan dengan OKU? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit. Yang Berhormat Bachok.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bachok ya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, sambung sikit lagi.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Sebelum Yang Berhormat Menteri pergi jauh tadi, Yang Berhormat Menteri sebut elaun pekerja cacat (EPC) itu daripada RM300. Apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk menaikkan kepada RM500 atau RM600 kerana dalam suasana barang semua naik pada hari ini. Saya rasa perlu pihak kementerian buat kajian terhadap keperluan itu.

Kedua, tentang had gaji minimum untuk melayakkan dapat EPC itu daripada RM1,200 juga kalau boleh dicadangkan kepada RM3,000 ataupun lebih. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tambah sikit, isu yang sama. Saya juga ingin mencadangkan supaya dibuat kajian semula terhadap elaun yang telah diberi kepada OKU ini. Saya bagi contoh, dalam kawasan saya ada remaja OKU yang hanya dapat minum susu. Dia tidak boleh makan makanan keras. Kos susu, kos *pampers* memang sangat tidak mencukupi. Ibu bapanya adalah petani yang sangat miskin. Jadi, dia selalu mengadu kalau kita datang beri sumbangan, memang sangat-sangat tidak mencukupi. Apakah kementerian mengkaji golongan-golongan kurang upaya, apalagi mereka yang ada keluarga dan cacat. Memang tidak mencukupi dengan suasana yang ada dengan kos RM300 sebulan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak timbulkan satu hal tentang OKU – PDK. Tadi saya tidak sempat untuk bahas. Di mana dalam keadaan kita sekarang ini kekurangan dana untuk mereka yang OKU tetapi di

Selangor, untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, dia buat satu mesyuarat, bawa Pengerusi PDK Selangor satu bas, pergi ke Kelantan untuk mesyuarat. Surat bertarikh 25 Oktober 2013. Lawatan Kerja Pengerusi PDK Negeri Selangor ke Negeri Kelantan pada 21 hingga 24 November iaitu baru-baru ini. Bayangkan kalau hendak buat mesyuarat, buatlah di Selangor. Mengapa hendak bawa...

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Di Selangor.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Di Selangorkah, di Kelantan?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Di Kelantan, mesyuarat.

#### ■2300

Atur cara Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras PDK Negeri Selangor – Taklimat Peruntukan PDK Program Bahagian Pembangunan OKU; Taklimat Taska Pusat Jagaan. Semua ini boleh dibuat di Selangor. Mengapa hendak bawa satu bas pengerusi pergi lawatan ke Kelantan? Jadi saya hendak tahu, wajarkah buat begitu? Mengapa tidak buat di Selangor tetapi buat di Kelantan? Mohon Yang Berhormat Menteri siasat perkara ini.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Insya-Allah* saya siasat. Tadi Yang Berhormat tanya peruntukan untuk Majlis Kebangsaan bagi OKU, kita peruntukkan sebanyak RM500,000 untuk menjalankan pelbagai aktiviti sebab di dalam itu ada pelbagai. Saya katakan tadi wakilnya adalah dari OKU pelbagai. Macam-macam OKU dalam itu. Jadi kita memperuntukkan untuk macam-macam aktiviti dan juga kajian-kajian yang dijalankan oleh...

Untuk makluman juga, kita telah melantik Senator OKU yang akan bermula di sesi akan datang ini. Senator bagi orang OKU. Jadi mereka sekarang sudah ada jurucakap... *[Tepuk]* Jadi itu adalah satu juga untuk membantu kita. Ada jurucakap juga di dalam Dewan Negara.

Tadi Yang Berhormat katakan cubalah untuk meningkatkan lagi elaun. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, inilah elaun yang kita dapat agihkan dengan peruntukan yang diberikan. Yang Berhormat pun tadi macam-macam telah membuat teguran mengenai ini. Jadi, ini adalah yang kita berikan. Namun, kita terbuka ya. Saya pun sering menerima daripada pihak OKU supaya boleh dipertimbangkan untuk ditingkatkan. Akan tetapi untuk masa ini, kita belum ada hendak meningkatkan dahulu, namun kita terbuka untuk menerima pandangan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf kerana kita sama-sama ingin membela golongan yang istimewa ini. Iaitu bagi pandangan daripada golongan OKU ini di mana jabatan yang ada sekarang ini tidak betul-betul dapat menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan OKU. Ini kerana isu OKU dia merentasi kementerian. Dia ada bukan sahaja masalah kebajikan RM300 tetapi isu pendidikan, isu pekerjaan, banyak isu yang memerlukan pembelaan yang menyeluruh. Jadi jabatan yang ada apakah boleh betul-betul mengupayakan OKU sebagaimana yang kita kehendaki sebagaimana yang kita telah luluskan dalam akta? Minta penjelasan.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membangkitkan satu permintaan daripada penerima-penerima bantuan kebajikan di mana saya rasa bukan sahaja OKU tetapi penerima bantuan kebajikan yang menghadapi penyakit kronik seperti kanser, mereka selalu mengadu bahawa bantuan sebanyak RM300 itu memang tidak mencukupi untuk mereka membeli ubat dan menerima rawatan. Jadi adakah kerajaan bercadang supaya menyediakan satu tabung untuk tujuan tersebut bagi pesakit-pesakit kronik untuk mendapatkan bantuan tambahan? Sekian.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang kita beri ini Yang Berhormat, memang sudah begitu dan kita pun seperti saya katakan tadi, dia bukan juga untuk OKU tetapi perkara-perkara lain juga mereka boleh memohon. Dia bukan habis kepada satu peringkat sahaja. Kadang-kadang mereka yang terlantar boleh juga memohon dari segi penjagaan, orang yang menjaga dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, terima kasih kerana Yang Berhormat mencadangkan dana dan sebagainya tetapi bagi kami, kami juga berharap ramai juga di luar sana yang ingin membuat CSR dan sebagainya, sangat dialu-alukan untuk sama-sama membantu.

Yang Berhormat bertanya mengenai peruntukan pembangunan tahun 2014 ya, Yang Berhormat Rantau Panjang ya? Jadi peruntukan pembangunan tahun 2010 hingga tahun 2014 menurun disebabkan projek-projek kementerian telah banyak yang siap. Walau bagaimanapun, peruntukan tahun 2014 adalah lebih tinggi daripada peruntukan pembangunan tahun 2013 disebabkan ada 24 projek baru dan sembilan projek sambungan. Itu yang ditanya Yang Berhormat ya.

Selepas itu Dasar Keluarga Negara Yang Berhormat, ini memang sekarang bagi kami, menjadi satu *emphasis* yang kami perlukan sama-sama kita memberi sokongan. Kita ada Dasar Keluarga Negara di mana menggariskan panduan di dalam membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan *resilient* untuk memastikan kestabilan sosial. Ini kerana banyak perkara yang berlaku sekarang ini di mana kita memerlukan agar unit keluarga ini memantapkan diri mereka dan kita menyediakan pelbagai kursus. Pada masa yang sama, kita juga melibatkan bahawa bulan November adalah bulan keluarga untuk kita memberi *emphasis* kepada betapa pentingnya kita menjaga unit keluarga dan kita alu-alukan Yang Berhormat, mana-mana yang hendak menjalankan kursus-kursus bersama di LPPKN, kami sangat mengalu-alukan dan mempersilakan.

Yang Berhormat juga bertanya mengenai Anjung Singgah. Jadi Anjung Singgah ini sebenarnya adalah pusat khidmat bantuan sosial yang meliputi bantuan sokongan sosial seperti menyediakan tempat penginapan sementara iaitu dua minggu, makan minum, kaunseling dan motivasi, dan menempatkan pekerjaan kepada golongan gelandangan. Jadi kita cuba juga *matching* dan mencari kerja kepada mereka ini.

Sejak mula beroperasi pada tahun 2011, kita telah dapat membantu 1,214 gelandangan di mana daripada jumlah itu, 498 telah berjaya diselamatkan melalui penempatan pekerjaan secara purata dan mereka juga telah mendapat gaji tetap melalui projek yang kita jalankan. Jadi ini adalah satu yang kita juga harapkan bahawa pihak-pihak yang lain juga sama-sama turut serta untuk

membantu di dalam CSR masing-masing. Jadi Yang Berhormat, itu sedikit sebanyak yang saya cuba jawab untuk Yang Berhormat Rantau Panjang.

Mengenai Yang Berhormat daripada Kota Tinggi, terima kasih Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat, warga emas ini adalah mereka yang sangat kita sayangi dan sangat-sangat kita... Betul, Yang Berhormat katakan ia telah memberi kita satu keinsafan dan sama-sama kita – bila saya menjawab pada masa itu, saya rasa selepas itu disampuk pula oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, saya ingat lagi, mengatakan seorang ibu boleh menjaga sepuluh orang anak tetapi sepuluh orang anak tidak dapat menjaga seorang ibu atau bapa. Memang betul. Jadi ini yang kita tidak mahu berlaku ini, Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, kita memberi bantuan kepada orang tua yang kita namakan Bantuan Orang Tua sebanyak RM300 kepada mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan tidak ada sesiapa yang menjaga dan juga tidak berkemampuan. Setakat bulan Jun tahun ini, seramai 154,976 warga emas menerima Bantuan Orang Tua. Kita juga memang menggalakkan seperti Pertubuhan Sukarela Kebangsaan Warga Emas diurusperdanakan di mana kita ada 13 institusi warga emas. Kita ada pusat aktiviti warga emas seluruh negara untuk mereka menjalankan aktiviti kalau mereka bosan di rumah dan sebagainya, boleh dihantar ke pusat aktiviti warga emas. Kita juga ada *home health services* untuk membantu warga-warga emas yang memerlukan bantuan seperti yang terlantar. Kita juga mengadakan Unit Penyayang. Kita juga sering melihat kepada Dasar Warga Emas Negara serta Pelan Tindakan Warga Emas dan kita juga ada Majlis Penasihat Warga Emas yang sama-sama aktif, yang memberikan *feedback* kepada kementerian untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga emas.

Akan tetapi, kita berbalik kepada tanggungjawab kita sebagai anak-anak dan kita juga akan menjadi warga emas. Jadi, kita berilah contoh dan teladan yang terbaik supaya anak-anak kita juga akan menyayangi dan menjaga kita nanti bila kita menjadi warga emas.

#### ■2310

Kepada Yang Berhormat Kuantan, tahu Yang Berhormat akan bertanya mengenai *Convention on The Elimination of All Form of Discrimination Against Women's* (CEDAW). Yang Berhormat, untuk makluman, Malaysia telah meratifikasikan konvensyen ini pada 5 Julai 1995 dan saya ingin memaklumkan juga kepada Yang Berhormat bahawa kita telah menyediakan Laporan Negara Yang Ke-3, Ke-4 dan Ke-5, sekali kita hantar. Meliputi laporan status dari tahun 2008 hingga tahun 2013. Baru-baru ini saya berjumpa dengan Baroness Warsi daripada UK dan dia bertanya dengan saya, "*Macam mana report?*" Kita kata kita telah buat *report*. Dia pun suka dan dia kata sekurang-kurangnya kita ini – tetapi Yang Berhormat, bersamalah kita memperjuangkan. Jangan Yang Berhormat katakan – Yang Berhormat pergi ke *international conference* Yang Berhormat ceritalah yang baik sebab kita membuat yang terbaiklah Yang Berhormat.

Jadi, kalau dikatakan tadi kita menurun ke tangga 102 okey, kita sama-sama menggembleng *effort* untuk kita mempertingkatkan dan kita *rectify* kan. Jadi, ini adalah tanggungjawab bersama. *Don't leave it just to the government*. Kita adalah bersama di dalam hal ini dan Yang Berhormat,

laporan ini di peringkat akhir yang disemak oleh Jabatan Peguam Negara sebab itu adalah prosesnya dan kita berharap dan memang kita menaruh keyakinan, kita dapat mengemukakan laporan ini kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selewat-lewatnya hujung bulan ini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap tahniahlah kerana dapat menyiapkan laporan yang kita sudah banyak ketinggalan di atas kegagalan Menteri yang lepas. Walaupun kita sudah buat laporan, itu tidak bermaksud kita sudah buat apa yang dicadangkan. Jadi laporan satu hal, apa yang dicadangkan dalam CEDAW satu hal lagi Yang Berhormat Menteri. Ini yang kita bahaskan ini. Apabila saya cakap soal *economic empowerment* tadi, meletakkan dasar itu penting.

Jadi, apa yang disarankan oleh CEDAW itu, itu yang kita tidak buat. Oleh sebab itu kita di tangga 102 daripada 136. Jadi, saya bukan hendak mengajar Yang Berhormat Menteri tetapi memang saya setuju kita sama-sama. Sebenarnya *caucus* yang bawa, menggubal undang-undang-undang, bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara dan bawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat masuk sekali dan *caucus* yang *spear head* usaha untuk bawa *gender equality* dalam *constitutions*, hendak bawa *Sexual Harassment Act* dan sebagainya.

Akan tetapi ada benda-benda yang perlu *political will* iaitu di situ kita hendak lihat struktur utamanya dalam *political empowerment*. *Political empowerment* ini boleh kita buat sebab saya sudah tengok contoh-contoh bagaimana New Zealand buat, bagaimana mereka gunakan sistem yang sama macam kita di Malaysia tetapi ada referendum khas di mana ada pertukaran ataupun penggubalan undang-undang yang boleh membawa kepada pencapaian 30% dan mereka melonjak Yang Berhormat Menteri, daripada 12% kepada 32%. Apabila kita wakil Malaysia, kita tidak cakap buruk pasal negara. Kalau kita tidak ada benda baik hendak cakap kita senyap. Kalau tidak ada benda baik kita senyap sahaja. Yang Berhormat Menteri harus faham setiap kali saya mewakili negara begitulah tetapi kita sedih dan kita segan kerana kita tidak ada benda yang baik untuk dicakapkan sedangkan negara Arab pun... [Dewan riu]

Yang Berhormat Menteri, yang lelaki ini hendak *defense* pun, dia tidak tahu apa benda yang dia hendak *defense* pun. Yang Berhormat Menteri, negara Arab, UAE dan negara seperti Honduras, Senegal pun sudah jauh ke hadapan. Seperti yang saya katakan tadi *parity law* pun mereka sudah laksanakan. Mereka juga negara NAM, Algeria, negara yang kita tengok South Africa pun sudah ada kuota 30%. Jadi Yang Berhormat Menteri, kita perlu letak dasar yang betul baru kita boleh bergerak ke arah itu. Itu yang saya harapkan *political will* daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Betul Yang Berhormat, apabila kita di arena antarabangsa, kita bercakap as *one nation*, kita bercakap sebagai sebuah negara iaitu Malaysia. Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, kita akan membuat segala ratifikasi dan yang sebenarnya Yang Berhormat kita asyik mengadakan *engagement* bersama. Jadi macam Yang Berhormat-Yang

Berhormat dapat pergi ke mana tadi Yang Berhormat? Yang Berhormat pergi ke global apa itu? Baru-baru ini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Di mana Ahli-ahli Parlimen wanita daripada seluruh dunia mewakili 100 negara, 400 orang Ahli Parlimen wanita hadir di Global Summit tersebut. Saya mendapat jemputan terus daripada mereka dan dengan kelulusan Tuan Pengerusi, dihantar mewakili Parlimen sekali dengan Yang Berhormat Masjid Tanah, diberi peluang sekali bersama dan banyak perkara yang kita belajar, *benchmarking*, melihat bagaimana negara-negara lain mengatasi. Kita kena cari jalan macam mana kita hendak atasi, sistem kita tidak membantu dari segi mendapatkan 30% dalam Parlimen, di Dewan Rakyat. Proses membuat keputusan paling tinggi di Dewan Rakyat ini. Jadi, oleh kerana sistem *first-past-the-post* ini tidak membantu, kita kena tengok bagaimana negara-negara lain membantu Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan, boleh ringkaskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri tanya saya jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tanya satu soalan sahaja.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Macam itulah. Bermakna saya hendak menunjukkan bahawa peluang-peluang ini terbuka begitu luas. [*Tepuk*] Jadi, saya tidak pergi pun tetapi saya cukup *confident* Yang Berhormat-Yang Berhormat yang *attend* itu akan membawa nama baik Malaysia, *insya-Allah*.

Jadi Yang Berhormat, mengenai pusat jagaan kanak-kanak Yang Berhormat tanyakan tadi di tempat kerja. Kita ada juga yang dinamakan Taska 1Malaysia. Kita telah wujudkan di 44 buah di seluruh Malaysia di bawah taska komuniti dan bagi tahun 2014 sebanyak RM19.8 juta kita akan berikan sebagai insentif bagi mewujudkan lebih banyak lagi taska termasuk di tempat kerja dan kita juga ada taska OKU RM1.44 juta untuk mewujudkan enam buah taska.

Untuk makluman Yang Berhormat, taska di tempat kerja sehingga Oktober tahun ini ada 124 buah dan memberi manfaat kepada 3,019 orang kanak-kanak. Untuk makluman juga Yang Berhormat, di dalam bajet kita kali ini kita memberi insentif kepada mereka yang tidak berkemampuan iaitu bagi mereka mempunyai *household income* RM5,000 ke bawah bagi pegawai kerajaan akan mendapat RM180 seorang kanak-kanak yang dihantar ke taska sebagai membantu. Bagi mereka di *private sector* kita akan memberikan insentif iaitu bagi RM900 ke bawah iaitu RM250 seorang anak yang dihantar ke taska.

Jadi, Yang Berhormat bertanya tentang memberhentikan bantuan. Yang Berhormat, untuk makluman, kita kalau ada yang memberhentikan bantuan adalah bersifat sementara iaitu kita memastikan bahawa mereka ini yang menerima bantuan itu masih ada. Oleh sebab itu teguran Audit mengatakan sampai dua tahun kita telah memberi yang meninggal. Jadi, oleh yang demikian kita mesti ada satu mekanisme di mana kita harus ada sistem memberhentikan tetapi bukan memberhentikan terus tetapi untuk kita memantau sama ada si penerima itu masih ada atau tidak

sebab kita tidak mahu membebankan waris, sampai dua atau tiga tahun waris pula terus menerima masuk dalam bank akaun.

Oleh yang demikian, ini akan membebankan balik bila mana kami menerima maklumat daripada Jabatan Pendaftaran Negara mengatakan bahawa penerima bantuan telah meninggal. Jadi, waris itu mesti membayar balik. Itu yang kita cuba elakkan sebab kita tahu mereka ini sudahlah susah, sekarang ini pula terpaksa membayar balik. Oleh sebab itu kita membuat mekanisme. Mungkin itu disalah anggap sebagai kita memberhentikan bantuan tetapi bukan memberhentikan, Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *[Bangun]*

■2320

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat Bukit Katil, saya hendak bercakap yang Bukit Katilkah, Yang Berhormat hendak tanya bab itu?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Ya, pemberhentian.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Oh, ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, saya sedikit sahaja. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, mekanisme pemberhentian ini bagaimana? Ini kerana selain daripada kematian, kadang-kadang ada penerima bantuan pergi ke tempat untuk menerima bantuan ini tetapi dimaklumkan di situ dia tidak layak lagi menerima bantuan. So, dia pulang dengan sia-sia. Apakah ada mekanisme pemberitahuan, apa garis panduan untuk pastikan agar tidak ada mereka yang sepatutnya layak terima lagi tetapi dinafikan? Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, saya sambung sedikit Yang Berhormat Menteri. Kapar. Saya terima penjelasan tadi kita katakan untuk menggaji, meninggal atau tidak dia diberhentikan. Katakan individu itu masih hidup tetapi tiga bulan tidak menerima peruntukan itu. Selepas tiga bulan, nama dia naik balik. *What happen to the* dengan izin, yang tiga bulan yang dia tidak dapat itu? Ada *effect retrospective*? Penjelasan.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi, kita bukan ambil duit. Kita *just to have a mechanism* supaya kita tahu mereka ini masih ada atau tidak. *In other word* meninggalkah atau masih ada sebab kita telah memberi mereka satu syarat *that every three months* atau enam bulan mesti melaporkan ke mana-mana Jabatan Kebajikan di Malaysia. *Because it is now online* supaya kita mengetahui bahawa bila dia melaporkan *after six months* dan sebagainya, bermakna mereka ada.

Akan tetapi kalau tidak ada *inactive*, bermakna *you know because it's bank*. Yang Berhormat faham bukan. Dia masuk ke dalam bank, jadi bila *inactive, then* kita mengadakan siasatan. *Then* kalau didapati macam Yang Berhormat katakan tadi bahawa *actually* mereka masih ada, itu duit dia. *Areas* itu memang diberi balik kepada dia. Bukan kita potong Yang Berhormat. Tidak, kita Kerajaan Barisan Nasional tidak zalim macam itu Yang Berhormat. *We are* Yang Berhormat, kita inilah yang menjaga kebajikan kepada semua ini tidak kira dan *we never ask* pun

*you* parti mana, *you* undi siapa. Tidak ada Yang Berhormat. Dia sudah terlantar itu, macam mana Yang Berhormat hendak tanya *you* orang mana. [Ketawa] *You* sokong saya dahulu atau tidak? Terlantar Yang Berhormat, bercakap pun tidak. *But we give* Yang Berhormat. Kecuali *it is the reporting*. Kadang-kadang ini yang kita perlukan.

Tadi Yang Berhormat Bukit Katil bertanya dari segi mekanisme...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Pemberhentian bagaimana? Adakah dimaklumkan, macam saya ada beberapa banyak laporan ...

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Bila dia pergi, dia kata awak sudah tidak layak lagi sudah atau pun pergi tanya wakil rakyat. So, itu saya ingat ada sedikit masalah kalau itu pendekatan dia.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey Yang Berhormat, itu pun sebab spesifik Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat, JKM akan mengambil *every two years* kita *review*. Ini kerana *remember* tadi, pertama tadi saya mengatakan kita hendak menggalakkan *productive welfare* supaya mereka ini dapat bergantung atas diri sendiri melalui *maybe* kita memberikan mereka - Tadi saya rasa Yang Berhormat Pengerang katakan *teach them how to fish* supaya mereka dapat makan ikan yang didakwala sebab kita *we believe in productive welfare*. Jadi, ada dua tahun Yang Berhormat.

Akan tetapi kalau mereka masih, kita teruskan. Kalau kita dapati bahawa mereka sudah keluar daripada garis kemiskinan sebagai *for instant, then* kita buat juga *like wise* sebab ramai lagi yang memerlukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tidak habiskan sebelum 11.40 malam atau 11.50 malam.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Jadi Yang Berhormat Kulai. Yang Berhormat Kulai tidak ada. Kulai bertanya mengenai taska tempat kerja yang mana saya sudah jawab. Kulai juga bertanya mengenai ...

**Beberapa Ahli:** Dia tidak ada, tidak payah jawab.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak payah jawab ya. Okey. Okey, saya akan menjawab soalan Yang Berhormat Sibuti. Untuk makluman Yang Berhormat Sibuti, yang mana ini *for example* Yang Berhormat Kulai saya akan menjawab secara bertulis.

Yang Berhormat Sibuti, untuk makluman Yang Berhormat Sibuti rujuklah kepada saya dan kami menggalakkan persatuan macam ini. Yang Berhormat Sibuti ada.

**Seorang Ahli:** Ada?

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Ada, ada. Dia badi saya. Saya ada, dia ada. Persatuan-persatuan ini memang kami galakkan sebab seperti saya katakan, berapa ramai pun pegawai tidak akan mencukupi. Jadi oleh yang demikian, memang kita menggalakkan. Jadi oleh yang demikian, saya harap Yang Berhormat Sibuti akan bawa kepada saya. Tidak apalah Yang Berhormat, janji-janji itu bawa kepada sayalah. Nanti kita sama-sama lihat untuk selesaikan. Jadi,



sebab ini adalah sesuatu yang baik *and extended an extension*. Jadi Yang Berhormat juga digalakkan untuk kita setiap tahun boleh Yang Berhormat, memberi bantuan tetapi prosesnya seperti biasalah. Untuk mengisikan borang, untuk memaklumkan kepada kami apakah diperlukan dengan geran-geran yang dipohon.

Ini kerana kita memang menyediakan beberapa jenis geran kepada pertubuhan sukarela seperti geran pentadbiran, geran *ransom* iaitu *ration*. Berapa orang anak yang dijaga di dalam pertubuhan, geran per kapita, geran pembaikan dan juga elaun khas murid-murid OKU. Akan tetapi yang terbaik ialah Yang Berhormat-Yang Berhormat datanglah berjumpa saya. Mengenai semua ini, yang ibu tunggal dan apa semua ini Yang Berhormat, memang kita banyak skim-skim yang kita boleh bantu tetapi saya tidak dapat memaklumkan sehingga Yang Berhormat memberikan senarai kepada kami untuk kita sama-sama meneliti.

Yang Berhormat daripada Lenggong sedikit lagi. Tadi bagi saya berapa lama? Yang Berhormat Lenggong, isu jalanan. Yang Berhormat, isu jalanan. Yang Berhormat Lenggong ...

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Lenggong tidak ada.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Mana? Oh, tidak ada sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong tidak ada Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Oh, tidak ada. Okey, tidak ada kita jawab secara bertulis. Siapa lagi? Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil, untuk makluman Yang Berhormat Bukit Katil, Bukit Katil kena dengar elok-elok tahu. Okey, 1 Januari tahun 2014 *stop*. Jadi Yang Berhormat beritahu tetapi itu adalah koperasi Yang Berhormat. Jadi kalau dia hendak meneruskan, Yang Berhormat pun sama-sama membantu kami. Mereka bayar sendiri tahu, kita tidak potong lagi Yang Berhormat. Jadi, terima kasih jugalah Yang Berhormat yang membawa perkara ini. Jadi, 1/1/2014 tidak ada potongan lagi.

*Very soon* kami akan berjumpa dengan SUK memaklumkan Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat yang itu sahaja Yang Berhormat sebut tadi bukan?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Boleh sedikit, boleh sedikit penjelasan? Baik, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana akhirnya kebajikan untuk mereka yang menerima bantuan di Melaka ini dapat diselesaikan. Terima kasih. Cuma, saya harap nanti pertemuan dengan SUK dibangkitkan tentang mekanisme pembayaran kerana saya sebutkan tadi soal dividen yang dijanjikan 2012 sebab perkongsiannya lebih kurang RM5 setahun. *So very unreasonable*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat Batu Kawan pun tidak ada. Okey Yang Berhormat Bata Kawan tidak ada. Siapa yang tidak ada? Yang Berhormat Lembah Pantai pun tidak ada.

**Seorang Ahli:** Jawab bertulis.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Jadi, semua tidak ada. Kiranya saya sudah menjawab semua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri ...

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Jadi, saya ingin mengucapkan ...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Mana, mana?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar, Kapar. Minta maaf Yang Berhormat Menteri, saya perlukan penjelasan sebab saya tidak ada peluang hendak bahaskan tadi. Ini berkenaan dengan Bekalan 071300 – Program Mekanisme Akar Umbi RM8 juta untuk 2013 dan RM8 juta untuk 2014. Saya hendak penerangan sedikit tentang program ini, peranan program ini. Boleh, boleh, silakan. Jawapan bertulis pun tidak apa sebab saya tahu kesuntukan masa. Yang Berhormat Setiausaha pun sudah penat.

Bekalan 040300. Ini tentang Kaunseling dan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebenarnya tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Itu ucapan asal...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tidak diberi peluang untuk bahaskan tadi. Minta pencelahan, so yang ini semua tidak dibangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Bila sebut nombor-nombor itu, butiran itu nampak jelas sekali tidak boleh buat. Kalau sebut tidak payah nombor, pandai-pandailah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Oh, okey. *[Dewan riuh]* Okey, saya ingin tanya tentang peruntukan tentang kaunseling dan psikologi yang terlalu kecil RM2.3 juta. Akan tetapi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri banyak menekankan tentang kaunseling dan psikologi. Bagaimana kita hendak mempergunakan RM2.3 juta ini sebab mangsa yang memerlukan kaunseling dan psikologi ini terlalu banyak tetapi peruntukan ini amat sedikit. Itu yang kedua.

Bahagian ketiga adalah tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dikesan tidak menguruskan bantuan kewangan kepada badan-badan NGO dengan berkesan dan betul. Ini adalah penemuan Ketua Audit Negara yang dibentangkan dalam Laporan Tahunan bagi tahun 2012. Apakah rancangan terkini kerajaan untuk menangani isu ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

#### ■2330

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Semua bertulis Yang Berhormat ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Silakan tidak ada masalah. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey sekali lagi saya ingin....

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Hendak tutupkah?

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Ya tutup.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ada benda lain lagi, tidak ada. Saya cuma hendak peringatkan sedikit Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, terima kasih ya kerana saya membawakan isu GRB jadi saya ingat Yang Berhormat Menteri tidak jawab isu GRB. Jadi

saya rayu lagi sekali agar kementerian mengambil lagi serius tentang isu ini untuk terus mengajar kementerian-kementerian perancangan itu dan sekali lagi memberikan mereka taklimat agar faham konsep GRB agar ianya boleh dilaksanakan di semua kementerian. Ini akan meningkatkan lagi prestasi pembudayaan wanita dan juga meningkatkan lagi kita punya prestasi dalam *global gender gap*.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, minta maaf Yang Berhormat sebab saya ingat Yang Berhormat sudah balik. Yang Berhormat *Gender Responsive Budgeting* ini Yang Berhormat dia telah dimasukkan di dalam sistem belanjawan yang diubahsuai yang dinamakan *Outcome Base Budgeting*. Jadi di dalam itu Yang Berhormat memang semua dimasukkan apa-apa yang disebut Yang Berhormat mengenai *budget responsive gender* di mana di dalam pelaksanaan inisiatif ini iaitu untuk menggunakan sepenuhnya sumber modal insan iaitu menggalak penyertaan dan sumbangan wanita kepada ekonomi dan kehidupan sosial, peningkatan tahap kecekapan melalui pepadanan bajet dengan perancangan, serta keutamaan program dan projek. Ia juga adalah bajet yang dinilai atas impak ke atas wanita dan lelaki, gadis dan anak muda.

Ia Yang Berhormat *is all across* bukan sahaja di kementerian saya tetapi semua kementerian di mana mereka mengambil lima langkah analisis of MOF Yang Berhormat. Iaitu satu menjelaskan lima langkah ini setiap kementerian mesti buat, menjelaskan situasi untuk wanita dan lelaki dalam sesuatu sektor. Kedua, menyemak sama ada sesuatu polisi menangani isu gender. Ketiga, menyemak sama ada bajet mencukupi untuk melaksanakan polisi yang responsif gender. Keempat, menyemak sama ada peruntukan yang dibelanjakan adalah seperti yang dirancang dan kelima menilai impak polisi dan perbelanjaan.

Jadi segala apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri. Minta maaf sebab saya... *[Disampuk]* Sorry minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Baru masuk Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Menteri dengar juga kawan-kawan.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Parit Sulung ini hendak *register*lah.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tertarik dengan apa Yang Berhormat nyatakan dan juga tertarik dengan apa Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa semuanya perlu laporan ke Kementerian Kewangan ataupun MOF. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah mengenai gender kepada saya ia lebih elok diatur dan disusun dan dimonitor oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.. Akan tetapi boleh tidak Yang Berhormat Menteri menyatakan ataupun beritahu kita dalam Dewan ini, mengapakah perlunya ia diselaraskan di bawah Kementerian Kewangan? Sedangkan pada saya, pada pandangan saya ianya lebih elok untuk *monitoring purpose*, dengan izin dan apabila ada di bawah kementerian Yang Berhormat sendiri lebih mudah untuk kita mendapat fakta dan juga *database* semua yang berkaitan dengan Kementerian Wanita. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri GRB, GRB. GRB Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Makin ramai pula ini.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Sebelum itu Yang Berhormat Parit Sulong...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** GRB jawab sekallah.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Sekejap kami akan *take note* terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Berkenaan dengan GRB. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri di setiap kementerian memang ada *gender focal point* tetapi *gender focal point* di setiap kementerian tidak berfungsi. Jadi soalan-soalan itu memang ditanya tetapi sebenarnya analisa itu tidak dibuat sampai ke tahap GRB, ini fakta. Jadi saya setuju bahawa *Ministry MOF* yang *monitor* sebab dia melibatkan sebuah kementerian. Akan tetapi yang menjadi *driver* seharusnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Keluarga dan Masyarakat. Saya setuju dengan Yang Berhormat Parit Sulong. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri selidik balik GRB tidak dilaksanakan kerana apa. Perkara yang pertama kita tidak ada *disaggregated data*, kita tidak ada *disaggregated data* yang teliti dan *detail* sebab itu kita tidak boleh GRB. Kalau mereka jawab pun mereka jawab secara *on the surface* sahaja. Yang Berhormat Menteri, saya boleh bantu, kita boleh bantu duduk betul-betul tengok kepada GRB. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Minta penjelasan sedikit Menteri, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan hanya lima kementerian sahaja yang melaksanakan GRB ini, bukan semua kementerian. Jadi sejak bila yang dia laksanakan kepada semua kementerian? Itulah yang kita hendak laporan-laporan yang mana prestasi mereka agar kita lebih mengetahui perkembangan GRB ini.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini adalah sesuatu yang kita akan bawa bersama-sama dari segi cadangan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini. Tidak kira daripada kerajaan atau pembangkang. Jadi kita bermakna Yang Berhormat-Yang Berhormat memandang serius perkara ini. Ini sebab betul dikata Yang Berhormat Parit Sulung ini termasuklah *the kind of data* dan *database* yang diperlukan. Jadi kita akan membawa dan kita akan berbincang. Seperti Yang Berhormat katakan tadi mungkin input-input daripada Yang Berhormat untuk kita memantapkan lagi cadangan ini kepada kerajaan dan juga untuk MOF menilai. Peranan kita bersama untuk kita pastikan bahawa *Gender Responsive Budgeting* ini memang dapat dilaksanakan dengan yang terbaik.

Jadi Yang Berhormat saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya ini adalah satu yang kami sangat alu-alukan dan semoga dengan cadangan-cadangan Yang Berhormat tadi akan memantapkan lagi peranan, tugas dan tanggungjawab kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,052,067,000 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM2,052,067,000 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM106,989,300 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM106,989,300 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 3 Disember 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.37 malam]*